




BANK ISLAM

LAPORAN TAHUNAN 2014 ANNUAL REPORT

A JOURNEY TOWARDS EXCELLENCE



NAVIGATING THROUGH CHALLENGES



WITH STRATEGIC FOCUS

Treading the path of excellence, the Bank is redefining challenges and optimising on emerging niche opportunities. Faced with upheavals in the financial landscape and new regulatory changes in 2014, Bank Islam has shown its mettle by adapting positively to change. The Bank's ability to meet new industry restructuring requirements within a short period of time is a testament to its DNA as a pioneering force in the Islamic industry. Guided by its strategic Hijrah to Excellence gameplan, the Bank remains poised and ready to unlock new opportunities in anticipation of greater challenges in 2015.

.....

MENGATASI CABARAN MELALUI TUMPUAN STRATEGIK

Dalam usahanya menuju kecemerlangan, Bank mengubah cabaran serta mengoptimumkan peluang perniagaan yang baharu. Berhadapan dengan cabaran dalam perubahan landskap kewangan dan kawal selia baharu pada 2014, Bank Islam mempamerkan kecekalannya dengan menyesuaikan diri secara positif terhadap perubahan. Keupayaan Bank untuk memenuhi keperluan baharu penyusunan semula industri dalam tempoh yang singkat merupakan bukti terhadap prestasinya sebagai perintis dalam industri Islam. Berpandukan Pelan Hijrah ke Arah Kecemerlangan yang strategik, Bank sentiasa bersiap sedia meneroka peluang baharu dalam menghadapi cabaran yang lebih besar pada 2015.

CONTENTS

Kandungan

4	Vision & Mission Statement Visi & Pernyataan Misi
5	Core Brand Values Nilai Jenama Teras

16	Financial Highlights Sorotan Kewangan
18	Financing by Contract Pembiayaan Mengikut Kontrak
19	Financing by Segments of Business Units Pembiayaan Mengikut Segmen Unit Perniagaan
22	Chairman's Statement Pernyataan Pengerusi

72	Corporate Information Maklumat Korporat
74	Shareholding Structure Struktur Pemegang Saham
75	Shareholder's Information Maklumat Pemegang Saham
76	Subsidiaries' Information Maklumat Subsidiari
78	Organisation Chart Carta Organisasi
80	Board of Directors Lembaga Pengarah
82	Profile of Board of Directors Profil Lembaga Pengarah

INTRODUCTION PENGENALAN

6	About Us Mengenai Kami
8	Milestones 2012-2014 Pencapaian 2012-2014

CORPORATE HIGHLIGHTS SOROTAN KORPORAT

32	Managing Director's Operational Review Ulasan Operasi Pengarah Urusan
60	Economic Review Ulasan Ekonomi
64	Media Highlights Sorotan Media
68	Awards & Accolades Anugerah & Pengiktirafan

CORPORATE FRAMEWORK RANGKA KERJA KORPORAT

94	Shariah Supervisory Council Majlis Pengawasan Syariah
96	Profile of Shariah Supervisory Council Profil Majlis Pengawasan Syariah
102	Management Team Barisan Pengurusan
104	Profile of Management Team Profil Barisan Pengurusan
114	Profile of Regional Managers Profil Pengurus Wilayah
116	Profile of Heads of Subsidiaries Profil Ketua Anak Syarikat

- 120 Calendar of Significant Events
Kalendar Peristiwa Penting
- 130 Upholding Corporate Responsibility
for a Brighter Future
Menjalankan Tanggungjawab Korporat
untuk Masa Depan yang Lebih Cerah

- 162 Statement of Corporate Governance
Penyata Tadbir Urus Korporat

INITIATIVES
INISIATIF

- 138 An Unwavering Commitment
to Service Excellence
Komitmen yang Tidak Berbelah Bagi
terhadap Kecemerlangan Perkhidmatan
- 144 Moulding Excellence into Our DNA
Membentuk Kecemerlangan dalam
DNA Kami
- 152 Strengthening Our Pioneering Status
Through Shariah-led Innovation
Mengukuhkan Status Kami Sebagai
Perintis Menerusi Inovasi Berteraskan
Syariah

ACCOUNTABILITY
AKAUNTABILITI

- 232 Ethics, Integrity & Trust
Etika, Integriti & Amanah

DIRECTORY
DIREKTORI

- 240 Directory & Branch Network
Direktori & Rangkaian Cawangan

VISION

TO BE A GLOBAL LEADER
IN ISLAMIC BANKING

“Global Leader” is defined as being the ultimate guidance and source of reference for innovative Shariah-based products and services

Visi

MENJADI PEMIMPIN GLOBAL
DALAM PERBANKAN ISLAM

“Pemimpin Global” ditakrifkan sebagai panduan dan sumber rujukan utama bagi produk dan perkhidmatan yang inovatif berlandaskan prinsip Syariah

MISSION STATEMENT

To continually develop and innovate universally accepted financial solutions in line with Shariah principles

To provide a reasonable and sustainable return to shareholders

To provide a conducive working environment and to become an Employer of Choice for top talents in the market

To deliver comprehensive financial solutions of global standards using state-of-the-art technology

To be a responsible and prudent corporate citizen

Pernyataan Misi

Beriltizam untuk terus membangun dan memperbaharui penyelesaian kewangan yang diterima sejagat sejajar dengan prinsip Syariah

Menawarkan pulangan yang munasabah dan mampan kepada para pemegang saham

Menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan menjadi Majikan Pilihan bagi mereka yang berbakat besar

Menghasilkan penyelesaian kewangan yang lengkap bertaraf global melalui penggunaan teknologi canggih terkini

Menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan berhemat

CORE BRAND VALUES

Nilai Jenama Teras

A LEADER PEMIMPIN

Our Islamic products are the Benchmark.
Reputed as the pioneer in Islamic banking,
we helped build the Islamic banking industry

Produk Islam kami menjadi Tanda Aras Industri.
Terkenal sebagai perintis dalam perbankan Islam,
kami membantu membangunkan
industri perbankan Islam

DYNAMIC DINAMIK

Progressive and Innovative.
We are constantly moving ahead as
we offer new and technologically advanced
products and services

Progresif dan Inovatif.
Kami terus bergerak maju dengan menawarkan
produk dan perkhidmatan baharu dan
terkini dari segi teknologi

Approachable and Supportive Partner.
We help fulfill every customer's financial needs

Rakan Kongsi yang Mudah Didekati dan Sedia Membantu.
Kami membantu memenuhi keperluan
keuangan setiap pelanggan

CARING PRIHATIN

PROFESSIONAL PROFESIONAL

Fast, Efficient and Responsive Service.
We are knowledgeable and equipped to
handle global business challenges

Khidmat Pantas, Cekap dan Tangkas.
Kami berpengetahuan dan bersedia menghadapi
cabaran perniagaan global

TRUSTWORTHY AMANAHAH

Dependable and Reliable.
100% Shariah-based products, services
and corporate values

Berwibawa dan Diyakini.
Produk, perkhidmatan dan nilai korporat
yang berlandaskan Syariah 100%

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (“BANK ISLAM”) IS THE FIRST SHARIAH-BASED BANKING INSTITUTION IN MALAYSIA, AND HAS BEEN PLAYING A LEADING ROLE IN TRANSFORMING THE NATION’S FINANCIAL LANDSCAPE.

Originally established in 1983 with the sole purpose of fulfilling the financial needs of the country’s Muslim populace, Bank Islam has since expanded on its scope and breadth of banking solutions to include the wider, non-Muslim customers, fulfilling its ‘Banking for All’ principle. This all-inclusive approach has seen the Bank growing from strength to strength as evidenced by its financial performance and shareholders’ funds, which, in turn, was instrumental in growing and developing its assets.

ABOUT US

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (“BANK ISLAM”) IALAH INSTITUSI PERBANKAN BERASASKAN SYARIAH YANG PERTAMA DI MALAYSIA DAN TELAH MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM MENGUBAH LANDSKAP KEWANGAN NEGARA.

Bank Islam pada asalnya ditubuhkan pada 1983 dengan tujuan utama untuk memenuhi keperluan kewangan umat Islam di negara ini. Sejak itu, Bank telah memperluaskan skop dan capaian penyelesaian perbankan untuk merangkumi pelanggan bukan Islam yang lebih ramai dan memenuhi prinsip ‘Perbankan untuk Semua’. Pendekatan merangkumi semua ini telah menyaksikan Bank menjadi lebih baik seperti yang dapat disaksikan melalui prestasi kewangan dan dana pemegang saham, yang seterusnya membantu mengembangkan asetnya.



With over 70 innovative and sophisticated Islamic banking products, Bank Islam offers an all inclusive Islamic banking and financial solutions to its more than five million customers. Bank Islam's list of products ranges from the traditional financing, savings and investment solutions exclusively for individual customers to banking and financial solutions designed to fulfill the fast-changing financial needs of customers from all categories including those related to micro financing, wealth management, capital market, treasury and structured products. In serving their ever expanding customer base, Bank Islam currently has a network of 142 branches and more than 1,000 self-service terminals nationwide.

As the pioneer of Islamic banking, Bank Islam believes in the importance of innovation and has introduced some of the most innovative banking solutions to the market. Being the first in the country, it has an advantage of having a strong brand name and franchise that significantly contributes to its image as a pure Islamic bank. This has helped developed Bank Islam into a well-established and universally recognised brand. As the number of local and global financial services increases, Bank Islam remains keenly aware of the pioneering role it must continue to play.

Bank Islam's vision to become 'A Global Leader in Islamic Banking' illustrates its commitment to the expansion of Malaysia's brand of Islamic finance into the global markets. By adhering to the service excellence culture, Bank Islam continues to offer only the best and cater to the differing needs of the customers as it strives to uphold its status as the symbol of Islamic banking in Malaysia.

Mengenai Kami

Dengan lebih daripada 70 produk perbankan Islam yang inovatif dan canggih, Bank Islam menawarkan penyelesaian perbankan dan kewangan Islam yang menyeluruh kepada lebih daripada lima juta pelanggannya. Senarai produk Bank Islam bermula daripada pembiayaan tradisional, simpanan dan penyelesaian pelaburan khusus untuk pelanggan individu hingga ke penyelesaian perbankan dan kewangan yang direka bagi memenuhi keperluan kewangan yang sentiasa berubah untuk semua kategori pelanggan, termasuk yang berkaitan dengan pembiayaan mikro, pengurusan harta, pasaran modal, perbendaharaan dan produk berstruktur. Bagi memenuhi keperluan pangkalan pelanggannya yang sentiasa berkembang, Bank Islam kini mempunyai rangkaian yang terdiri daripada 142 buah cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara.

Sebagai perintis dalam perbankan Islam, Bank Islam percaya akan kepentingan inovasi dan telah memperkenalkan beberapa penyelesaian perbankan paling inovatif ke dalam pasaran. Sebagai bank Islam yang pertama di negara ini, Bank mempunyai kelebihan kerana memiliki jenama dan francais yang kukuh yang menyumbang dengan begitu besar terhadap imejnya sebagai bank Islam yang tulen. Hal ini membantu membangunkan Bank Islam sehingga jenamanya diiktiraf dan dikenali di seluruh dunia. Seiring dengan peningkatan jumlah perkhidmatan kewangan tempatan dan global, Bank Islam sentiasa menyedari peranan perintis yang mesti diteruskannya.

Wawasan Bank Islam untuk menjadi 'Pemimpin Global dalam Perbankan Islam' menggambarkan komitmennya untuk mengembangkan jenama kewangan Islam Malaysia ke dalam pasaran global. Dengan pematuhan terhadap budaya kecemerlangan perkhidmatan, Bank Islam terus menawarkan perkhidmatan yang terbaik sahaja dan memenuhi pelbagai keperluan pelanggan dalam usaha mengekalkan statusnya sebagai simbol perbankan Islam di Malaysia.



MILESTONES

Pencapaian



- Banking CEO of the Year, Asia, awarded to Dato' Sri Zukri Samat by International Banker Awards 2014
- Best Customer Service Provider Asia by International Banker Awards 2014
- Best Islamic Bank Malaysia by International Banker Awards 2014
- Best Islamic Finance Case 2014 awarded by Global Islamic Finance Awards ("GIFA")
- Top Merchant Acquirer for B2C honour by Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd ("MyClear")
- Promising Young Banker Award 2014 to Ustaz Mohd Nazri Chik by The Asian Banker
- Completion of Syndicated Business Financing-i Facility of RM365.0 million granted to Projek Lintasan Shah Alam Sdn Bhd

- Secured approvals from Bank Negara Malaysia and the Securities Commission for Bank Islam Malaysia Berhad's RM1 billion Subordinated Sukuk Murabahah Programme
- Bank Islam appointed as Kronologi Asia Berhad's principal adviser, sponsor, sole underwriter and placement agent for its initial public offering ("IPO") in conjunction with its listing on the ACE Market of Bursa Malaysia Securities Berhad
- MOU with Kolej Universiti Insaniah on "cash waqf" initiative to develop a mosque in the main campus of the university
- 1st Masterclass on Islamic Banking for Malaysian Student in the Middle East
- Bank Islam Malaysia Berhad was voted Top 3 Most Popular Graduate Employer in Banking and Financial Services Sector
- Ranked 16th in the Top Malaysia's 100 Leading Graduate Employers – 2014, putting us amongst the country's top 20 graduate recruiters
- Most Outstanding Islamic Retail Banking Award from KLIFF Islamic Finance Awards 2014
- Bank Islam's long-term rating upgrade from A₁/Stable to AA₃/Stable by RAM Rating

2014

- Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan Terbaik Tahun 2014 di Asia dianugerahkan kepada Dato' Sri Zukri Samat oleh International Banker Awards 2014
- Penyedia Perkhidmatan Pelanggan Terbaik di Asia oleh International Banker Awards 2014
- Bank Islam Terbaik di Malaysia oleh International Banker Awards 2014
- Anugerah Kes Kewangan Islam Terbaik 2014 oleh Global Islamic Finance Awards ("GIFA")
- Pengiktirafan Pemerolehan Saudagar Terbaik ("B2C Honour") oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd ("MyClear")
- 'Promising Young Banker Award 2014' dianugerahkan kepada Ustaz Mohd Nazri Chik oleh The Asian Banker
- Penyempurnaan Kemudahan Pembiayaan-i Perniagaan Bersindiket sebanyak RM365.0 juta yang diberikan kepada Projek Lintasan Shah Alam Sdn Bhd

- Mendapat kelulusan dari Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti bagi Program Sukuk Murabahah Subordinat Bank Islam Malaysia Berhad bernilai RM1 bilion
- Bank Islam dilantik sebagai penasihat utama, penaja, penaja jamin tunggal dan ejen penempatan bagi Kronologi Asia Berhad untuk melakukan tawaran awam awal ("IPO") bersempena penyenaaraannya di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad
- Menandatangani MOU bersama Kolej Universiti Insaniah bagi inisiatif "wakaf tunai" untuk mendirikan masjid di kampus induk universiti
- Masterclass Pertama dalam Perbankan Islam untuk Pelajar Malaysia di Timur Tengah
- Bank Islam Malaysia Berhad terpilih sebagai salah satu daripada tiga Majikan Siswazah Paling Popular dalam Sektor Perbankan dan Perkhidmatan Kewangan
- Mendapat tempat ke-16 dalam 100 Majikan Siswazah Paling Utama Malaysia – 2014, dan meletakkan kami sebagai 20 perekrut siswazah paling utama di dalam negara
- Anugerah Perbankan Runcit Islam Terbaik oleh Anugerah Kewangan Islam KLIFF 2014
- Peningkatan taraf jangka panjang Bank Islam dari 'A₁/Stable' kepada 'AA₃/Stable' oleh RAM Ratings

- Appointed as the main banker for the Malaysian Government in conjunction with the implementation of 'Sistem Perakaunan Luar Negeri', which facilitates payment of foreign telegraphic transfers to countries across the globe
- Upgraded the award-winning TAP-i functionality with the addition of mIBFT (mobile Internet Banking Funds Transfer) feature which enables money transfer or payment in real-time
- Dato' Sri Zukri Samat became the recipient of 'Islamic Banker of the Year 2013' award at the Global Islamic Finance Awards ("GIFA") 2013 event, in recognition of his accomplishments at Bank Islam
- Introduced the electronic payment facility 'mPOS' for the traders at Pasar Siti Khadijah in Kota Bharu, Kelantan, the first such implementation in the country
- Ranked as the 5th strongest bank in Malaysia by The Asian Banker, a renowned global financial publication
- Named 'Most Innovative Islamic Bank in Malaysia' in International Finance Magazine Awards 2013
- Awarded 'Islamic Bank of the Year (Malaysia)' by The Banker publication
- Trailblazer Awards 2013 by Banking & Payments Asia ("BPA") saw Dato' Sri Zukri Samat receiving the 'Trailblazer of the Year 2013' award in recognition of his achievements in helping the Bank to record profitability, and Bank Islam receiving 'Special Commendation in Mobile Banking (Financial Inclusion)' for its innovative TAP-i mobile banking solution



MILESTONES

Pencapaian

- Dilantik sebagai bank utama untuk Kerajaan Malaysia bersempena pelaksanaan 'Sistem Perakaunan Luar Negeri', yang menyediakan kemudahan Pemindahan Telegrafik untuk pembayaran ke luar negara di serata dunia
- Menambah baik fungsi TAP-i yang telah memenangi anugerah dengan penambahan ciri Pemindahan Dana Perbankan Internet mudah-alih, yang membenarkan pengguna membuat pembayaran atau pemindahan wang dalam real-time
- Dato' Sri Zukri Samat menjadi penerima anugerah 'Pengurus Bank Islam Terbaik 2013' di majlis 'Global Islamic Finance Awards ("GIFA") 2013' sebagai pengiktirafan atas pencapaiannya di Bank Islam
- Memperkenalkan kemudahan pembayaran elektronik 'mPOS' untuk para peniaga Pasar Siti Khadijah di Kota Bharu, Kelantan, pelaksanaan pertama di Malaysia bagi kemudahan tersebut
- Diiktiraf sebagai bank ke-5 terkukuh di Malaysia oleh The Asian Banker, penerbitan kewangan global yang terkemuka
- Diiktiraf 'Bank Islam Paling Inovatif di Malaysia' di Anugerah International Finance Magazine 2013
- Dianugerahkan 'Bank Islam Terbaik (Malaysia)' oleh penerbitan The Banker
- Anugerah Trailblazer 2013 oleh Banking & Payments Asia ("BPA") menyaksikan Dato' Sri Zukri Samat menerima anugerah 'Perintis Terbaik 2013' sebagai pengiktirafan atas pencapaiannya dalam mengendalikan Bank ke arah keuntungan, manakala Bank Islam menerima anugerah 'Pujian Khas dalam Perbankan Mudah Alih (Kemasukan Kewangan)' untuk produk inovatif TAP-i

- Named winner of the 'Platinum Award' for Islamic Financial Services for five consecutive years in the annual Reader's Digest Trusted Brands Award 2013
- Awarded 'IFN Deal of the Year (Equity) 2013' by Islamic Finance News for the acquisition exercise by BIMB Holdings Berhad of the remaining Bank Islam share from Dubai Financial Group
- Awarded two awards in the form of 'Special Recognition Award for Payments Innovation' in recognition of the Bank's innovative use of Well Fargo's Cyberpay web-based payment system, and Commerzbank's 'STP Award', the fourth consecutive year Bank Islam has won since 2009
- Expanded Bank Islam's family of card offerings with the launch of VISA Platinum Credit Card-i
- Launched Bank Islam Team Harimau VISA Debit Card-i in collaboration with the Football Association of Malaysia ("FAM")
- Introduced Labbaik Account-i, a 2-in-1 savings account with Takaful coverage tailored for customers who are saving up to perform Hajj
- Introduced Property Financing-i (Tawarruq), a property financing product that utilises the Shariah concept of Tawarruq



2013

- Pemenang anugerah 'Platinum' bagi Perkhidmatan Kewangan Islam untuk lima tahun berturut-turut dalam upacara tahunan 'Anugerah Jenama Paling Berwibawa 2013 Reader's Digest'
- Dianugerahkan 'Urus Janji IFN Terbaik (Ekuiti) 2013' oleh Islamic Finance News atas pengambilalihan Bank Islam oleh BIMB Holdings Berhad daripada Dubai Financial Group
- Penerima dua anugerah 'Special Recognition Award for Payments Innovation' sebagai mengiktiraf inovasi Bank dalam penggunaan sistem pembayaran berasaskan web Cyberpay oleh Wells Fargo, dan 'Anugerah STP' Commerzbank, kali ke empat berturut-turut Bank memenangi anugerah tersebut sejak 2009
- Memperluaskan penawaran kad Bank Islam dengan pelancaran Kad Kredit-i VISA Platinum
- Memperkenalkan Kad Debit-i VISA Bank Islam Team Harimau dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Malaysia ("FAM")
- Memperkenalkan Akaun Labbaik-i, akaun simpanan 2-dalam-1 dengan perlindungan Takaful khusus untuk pelanggan yang berjimat untuk menunaikan ibadah Haji
- Memperkenalkan Pembiayaan Hartanah-i (Tawarruq), produk pembiayaan hartanah yang menggunakan konsep Syariah Tawarruq

- Awarded 'Best Project Financing Deal of the Year in Southeast Asia' by Alpha Southeast Asia in its 'Annual Deal and Solutions Awards 2012' for its role as the Joint Lead Manager of the DanaInfra Nasional's Islamic Commercial Papers/Medium Term Notes programme
- Awarded 'Best Islamic Bank in Malaysia' by Islamic Finance News in 'Best Banks Poll 2012'
- Awarded 'Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 – Kategori Syarikat Awam Berhad' by Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ("JAWHAR")



- Launched the BIMB Dana Al-Fakhim, a money market fund
- Awarded 'Gold' for 'Best Annual Report in Bahasa Malaysia' by National Annual Corporate Report Awards ("NACRA") for the publication of Bank Islam Annual Report 2011
- Launched the University Debit Card-i ("UniDebit"), an exclusive multipurpose, all-in-one card designed just for students and staff of Universiti Malaysia Kelantan ("UMK")
- Assigned improved Financial Strength rating of BBB and Foreign Currency long-term rating of BBB+ by Capital Intelligence ("CI"), an international credit rating agency

MILESTONES Pencapaian

- Menerima anugerah 'Urus Janji Projek Kewangan Terbaik Asia Tenggara' daripada Alpha Southeast Asia dalam 'Anugerah Tahunan Urus Janji dan Penyelesaian 2012' sebagai Pengurus Utama Bersama bagi program Kertas Komersil Islam/Nota Islam Berjangka Sederhana DanaInfra Nasional
- Menerima anugerah 'Bank Islam Terbaik di Malaysia' daripada Islamic Finance News dalam 'Pengundian Bank-bank Terbaik 2012'
- Menerima 'Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 – Kategori Syarikat Awam Berhad' daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ("JAWHAR")

- Melancarkan satu dana pasaran wang iaitu BIMB Dana Al-Fakhim
- Menerima anugerah 'Emas' untuk 'Laporan Tahunan Bahasa Malaysia Terbaik' daripada 'National Annual Corporate Report Awards' ("NACRA") untuk penerbitan Laporan Tahunan 2011 Bank Islam
- Melancarkan Kad Debit Universiti-i ("UniDebit") iaitu kad debit serba guna khusus untuk para pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Kelantan ("UMK")
- Menerima taraf BBB bagi Kedudukan Kewangan yang Kukuh serta taraf BBB+ bagi Mata wang Asing jangka panjang oleh Capital Intelligence ("CI"), agensi penarafan antarabangsa

- Launched Islamic Dual Currency Investment-i (“DCI-i”), a fixed deposit product linked to the performance of a pair of foreign currencies based on the concept of Wakalah-Lil-Istithmar (an agency contract for investment)
- Named winner of the ‘Platinum Award’ for Islamic Financial Services for four consecutive years in the annual Reader’s Digest Trusted Brands Award 2012
- Named the winner of The BrandLaureate Awards 2011-2012 for best brands in Corporate Branding – Best Brands in Banking – Islamic Bank by The Asia Pacific Brands Foundation (“APBF”)
- Signed the Malaysian Corporate Integrity Pledge (“CIP”). The signing of the pledge makes Bank Islam the first Islamic financial institution to commit to the Anti-Corruption Principles for Corporations

- Launched its first full-fledged branch that provides seven-day banking services at AEON Seberang Prai Shopping Centre
- Awarded the ‘Malaysia Service to Care Awards 2012’ for Islamic bank category by MarkPlus, Inc
- Punched through the one million barrier with the issuance of a total of 1.21 million Bank Islam Visa Debit Cards-i



2012

- Melancarkan produk pelaburan Dwi-Mata wang Islam (“DCI-i”), produk deposit tetap yang dikaitkan dengan pelaksanaan sepasang mata wang asing yang berdasarkan konsep Wakalah-Lil-Istithmar (kontrak agensi untuk pelaburan)
- Menerima anugerah ‘Platinum’ sebagai ‘Jenama Paling Berwibawa bagi Perkhidmatan Kewangan Islam 2012’ daripada Reader’s Digest untuk empat tahun berturut-turut
- Dianugerahkan ‘The BrandLaureate Awards 2011-2012’ bagi jenama korporat terbaik – Jenama terbaik dalam Perbankan – Perbankan Islam oleh The Asia Pacific Brands Foundation (“APBF”)

- Menandatangani Ikrar Integriti Korporat Malaysia (“CIP”). Ini menjadikan Bank Islam institusi kewangan Islam yang pertama menyatakan komitmen terhadap Prinsip Pencegahan Rasuah bagi sebuah badan korporat
- Melancarkan perkhidmatan perbankan tujuh hari pertamanya di Pusat Membeli-belah AEON Seberang Prai
- Dianugerahkan ‘Malaysia Service to Care Awards 2012’ bagi kategori perbankan Islam oleh MarkPlus, Inc
- Mencapai satu juta dengan pengeluaran 1.21 juta Kad Visa Debit-i Bank Islam





CHALLENGE IS A KEY that unlocks new opportunities.

CABARAN IALAH KUNCI yang membuka peluang baharu.

By pioneering change, Bank Islam is steadily realising a new future of possibilities for Islamic banking. We are applying strategies by realising our vision into action and keeping a keen eye on returns achieved, as we continue to chart excellence in all we do.




Dengan merintis perubahan, Bank Islam merealisasikan potensi masa depan baharu bagi perbankan Islam secara berterusan. Kami menukar strategi menjadi kenyataan dengan merealisasikan wawasan kami dan sentiasa memberikan perhatian terhadap hasil yang diperolehi, sambil terus melakar kecemerlangan dalam semua perkara yang dilakukan.

FINANCIAL HIGHLIGHTS

Sorotan Kewangan





					of which yang mana		
	Financial Year Ended 31 December Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember				18 Months Financial Period Ended 31 December Tempoh Kewangan 18 Bulan Berakhir 31 Disember	12 Months Ended 31 December 12 Bulan Berakhir 31 Disember	6 Months Ended 31 December 6 Bulan Berakhir 31 Disember
	2014	2013	2012	2011 ¹	2010 ¹	2010 ¹	2009
OPERATING RESULTS (RM'000) KEPUTUSAN OPERASI (RM'000)							
Total Revenue Jumlah Hasil	2,431,396	2,244,308	1,987,431	1,656,204	2,177,099	1,497,548	679,551
Profit before Zakat and Tax Keuntungan sebelum Zakat dan Cukai	701,190	683,018	600,303	492,998	501,368	342,514	158,854
Profit after Zakat and Tax Keuntungan selepas Zakat dan Cukai	509,031	491,645	430,785	376,333	410,254	292,953	117,301
KEY STATEMENTS OF FINANCIAL POSITION ITEMS (RM'000) ITEM UTAMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (RM'000)							
Total Assets Jumlah Aset	45,829,287	42,836,531	37,450,798	32,226,504	30,398,424	30,398,424	26,717,185
Total Financing Jumlah Pembiayaan	29,524,571	23,740,948	19,508,733	14,160,337	11,857,108	11,857,108	10,457,998
of which: yang mana:							
Gross Impaired Financing ² /Gross Non-Performing Financing ³ Pembiayaan Terjejas Kasar ² /Pembiayaan Tak Berbayar Kasar ³	344,539 ²	285,302 ²	308,709 ²	379,790 ²	552,221 ²	552,221 ²	1,349,739 ³
Securities Sekuriti	11,214,411	13,699,154	14,706,915	12,563,418	15,260,422	15,260,422	11,955,166
Deposits from Customers Deposit dari Pelanggan	41,021,556	37,272,452	32,583,175	28,304,907	26,888,250	26,888,250	23,319,034
of which: yang mana:							
Current and Savings Deposits (CASA) Deposit Semasa dan Simpanan	15,631,394	14,565,958	13,426,139	12,282,776	10,663,909	10,663,909	9,347,416

* Change of financial period ended from 30 June to 31 December.
Perubahan tempoh kewangan berakhir daripada 30 Jun kepada 31 Disember.



(RM Million Juta)


					of which yang mana		
	Financial Year Ended 31 December Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember				18 Months Financial Period Ended 31 December Tempoh Kewangan 18 Bulan Berakhir 31 Disember	12 Months Ended 31 December 12 Bulan Berakhir 31 Disember	6 Months Ended 31 December 6 Bulan Berakhir 31 Disember
	2014	2013	2012	2011 ¹	2010 ¹	2010 ¹	2009
Shareholders' Equity Ekuiti Pemegang Saham	3,730,628	3,329,374	3,099,615	2,800,957	2,525,444	2,525,444	2,219,950
of which: yang mana:							
Share Capital Modal Saham	2,319,907	2,298,165	2,265,490	2,265,490	2,265,490	2,265,490	2,265,490
RATIO ANALYSIS ANALISIS NISBAH							
Return on Assets Pulangan Aset	1.58%	1.70%	1.72%	1.57%	1.15% ⁴	1.20%	1.16% ⁴
Return on Equity Pulangan Ekuiti	19.86%	21.25%	20.35%	18.51%	16.48% ⁴	14.44%	16.85% ⁴
Cost Income Ratio Nisbah Kos Kepada Pendapatan	51.95%	54.12%	51.42%	53.79%	54.26%	55.38%	51.84%
Capital Adequacy Ratio Nisbah Kecukupan Modal	13.32%	13.97%	14.09%	16.83%	17.26%	17.26%	16.32%
Gross Impaired Financing Ratio ² /Gross Non-Performing Financing Ratio ³ Nisbah Pembiayaan Terjejas Kasar ² /Nisbah Pembiayaan Tak Berbayar Kasar ³	1.14% ²	1.18% ²	1.55% ²	2.61% ²	4.50% ²	4.50% ²	11.78% ³
Financing to Deposits Ratio Nisbah Pembiayaan kepada Deposit	73.40%	65.04%	61.23%	51.45%	45.68%	45.68%	50.06%
Earnings per Share Perolehan Sesaham	22 sen	22 sen	19 sen	17 sen	22 sen	15 sen	7 sen
Net Tangible Assets Backing Jaminan Aset Ketara Bersih	161 sen	145 sen	137 sen	124 sen	111 sen	111 sen	98 sen

NOTE¹ Restated arising from adoption of MFRS. Transition date as at 1 January 2011.² As a result of adoption of FRS139 as at 31 December 2010.³ Based on 6 months non-performing financing classification and net of profit-in-suspense.⁴ Annualised.**NOTA**¹ Dinyatakan semula berikutan guna pakai MFRS. Tarikh peralihan pada 1 Januari 2011.² Hasil guna pakai FRS139 pada 31 Disember 2010.³ Berdasarkan klasifikasi pembiayaan tidak berbayar selama 6 bulan dan pendapatan tertangguh bersih.⁴ Disetahunkan.**TOTAL FINANCING**
JUMLAH PEMBIAYAAN**GROSS IMPAIRED FINANCING**
PEMBIAYAAN TERJEJAS KASAR**SHAREHOLDERS' EQUITY**
EKUITI PEMEGANG SAHAM**DEPOSITS FROM CUSTOMERS**
DEPOSIT DARI PELANGGAN

(RM Million Juta)


FINANCING BY CONTRACT (RM'000)

Pembiayaan Mengikut Kontrak (RM'000)



2014

- ◆ Ijarah Muntahiah Bit-Tamleek RM64,141 (0.2%)
- ◆ Ar-Rahnu RM90,288 (0.3%)
- ◆ Ijarah RM153,573 (0.5%)
- ◆ Istisna' RM159,551 (0.5%)
- ◆ Bai Al-Inah RM797,589 (2.7%)
- ◆ Murabahah RM1,451,035 (4.8%)
- ◆ Bai' Bithaman Ajil RM8,474,275 (28.2%)
- ◆ At-Tawarruq RM18,921,260 (62.8%)



2013

- ◆ Ijarah Muntahiah Bit-Tamleek RM57,931 (0.2%)
- ◆ Ar-Rahnu RM95,621 (0.4%)
- ◆ Istisna' RM131,875 (0.5%)
- ◆ Ijarah RM192,966 (0.8%)
- ◆ Murabahah RM841,338 (3.5%)
- ◆ Bai Al-Inah RM1,282,498 (5.3%)
- ◆ Bai' Bithaman Ajil RM9,162,344 (37.8%)
- ◆ At-Tawarruq RM12,477,947 (51.5%)

FINANCING BY SEGMENT OF BUSINESS UNITS (RM'000)

Pembiayaan Mengikut Segmen Unit Perniagaan (RM'000)

CONSUMER
PENGGUNA

RM22,357,193

74.2%

COMMERCIAL
KOMERSIL

RM4,236,323

14.1%

CORPORATE
KORPORAT

RM3,518,196

11.7%

2014

CONSUMER
PENGGUNA

RM18,238,353

75.2%

COMMERCIAL
KOMERSIL

RM3,372,434

13.9%

CORPORATE
KORPORAT

RM2,631,733

10.9%

2013

Datuk Zamani Abdul Ghani

CHAIRMAN'S STATEMENT

Pernyataan Pengerusi



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

IN THE NAME OF ALLAH, THE MOST GRACIOUS, THE MOST MERCIFUL
DENGAN NAMA ALLAH, YANG MAHA PENYAYANG LAGI MAHA MENGASIHANI

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

DEAR VALUED STAKEHOLDERS,

YEAR 2014 WAS A CHALLENGING YEAR FOR THE BANKING INDUSTRY AT LARGE. DESPITE THAT THE BANK DELIVERED ANOTHER YEAR OF RECORD BREAKING PERFORMANCE RECORDING RM701.2 MILLION IN PROFIT BEFORE ZAKAT AND TAX ("PBZT").

THE EXCELLENT PERFORMANCE WAS ACHIEVED AS A RESULT OF BANK ISLAM'S ABILITY TO NAVIGATE CHANGE WITH AGILITY AND REDEFINE CHALLENGES INTO OPPORTUNITIES, THANKS TO OUR WELL-STRATEGISED HIJRAH TO EXCELLENCE ("H2E") PLAN (2013-2015). AS WE APPROACH THE FINAL PHASE OF H2E, THE POSITIVE KEY FINANCIAL INDICATORS AND PERFORMANCE ACHIEVEMENTS TO DATE INDICATE THAT BANK ISLAM HAS RESILIENTLY STAYED THE COURSE ON ITS JOURNEY TOWARDS EXCELLENCE.

ON BEHALF OF THE BOARD OF DIRECTORS, I TAKE GREAT PLEASURE IN PRESENTING BANK ISLAM'S ANNUAL REPORT FOR THE YEAR 2014.

PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHARGAI,

2014 MERUPAKAN TAHUN YANG MENACABAR BAGI INDUSTRI PERBANKAN SECARA AMNYA. MESKIPUN BEGITU, BANK SEKALI LAGI MENCAPAI PRESTASI CEMERLANG DENGAN MENCATATKAN KEUNTUNGAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI ("PBZT") SEBANYAK RM701.2 JUTA.

KEJAYAAN INI TERHASIL MENERUSI KEUPAYAAN BANK ISLAM YANG TANGKAS MENGENDALI PERUBAHAN, LANTAS MENGUBAH CABARAN MENJADI PELUANG, BERTEPATAN DENGAN STRATEGI PELAN HIJRAH KE ARAH KECEMERLANGAN ("H2E") (2013-2015). MENJELANG FASA TERAKHIR H2E, PENUNJUK KEWANGAN UTAMA DAN PENCAPAIAN PRESTASI TERKINI YANG POSITIF MENUNJUKKAN BANK ISLAM KEKAL BERDAYA TAHAN DALAM PERJALANANNYA KE ARAH KECEMERLANGAN.

BAGI PIHAK LEMBAGA PENGARAH, SAYA DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN BANK ISLAM BAGI 2014.

CHAIRMAN'S STATEMENT

Pernyataan Pengerusi

The year's highlights include the launch of:

- Term Deposit-i (Tawarruq) ("TDT"), a Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") guaranteed deposit account;
- BIMB i-Flexi Fund, a Shariah compliant mixed asset fund;
- Several innovative new debit cards tie-up;
- Bank Islam TruRewards, a loyalty programme for Bank Islam credit cardholders; and
- the pioneering Tabung Haji Restricted Investment Account ("TH-RIA") which was launched in April 2015.

During the year, the Bank also received approval for the issuance of a Subordinated Sukuk Murabahah Programme ("Sukuk") valued up to RM1 billion with a tenure of 30 years. The first tranche of RM300 million was issued in April 2015, fortifying the Bank's future sustainability and resilience in accordance to international regulatory reforms via Basel III, which require further strengthening of capital.

Delivering on our commitment to provide a reasonable and sustainable return to its shareholders, Bank Islam distributed 50% of its profit after tax ("PAT") or RM254.3 million, to its shareholders in 2014; which amounted to a total dividend payout of 11 sen per share.

The Bank has also received several industry accolades over the years, which paid tribute to its ongoing quest for greater excellence. Awards received included the International Banker 2014 awards for Best Customer Service Provider in Asia and Best Islamic Bank in Malaysia; recognition as a Top Merchant Acquirer for B2C by the Malaysian Electronic Corporation Sdn Bhd ("MyClear") and the Kuala Lumpur Islamic Finance Award for Most Outstanding Islamic Retail Banking. The Bank's position as the country's leading Islamic bank is further enhanced by it receiving awards during the year under review from Visa Malaysia for the following; Highest Payment Volume Growth for Bank Islam Team Harimau Debit Card, Largest Payment Volume for Islamic Debit Card and Highest Payment Volume Growth for the Consumer Debit industry. In fact, Bank Islam's transformation journey is well recognised by the industry and its experience was documented by the Asian Institute of Finance

Sorotan tahun ini termasuk pelancaran:

- Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) ("TDT"), iaitu akaun deposit yang dijamin oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM");
- BIMB i-Flexi Fund, iaitu dana aset bercampur yang patuh Syariah;
- Beberapa siri kad debit baharu yang inovatif di bawah usaha sama/perjanjian strategik;
- Bank Islam TruRewards, iaitu program kesetiaan bagi pemegang kad kredit Bank Islam; dan
- Akaun Pelaburan Terhad Tabung Haji ("TH-RIA"), iaitu akaun pelaburan perintis yang dilancarkan pada bulan April 2015.

Pada tahun 2014, Bank juga menerima kelulusan bagi penerbitan Program Sukuk Murabahah Subordinat ("Sukuk") yang bernilai sehingga RM1 bilion dengan tempoh matang selama 30 tahun. Sebagai permulaan, Bank telah mengeluarkan sebanyak RM300 juta sukuk pada April 2015. Ini mengukuhkan kemampuan dan daya tahan masa depan Bank selaras dengan reformasi kawal selia antarabangsa melalui Basel III, yang menghendaki pengukuhan modal Bank.

Dalam merealisasikan komitmen Bank untuk memberi pulangan yang munasabah dan mampan kepada pemegang sahamnya, Bank Islam telah mengagihkan 50% daripada keuntungan selepas cukai ("PAT") atau RM254.3 juta kepada pemegang sahamnya pada 2014. Ini bersamaan dengan dividen sebanyak 11 sen sesaham.

Bank juga menerima beberapa pengiktirafan industri sejak beberapa tahun yang lalu, yang memberikan penghormatan kepada usaha berterusannya ke arah mencapai kecemerlangan. Anugerah yang diterima termasuk anugerah International Banker 2014 bagi 'Penyedia Perkhidmatan Pelanggan Terbaik di Asia' dan 'Institusi Perbankan Islam Terbaik di Malaysia'; pengiktirafan sebagai 'Saudagar Pemeroleh Terbaik bagi B2C' oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Malaysia Sdn. Bhd. ("MyClear") dan Anugerah Kewangan Islam Kuala Lumpur bagi 'Perbankan Runcit Islam Paling Cemerlang'. Kedudukan Bank sebagai institusi perbankan Islam terunggul di negara ini semakin terserlah apabila ia menerima anugerah dalam tahun 2014 daripada Visa Malaysia bagi perkara berikut; 'Pertumbuhan Jumlah Pembayaran Tertinggi bagi Kad Debit Team Harimau Bank Islam', 'Jumlah Pembayaran Terbesar bagi Kad Debit Islam' dan 'Pertumbuhan Jumlah Pembayaran Tertinggi bagi industri Debit Pengguna'. Malah, transformasi Bank Islam mendapat pengiktirafan oleh industri di mana pengalaman Bank Islam ini telah didokumenkan

("AIF"), which has earned it the Best Islamic Finance Case Study accolade by Global Islamic Finance Award 2014 during a recent ceremony in Dubai, UAE.

Two of the Bank's key personnel were also distinguished for their individual achievements. Dato' Sri (Dr) Zukri Samat, was honoured as 'Banking CEO of the Year' during the International Banker 2014 Awards; and Encik Mohd Nazri Chik, Chief Shariah Officer, was recognised as 'Promising Young Banker' during The Asian Banker Awards 2014. Congratulations to both of them for their outstanding achievements.

The Bank has also made respectable strides in its journey towards becoming an Employer of Choice. In the 100 Leading Graduate Employers Poll conducted by GTI Media and powered by the Trendence Graduate Barometer, Bank Islam ranks top 16th as most popular employer. More significantly, we are amongst the top 3 most popular employer of choice in Banking and Financial Services.

These achievements reflect the Bank's unrelenting resolve to be 'A Global Leader in Islamic Banking' and mark the steady progress the Bank is making in its pursuit of further excellence.

oleh Institut Kewangan Asia ("AIF"), yang seterusnya dianugerahkan 'Kajian Kes Kewangan Islam Terbaik' oleh Global Islamic Finance Award 2014 dalam satu majlis di Dubai, UAE.

Dua daripada kakitangan utama Bank juga telah diberi penghormatan atas pencapaian mereka. Dato' Sri (Dr) Zukri Samat, diberi pengiktirafan sebagai 'Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan Terbaik Tahun 2014' oleh Anugerah International Banker 2014 manakala Encik Mohd Nazri Chik, Ketua Pegawai Syariah, telah diiktiraf sebagai 'Pegawai Bank Muda yang Berpotensi' sempena majlis Anugerah The Asian Banker 2014. Tahniah kepada kedua-duanya atas pencapaian cemerlang tersebut.

Bank juga telah mencapai kemajuan yang cemerlang dalam usahanya menjadi Majikan Pilihan. Dalam pengundian 100 Majikan Siswazah Utama yang dijalankan oleh GTI Media dan digerakkan oleh Trendence Graduate Barometer, Bank Islam berada pada kedudukan ke-16 teratas sebagai majikan yang paling popular. Lebih penting lagi, kami adalah antara tiga majikan pilihan yang paling popular dalam industri Perbankan dan Perkhidmatan Kewangan Malaysia.

Pencapaian ini mencerminkan keazaman Bank yang berterusan untuk menjadi 'Pemimpin Global dalam Perbankan Islam' dan menunjukkan kemajuan berterusan yang dicapainya dalam usaha mencapai kecemerlangan selanjutnya.

CHARTING EXCELLENCE

The Bank Islam Group recorded a PBZT of RM702.8 million in 2014, which was 3.8% higher than the figure achieved for the financial year 2013. This was driven by continued strong growth in net financing assets of 24.4% to RM29.5 billion, accompanied by a 17.3% or RM234.7 million increase in fund-based income from financing.

Non-fund based income for the year had also increased, where it accounted for 11.8% or RM287.5 million of the Bank's total income for 2014. The increase is driven by foreign exchange transactions and investment income, mainly due to gain on sale of Sukuk Perumahan Kerajaan.

Deposits grew by RM3.8 billion, marking a 10.1% growth to total RM41.0 billion; with current and savings account ("CASA") growth of 7.3%, or RM1.1 billion. This led to a CASA ratio at end December 2014 of 38.1%, surpassing the 24.8% average for the Malaysian Islamic banking industry. The Bank's asset increased by 7% to RM45.8 billion in 2014.

CATATKAN KECEMERLANGAN

Kumpulan Bank Islam mencatatkan PBZT sebanyak RM702.8 juta pada 2014, iaitu peningkatan sebanyak 3.8% berbanding pencapaian pada tahun kewangan 2013. Pencapaian ini didorong oleh pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam aset pembiayaan bersih sebanyak 24.4% kepada RM29.5 bilion, disertai peningkatan sebanyak 17.3% atau RM234.7 juta dalam pendapatan berasaskan dana daripada pembiayaan.

Pendapatan berasaskan bukan dana bagi tahun ini juga telah meningkat di mana ia merangkumi 11.8% atau RM287.5 juta daripada jumlah pendapatan keseluruhan Bank bagi 2014. Peningkatan ini didorong oleh urus niaga pertukaran asing dan pendapatan pelaburan, terutamanya disebabkan oleh keuntungan daripada penjualan Sukuk Perumahan Kerajaan.

Deposit meningkat sebanyak RM3.8 bilion kepada RM41 bilion, iaitu pertumbuhan sebanyak 10.1%. Ini adalah ekoran pertumbuhan akaun simpanan dan akaun semasa ("CASA") sebanyak 7.3% atau RM1.1 bilion. Peningkatan ini membawa nisbah CASA kepada 38.1% pada akhir Disember 2014, dengan demikian mengatasi purata 24.8% untuk industri perbankan Islam di Malaysia. Aset Bank juga meningkat sebanyak 7% kepada RM45.8 bilion dalam tahun yang sama.

CHAIRMAN'S STATEMENT

Pernyataan Pengerusi

Overall the corporate scorecard showed a financing to deposits ratio of 73.4%, a positive indication that the Bank is on track towards achieving its 75% target in 2015.

The Bank's concerted efforts in enhancing asset quality showed good results as gross impaired financing ratio improved to 1.14% in 2014 from 1.18% a year ago, while its net impaired financing ratio stood at -0.82%. Both figures surpassed those of the banking system, which experienced a 1.7% gross impaired ratio and -0.1% net impaired ratio as at end of the year.

Other favourable performance indicators included the Bank's pre-tax return on equity which was 19.9% against the industry's average of 15.9%; and pre-tax Return on Assets ("ROA") which was 1.6% against the industry's 1.5%.

(All industry figures are based on Bank Negara's Monthly Statistical Bulletin as at December 2014).

MOVING TOWARDS NEW FRONTIERS

It was a year of consolidation for Islamic finance globally and in Malaysia, as the industry continues to move towards greater sustainability and provide a wider range of financial services. Islamic finance is gearing up to a more sustainable growth trajectory amid more sophisticated regulatory framework and innovative products. From a regulatory standpoint, several landmark advances were made, including the Islamic Financial Services Board's guidelines on core principles for Islamic finance regulation, and the launch of the 'Sustainable and Responsible Investment ("SRI") Sukuk' in Malaysia as well as the introduction of the Islamic Financial Services Act ("IFSA") on 30 June 2013. These pave the way forward towards more sustainable, responsible and progressive Islamic banking.

While international financial markets showed volatility in 2014 amid concerns of slowing global growth and drop in oil prices, the banking industry in Malaysia continued to be resilient underpinned by strong financial intermediaries and prudent pre-emptive fiscal measures. Within this environment, the Islamic banking industry outperformed the conventional banking industry in terms of growth in assets and

Secara keseluruhannya, laporan pencapaian korporat Bank menunjukkan nisbah pembiayaan kepada deposit adalah 73.4%, iaitu satu petanda positif bahawa Bank berada pada landasan yang tepat untuk mencapai sasaran 75% pada 2015.

Usaha bersepadu Bank dalam meningkatkan kualiti aset telah menunjukkan hasil apabila nisbah pembiayaan terjejas kasar bertambah baik kepada 1.14% pada 2014 berbanding 1.18% pada tahun lepas, manakala nisbah pembiayaan terjejas bersih ialah -0.82%. Kedua-dua angka ini mengatasi pencapaian sistem perbankan, dengan purata nisbah pembiayaan terjejas kasar pada 1.7% dan nisbah pembiayaan terjejas bersih pada -0.1% pada akhir 2014.

Penunjuk prestasi lain yang menggalakkan termasuklah pulangan ekuiti sebelum cukai Bank pada 19.9% berbanding purata industri sebanyak 15.9%; dan Pulangan Aset sebelum cukai ("ROA") pada 1.6% berbanding industri sebanyak 1.5%.

(Semua angka industri adalah berdasarkan Buletin Perangkaan Bulanan Bank Negara setakat Disember 2014).

MENUJU SEMPADAN BAHARU

2014 merupakan tahun penyatuan kewangan Islam di peringkat global dan di Malaysia, tatkala industri ini terus menyediakan kepelbagaian dalam perkhidmatan kewangan dan bergerak ke arah kemampanan yang lebih tinggi. Kewangan Islam sedang bersiap sedia untuk trajektori pertumbuhan yang lebih mampan apabila rangka kerja kawal selia yang lebih canggih dan produk yang inovatif diperkenalkan. Dari sudut kawal selia, beberapa kemajuan penting telah dicapai, termasuk garis panduan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSB") tentang prinsip teras bagi kawal selia kewangan Islam, dan pelancaran Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab ("SRI") di Malaysia serta pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSA") pada 30 Jun 2013. Ini membuka laluan ke arah perbankan Islam yang lebih mampan, bertanggungjawab dan progresif.

Walaupun pasaran kewangan antarabangsa menunjukkan ketidaktentuan pada 2014 di sebalik kebimbangan terhadap kelembapan pertumbuhan global dan kejatuhan harga minyak, industri perbankan di Malaysia terus berdaya tahan, disokong oleh para perantara kewangan yang kukuh dan pelbagai langkah pencegahan awal fiskal berhemat. Dalam persekitaran ini, industri perbankan Islam mengatasi

financing. Over the last four years, the Malaysian Islamic banking industry's assets have almost doubled, from RM351.2 billion at end 2010 to RM625.2 billion at end 2014, accounting for 25.6% of the domestic banking system's assets. Financing growth is expected to continue to remain fairly robust in the near future even as total financing growth slipped from 17.7% in 2013 to 15.4%, due to measures to contain household debt within a more challenging economic environment. Internationally, Malaysia remains as the largest sukuk market accounting for about 58% of the global sukuk market and maintained the nation's position as the largest sukuk issuer in the world, accounting for 66% of global sukuk issuance.

The sustainability of the industry is fortified by the Government's ongoing efforts to develop new growth areas in line with its vision to turn Malaysia into a global Islamic financial services hub. By 2020, the Government targets Islamic banking assets to make up 40% of the banking system's total through greater diversification of Islamic financing products in order to enhance the sector's capability to support real economic activity.

The timely introduction of IFSA 2013 provides greater clarity and transparency on the fundamental requirements of Shariah that must be adhered to, in preparation for the planned acceleration in growth and innovation within the nation's Islamic finance industry. This promotes consumer confidence in the use of financial services and products; strengthens provisions for effective and early enforcement and supervisory intervention; and provides a clear outline of the operational requirements for the effective application of Shariah rules and principles in the conduct of Islamic financial institutions. All of which advances the development of a robust end-to-end Shariah-compliant regulatory framework that will serve as a model for other countries.

industri konvensional dari segi pertumbuhan dalam aset dan pembiayaan. Dalam tempoh empat tahun yang lepas, aset industri perbankan Islam di Malaysia meningkat hampir dua kali ganda, daripada RM351.2 bilion pada akhir 2010 kepada RM625.2 bilion pada akhir 2014, iaitu 25.6% daripada aset keseluruhan sistem perbankan domestik. Jumlah pertumbuhan pembiayaan dijangka akan terus kekal mantap dalam masa terdekat ini walaupun ia telah menyusut daripada 17.7% pada 2013 kepada 15.4% berikutan langkah-langkah yang diperkenalkan untuk membendung hutang isi rumah dalam persekitaran ekonomi yang lebih mencabar. Pada peringkat antarabangsa, Malaysia kekal sebagai pasaran sukuk terbesar mencakupi kira-kira 58% daripada pasaran sukuk global dan mengekalkan kedudukan negara sebagai penerbit sukuk terbesar di dunia, mencakupi 66% daripada terbitan sukuk global.

Kemampuan industri ini diperkuatkan lagi oleh usaha berterusan Kerajaan membangunkan bidang pertumbuhan baharu selaras dengan wawasannya untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam global. Menjelang 2020, Kerajaan mensasarkan aset perbankan Islam membentuk 40% daripada jumlah sistem perbankan melalui kepelbagaian produk pembiayaan Islam agar dapat meningkatkan keupayaan sektor ini untuk menyokong aktiviti ekonomi sebenar.

Pengenalan IFSA 2013 yang tepat pada masanya memberikan kejelasan dan ketelusan yang lebih baik kepada keperluan asas Syariah yang perlu dipatuhi, sebagai persediaan bagi mempercepatkan pertumbuhan dan inovasi dalam industri kewangan Islam di negara ini seperti yang dirancang. Ini meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan dan produk kewangan Islam; memperkuatkan peruntukan untuk intervensi awal dan berkesan dalam penguatkuasaan dan penyeliaan; dan menyediakan panduan yang jelas tentang keperluan operasi bagi aplikasi peraturan dan prinsip Syariah yang berkesan dalam mengendalikan institusi kewangan Islam. Ia juga menyokong pembangunan rangka kerja kawal selia patuh Syariah yang menyeluruh dan mantap yang akan menjadi contoh bagi negara lain.



CHAIRMAN'S STATEMENT

Pernyataan Pengerusi

Basically, the stipulations of IFSA 2013 clearly distinguish between deposits and investment accounts. While Islamic deposits can be withdrawn on demand and are guaranteed by PIDM, the accounts do not promise any distribution of profits to the account holders. The clients of investment accounts, on the other hand, are able to retain funds for a longer period of time and enjoy the opportunity to earn higher returns subject to withdrawal conditions. Investment accounts, without any capital guarantee by PIDM, can be structured with different risk and return profiles based on the characteristics of the underlying assets and the risk appetites of the investors. Two main types of investment accounts offered by Islamic banks in Malaysia are Restricted Investment Accounts ("RIA") or Unrestricted Investment Accounts ("URIA"). RIA is an investment account where a specific mandate is given to the bank with regards to the purpose, asset class, economic sector and period of investment whereas URIA allows the bank to make the ultimate investment decision without specifying any particular restriction or condition.

I am proud to report that as the nation's flagbearer for Islamic banking, and in keeping with its reputation as a pioneering force, the Bank has collaborated with Tabung

Haji to pioneer the Tabung Haji Restricted Investment Account ("TH-RIA") as the first RIA to be approved by Bank Negara Malaysia ("BNM") in March 2015. The purpose of this account is to provide financing and credit for Malaysian SMEs in support of the Government's Budget 2015 objectives.

Bank Islam welcomes the new framework as it reflects the concept of Islamic finance which emphasises on risk-sharing, strengthening further the link of finance to the real economy. Based on the framework, in 2014 the Government announced a Shariah-based Investment Account Platform ("IAP"), expected to be implemented in June 2015 with an initial start-up fund of RM150 million.

The IAP will serve as a central marketplace to finance small and medium-sized businesses, providing participating banks with the framework to offer investors a wider range of Shariah-compliant investment options with differing risk-return profiles. This will broaden the traditional role of Islamic banks from credit provider to investment intermediary. As one of the four founding financial institutions to spearhead the IAP, Bank Islam will be at the forefront of the opening up of new frontiers of financial activities akin to those offered by investment houses.

Pada dasarnya, peruntukan IFSA 2013 dengan jelas membezakan antara akaun deposit dengan akaun pelaburan. Meskipun deposit Islam boleh dikeluarkan atas permintaan dan dijamin oleh PIDM, namun akaun ini tidak menjanjikan apa-apa pengagihan keuntungan kepada pemegang akaun. Sebaliknya, pelanggan akaun pelaburan, boleh menyimpan dana untuk tempoh yang lebih lama dan menikmati peluang mendapatkan pulangan yang lebih tinggi tertakluk kepada syarat pengeluaran. Akaun pelaburan, tanpa apa-apa jaminan modal oleh PIDM, boleh distrukturkan dengan profil risiko dan pulangan yang berbeza berdasarkan pelbagai ciri aset dasar dan tanggungan risiko pelabur. Dua jenis akaun pelaburan utama yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia ialah Akaun Pelaburan Terhad ("RIA") atau Akaun Pelaburan Tanpa Had ("URIA"). RIA ialah akaun pelaburan yang memberikan mandat khusus kepada bank berkaitan dengan tujuan, kelas aset, sektor ekonomi dan tempoh pelaburan, manakala URIA pula membenarkan bank membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat yang tertentu.

Saya di sini dengan senang hati ingin menyatakan bahawa, sebagai peneraju negara bagi perbankan Islam, dan sejajar dengan reputasinya sebagai kuasa perintis, Bank telah bekerjasama dengan Tabung Haji untuk merintis Akaun Pelaburan Terhad Tabung Haji ("TH-RIA") sebagai RIA pertama yang diluluskan oleh Bank Negara

Malaysia ("BNM") pada Mac 2015. Tujuan akaun ini adalah untuk menyediakan pembiayaan dan kredit bagi perusahaan Industri Kecil dan Sederhana di Malaysia sebagai menyokong objektif Bajet 2015 Kerajaan.

Bank Islam mengalu-alukan rangka kerja baharu ini kerana ia mencerminkan konsep kewangan Islam yang memberikan penekanan terhadap perkongsian risiko, lalu memperkukuhkan lagi hubungan kewangan dengan ekonomi sebenar. Berdasarkan rangka kerja ini, pada 2014, Kerajaan telah mengumumkan Platform Akaun Pelaburan berasaskan Syariah ("IAP"), yang dijangka akan dilaksanakan pada Jun 2015 dengan dana permulaan sebanyak RM150 juta.

IAP akan berfungsi sebagai pusat pasaran untuk membiayai perniagaan kecil dan sederhana, di mana institusi perbankan Islam yang mengambil bahagian menyediakan rangka kerja yang menawarkan pelabur pelbagai pilihan pelaburan patuh Syariah dengan profil pulangan risiko yang berbeza. Hal ini akan meluaskan peranan tradisional institusi perbankan Islam daripada pembekal kredit hinggalah kepada perantara pelaburan. Sebagai salah satu daripada empat institusi kewangan Islam pengasas yang menerajui IAP, Bank Islam akan berada di barisan hadapan dalam membuka sempadan baharu aktiviti kewangan sama seperti yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat pelaburan.

The IAP adds to previous initiatives introduced to spur Islamic finance, such as the Exchange Traded Bond and Sukuk (“ETBS”); the introduction by the Securities Commission of a framework for socially responsible sukuk instruments; and the requirement that Shariah-compliant counters on Bursa Malaysia Securities have not more than 33% of their cash and debts in conventional accounts. The continued commitment of the Government in shoring up Malaysia’s profile as an Islamic financial hub assures a supportive environment of growth for Islamic banks with the mettle to withstand upcoming challenges. Bank Islam stands poised and ready to unlock the possibilities.

CHARTING EXCELLENCE IN GOVERNANCE

The Board is committed to the undertaking of good corporate governance practices and is fully committed to the recommendations of the Malaysian Code of Corporate Governance. Stringent internal and external controls as well as a risk management framework in line with best practices in corporate governance ensure that we uphold integrity, transparency and accountability in all our dealings.

The Bank has complied with and continues to strengthen our adherence to BNM’s Shariah Governance Framework. Not only does the Bank’s Shariah division oversees Shariah compliance on a day-to-day basis, its Internal Audit division also reviews our Shariah compliance through regular audits.

During the course of the year, the Board has also reviewed the terms of reference of the Board Risk Committee in compliance with BNM’s Investment Account Policy issued on 14 March 2014. This is to facilitate effective monitoring and control of the overall management and conduct of the investment account. The Board Risk Committee now takes on the roles and responsibilities of a Board Investment Committee in assisting the Board in performing the oversight function and provide recommendations in respect of the investment strategies, management and performance of the investment account.

IAP melengkapkan lagi inisiatif yang diperkenalkan sebelum ini untuk mendorong kewangan Islam, seperti Bursa Dagangan Bon dan Sukuk (“ETBS”); pengenalan rangka kerja bagi instrumen sukuk tanggungjawab sosial oleh Suruhanjaya Sekuriti; dan keperluan supaya kaunter patuh Syariah di Bursa Malaysia Securities mempunyai tidak lebih daripada 33% daripada wang tunai dan hutang mereka dalam akaun konvensional. Komitmen berterusan Kerajaan dalam menyokong profil Malaysia sebagai pusat kewangan Islam memastikan wujud persekitaran yang menyokong pertumbuhan institusi perbankan Islam yang cekal dalam menghadapi cabaran yang mendatang. Bank Islam yakin dan bersedia untuk merungkai segala kemungkinan.

CATATKAN KECEMERLANGAN DALAM TADBIR URUS

Lembaga Pengarah Bank adalah komited dalam melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang baik. Selain itu, ia juga komited sepenuhnya terhadap saranan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Kawalan dalaman dan luaran yang ketat serta rangka kerja pengurusan risiko yang sejajar dengan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat memastikan menegakkan integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam semua urusan kami.

Bank telah mematuhi Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BNM dan akan terus meningkatkan pematuhan tersebut. Bahagian Syariah Bank mengawasi pematuhan Syariah secara harian, manakala Bahagian Audit Dalaman menyemak pematuhan Syariah menerusi audit berkala.

Sepanjang tahun ini, Lembaga Pengarah juga telah menyemak semula terma rujukan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dalam mematuhi Dasar Akaun Pelaburan BNM yang dikeluarkan pada 14 Mac 2014. Semakan ini adalah untuk memudahkan pemantauan dan kawalan yang berkesan terhadap pengurusan dan pengendalian akaun pelaburan secara keseluruhan. Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah kini memainkan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah dalam membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi pengawasan dan memberikan cadangan tentang strategi pelaburan, pengurusan dan prestasi akaun pelaburan.



CHAIRMAN'S STATEMENT

Pernyataan Pengerusi

On 8 October 2014, BNM issued a Shareholder Suitability Policy specifying suitability requirements to ensure shareholders' of financial institutions are persons of integrity and good reputation so as to minimise the risk of undue or inappropriate influence that could threaten the safety and soundness of a financial institution. This policy is applicable to a shareholder that holds 5% or more shares in the Bank. The relevant control mechanisms have been put in place to ensure that the Bank complies with the requirements of the said Policy.

Individually, our directors continue to adhere to the Code of Ethics based on the Code of Conduct expected of financial institutions' directors as issued by the Companies Commission of Malaysia. Our directors fully understand their fiduciary responsibilities, hence are conscious of the interests of shareholders, employees, creditors and customers of the Bank and at all times, discharge our duties with honesty, responsibility and in utmost good faith towards the Bank.

A detailed report on our corporate governance best practices and Shariah compliance can be found on page 162 of this annual report.

Pada 8 Oktober 2014, BNM mengeluarkan Dasar Kesesuaian Pemegang Saham yang menyatakan keperluan kesesuaian untuk memastikan pemegang saham institusi kewangan terdiri daripada mereka yang mempunyai integriti dan reputasi yang baik untuk mengurangkan risiko pengaruh tidak wajar atau tidak sesuai yang boleh mengancam keselamatan dan kekukuhan institusi kewangan. Dasar ini terpakai kepada pemegang saham yang memegang 5% saham Bank atau lebih. Mekanisme kawalan yang berkaitan telah pun diwujudkan untuk memastikan Bank mematuhi keperluan Dasar tersebut.

Secara individu, para pengarah kami terus mematuhi Tataetika berdasarkan Tatakelakuan yang perlu dipatuhi oleh pengarah institusi kewangan seperti yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Para pengarah kami memahami sepenuhnya tanggungjawab fidusiari mereka, dan oleh itu sedar akan kepentingan pemegang saham, pekerja, pemiutang dan pelanggan Bank dan sentiasa melaksanakan tugas kami dengan jujur, bertanggungjawab dan dengan niat baik terhadap Bank.

Laporan terperinci tentang amalan terbaik tadbir urus korporat dan pematuhan Syariah kami boleh didapati pada halaman 162 laporan tahunan ini.

ENHANCING OUR CONTRIBUTION TO SOCIETY

The core of the Bank's corporate social responsibility programme is driven by Shariah principles that pertain to uplifting the lives of destitute and poor Muslims through the contribution of Zakat, or obligatory alms. As our business revenue and profit grow, so does our Zakat contribution. In 2014, the Bank's Zakat contribution exceeded RM12 million. A significant portion of this was channelled to fund vital social causes across Malaysia with emphasis on poverty reduction projects, education initiatives, health and welfare support and unity programmes.

Beyond this, Bank Islam corporate social responsibility scope has steadily expanded over the last three decades to encompass positive contributions not just to our employees and community, but to the industry and nation too. The Bank strives to its utmost to develop and organise projects that have a lasting and meaningful social impact for these stakeholders.

I take the opportunity to highlight the Bank's flagship Housing Aid project which was initiated in 2008 and to date has contributed over RM4.7 million towards the building, reparation and refurbishment of houses, benefitting a total of 174 impoverished families. In addition to providing well-made homes for the poor

MENINGKATKAN SUMBANGAN KAMI KEPADA MASYARAKAT

Teras program tanggungjawab sosial korporat Bank dipacu oleh prinsip Syariah yang bertujuan meningkatkan taraf hidup umat Islam yang kurang bernasib baik dan miskin melalui sumbangan zakat, atau sedekah wajib. Berikutan meningkatnya hasil dan keuntungan perniagaan kami, sumbangan zakat kami juga meningkat. Pada 2014, sumbangan zakat Bank melebihi RM12 juta. Sebahagian besar daripada jumlah ini disalurkan untuk membiayai usaha kemasyarakatan yang penting di seluruh Malaysia dengan memberikan penekanan terhadap projek pengurangan kemiskinan, inisiatif pendidikan, sokongan kesihatan dan kebajikan serta program perpaduan.

Selain itu, skop tanggungjawab sosial korporat Bank Islam terus berkembang sejak tiga dekad yang lalu merangkumi sumbangan yang positif bukan sahaja kepada pekerja kami dan masyarakat, tetapi juga kepada industri dan negara. Bank berusaha sedaya upaya untuk membangunkan dan menganjurkan projek yang mempunyai impak sosial yang berkekalan dan bermakna kepada pihak berkepentingan ini.

Saya mengambil peluang ini untuk menyentuh tentang Projek Bantuan Rumah Bank Islam yang dilancarkan pada 2008 dan sehingga kini telah menyumbang lebih RM4.7 juta dalam pembinaan dan baik pulih rumah serta memberikan manfaat

and destitute, the project has opened up job opportunities for local contractors and skilled workers in the community; inspired the participation of state governments and other welfare agencies; and has increased employee engagement with the community.

In view of the massive floods in the eastern coast of Malaysia towards the end of 2014, the project is more relevant than ever in helping to rebuild homes when disaster strikes. This year's Housing Aid Project has become a part of the Bank's post-disaster relief initiative allocation for the East Coast post-flood rehabilitation efforts. The Bank also launched the Prihatin Programme with the purpose of providing proactive assistance to all of its flood-affected customers. Aiming to ease the financial burden of these customers during this difficult period, the programme includes several fee and charge waivers as well as a moratorium of up to six months for Bank Islam financing products' monthly instalment payments.

During the flood affected months, the Bank had also initiated a collection fund among staff and members of the public who congregated for Friday prayers at the Bank's Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy. Staff were also encouraged to donate through the Kelab Kebajikan Bank Islam to help out colleagues affected by the floods.

Such initiatives are able to benefit diverse stakeholders by delivering expanded social impact across the pillars of Workplace, Marketplace, Community and the Environment. As one of the leading Malaysian corporations in developing and organising zakat-funded CR projects, Bank Islam intends to sustain and grow our commitment to contribute to the nation's social development. As a recognition for this ongoing effort to become a responsible corporate citizen, the Bank has recently been awarded the Golden Globe Tigers Summit Awards 2014 for Best CR Initiative.

kepada 174 keluarga miskin. Di samping menyediakan rumah yang dibina dengan baik untuk golongan miskin dan melarat, projek ini telah membuka peluang pekerjaan kepada kontraktor tempatan dan pekerja mahir dalam masyarakat; memberikan inspirasi kepada kerajaan negeri dan agensi kebajikan lain supaya turut serta; dan telah meningkatkan penglibatan pekerja dengan masyarakat.

Akibat banjir besar yang berlaku di pantai timur Malaysia pada akhir 2014, Projek Bantuan Rumah ini menjadi lebih relevan dalam membantu membina semula rumah apabila berlaku bencana. Projek Bantuan Rumah pada tahun ini telah menjadi sebahagian daripada inisiatif Bank bagi usaha pemulihan selepas banjir di Pantai Timur. Bank juga telah melancarkan Program Prihatin yang bertujuan memberikan bantuan secara proaktif untuk semua pelanggannya yang terjejas akibat banjir. Bertujuan meringankan beban kewangan pelanggan dalam tempoh yang sukar ini, program ini merangkumi beberapa pengecualian fi dan caj dan juga moratorium pembayaran ansuran bulanan bagi produk pembiayaan Bank Islam sehingga enam bulan.

Pada ketika ramai terjejas akibat bencana banjir ini, Bank juga telah membuat kutipan dana daripada kakitangan dan orang ramai yang hadir untuk menunaikan solat Jumaat di Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy, iaitu surau milik Bank Islam. Kakitangan juga digalakkan menderma melalui Kelab Kebajikan Bank Islam untuk membantu rakan sekerja yang terjejas akibat banjir.

Inisiatif tersebut berjaya memberikan manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan melalui kesan sosial yang lebih luas merangkumi aspek Tempat Kerja, Pasaran, Komuniti dan Alam Sekitar. Sebagai salah sebuah badan korporat peneraju dalam membangunkan dan menganjurkan projek tanggungjawab korporat yang dibiayai zakat di Malaysia, Bank Islam berhasrat mengekalkan dan meluaskan komitmennya dalam menyalurkan sumbangan kepada pembangunan sosial negara. Sebagai mengiktiraf usaha yang berterusan untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab, Bank telah dianugerahkan Golden Globe Tigers Summit Awards 2014 untuk Inisiatif Tanggungjawab Korporat Terbaik baru-baru ini.



CHAIRMAN'S STATEMENT

Pernyataan Pengerusi

These were just the main highlights of the Bank Islam's Corporate Responsibility initiatives for 2014. A detailed report can be found on page 130.

NAVIGATING TOWARDS FURTHER EXCELLENCE

Softer economic growth is expected in 2015 due to a prevailing environment of uncertainty and volatility. While the US economy continues to regain strength, other developed countries such as Europe and China are fending off deflationary pressures. As a result, a slew of monetary easing measures have been introduced by central banks across the globe to resuscitate demand. In Malaysia, the Government has revised its Budget 2015 allocation for various sectors in anticipation of a challenging environment coupled with low oil prices and GDP growth of between 4.5% and 5.5%.

The operating environment for Islamic banking and finance will be challenged by margin compression due to intense competition and rising costs. In the retail sector, requirements on responsible financing coupled with increased customer sophistication will also pose additional challenges to the industry. Talent shortage across all levels continues to be a long-term hurdle.

Ini adalah antara beberapa sorotan penting bagi inisiatif Tanggungjawab Korporat Bank Islam pada 2014. Laporan terperinci boleh didapati pada halaman 130.

BERGERAK KE ARAH KECEMERLANGAN SELANJUTNYA

Pertumbuhan ekonomi dijangka lebih perlahan pada 2015 disebabkan oleh ketidakpastian dan ketidaktentuan persekitaran semasa. Walaupun ekonomi Amerika Syarikat terus bertambah kukuh, namun negara maju yang lain seperti Eropah dan China sedang mengalami tekanan deflasi. Akibatnya, beberapa langkah pelonggaran monetari telah diperkenalkan oleh bank pusat di seluruh dunia untuk memulihkan permintaan. Di Malaysia, Kerajaan telah menyemak semula peruntukan Bajet 2015 untuk pelbagai sektor kerana menjangkakan persekitaran yang mencabar, disertai harga minyak yang rendah dan pertumbuhan KDNK antara 4.5% hingga 5.5%.

Persekitaran operasi bagi perbankan dan kewangan Islam akan dicabar oleh pengecilan margin yang disebabkan oleh persaingan yang sengit dan kenaikan kos. Dalam sektor runcit, keperluan terhadap pembiayaan bertanggungjawab dan pelanggan yang semakin canggih akan menambahkan lagi cabaran kepada industri. Kekurangan bakat pada semua peringkat terus menjadi halangan jangka panjang.

Key dynamics to navigate this new frontier will see the Bank focusing on core basics such as resilient asset quality, sound capital management, a more simplified business and operating model, cost efficiency, service excellence, high performance culture, as well as talent retention and attraction.

The development of future talent for the industry is a core concern of the Bank. Towards this end, the Bank has launched a number of Human Resource initiatives targeting the development of its own 4,242 strong workforce as well as supported government-launched programmes to help groom the potential of fresh graduates; namely Skim Latihan 1Malaysia ("SL1M") and the Graduate Employability Management Scheme ("GEMS"). SL1M seeks to boost opportunities for disadvantaged graduates from low-income families in remote areas whilst GEMS grooms high-achievers for the Islamic financial industry. The Bank is currently in its second year of participation with these programmes and has trained 115 graduates to date.

By sustaining this commitment to human capital development for the industry, we hope to develop a core talent pool of future trailblazers in the industry.

Dinamik utama untuk bergerak memasuki sempadan baharu ini akan menyaksikan Bank memberikan tumpuan terhadap asas teras seperti kualiti aset yang berdaya tahan, pengurusan modal yang ketat, model perniagaan dan operasi yang lebih mudah, kecekapan kos, kecemerlangan perkhidmatan, budaya prestasi tinggi, dan juga pengekalan dan tarikan bakat. Pembangunan bakat masa depan dalam industri ini merupakan satu kebimbangan utama Bank.

Sehubungan itu, Bank telah melancarkan beberapa inisiatif Sumber Manusia yang menyasarkan pembangunan 4,242 tenaga kerjanya sendiri dan juga menyokong program yang dilancarkan oleh kerajaan untuk membantu mengasah potensi siswazah baharu; iaitu Skim Latihan 1Malaysia ("SL1M") dan Skim Pengurusan Kebolehgajian Siswazah ("GEMS"). SL1M bertujuan meningkatkan peluang siswazah yang kurang bernasib baik daripada keluarga berpendapatan rendah di kawasan pedalaman, manakala GEMS mengasah pelajar cemerlang bagi industri kewangan Islam. Bank kini berada dalam tahun kedua penyertaannya dalam program ini dan telah melatih seramai 115 siswazah setakat ini.

Dengan mengekalkan komitmen terhadap pembangunan modal insan bagi industri, kami berharap dapat membangunkan satu kumpulan bakat teras untuk perintis masa depan industri ini.

ACKNOWLEDGEMENTS

Before any journey can be embarked on, clear directions and guides are necessary. I thank my fellow board directors and members of the Bank's Shariah Supervisory Council ("SSC") for their insights, foresights and guidance in mapping out Bank Islam's strategic progress as we journey towards excellence.

I would like to take this opportunity to record our appreciation for the services of Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir Haji Mansor, upon his retirement from the SSC in March 2015. He has served as an SSC member since 2001. Coming on board to replace him is Associate Professor Dr Yasmin Hanani Mohd Safian. We look forward to her contributions and also that of Encik Muhammad Zahid Abdul Aziz, who came on board the SSC as a subject matter expert.

I would also like to congratulate Bank Islam's Managing Director, Dato' Sri (Dr) Zukri Samat, on receiving an Honorary Doctorate in Islamic Banking and Finance from INSANIAH University College.

On behalf of the Board, I would like to record our sincere appreciation and gratitude to BNM as our regulator and the Government for their continued commitment in advancing Malaysia as a hub for Islamic finance. We look forward to pioneering new areas of growth and opportunities with you.

Our deepest appreciation goes out to Bank Islam's shareholders, dynamic management team and dedicated employees for another year of progressive achievements. Your loyalty, hard work and commitment are the drivers of the Bank's success. We look forward to striving for further success with you in 2015. We would also like to convey our heartfelt thanks and gratitude to Bank Islam's more than five million customers, for it is with their continuous support that the Bank has been able to thrive and stand proud as the paragon of the nation's Islamic banking. We pledge to give our customers the best in banking and financial services, and be able to prosper together in 2015.

Datuk Zamani Abdul Ghani

Chairman

PENGHARGAAN

Sebelum apa-apa usaha boleh dimulakan, arahan dan panduan yang jelas adalah diperlukan. Saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan lembaga pengarah dan ahli-ahli Majlis Pengawasan Syariah ("MPS") Bank atas pandangan, penghematan dan bimbingan mereka dalam merangka kemajuan strategik Bank Islam seiring dengan usaha kami menuju kecemerlangan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kami atas perkhidmatan Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir Haji Mansor, yang telah bersara daripada MPS pada Mac 2015. Beliau telah berkhidmat sebagai ahli MPS sejak 2001. Bakal menggantikan beliau ialah Profesor Madya Dr Yasmin Hanani Mohd Safian. Kami mengalu-alukan akan sumbangan beliau dan juga sumbangan Encik Muhammad Zahid Abdul Aziz, yang turut menyertai MPS sebagai pakar bidang.

Saya juga ingin mengucap tahniah kepada Pengarah Urusan Bank Islam, YBhg. Dato' Sri (Dr) Zukri Samat, yang telah menerima penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kewangan dan Perbankan Islam dari Kolej Universiti INSANIAH.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada BNM sebagai badan pengawal selia kami dan kepada pihak Kerajaan atas komitmen yang berterusan dalam memajukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam. Kami sesungguhnya merancang untuk merintis bidang pertumbuhan dan peluang baharu bersama anda.

Setinggi-tinggi penghargaan kami kepada para pemegang saham, pasukan pengurusan yang dinamik dan kakitangan berdedikasi Bank Islam berikutan pencapaian yang progresif sekali lagi tahun ini. Kesetiaan, kerja keras dan komitmen anda adalah pemacu kejayaan Bank. Kami berharap kita akan sama-sama terus berusaha mencapai kejayaan selanjutnya pada 2015. Kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada lebih daripada lima juta pelanggan Bank Islam, kerana sokongan mereka yang berterusan, Bank berjaya berkembang maju dan berdiri megah sebagai contoh perbankan Islam di negara ini. Kami berjanji untuk memberikan pelanggan kami perkhidmatan perbankan dan kewangan yang terbaik, dan mengecapi kemakmuran bersama pada 2015.

Datuk Zamani Abdul Ghani

Pengerusi



MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

DEAR STAKEHOLDERS,

WE HAVE EMERGED FROM THE CHALLENGES OF 2014 HEARTENED THAT BANK ISLAM HAS DEMONSTRATED ITS ABILITY TO WITHSTAND A CLIMATE OF ECONOMIC UNCERTAINTY AND REGULATORY CHANGE, WITH ITS ABILITY TO OPTIMISE AGILITY AND COMMITMENT TO ESCALATE OPERATIONAL EXCELLENCE. THIS STRENGTHENS OUR RESOLVE AND CONFIDENCE MOVING FORWARD.

PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

KAMI BERJAYA MELEPASI CABARAN PADA 2014, DAN MERASA BANGGA BAHAWA BANK TELAH MEMPERLIHATKAN KEMAMPUANNYA UNTUK MENGHADAPI KEADAAN EKONOMI YANG TIDAK MENENTU DAN PERUBAHAN KAWAL SELIA, DENGAN KEMAMPUANNYA UNTUK MENGOPTIMUMKAN KETANGKASAN SERTA KOMITMEN UNTUK MENINGKATKAN KECEMERLANGAN OPERASINYA. HAL INI MENGUKUHKAN LAGI KEAZAMAN DAN KEYAKINAN KAMI PADA MASA DEPAN.

A close-up portrait of Dato' Sri Zukri Samat, a middle-aged man with dark hair and a mustache, smiling. He is wearing a dark suit, a white shirt, and a gold striped tie. A small 'BANK ISLAM' logo is visible on his lapel. The background is a soft-focus green and yellow.

Dato' Sri Zukri Samat

MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

The commendable financial performance of the Bank was underpinned by a continuous focus on optimising opportunities which was delivered through four strategic priorities namely optimising returns, accelerating CASA growth, delivering a superior banking experience and optimising resources. Stemming from the second phase of our Hijrah to Excellence ("H2E") corporate blueprint, the focus on these core priorities ensured we remained on a growth trajectory even when the going was tough.

In this we are reminded of those who have undergone unexpected hardship and setbacks in 2014 as the year presented a series of unfortunate national disasters. Our hearts, thoughts and prayers go out to the victims and families of all who were affected by the missing MH370, tragic crash of MH17 and Indonesia AirAsia 8501 to the year-end floods that hit the East Coast. These unforeseeable events are beyond our control, but Alhamdulillah, our response to the events and the attitude we embrace are not. Staying true to our values and principles, let us not falter in our resolve, and we will see better days ahead.

Prestasi kewangan Bank yang memberangsangkan ini disokong oleh tumpuan yang berterusan untuk mengoptimumkan peluang yang disampaikan menerusi empat keutamaan strategik iaitu mengoptimumkan pulangan, memesatkan pertumbuhan CASA, menyampaikan pengalaman perbankan yang unggul dan mengoptimumkan sumber. Berpunca daripada fasa kedua pelan tindakan korporat Hijrah ke Arah Kecemerlangan ("H2E") kami, tumpuan pada keutamaan teras ini memastikan kami kekal berada pada trajektori pertumbuhan walaupun dalam keadaan yang sukar.

Dalam hal ini kami mengingatkan kepada mereka yang mengalami kesukaran dan rintangan yang tidak dijangka pada 2014 apabila negara dilanda beberapa bencana malang pada tahun tersebut. Kami bersimpati dan turut berdoa untuk semua mangsa dan keluarga yang terjejas oleh kehilangan MH370, kemalangan tragis MH17 dan AirAsia Indonesia 8501 serta banjir akhir tahun yang melanda Pantai Timur. Peristiwa yang tidak diduga ini adalah di luar kawalan kami, tetapi Alhamdulillah, tindak balas dan sikap kami terhadap peristiwa tersebut tidak sebegitu. Berpegang teguh kepada nilai dan prinsip memastikan keazaman kami tidak goyah, dan ini akan menjanjikan masa depan yang lebih baik.

AN EXEMPLARY SCORECARD

Year 2014 was a testing period for the industry, but I am happy to report that Bank Islam emerged with another year of steady profitability, sound asset quality, healthy capitalisation and sustainable net financing margins. This was commendable in the face of uncertain economic growth, heightened regulations, market earnings cuts and intensified competition.

Profit before tax and zakat for the year increased by RM18.2 million in 2014 to hit a new record at RM701.2 million. The 2.7% growth was respectable within a scenario of narrowing costs-to-income ratio. Performance indicators showed achievements that surpassed the banking system's average in several key areas. Return on equity ("ROE") was sustained at 19.9% against an industry average of 15.2%, while return on assets ("ROA") remained at 1.6% against an industry average of 1.5%.

KAD SKOR CEMERLANG

Tahun 2014 merupakan tempoh yang cukup menguji industri, tetapi saya gembira untuk melaporkan bahawa Bank Islam berjaya mengharungi satu lagi tahun dengan memperoleh keuntungan yang stabil, kualiti aset yang kukuh, permodalan yang sihat dan margin pembiayaan bersih yang mampan. Pencapaian ini sangat membanggakan dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang tidak menentu, pengawalseliaan yang semakin meningkat, perolehan pasaran yang berkurangan dan persaingan yang semakin meningkat.

Keuntungan sebelum cukai dan zakat bagi tahun 2014 meningkat sebanyak RM18.2 juta dan mencecah rekod baharu pada RM701.2 juta. Pertumbuhan sebanyak 2.7% ini dianggap cemerlang dalam senario nisbah kos-kepada-pendapatan yang semakin mengecil. Penunjuk prestasi menunjukkan pencapaian yang melebihi purata sistem perbankan dalam beberapa bidang utama. Pulangan ekuiti ("ROE") kekal pada 19.9% berbanding purata industri sebanyak 15.2%, manakala pulangan aset ("ROA") kekal pada 1.6% berbanding purata industri sebanyak 1.5%.

These show that we have advanced on the right track in accordance to our Hijrah to Excellence (“H2E”) strategic blueprint. H2E has sustained the Bank’s steady progress since 2013, and will continue to navigate us through 2015, which is expected to be another challenging year for the industry.

The Bank’s performance was mainly driven by robust financing growth of 24.4% which saw fund based income expanding by 17.3%. Non-fund based income was maintained with slight improvement of 1.3% supported by foreign exchange related business and investment income. Cost-to-income ratio reduced to 51.9% from 54.1% in 2013 as a result of continuous efforts in managing costs by optimising resources.

The strong financing growth was accompanied by an improvement in asset quality, a testament to the Bank’s continued commitment to secure quality financings through prudent underwriting standards, stringent risk management practices and aggressive recovery efforts. Total assets grew by 7% as we continued to implement strategies to right size the balance sheet. Gross impaired financing ratio continued

to strengthen at 1.1%; and net impaired financing ratio of -0.8%. Bank Islam’s financing loss coverage ratio held strong at 170.4%, way ahead of the banking system’s 106.8%.

Bank Islam’s strong profit performance, healthy capitalisation and a conservative liquidity and funding profile are acknowledged by the industry as evidenced by its improved long-term RAM rating and reaffirmed short term P1 rating. RAM Ratings has upgraded Bank Islam’s long-term financial institution rating from A₁/Stable to AA₃/Stable based on the Bank’s improved asset-quality indicators, and taking cognisance of Tabung Haji’s active support of the Bank’s business expansion.

Customer deposits expanded by 10.1% bringing the year’s total to RM41 billion from RM37.3 billion a year ago. Bank Islam continues to leverage on Current Account Savings Account (“CASA”) at 38.1%, compared with the 24.8% average of the Malaysian Islamic banking industry. With robust financing growth, the Bank continues to steadily increase its financing-to-deposits ratio to 73.4% from last year’s 65%.

Pencapaian ini menunjukkan bahawa kami berada pada landasan yang betul mengikut pelan tindakan strategik Hijrah ke Arah Kecemerlangan (“H2E”). H2E telah mengekalkan kemajuan yang berterusan bagi Bank sejak 2013, dan akan terus membimbing kami sepanjang 2015, yang dijangka menjadi satu lagi tahun yang mencabar bagi industri.

Prestasi Bank didorong terutamanya oleh pertumbuhan pembiayaan yang kukuh sebanyak 24.4% yang menyaksikan pendapatan berasaskan dana berkembang sebanyak 17.3%. Pendapatan berasaskan bukan dana dikekalkan dengan sedikit peningkatan sebanyak 1.3% yang disokong oleh perniagaan berkaitan pertukaran asing dan pendapatan pelaburan. Nisbah kos-kepada-pendapatan berkurangan kepada 51.9% daripada 54.1% pada 2013 hasil usaha yang berterusan dalam menguruskan kos dengan mengoptimumkan sumber.

Pertumbuhan pembiayaan yang kukuh ini diiringi oleh peningkatan dalam kualiti aset, dan merupakan bukti komitmen berterusan Bank untuk mendapatkan pembiayaan berkualiti menerusi standard penajaan jamin yang berhemat, amalan pengurusan risiko yang ketat dan usaha pemulihan yang agresif. Jumlah aset meningkat sebanyak 7% sambil kami terus melaksanakan strategi untuk mengawal kunci kira-kira. Nisbah pembiayaan terjejas kasar terus kukuh pada 1.1%; dan

nisbah pembiayaan terjejas bersih sebanyak -0.8%. Nisbah perlindungan kerugian pembiayaan Bank Islam kekal kukuh pada 170.4%, jauh melebihi nisbah sistem perbankan iaitu 106.8%.

Prestasi keuntungan Bank Islam yang kukuh, permodalan yang sihat, serta profil kecairan dan pembiayaan yang konservatif sememangnya diakui oleh industri seperti yang dibuktikan oleh penarafan jangka panjang RAM yang bertambah baik dan penarafan jangka pendek P1 yang disahkan semula. RAM Ratings telah menaikkan penarafan institusi kewangan jangka panjang Bank Islam daripada A₁/Stabil kepada AA₃/Stabil berdasarkan penunjuk kualiti aset Bank yang lebih baik, dan dengan mengambil kira sokongan aktif Tabung Haji terhadap pengembangan perniagaan Bank.

Deposit pelanggan meningkat sebanyak 10.1% dan menjadikan jumlah keseluruhan pada tahun ini kepada RM41 bilion daripada RM37.3 bilion setahun yang lalu. Bank Islam terus memanfaatkan Akaun Semasa Akaun Simpanan (“CASA”) pada 38.1%, berbanding purata 24.8% bagi industri perbankan Islam di Malaysia. Dengan pertumbuhan pembiayaan yang kukuh, Bank terus meningkatkan nisbah pembiayaan-kepada-depositnya kepada 73.4% berbanding 65% pada tahun lepas.

MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

Capitalisation remains strong for the Bank going forward as we remained mindful of our capital needs and took timely steps to engage in capital raising exercise in light of H2E growth initiatives. The Bank obtained Bank Negara Malaysia's ("BNM") approval for a RM1 billion Murabahah Sukuk programme. In April 2015, the Bank issued the first tranche of RM300 million. This puts us in good position to leverage on further opportunities going forward.

OPTIMISING OPPORTUNITIES

With the changing climate of 2014, new opportunities emerged, taking the Islamic banking industry to new frontiers. As the flagbearer of the Islamic banking industry, Bank Islam kept itself at the forefront of new happenings. It remains poised and ready to pioneer change.

The implementation of Islamic Finance Services Act 2013 ("IFSA 2013") brought about the need to re-classify existing deposit products based on the underlying Shariah contracts to differentiate between deposit and investment accounts. Under the IFSA 2013, all existing Islamic deposit products that apply the Shariah contracts of Mudharabah, Musharakah and Wakalah are now classified as investment products. Investment accounts can be structured with different risk and return profiles that vary in accordance with the characteristics of the underlying assets and can be customised to cater for investors' varying risk appetite. Such a move is an alternative way to mobilise capital to support those who have viable business models with limited resources, in line with the Islamic finance concept which emphasises risk sharing. The timely introduction of IFSA fortifies our nation's dynamic leadership in Islamic finance, as it advances the development of a robust end-to-end Shariah-compliant regulatory framework that will serve as a model for other countries. As the first Islamic bank, we welcome these changes that will enhance the value proposition of Islamic finance and the vibrancy of the industry.

Permodalan Bank pada masa depan kekal kukuh kerana kami tetap prihatin terhadap keperluan modal dan mengambil langkah yang tepat pada masanya untuk melibatkan diri dalam aktiviti penjana modal berdasarkan inisiatif pertumbuhan H2E. Bank mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk program Sukuk Murabahah bernilai RM1 bilion. Pada bulan April 2015, Bank telah menerbitkan tranche pertama sebanyak RM300 juta. Penerbitan ini meletakkan kami dalam kedudukan yang baik untuk memanfaatkan lebih banyak peluang pada masa depan.

MENGOPTIMUMKAN PELUANG

Dengan keadaan ekonomi yang berubah-ubah pada 2014, muncul peluang baharu yang membawa industri perbankan Islam kepada sempadan baharu. Sebagai peneraju industri perbankan Islam, Bank Islam memastikan ia sentiasa berada di barisan hadapan dalam pencapaian baharu. Bank kekal yakin dan bersedia untuk merintis perubahan.

Pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA 2013") menyebabkan timbulnya keperluan untuk mengklasifikasikan semula produk deposit berasaskan kontrak Syariah untuk membezakan antara akaun deposit dengan pelaburan. Di bawah IFSA 2013, semua produk deposit Islam sedia ada yang mengguna pakai kontrak Syariah Mudharabah, Musarakah dan Wakalah kini diklasifikasikan sebagai produk pelaburan. Akaun pelaburan boleh distrukturkan dengan profil risiko dan pulangan yang berbeza mengikut ciri aset dasar dan boleh disesuaikan mengikut keadaan untuk memenuhi tanggungan risiko pelabur yang pelbagai. Langkah sedemikian ialah cara alternatif untuk menggerakkan modal bagi menyokong mereka yang mempunyai model perniagaan yang berdaya maju tetapi dengan sumber yang terhad, sejajar dengan konsep kewangan Islam yang menekankan perkongsian risiko. Pengenalan IFSA yang tepat pada masanya menguatkan kepimpinan dinamik negara kita dalam kewangan Islam, sambil ia memajukan pembangunan rangka kerja kawal selia patuh Syariah hujung-ke-hujung yang kukuh dan akan menjadi model bagi negara lain. Sebagai bank Islam yang pertama, kami mengalu-alukan perubahan ini yang akan meningkatkan lagi nilai saranan kewangan Islam serta kerancangan industri tersebut.

Responding swiftly to fulfil the IFSA requirements, in 2014, Bank Islam engaged in a major reclassification exercise of its products and focused on innovating new products to fill in the gaps. In April 2014, the Bank launched Term Deposit-i (Tawarruq) ["TDT-i"], a PIDM-guaranteed deposit account offering the flexibility of managing funds according to short or long-term needs.

During the year, Bank Islam also became one of the four founding financial institutions to spearhead the Shariah-based Investment Account Platform ("IAP"), an initiative based on the IFSA 2013 framework. The Budget 2015 speech by the Prime Minister has announced the IAP initiative with a start-up fund of RM150 million. The IAP is conceptualised as a new marketplace where businesses can seek financing; whilst providing participating banks with the framework to offer investors a wider range of Shariah-compliant investment options with potential higher returns than normal deposits and provide ventures with new source of funding. Profit earned by individual investors from qualifying investment made through IAP is accorded income tax exemption until 31 August 2018.

The IAP will serve as a centralised multi-bank platform that will allow customers to view and choose from a wider range of ventures sponsored by different Islamic banks for the customers to invest and track their investments. The platform will eventually be integrated with the existing payment infrastructures and the IT system of the Islamic banks to facilitate the transfer of funds from customers at the inception of the financing, and the periodic profit payments and the principal payment at the end of the financing period. This will expand Islamic banks' involvement in new frontiers of financial activities and provide impetus for further growth opportunities. It is also a move in the right direction towards expanding the role of Islamic banks from credit provider to investment intermediary as advocated by BNM's Governor, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Pada 2014, Bank Islam mengambil tindakan segera untuk memenuhi keperluan IFSA dan terlibat dalam aktiviti pengklasifikasian semula produknya secara besar-besaran serta memberikan tumpuan pada inovasi produk baharu untuk meluaskan pangkalan pelanggannya. Pada bulan April 2014, Bank telah melancarkan Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) ["TDT-i"], iaitu akaun deposit jaminan PIDM yang menawarkan fleksibiliti dalam pengurusan dana mengikut keperluan jangka pendek atau panjang.

Pada tahun itu, Bank Islam juga menjadi salah satu daripada empat institusi kewangan pengasas yang menerajui Platform Akaun Pelaburan ("IAP") berasaskan Syariah, iaitu inisiatif berdasarkan rangka kerja IFSA 2013. Ucapan Bajet 2015 oleh Perdana Menteri mengumumkan inisiatif IAP ini dengan dana permulaan sebanyak RM150 juta. IAP dikonsepsikan sebagai pasaran baharu di mana perniagaan boleh mendapatkan pembiayaan; dan pada masa yang sama menyediakan bank yang mengambil bahagian dengan rangka kerja yang menawarkan pilihan pelaburan patuh Syariah yang lebih luas kepada pelabur dengan potensi pulangan yang lebih tinggi daripada deposit biasa serta menyediakan usaha niaga dengan sumber pembiayaan baharu. Keuntungan yang diperoleh oleh pelabur individu daripada pelaburan layak yang dibuat menerusi IAP diberikan pengecualian cukai pendapatan sehingga 31 Ogos 2018.

IAP berfungsi sebagai platform pelbagai bank terpusat yang akan membolehkan pelanggan melihat dan memilih pelbagai jenis usaha niaga yang ditaja oleh bank-bank Islam yang berlainan untuk pelanggan membuat dan menjejaki pelaburan mereka. Platform ini akhirnya akan disepadukan dengan infrastruktur pembayaran sedia ada dan sistem IT bank-bank Islam tersebut untuk memudahkan pemindahan dana daripada pelanggan pada permulaan pembiayaan, serta pembayaran keuntungan berkala dan pembayaran wang pokok pada akhir tempoh pembiayaan. Hal ini akan memperluaskan pelibatan bank-bank Islam dalam sempadan baharu aktiviti kewangan dan memberi dorongan untuk peluang pertumbuhan seterusnya. Ia juga merupakan langkah yang betul ke arah memperluaskan peranan bank-bank Islam daripada pembekal kredit hingga perantara pelaburan seperti yang diperjuangkan oleh Gabenor BNM, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

Capitalising on its leadership and expertise, the Bank took the lead to market the very first Shariah-compliant Restricted Investment Account ("RIA") under the IFSA 2013 framework. The product – Tabung Haji Restricted Investment Account ("TH-RIA") – was a collaboration between Lembaga Tabung Haji and Bank Islam, in response to the government's call to support Bumiputera entrepreneurs and small medium enterprises ("SMEs") with better financing. The Prime Minister, Datuk Sri Najib Tun Razak launched the RM200 million TH-RIA, known as Al-Ansar fund on 2 April 2015.

Leveraging on this success, the Bank will also embark on the next phase in offering new products under the Investment Account ("IA") framework. These will encompass the aforementioned RIA and Unrestricted Investment Accounts ("U-RIA"). RIA is an investment account where a specific mandate is given to the bank with regards to the purpose, asset class, economic sector and period of investment whereas U-RIA allows the bank to make the ultimate investment decision without specifying any particular restriction or condition. During the year, Bank Islam redesigned its existing

Al-Awfar account to become the first Islamic transactional U-RIA that offers cash prizes to its customers. The new Al-Awfar will be based on the underlying house financing assets which provide minimal risk for the investors in terms of principal.

The new IA framework will allow the Bank to benefit from capital relief for the underlying assets and exemption from Eligible Liabilities ("EL") for Statutory Requirement Reserve ("SRR") calculation required by BNM. In fact, the IA framework is now seen by many, as a catalyst for Islamic banks to move towards "risk sharing" product offerings in line with the true spirit of Islamic finance. Furthermore, financing under the contracts of Mudharabah, Musyarakah and Istisna will permit the Bank to source financing from investors who expect returns to commensurate with the risk taken. We expect the development of more IA products in the future will give a competitive edge to Islamic finance. In this regard, we will continue to play our role as the flagbearer of Islamic banking to educate the industry.

In search of growth opportunities, Bank Islam is focusing on deepening customer share of wallet with existing customers. Several customer retention initiatives were implemented as a form of appreciation.

Bank yang memanfaatkan kepimpinan dan kepakarannya menjadi peneraju dalam pemasaran Akaun Pelaburan Terhad ("RIA") patuh Syariah pertama di bawah rangka kerja IFSA 2013. Produk tersebut – Akaun Pelaburan Terhad Tabung Haji ("TH-RIA") – merupakan kerjasama antara Lembaga Tabung Haji dengan Bank Islam, sebagai menyahut seruan kerajaan untuk menyokong usahawan Bumiputera dan perusahaan kecil dan sederhana ("PKS") dengan menyediakan pembiayaan yang lebih baik. Pada 2 April 2015, Perdana Menteri, Datuk Sri Najib Tun Razak melancarkan TH-RIA berjumlah RM200 juta yang dikenali sebagai Dana Al-Ansar.

Dengan memanfaatkan kejayaan ini, Bank juga akan melaksanakan fasa seterusnya dalam menawarkan produk baharu di bawah rangka kerja Akaun Pelaburan ("IA"). Produk ini akan merangkumi RIA seperti yang dinyatakan di atas dan Akaun Pelaburan Tidak Terhad ("U-RIA"). RIA ialah akaun pelaburan yang memberikan mandat khusus kepada bank berkaitan dengan tujuan, kelas aset, sektor ekonomi dan tempoh pelaburan manakala U-RIA membenarkan bank membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat yang tertentu. Pada tahun itu, Bank Islam mereka semula akaun Al-Awfar sedia ada untuk menjadi

urus niaga U-RIA Islam pertama yang menawarkan hadiah wang tunai kepada pelanggannya. Al-Awfar baharu ini adalah berdasarkan aset dasar pembiayaan rumah yang memberikan risiko minimum kepada pelabur dari segi pelaburan pokok.

Rangka kerja IA yang baharu ini akan membolehkan Bank mendapat manfaat daripada pelepasan modal bagi aset dasar dan pengecualian daripada Tanggungan Layak ("EL") untuk pengiraan Keperluan Rizab Berkanun ("SRR") yang dikehendaki oleh BNM. Malah, rangka kerja IA itu kini dilihat oleh banyak pihak sebagai pemangkin bagi bank-bank Islam untuk beralih kepada penawaran produk "perkongsian risiko" selaras dengan semangat sebenar kewangan Islam. Tambahan pula, pembiayaan di bawah kontrak Mudharabah, Musyarakah dan Istisna membenarkan Bank untuk mendapatkan pembiayaan daripada pelabur yang mengharapkan pulangan yang setimpal dengan risiko yang diambil. Kami menjangkakan pembangunan produk IA yang lebih banyak pada masa depan akan memberikan kelebihan daya saing kepada kewangan Islam. Dalam hal ini, kami akan terus memainkan peranan kami sebagai peneraju perbankan Islam untuk mendidik industri.

Dalam mencari peluang pertumbuhan, Bank Islam memberikan tumpuan terhadap peningkatan peratusan perbelanjaan (share of wallet) pelanggan dengan pelanggan sedia ada. Beberapa inisiatif pengekalan pelanggan telah dilaksanakan sebagai tanda penghargaan.

In line with this, while continuing to leverage on its core foundation of retail banking, the Bank is navigating new inroads to grow its strength in commercial and corporate banking by capitalising on its relationship with existing clients, as well as acquiring new clients.

OPTIMISING CUSTOMER EXPERIENCE

Bank Islam's journey towards greater customer service excellence continues undeterred with the achievement of several new milestones. Enhancing customer experience is a key business growth driver. The new breed of banking customers demand more control over their banking relationships, expect greater sense of advocacy, and are less tolerant of poor service quality. Along with innovative product offerings and competitive pricing, customer experience defines the bank's value proposition and generates high customer retention and business referrals. The paradigm shift from 'product-based' to 'customer centric' mindset under the Hijrah to Excellent plan entails restructuring internal business process, aligning technologies and processes to drive customer engagement as well as creating a

customer centric culture. A key challenge was to encourage its 4,200 employees to provide high quality services across segments by establishing a system of shared values and behaviour for employees to focus on improving customer experience. Bank Islam continuously invests in both soft skill and technical or on-the-job training for its employees to ensure that they are skilled and competent to deliver the highest quality of professional services to its customers. During the year, the key performance indicators were enhanced to give greater emphasis on customer service and franchise value of the Bank.

Steadily expanding our footprint across the nation, Bank Islam now has the widest dedicated Islamic banking network in Malaysia with 142 branches and 1,176 self-service terminals across the country, servicing more than five million customers nationwide. Branches are being remodelled and 68 branches now have an Internet kiosk for greater convenience. The Bank also continuously strives to improve management of Self-Service Terminals ("SST") to meet the requirements of our customers.

Selaras dengan ini, selain terus memanfaatkan asas teras perbankan runcit, Bank sedang menembusi pasaran baharu untuk meningkatkan kekuatannya dalam perbankan komersil dan korporat dengan memanfaatkan hubungan dengan pelanggan sedia ada serta mendapatkan pelanggan baharu.

MENGOPTIMUMKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Perjalanan Bank Islam ke arah perkhidmatan pelanggan yang lebih cemerlang diteruskan tanpa halangan dengan pencapaian beberapa kejayaan baharu. Peningkatan pengalaman pelanggan ialah pamacu utama pertumbuhan perniagaan. Pelanggan perbankan golongan baharu menuntut lebih kawalan ke atas hubungan perbankan mereka, mengharapkan lebih sokongan, dan kurang toleran terhadap kualiti perkhidmatan yang rendah. Selain penawaran produk inovatif dan harga yang kompetitif, pengalaman pelanggan mentakrifkan nilai saranan bank dan menyebabkan pengekaln pelanggan dan rujukan perniagaan yang tinggi. Anjakan paradigma daripada penetapan minda 'berasaskan produk' kepada 'mengutamakan pelanggan' di bawah pelan Hijrah ke Arah Kecemerlangan melibatkan penyusunan semula proses dalaman perniagaan, penjajaran teknologi dan proses untuk memacu

pelibatan pelanggan serta pewujudan budaya mengutamakan pelanggan. Cabaran utama adalah menggalakkan 4,200 pekerja Bank Islam untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi di seluruh segmen dengan mewujudkan sistem perkongsian nilai dan tingkah laku yang menumpukan aktiviti pekerja pada peningkatan pengalaman pelanggan. Bank Islam terus membuat pelaburan dalam latihan kemahiran insaniah dan teknikal atau latihan semasa bekerja bagi pekerjaannya untuk memastikan mereka mahir dan cekap dalam memberikan kualiti perkhidmatan profesional tertinggi kepada pelanggannya. Pada 2014, penunjuk prestasi utama telah dipertingkat untuk memberi lebih penekanan terhadap perkhidmatan pelanggan dan nilai francais Bank.

Bank Islam semakin bertapak di seluruh negara dan kini memiliki rangkaian perbankan Islam yang khusus dan paling meluas di Malaysia dengan 142 cawangan dan 1,176 terminal layan diri di seluruh negara, memberikan perkhidmatan kepada lebih daripada lima juta pelanggan di Malaysia. Cawangan diberi wajah baharu dan 68 cawangan kini mempunyai kiosk Internet untuk kemudahan yang lebih baik. Bank juga terus berusaha untuk memperbaiki pengurusan Terminal Layan Diri ("SST") bagi memenuhi keperluan pelanggan kami.

MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

Bank Islam operates at all levels under the premise of making top customer service a number one priority. Bank Islam has been an innovative leader, constantly focused on developing and perfecting its Shariah compliant product offerings to provide more choice and value to our customers. Moreover, for Bank Islam, continuous improvement in automation is crucial, having worked towards developing more efficiently designed systems in meeting customer needs in a more straight forward and effective manner.

Transactions through electronic channels currently constitute around 90% of Bank Islam's total transactions. Automation has been driven forward by the Bank to improve convenience and access for customers. Meanwhile, the Bank continues to develop top level human interaction facilities to develop long lasting relationships with customers where electronic measures are not the best choice. Bank Islam also supports the government's agenda to place importance on promoting financial inclusiveness by pursuing under-penetrated markets, giving these customers the opportunities to enjoy the benefits of electronic payments.

Bank Islam beroperasi pada semua peringkat dengan tujuan menjadikan perkhidmatan pelanggan terbaik sebagai keutamaan nombor satu. Bank Islam telah menjadi pemimpin yang inovatif, sentiasa memberi tumpuan pada membangunkan dan menyempurnakan penawaran produk patuh Syariah untuk menyediakan lebih banyak pilihan dan nilai kepada pelanggan kami. Selain itu, bagi Bank Islam, peningkatan yang berterusan dalam automasi adalah penting, setelah berusaha ke arah membangunkan sistem dengan reka bentuk yang lebih efisien untuk memenuhi keperluan pelanggan dengan cara yang lebih mudah dan berkesan.

Urus niaga melalui saluran elektronik kini merangkumi kira-kira 90% daripada jumlah urus niaga Bank Islam. Automasi terus dimajukan oleh Bank untuk menambah baik kemudahan dan akses untuk pelanggan. Dalam pada itu, Bank terus membangunkan kemudahan interaksi manusia tahap tertinggi untuk membina hubungan yang berkekalan dengan pelanggan jika langkah elektronik bukan pilihan yang terbaik. Bank Islam juga menyokong agenda kerajaan dengan meletakkan kepentingan dalam menggalakkan keterangkuman kewangan dengan menumpukan pasaran yang kurang ditembusi, lalu memberikan pelanggan peluang untuk menikmati manfaat pembayaran secara elektronik.

Furthermore, having invested in technology to improve systems and processes for greater cost efficiencies and productivity; in 2014 focus was directed on the enhancement of the Bank's Internet banking platform which resulted in a 49.8% growth in average user registration.

Bank Islam has also been awarded the Top Merchant Acquirer for B2C honour by Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd ("MyClear"). The award is in recognition of the Bank's outstanding performance where it has managed to record more than 15% growth in the FPX B2C Transaction volume as compared to last year. Bank Islam's merchant base has also grown ten folds from the year 2012.

In line with these improvements the Bank also focuses on meeting and exceeding customer's expectations with employees dedicated in delivering efficient, personal, flexible and proactive services. In 2014, over 95% of frontline staff underwent Service Excellence Training towards this end.

Tambahan pula, selepas membuat pelaburan dalam teknologi untuk menambah baik sistem dan proses bagi kecekapan kos dan produktiviti yang lebih tinggi; tumpuan pada 2014 diarahkan kepada penambahbaikan platform perbankan Internet Bank yang menyebabkan pertumbuhan sebanyak 49.8% dalam purata pendaftaran pengguna.

Bank Islam juga telah dianugerahkan Saudagar Pemeroleh Terbaik bagi B2C oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd ("MyClear"). Anugerah ini adalah sebagai pengiktirafan prestasi cemerlang Bank apabila ia berjaya mencatatkan lebih daripada 15% pertumbuhan dalam jumlah Urus Niaga FPX B2C berbanding tahun lepas. Pangkalan saudagar Bank Islam turut meningkat sebanyak sepuluh kali ganda daripada 2012.

Selaras dengan peningkatan ini, Bank juga memberikan tumpuan terhadap memenuhi dan melebihi jangkaan pelanggan dengan pekerja yang berdedikasi dalam menyampaikan perkhidmatan yang cekap, peribadi, fleksibel dan proaktif. Pada 2014, lebih daripada 95% kakitangan barisan hadapan menjalani Latihan Kecemerlangan Perkhidmatan bagi mencapai matlamat ini.

Many other customer service campaigns and programmes have been put in place, including the establishment of a dedicated Customer Service Quality team. The Bank uses a social medium network such as Facebook to enrich customer experience and engage customers' expectations. We will continue our efforts in service excellence as a key driver towards sustaining growth in a market of intensified competition. Our staff are geared to further enhance service delivery through service differentiation that positively impacts time and cost savings for our consumers, as well as leaves a lasting impression.

OPTIMISING A SUPERIOR WORKFORCE

The Bank has foreseen the escalating war of talent that currently presents a major challenge within the fast growing Islamic finance sector. The high demand for professionals versed in Islamic finance will only heighten given the still promising growth potential of the sector. In overcoming this challenge the Bank has invested in

developing the potential of its current workforce, grooming talent of the future and becoming an employer of choice. We now also heighten our commitment towards developing a superior workforce in seeking to realise a fresh generation of ethical, high performing professionals.

In 2014, the Bank continued to invest RM10 million to enrich learning and development capacity for its 4,242 strong workforce. Employee engagement strategies that encompass talent management and succession planning across all levels of employment continue to be enhanced and this has significantly lowered staff attrition rate to 3.9%.

In 2014's 100 Leading Graduate Employers Poll conducted by GTI Media and powered by the Trendence Graduate Barometer, the Bank has also made respectable strides in its journey towards becoming an Employer of Choice. Bank Islam ranks top 16th as most popular employer (from 51st in 2013) and amongst the top 3 in Malaysia's Banking and Financial Services.

Banyak kempen dan program perkhidmatan pelanggan lain telah diadakan, termasuk penubuhan pasukan Kualiti Khidmat Pelanggan yang berdedikasi. Bank menggunakan rangkaian media sosial seperti Facebook untuk memperkayakan pengalaman pelanggan dan memenuhi jangkaan mereka. Kami akan meneruskan usaha dalam kecemerlangan perkhidmatan sebagai pamacu utama ke arah mengekalkan pertumbuhan dalam pasaran dengan persaingan yang semakin meningkat. Kakitangan kami bersedia untuk meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan menerusi pembezaan perkhidmatan yang memberikan kesan positif terhadap masa dan penjimatan kos pengguna, serta meninggalkan kesan yang mendalam.

MENGOPTIMUMKAN TENAGA KERJA YANG UNGGUL

Bank telah menjangka perang bakat yang semakin meningkat dan kini merupakan cabaran utama dalam sektor kewangan Islam yang sedang pesat berkembang. Permintaan yang tinggi terhadap ahli profesional yang mahir dalam kewangan Islam akan semakin meningkat memandangkan potensi pertumbuhan yang masih


tinggi bagi sektor ini. Bagi mengatasi cabaran ini, Bank telah membuat pelaburan untuk membangunkan potensi tenaga kerja semasanya, mengasah bakat masa depan dan menjadi majikan pilihan. Kini, kami juga meningkatkan komitmen ke arah membangunkan tenaga kerja yang unggul dalam usaha untuk merealisasikan generasi baharu ahli profesional yang berprestasi tinggi dan beretika.

Pada 2014, Bank terus melabur sebanyak RM10 juta untuk memperkayakan pembelajaran dan keupayaan pembangunan 4,242 tenaga kerjanya. Strategi pelibatan pekerja yang merangkumi pengurusan bakat dan pelan penggantian pada setiap peringkat pekerjaan terus dipertingkatkan dan strategi ini telah menurunkan kadar atrisi kakitangan dengan ketara kepada 3.9%.

Dalam Pengundian 100 Majikan Siswazah Paling Utama 2014 yang dijalankan oleh GTI Media dan digerakkan oleh Trendence Graduate Barometer, Bank juga telah mencapai kemajuan yang cemerlang dalam usahanya menjadi Majikan Pilihan. Bank Islam berada pada kedudukan ke-16 teratas sebagai majikan yang paling popular (daripada kedudukan ke-51 pada 2013) dan adalah antara 3 bank teratas dalam Perbankan dan Perkhidmatan Kewangan di Malaysia.

SNAPSHOT OF BANK ISLAM

**TOTAL
NUMBER OF:
JUMLAH:**



CONSUMER BANKING

REMAINS AS THE MAIN REVENUE CONTRIBUTOR


PERBANKAN PENGGUNA

MASIH MERUPAKAN PENYUMBANG UTAMA PENDAPATAN



Fund Based Income
Pendapatan Berdasarkan Dana

RM1,254.4
MILLION



2014

Total Income

Jumlah Pendapatan

RM1,385.5
MILLION

Non-Fund Based Income
Pendapatan Bukan Berdasarkan Dana

RM131.1
MILLION

al-awfar junior

Al-Awfar Deposit
Deposit Al-Awfar

RM2.03
BILLION



Debit Card Base

Jumlah Dagangan Debit Kad

665,300

MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

REVIEW OF BUSINESS OPERATIONS

Consumer Banking

2014 Highlights

- Key business driver contributing 57% of the Bank's total revenue
- Sustained growth of 22.6% for financing and 14.7% for revenue
- Strong quality of financing portfolio with gross impaired financing of 0.7%
- No. 1 Visa Islamic Debit Card (Highest Purchase Volume) in Malaysia for 2014

Predominantly a retail bank, consumer banking continued to be Bank Islam's forte contributing approximately 74% of the Bank's total financing. As the winner of the Most Outstanding Islamic Retail Banking Award from KLIFF Islamic Finance Awards 2014, we are proud of our achievements as these show that our role and presence are recognised by the industry.

The Bank constantly strives to meet evolving customer expectations and our strength hinges on being innovative in delivering service excellence. The Bank was the first to innovate and market new Islamic offerings such as Transact-at-Palm Mobile Banking-i ("TAP-i"), unique benefits such as Payment Holiday for house financing customers and was the first bank to introduce personal financing based on floating rate.

For 2014, consumer financing growth was driven by a 36% increase in house and fixed asset financing, spurred on by the Bank's focus on strategic locations and reputable developers, as well as its strategy to cross market house financing to the existing good clientele base and staff under the Employer Tie-Up Package financing.

ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

Perbankan Pengguna

Sorotan 2014

- Pemacu perniagaan utama yang menyumbang sebanyak 57% daripada jumlah hasil Bank
- Pertumbuhan yang mampan sebanyak 22.6% bagi pembiayaan dan 14.7% bagi pendapatan
- Portfolio pembiayaan yang berkualiti tinggi dengan pembiayaan terjejas kasar sebanyak 0.7%
- Kad Debit Islam Visa No. 1 (Jumlah Pembelian Tertinggi) di Malaysia bagi 2014

Walaupun Bank Islam lebih merupakan bank runcit, perbankan pengguna terus menjadi kekuatan Bank yang menyumbang kira-kira 74% daripada jumlah pembiayaan Bank. Sebagai pemenang Anugerah Perbankan Runcit Islam Paling Cemerlang daripada Anugerah Kewangan Islam KLIFF 2014, kami berbangga dengan pencapaian ini kerana ia menunjukkan bahawa peranan dan kehadiran kami diiktiraf oleh industri.

Bank sentiasa berusaha untuk memenuhi jangkaan pelanggan yang sentiasa berubah dan kekuatan kami bergantung pada inovasi dalam menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang. Bank Islam ialah bank pertama yang memperkenalkan dan memasarkan penawaran Islam baharu seperti Perbankan Mudah Alih-i Transact-at-Palm ("TAP-i"), manfaat unik seperti Penangguhan Bayaran kepada pelanggan pembiayaan rumah dan juga merupakan bank pertama yang memperkenalkan pembiayaan peribadi berasaskan kadar terapung.

Pada 2014, pertumbuhan pembiayaan pengguna didorong oleh peningkatan sebanyak 36% dalam pembiayaan rumah dan aset tetap hasil tumpuan Bank pada lokasi strategik dan pemaju yang bereputasi baik, serta strateginya untuk memasar silang pembiayaan rumah pada pangkalan pelanggan baik sedia ada dan kakitangan di bawah Pakej Pembiayaan Rangkaian Majikan.

The Bank's pioneering personal financing ("PF") on a floating rate also continued to chart steady growth. The value proposition that Bank Islam's PF offers is not only limited to the pricing strategy but includes hassle-free transaction through salary deduction at source under the Employer Tie-Up Package financing. A dedicated PF programme has been developed for a selected target market.

The robust financing growth gives rise to placing paramount importance to risk management and enhancements to underwriting standards to ensure asset quality is sustained. For instance, the Bank has increased its vigilance and tightened its PF criteria to include a lower debt service ratio and a higher minimum salary requirement. The Bank's personal-financing facilities are mainly granted to employees of government agencies and government-linked entities. The vast majority of such financing facilities are granted with salary deduction or salary-transfer mechanisms, which partially mitigate the risk of non-payment. In addition, the robust growth of house and fixed asset financing has contributed to the improvement of the Bank's

overall secured financing ratio to 48.4% in December 2014 from 42.8% a year ago. As part of its move to diversify its portfolio risk, the Bank's consumer financing composition continued to improve with reduced reliance on personal financing, a higher floating rate financing mix and increased secured financing portfolio. Risk based pricing was also introduced to differentiate credit profiles. Overall, the Bank's Consumer Banking Division's low gross impaired financing ratio at 0.7% indicates that investments made to facilitate a robust collection approach and ensure strong asset quality continue to pay off.

Stiff competition among banks for CASA has intensified. To this end, the Bank continued to emphasise on winning propositions of current products, launched a loyalty programme and continued to fortify its lead as a leading debit card player in the market as attested by its being recognised with the No. 1 Visa Islamic Debit Card (Highest Purchase Volume) in Malaysia award.

Pembiayaan peribadi ("PF") perintis Bank berasaskan kadar terapung juga terus mencatatkan pertumbuhan yang stabil. Nilai saranan yang ditawarkan oleh PF Bank Islam bukan sahaja terhad pada strategi penetapan harga tetapi termasuk urus niaga mudah menerusi potongan gaji daripada sumber di bawah Pakej Pembiayaan Rangkaian Majikan. Program PF khusus telah dibangunkan untuk pasaran sasaran terpilih.

Pertumbuhan pembiayaan yang kukuh menyebabkan perlunya pengurusan risiko dan penambahbaikan pada standard penajaan jamin dijadikan perkara paling utama untuk memastikan kualiti aset dikekalkan. Sebagai contoh, Bank telah meningkatkan kewaspadaannya dan mengetatkan kriteria PF untuk merangkumi nisbah khidmat hutang yang lebih rendah dan keperluan gaji minimum yang lebih tinggi. Kemudahan pembiayaan peribadi Bank kebanyakannya diberikan kepada kakitangan agensi kerajaan dan entiti berkaitan kerajaan. Sebahagian besar kemudahan pembiayaan itu diberikan dengan potongan gaji atau mekanisme pemindahan gaji, yang mengurangkan sebahagian daripada risiko peminjam tidak membayar. Selain itu, pertumbuhan pembiayaan rumah dan aset tetap yang kukuh telah menyumbang kepada peningkatan nisbah pembiayaan bercagar Bank secara

keseluruhan pada 48.4% pada bulan Disember 2014 daripada 42.8% setahun yang lalu. Sebagai sebahagian daripada langkah untuk mempelbagaikan risiko portfolionya, komposisi pembiayaan pengguna Bank terus bertambah baik dengan berkurangnya pergantungan terhadap pembiayaan peribadi, campuran pembiayaan kadar terapung yang lebih tinggi dan peningkatan portfolio pembiayaan bercagar. Harga berasaskan risiko juga diperkenalkan untuk membezakan profil kredit. Secara keseluruhan, nisbah pembiayaan terjejas kasar Bahagian Perbankan Pengguna Bank yang rendah pada 0.7% menunjukkan bahawa pelaburan yang dibuat untuk memudahkan pendekatan pengutipan yang kukuh dan memastikan aset yang berkualiti tinggi terus membuahkan hasil.

Persaingan sengit dalam kalangan bank untuk CASA juga semakin meningkat. Dalam hal ini, Bank terus memberi penekanan pada usul istimewa produk semasa, melancarkan program kesetiaan dan terus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju kad debit di pasaran seperti yang diperakui menerusi penganugerahan Kad Debit Islam Visa No. 1 (Jumlah Pembelian Tertinggi) di Malaysia.

MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

Al-Awfar – Bank Islam's no-frill savings account with unlimited winning opportunities – continued to generate growth, with individual deposits recording a total of RM238 million by end December 2014. Al-Awfar's winning proposition has created four millionaires in 2014. The campaign was designed specifically for both new and existing customers with a minimum amount of RM1,000 deposit amount to be eligible for the draw.

On 25 November 2014, the Bank launched Bank Islam TruRewards – its credit card loyalty programme that gives opportunity to customers to redeem their points for a variety of merchandise including cash vouchers. On the debit card front, a host of exclusive debit cards were also launched – the MyAngkasa Membership Card for members of the National Cooperative Body of Malaysia ("ANGKASA"); the co-branded Bank Islam Team Harimau Visa Debit Card-i for Harimau Malaya football fans; and two new University Debit Cards-i ("UniDebit") for students of University Malaysia Pahang ("UMP") and Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bank Islam's Unidebit card is a tailor-made programme to develop cashless student

community across the country. UniDebit card offers several additional functionalities over the standard debit card. It provides university and library access as well as university identification function. Universities students can now enjoy the advantages unique to this card in addition to all the conveniences and accessibility expected from a Visa debit card.

The award-winning TAP-i also helped generate 4.1% in fee based income during the year. TAP Mobile Banking-i operates with a chip containing the menu banking application designed to allow customers to conduct transactions without Internet usage or having to download any applications. Using this service, customers are able to perform a number of banking transactions including Mobile Interbank Fund Transfer ("mIBFT"), interbank GIRO, fund transfer and balance inquiry in addition to making bill payment and airtime reload as well as receiving SMS alerts. Services continue to be enhanced with the enabling of bill payment by Bank Islam Credit Card, pin-less prepaid reload for Digi and Celcom and a new feature introduced in December 2014 to make donations through TAP-Muslim Care.

Al-Awfar – akaun simpanan asas Bank Islam dengan peluang kemenangan tanpa had – terus menjana pertumbuhan, dengan deposit individu mencatatkan sejumlah RM238 juta pada akhir Disember 2014. Usul istimewa Al-Awfar telah melahirkan empat jutawan pada 2014. Kempen ini direka khusus untuk pelanggan baharu dan sedia ada dengan deposit minimum sebanyak RM1,000 untuk layak menyertai cabutan.

Pada 25 November 2014, Bank melancarkan Bank Islam TruRewards, iaitu program kesetiaan kad kredit yang memberi peluang kepada pelanggan untuk menebus mata mereka bagi pelbagai barangan termasuk baucar tunai. Di pasaran kad debit, pelbagai kad debit eksklusif juga dilancarkan – Kad Keahlian MyAngkasa untuk ahli Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia ("ANGKASA"); kad penjenamaan bersama iaitu Kad Debit-i VISA Bank Islam Team Harimau untuk penyokong pasukan bola sepak Harimau Malaya; dan dua Kad Debit Universiti-i ("UniDebit") baharu untuk pelajar Universiti Malaysia Pahang ("UMP") dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kad Unidebit Bank Islam ialah program yang direka khas untuk mewujudkan komuniti pelajar tanpa tunai di seluruh negara. Kad UniDebit menawarkan beberapa

fungsi tambahan berbanding kad debit standard. Ia memberikan akses universiti dan perpustakaan serta berfungsi sebagai kad pengenalan universiti. Pelajar universiti kini boleh menikmati kelebihan unik kad ini sebagai tambahan kepada semua kemudahan dan kebolehcapaian yang dijangka daripada kad debit Visa.

TAP-i yang memenangi anugerah turut membantu menjana 4.1% dalam pendapatan berasaskan fi pada 2014. Perbankan Mudah Alih TAP-i beroperasi dengan cip yang mengandungi menu aplikasi perbankan yang direka untuk membolehkan pelanggan menjalankan urusan niaga tanpa menggunakan Internet atau memuat turun apa-apa aplikasi. Dengan menggunakan perkhidmatan ini, pelanggan boleh melakukan pelbagai urusan niaga perbankan termasuk Pemindahan Dana antara Bank Mudah Alih ("mIBFT"), GIRO antara bank, pemindahan wang dan pertanyaan baki di samping membuat pembayaran bil dan pengisian semula prabayar serta menerima pemberitahuan SMS. Perkhidmatan terus dipertingkatkan dengan membolehkan pembayaran bil melalui Kad Kredit Bank Islam, pengisian semula prabayar Digi dan Celcom tanpa pin dan ciri baharu yang diperkenalkan pada bulan Disember 2014 untuk menderma menerusi TAP-Muslim Care.



Bank Islam's Ar-Rahnu business is part of the Bank's new agenda for financial inclusion and micro-financing targeting underserved communities such as small business operators and women entrepreneurs. The Ar-Rahnu business which currently has nine outlets nationwide, offers the benefits of Islamic pawn broking principles which promotes better fairness and transparency compared to the conventional pawn broking business. Recognising its huge market potential, the Bank continues to educate the public and create awareness of the Ar-Rahnu benefits.

Moving ahead, the consumer market will remain challenging mainly due to the highly competitive banking environment and more stringent macro-prudential measures. Notwithstanding the competitive landscape, the Bank intends to sustain growth momentum through its proven successful strategies, aggressive push for individual CASA and introduction of Unidebit Card through smart collaboration with universities; continuous cross-selling efforts and driving greater digital banking capabilities. Brand strategy, service delivery and product innovation will continue to be the three main thrusts of consumer banking growth strategy.



Perniagaan Ar-Rahnu Bank Islam adalah sebahagian daripada agenda baharu Bank untuk rangkuman kewangan dan pembiayaan mikro yang mensasarkan masyarakat yang kekurangan kemudahan seperti pengusaha perniagaan kecil dan usahawan wanita. Perniagaan Ar-Rahnu yang kini mempunyai sembilan cawangan di seluruh negara, menawarkan manfaat prinsip pajak gadai Islam yang menggalakkan keadilan dan ketelusan yang lebih baik berbanding perniagaan pajak gadai konvensional. Menyedari potensi pasarannya yang besar, Bank terus mendidik orang ramai dan mewujudkan kesedaran tentang manfaat Ar-Rahnu.

Pada masa depan, pasaran pengguna akan kekal mencabar disebabkan terutamanya oleh persekitaran perbankan yang sangat kompetitif dan langkah kehematan makro yang lebih ketat. Di sebalik landskap yang kompetitif, Bank berhasrat untuk mengekalkan momentum pertumbuhan menerusi strateginya yang terbukti berjaya; promosi agresif untuk CASA individu dan pengenalan Kad Unidebit melalui kerjasama pintar dengan universiti; usaha jualan silang yang berterusan dan memacu keupayaan perbankan digital yang lebih besar. Strategi jenama, penyampaian perkhidmatan dan inovasi produk akan terus menjadi tiga teras utama dalam strategi pertumbuhan perbankan pengguna.

MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

Commercial Banking

2014 Highlights

- Initiated the first Restricted Investment Account ("RIA")
- Respectable financing growth of 28.4%
- Total income growth of 18.5%

Bank Islam's commercial portfolio's overall growth remained strong in 2014 recording financing growth of 28.4% to RM4.1 billion from RM3.2 billion in 2013. Total income increased by 18.5% to RM208.7 million from RM176.1 million in 2013, with fund-based income contributing RM190.9 million and non-fund based, RM17.8 million.

Bank Islam's Commercial Banking Division continued to provide meaningful support to SMEs in meeting their financial needs, in line with government-initiated financing schemes and as part of the Bank's strategic focus. In 2014, the Bank continued to exceed the commitment set by BNM in extending financing to this sector, whereby a total of RM1.32 billion to the SME sector was approved. The Bank also assists SMEs via access to working capital guarantee scheme, contract financing, alliance with Malaysia Technology Development Corporation ("MTDC") and Lembaga Tabung Haji, and work closely with Credit Bureau Malaysia to identify SMEs that might need our services. Out of existing total commercial portfolio, 44% were dedicated to support SME segment.

Perbankan Komersil

Sorotan 2014

- Memulakan Akaun Pelaburan Terhad ("RIA") yang pertama
- Pertumbuhan pembiayaan yang cemerlang sebanyak 28.4%
- Jumlah pertumbuhan pendapatan sebanyak 18.5%

Pertumbuhan keseluruhan portfolio komersil Bank Islam kekal kukuh pada 2014 dan mencatatkan pertumbuhan pembiayaan sebanyak 28.4% kepada RM4.1 bilion daripada RM3.2 bilion pada 2013. Jumlah pendapatan meningkat sebanyak 18.5% kepada RM208.7 juta daripada RM176.1 juta pada 2013, dengan pendapatan berasaskan dana menyumbang RM190.9 juta dan pendapatan berasaskan bukan dana sebanyak RM17.8 juta.

Bahagian Perbankan Komersil Bank Islam terus memberi sokongan yang bermakna kepada PKS dalam memenuhi keperluan kewangan mereka, selaras dengan skim pembiayaan yang dimulakan oleh kerajaan dan sebagai sebahagian daripada tumpuan strategik Bank. Pada 2014, Bank terus melangkaui komitmen yang ditetapkan oleh BNM dalam memberikan pembiayaan kepada sektor ini, apabila sejumlah RM1.32 bilion diluluskan kepada sektor PKS. Bank juga membantu PKS melalui akses kepada skim jaminan modal kerja, pembiayaan kontrak, perhubungan dengan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia ("MTDC") dan Lembaga Tabung Haji, dan bekerja rapat dengan Biro Kredit Malaysia untuk mengenal pasti PKS yang mungkin memerlukan perkhidmatan kami. Daripada jumlah portfolio komersil sedia ada, 44% dikhususkan untuk menyokong segmen PKS.

The focus on assisting SMEs to seize opportunities for growth is part of the Bank's initiative to play an important role in the development of this segment. Business Premises Financing, Asset Financing and Capital Expenditure Financing for this market segment are the drivers of the Bank's secured financing portfolio. The progressive growth of the Bank's commercial portfolio is attributed to the continued emphasis and enhancement of the Bank's secured financing with floating rate pricing.

In 2014, overall year-on-year asset growth during the period under review was RM910.6 million – an increase of 21.2% from the previous financial year growth of RM751.5 million. Emerging Corporate and Business Premises Financing continued to be the key contributors with asset growth of RM663 million and RM106 million or 40.3% and 15.3% respectively.

The Bank's Commercial Banking Division's effectiveness in maintaining good quality customer base was reflected by a healthy 2.9% impaired financing ratio for its commercial portfolio. This reflected its success in adhering to a strategic business model that focuses on customers with good credit standing and proven track record, while attracting new relationships by providing financing on secured basis.

A new milestone was also achieved as the Bank optimised on opportunities in the Islamic banking industry by pioneering the first Shariah-compliant Restricted Investment Account ("RIA") product in Malaysia – Al-Ansar, a new RM200 million Lembaga Tabung Haji initiative in supporting economic empowerment of Muslim Bumiputera entrepreneurs in Malaysia. Launched on 2 April 2015 following the government's Budget 2015 announcement, Al-Ansar fund offers credit financing facility up to RM1 million per customer, to be disbursed by Bank Islam as the fund manager. Among the facilities offered for credit financing are term financing, working capital and capital expenditure with a term not exceeding five years.

Tumpuan terhadap membantu PKS untuk merebut peluang pertumbuhan adalah sebahagian daripada inisiatif Bank untuk memainkan peranan penting dalam pembangunan segmen ini. Pembiayaan Premis Perniagaan, Pembiayaan Aset dan Pembiayaan Perbelanjaan Modal bagi segmen pasaran ini adalah pamacu pembiayaan portfolio bercagar Bank. Pertumbuhan progresif portfolio komersil Bank adalah disebabkan penekanan dan penambahbaikan berterusan terhadap pembiayaan bercagar Bank dengan harga kadar terapung.

Pada 2014, pertumbuhan aset tahun ke tahun secara keseluruhan semasa tempoh tinjauan ialah RM910.6 juta – peningkatan sebanyak 21.1% daripada pertumbuhan tahun kewangan sebelumnya sebanyak RM751.7 juta. Pembiayaan Korporat Baharu Muncul dan Premis Perniagaan terus menjadi penyumbang utama dengan pertumbuhan aset masing-masing sebanyak RM663 juta dan RM106 juta, atau 40.3% dan 15.3%.

Keberkesanan Bahagian Perbankan Komersil Bank dalam mengekalkan pangkalan pelanggan yang berkualiti baik dicerminkan oleh nisbah pembiayaan terjejas yang sihat sebanyak 2.9% bagi portfolio komersilnya. Hal ini mencerminkan kejayaannya dalam mematuhi model perniagaan strategik yang memberi tumpuan terhadap pelanggan yang mempunyai kedudukan kredit dan rekod prestasi yang baik, sambil mewujudkan hubungan baharu dengan menyediakan pembiayaan secara bercagar.

Satu pencapaian baharu juga diperoleh selepas Bank mengoptimumkan peluang dalam industri perbankan Islam dengan merintis produk Akaun Pelaburan Terhad ("RIA") patuh Syariah pertama di Malaysia – Al-Ansar, iaitu inisiatif baharu Lembaga Tabung Haji bernilai RM200 juta untuk menyokong pemerikasaan ekonomi usahawan Bumiputera Islam di Malaysia. Dana Al-Ansar yang dilancarkan pada 2 April 2015 berikutan pengumuman Bajet 2015 kerajaan menawarkan kemudahan pembiayaan kredit sehingga RM1 juta bagi setiap pelanggan dan akan dikeluarkan oleh Bank Islam sebagai pengurus dana. Antara kemudahan yang disediakan untuk pembiayaan kredit adalah pembiayaan bertempoh, modal kerja dan perbelanjaan modal dengan tempoh tidak melebihi lima tahun.

MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

Industry sectors which are given preference in the implementation of this new initiative are halal food sector, oil and gas, education, health, agriculture and agro-based, construction, transport, telecommunications and support utilities, wholesale and retail, and hospitality. Towards this end, the Bank has developed the necessary IT infrastructure and dedicated marketing team to market the Al-Ansar fund to entrepreneurs and SMEs in these targeted industries.

The Bank also fulfilled its social responsibility to its customers by doing its part to assist victims of the East Coast floods at end 2014. The Bank has participated in Special Relief Facility ("SRF") under BNM to assist flood victims. To date, approximately RM5 million have been approved under this Scheme. As part of the effort in assisting its flood-affected customers, Bank Islam has provided a moratorium of up to six months for its financing products' monthly instalment payments.

Moving forward, Bank Islam is dedicating greater efforts to increase non-fund based income and improve CASA through collaboration with Cash Management. One of the key areas being looked into is the identification of existing customers' requirements to improve overall yield. Enhancing service delivery through continuous investment in system, people and processes is another core driver for future growth as the commercial banking team seeks to create more engaging relationships to penetrate and serve existing customers throughout their value chain.

Sektor industri yang diberi keutamaan dalam pelaksanaan inisiatif baharu ini ialah sektor makanan halal, minyak dan gas, pendidikan, kesihatan, pertanian dan asas tani, pembinaan, pengangkutan, telekomunikasi dan utiliti sokongan, borong dan runcit, dan hospitaliti. Bagi mencapai matlamat ini, Bank telah membangunkan infrastruktur IT yang diperlukan dan pasukan pemasaran yang berdedikasi untuk memasarkan dana Al-Ansar kepada usahawan dan PKS dalam industri yang disasarkan ini.

Bank juga memenuhi tanggungjawab sosial kepada para pelanggannya dengan melaksanakan peranannya untuk membantu mangsa banjir di Pantai Timur pada akhir 2014. Bank mengambil bahagian dalam Kemudahan Bantuan Khas ("SRF") di bawah BNM untuk membantu mangsa banjir. Sehingga kini, kira-kira RM5 juta telah diluluskan di bawah Skim ini. Sebagai sebahagian daripada usaha membantu pelanggan yang terjejas akibat banjir, Bank Islam telah memberikan moratorium sehingga enam bulan untuk bayaran ansuran bulanan produk pembiayaannya.

Melangkah ke hadapan, Bank Islam menumpukan lebih banyak usaha untuk meningkatkan pendapatan berasaskan bukan dana dan menambah baik CASA menerusi kerjasama dengan Pengurusan Tunai. Salah satu bidang utama yang dikaji ialah pengenaltian keperluan pelanggan sedia ada untuk memperbaiki hasil keseluruhan. Meningkatkan penyampaian perkhidmatan menerusi pelaburan yang berterusan dalam sistem, pekerja dan proses ialah satu lagi pemacu utama pertumbuhan masa depan sambil pasukan perbankan komersil berusaha untuk mewujudkan hubungan yang lebih erat untuk menembusi dan melayan pelanggan sedia ada di sepanjang rantai nilai mereka.



Corporate Banking

2014 Highlights

- Commendable increase in asset growth of 33.7%
- Total income growth of 20%
- Healthy asset quality with NPF of 0.8%

Bank Islam continues to strengthen its rapport with government agencies and government-linked entities to gradually enlarge the proportion of business financing (corporate and commercial) to 30%. Currently corporate and commercial constitute 25.8% of the total financing portfolio. For the Bank's corporate banking portfolio, the focus is on infrastructure and project financing. The Securities Commission's requirement for Shariah-compliant counters on Bursa Malaysia Securities to have not more than 33% of their cash and debts in conventional accounts has also given the Bank an opportunity to assist new and existing clients to maintain their Shariah compliant securities status.

The Bank's corporate banking portfolio recorded a commendable growth in 2014. Despite intensifying competition and uncertainty in the business environment, the Bank managed to chart significant asset growth during the period under review at RM886 million, an increase of 33.7% to RM3.5 billion. This was underpinned by strong expansion of existing customer portfolio as well as acquiring new business from the large corporate sectors.

Perbankan Korporat

Sorotan 2014

- Peningkatan yang memberangsangkan dalam pertumbuhan aset sebanyak 33.7%
- Jumlah pertumbuhan pendapatan sebanyak 20%
- Kualiti aset yang sihat dengan NPF sebanyak 0.8%

Bank Islam terus mengukuhkan hubungan baik dengan agensi kerajaan dan entiti berkaitan kerajaan untuk beransur-ansur membesarkan bahagian pembiayaan perniagaan (korporat dan komersil) kepada 30%. Pada masa ini, pembiayaan korporat dan komersil merangkumi 25.8% daripada portfolio pembiayaan keseluruhan. Bagi portfolio perbankan korporat Bank, tumpuan diberikan terhadap pembiayaan infrastruktur dan projek. Keperluan Suruhanjaya Sekuriti bagi kaunter patuh Syariah di Bursa Malaysia Securities supaya mempunyai tidak lebih daripada 33% wang tunai dan hutang dalam akaun konvensional juga telah memberikan Bank peluang untuk membantu pelanggan baharu dan sedia ada mengekalkan status sekuriti patuh Syariah mereka.

Portfolio perbankan korporat Bank mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan pada 2014. Walaupun terdapat persaingan yang semakin meningkat dan ketidakpastian dalam persekitaran perniagaan, Bank berjaya mencatat pertumbuhan aset yang ketara semasa tempoh tinjauan pada RM886 juta, iaitu peningkatan sebanyak 33.7% kepada RM3.5 bilion. Pertumbuhan ini disokong oleh perkembangan kukuh portfolio pelanggan sedia ada dan juga perolehan perniagaan baharu daripada sektor korporat yang besar.

MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

In 2014, total income increased by 20% to RM153 million from RM128 million in 2013. This fund based income growth trajectory was significantly driven by the higher utilisation ratio from the existing customers as well as disbursement from new financing assets via competitive pricing and improved customer service.

This was accompanied by the Bank's corporate banking asset quality being contained at 0.8% with no new impairment reported during the year compared with 1.4% in 2013.

Moving ahead, the Bank sees great potential in infrastructure development arising from high government investment. Hence, it is focusing on structured financing and project financing in transportation, such as highways and MRT; green technology and renewable energy plants; property development; plantation and technology.

As next steps, the Bank aims to embark on initiatives to address pricing competitiveness, customer retention, right-sizing of current facilities to fit customised requirements, and new sales approaches, including enhancing marketing efforts throughout Malaysia. While companies in Klang Valley will continue to constitute the main market, more efforts will be mobilised to increase market penetration for companies and state government entities in states outside the Klang Valley.

The main driver for new customers will come from syndication teams focusing on big ticket financing mainly from mid-tier government linked corporations, listed companies, government or state-owned companies, or established large companies with reputable track records involved in preferred targeted sectors.

Pada 2014, jumlah pendapatan meningkat sebanyak 20% kepada RM153 juta daripada RM128 juta pada 2013. Trajektori pertumbuhan pendapatan berasaskan dana ini didorong dengan ketara oleh nisbah penggunaan yang lebih tinggi daripada pelanggan sedia ada dan juga pembayaran daripada aset pembiayaan baharu melalui harga yang kompetitif dan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik.

Perkara ini diiringi oleh peningkatan dalam kualiti aset perbankan korporat Bank yang bertahan pada 0.8% dengan tiada penjejasan baharu dilaporkan pada 2014 berbanding 1.4% pada 2013.

Melangkah ke hadapan, Bank melihat potensi yang besar dalam pembangunan infrastruktur yang timbul daripada pelaburan besar kerajaan. Oleh itu, ia memberi tumpuan pada pembiayaan berstruktur dan pembiayaan projek dalam pengangkutan, seperti lebuh raya dan MRT; teknologi hijau dan loji tenaga boleh baharu; pembangunan hartanah; perladangan dan teknologi.

Sebagai langkah seterusnya, Bank berhasrat memulakan inisiatif untuk menangani persaingan harga, pengekalan pelanggan, kemudahan semasa yang mencukupi untuk disesuaikan dengan keperluan mengikut keadaan, dan pendekatan jualan baharu, termasuk meningkatkan usaha pemasaran di seluruh Malaysia. Meskipun syarikat di Lembah Klang terus membentuk pasaran utama, lebih banyak usaha akan digerakkan untuk meningkatkan penembusan pasaran bagi syarikat dan entiti kerajaan negeri di negeri di luar Lembah Klang.

Pemacu utama untuk pelanggan baharu akan datang daripada pasukan pensindiketan yang memberi tumpuan pada pembiayaan besar terutamanya daripada syarikat berkaitan kerajaan peringkat pertengahan, syarikat tersenarai, syarikat kerajaan atau milik negara, atau syarikat besar yang mantap dan mempunyai rekod prestasi baik yang terlibat dalam sektor pilihan yang disasarkan.



Treasury

2014 Highlights

- No. 1 Islamic Principal Dealer
- 27.5% contribution to the Bank's total revenue

Treasury services continued to deliver a comprehensive solution catering to a diverse range of customers. These solutions include Islamic money market, fixed income, foreign exchange and hedging instruments. Amongst the Islamic banks in Malaysia, Bank Islam is recognised as a leader in Treasury solutions – with the widest product range and responsiveness in adapting to change.

As part of IFSA 2013 requirements that all deposit accepted under the Mudharabah and Wakalah concepts are classified under Investment Account and no longer under the deposit effective from June 2015, Bank Islam's Treasury division developed a new deposit product and successfully launched it in May 2014. Called Term Deposit Tawarruq Special ("TDTS"), it is an alternative to Special Investment Account ("SIA") and Waheed-i. At the same time a new SIA and Waheed-i (which are in compliance with the BNM IA Policy requirement) were developed and launched on 1 June 2015.

Perbendaharaan

Sorotan 2014

- Peniaga Utama Islam No. 1
- Menyumbangkan 27.5% kepada jumlah hasil Bank

Khidmat perbendaharaan terus menyediakan penyelesaian yang menyeluruh untuk memenuhi pelbagai keperluan pelanggan. Penyelesaian ini termasuk pasaran wang Islam, pendapatan tetap, pertukaran asing dan instrumen perlindungan nilai. Dalam kalangan bank Islam di Malaysia, Bank Islam diiktiraf sebagai pemimpin dalam penyelesaian Perbendaharaan – dengan rangkaian produk yang paling meluas dan responsif dalam menyesuaikan diri kepada perubahan.

Sebagai sebahagian daripada keperluan IFSA 2013, semua deposit yang diterima di bawah konsep Mudharabah dan Wakalah diklasifikasikan di bawah Akaun Pelaburan dan tidak lagi di bawah deposit berkuat kuasa Jun 2015. Sehubungan itu, Bahagian Perbendaharaan Bank Islam telah membangunkan produk deposit baharu dan berjaya melancarkannya pada bulan Mei 2014 yang dipanggil Deposit Bertempoh Tawarruq Khas ("TDTS") sebagai alternatif kepada Akaun Pelaburan Khas ("SIA") dan Waheed-i. Pada masa yang sama, SIA dan Waheed-i baharu (yang mematuhi keperluan Dasar IA BNM) sedang dibangunkan dan akan dilancarkan pada 1 Jun 2015.

MANAGING DIRECTOR'S OPERATIONAL REVIEW

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

Changes in the regulatory framework in 2014 also required more emphasis on asset-liability management ("ALM"). This requires a big change in the treasury mandate from a reactive to a proactive portfolio and liquidity management. During the year, the Bank continued to be cautious in managing its treasury assets particularly from the perspective of 'profit rate risk'. Another initiative under the ALM is to drive long term funding to minimise mismatch of asset and liability arising from liquidity risk.

Following the launch of Sistem Perakaunan Luar Negara ("SPLN") by the Ministry of Foreign Affairs in 2013 with Bank Islam appointed as the main banker for Government of Malaysia for payment of foreign telegraphic transfers ("TTs"), the Bank continues to strive to penetrate new markets and maintain its lead as the preferred foreign exchange provider for several government ministries and agencies.

Foreign exchange continues to be the Bank's No 1 non-fund based income product. The Bank offers foreign exchange remittance services to more than 100 countries in more than 100 currencies. Its foreign exchange business recorded an increase in profit to almost RM100 million in 2014 from RM84 million in 2013. With a securities portfolio size of RM11 billion, Treasury generated revenue of RM525 million in 2014.

Perubahan dalam rangka kerja kawal selia pada 2014 juga mengkehendaki penekanan yang lebih terhadap pengurusan aset-liabiliti ("ALM"). Hal ini memerlukan perubahan besar dalam mandat perbendaharaan daripada pengurusan portfolio dan kecairan yang reaktif kepada proaktif. Pada tahun itu, Bank terus berhati-hati dalam menguruskan aset perbendaharaannya terutamanya daripada perspektif 'risiko kadar keuntungan'. Satu lagi inisiatif di bawah ALM adalah memacu pembiayaan jangka panjang untuk mengurangkan ketidakpadanan aset dan liabiliti yang timbul daripada risiko kecairan.

Dr. Ahmad Shahbari had previously served as a Shariah advisor to Abrar Group (1996 – 1999), Arab Malaysia Merchant Bank (1996 – 1999), Arab Malaysian Finance (1996 – 1999), PT Takaful Indonesia (2000 – 2011) and member of the Board of Directors YAPIEM (1985 – 1995). Dr. Ahmad Shahbari was appointed as member of the Islamic Religious Council of Selangor (MAIS) (1985 – 2006), the Executive Director of Pusat Rawatan Islam (Majlis Agama Islam Selangor), an office he held from 1996 to 1999 after serving as a Lecturer at the Ahmad Ibrahim Kuliyyah of Law, International Islamic University Malaysia ("IIUM") for 10 years since 1986. Prior to these, he had served as a Lecturer in the National University of Malaysia ("UKM") in the Shariah Department since 1978. From 1983 to 1984, he was seconded to IIUM's Kuliyyah of Economics. Whilst with UKM, he also served as the Coordinator for General Teachings from 1981-1982 and subsequently was appointed as Acting Head of the Shariah Department in 1982. He has written twelve (12) books and translated eight (8) volumes of books on Islamic Jurisprudence by Dr Wahbah Al-Zuhaily.

Dr. Ahmad Shahbari has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. He has no conflict of interest with Bank Islam and neither has he been charged with any offences.

Ustaz Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri Salamon mula dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah sejak 1984. Beliau kini merupakan Pengerusi Eksekutif Pusrawi Corporation Sdn Bhd, jawatan yang disandanginya sejak 1996. Dr. Ahmad Shahbari juga merupakan Pengerusi Badan Penasihat Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Pengerusi Jawatankuasa Syariah BIMB Investment Management Sdn Bhd dan ahli Jawatankuasa Syariah ASEAN ReTakaful International (L) Ltd. Beliau dianugerahkan Tokoh Ma'al Hijrah Selangor pada 2001 dan Tokoh Ulama Bestari Negeri Selangor pada 2000. Dr. Ahmad Shahbari ialah Penasihat Syariah Individu yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sebelum ini Dr. Ahmad Shahbari pernah berkhidmat sebagai penasihat Syariah kepada Abrar Group (1996-1999), Arab Malaysia Merchant Bank (1996 – 1999), Arab Malaysian Finance (1996 – 1999), PT Takaful Indonesia (2000 – 2011) dan ahli Lembaga Pengarah YAPIEM (1985 – 1995). Beliau dilantik sebagai ahli Majlis Agama Islam Negeri Selangor ("MAIS") (1985 – 2006), Pengarah Eksekutif Pusat Rawatan Islam (Majlis Agama Islam Selangor), jawatan yang dipegangnya dari 1996 hingga 1999 selepas berkhidmat sebagai pensyarah di Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM") selama 10 tahun sejak 1986. Sebelum itu, Dr. Ahmad Shahbari berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia ("UKM") di Jabatan Syariah sejak 1978. Dari 1983 hingga 1984, beliau dipinjamkan ke Kuliyyah Ekonomi UIAM. Semasa di UKM, Dr. Ahmad Shahbari juga pernah berkhidmat sebagai Penyelaras Pengajaran Am dari 1981-1982 dan seterusnya dilantik sebagai Pemangku Ketua Jabatan Syariah pada 1982. Beliau telah menulis dua belas (12) buku dan menterjemahkan lapan (8) jilid buku mengenai Perundangan Islam oleh Dr. Wahbah Al-Zuhaily.

Dr. Ahmad Shahbari tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.

DATO' USTAZ HAJI MOHD BAKIR HAJI MANSOR

Member of the Shariah Supervisory Council

Distinguished Shariah Advisor, Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia
Syahadah Ulya (Highest Certificate), Muslim College, Malaysia
Cambridge Oversea School Certificate, Sekolah Tinggi Bukit Mertajam

Ahli Majlis Pengawasan Syariah

Penasihat Syariah Yang Amat Dihormati, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia
Syahadah Ulya (Sijil Tinggi), Kolej Islam Malaysia
Cambridge Oversea School Certificate, Sekolah Tinggi Bukit Mertajam



Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir Haji Mansor was first appointed as a member of Bank Islam's Shariah Supervisory Council ("SSC") in the year 2001. He is currently the Distinguished Shariah Advisor for IBFIM. He is also the Chairman of the Shariah Advisory Committee of BIMB Securities Sdn Bhd and the Shariah Advisory Committee of the Employees Provident Fund. Apart from that, he is rendering his service as a member of the Shariah Advisory Body of Syarikat Takaful Malaysia Berhad and a member of the Shariah Panel Committee of Amanah Ikhtiar Malaysia ("AIM"). Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir is an approved Individual Shariah Advisor by the Securities Commissions of Malaysia.

Prior to his appointment as a member of the SSC, Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir had already served as the Shariah Coordinator for Bank Islam cum Secretary of the SSC, a post he had held from 1984. Formerly, he was one of the Chief Assistant Directors at the Islamic Research Centre in the Prime Minister's Department for four years since 1980. He had also served at the National Council for Islamic Religious Affairs in the Prime Minister's Department for 10 years from 1971. Throughout the years, Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir has published a wide range of writings and presented numerous paperworks relating to the Islamic banking and finance industry. He was awarded 'Tokoh Maulidur Rasul 1434H/2013M' by the Government of Malaysia for his contributions in promoting Islamic finance industry.

Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. He has no conflict of interest with Bank Islam and neither has he been charged with any offence.

Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir Haji Mansor dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah ("MPS") Bank Islam pada 2001. Beliau kini ialah Penasihat Syariah Yang Amat Dihormati untuk IBFIM. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah, BIMB Securities Sdn Bhd dan Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP. Selain itu, beliau berkhidmat sebagai ahli Badan Penasihat Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, ahli Jawatankuasa Panel Syariah dan Amanah Ikhtiar Malaysia ("AIM"). Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir ialah Penasihat Syariah Individu yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sebelum beliau dilantik sebagai ahli MPS, Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir telah pun berkhidmat sebagai Penyelaras Syariah untuk Bank Islam merangkap Setiausaha MPS, iaitu jawatan yang dipegangnya sejak 1984. Sebelum itu, beliau merupakan salah seorang Ketua Penolong Pengarah di Pusat Penyelidikan Islam di Jabatan Perdana Menteri selama empat tahun bermula 1980. Beliau juga pernah berkhidmat di Majlis Kebangsaan untuk Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri selama 10 tahun dari 1971. Sepanjang kerjayanya, Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir telah menerbitkan pelbagai hasil penulisan dan membentangkan banyak kertas kerja yang berkaitan dengan industri perbankan dan kewangan Islam. Beliau telah dianugerahkan 'Tokoh Maulidur Rasul 1434H/2013M' oleh Kerajaan Malaysia di atas sumbangan beliau dalam mengembangkan industri kewangan Islam.

Dato' Ustaz Haji Mohd Bakir tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.

PROFILE OF SHARIAH SUPERVISORY COUNCIL

Profil Majlis Pengawasan Syariah

DR. UZAIMAH IBRAHIM

Member of the Shariah Supervisory Council

Assistant Professor, Ahmad Ibrahim Kuliyyah of Laws, International Islamic University of Malaysia

Doctor of Philosophy, University of Wales, United Kingdom

Master in Comparative Law, International Islamic University of Malaysia

LLB (Shariah), International Islamic University of Malaysia

LLB, International Islamic University of Malaysia

Ahli Majlis Pengawasan Syariah

Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Doktor Falsafah, University of Wales, United Kingdom

Sarjana Undang-Undang Perbandingan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Sarjana Muda Undang-undang (Syariah), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Sarjana Muda Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



Dr. Uzaimah Ibrahim was first appointed as a member of the Shariah Supervisory Council in 2009. She is currently an Assistant Professor in the Department of Islamic Law, Ahmad Ibrahim Kuliyyah of Laws, International Islamic University of Malaysia ("IIUM"). She is also serving as a Shariah Advisor at Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad since 2006. Prior to that, she was a Shariah advisor for Hong Leong Islamic Bank Berhad and Hong Leong Bank Berhad and in 2005, had served as the Deputy Director of the Islamic Banking and Finance Institute, IIUM, an international centre for education and research in Islamic finance. Dr. Uzaimah obtained her qualification as a Syar'ie lawyer in 1995. She has conducted various researches on Islamic commercial law, Islamic jurisprudence, Islamic banking law, derivatives, securitisation, takaful and corporate social responsibility. She has also given numerous presentations in seminars and workshops and contributed a chapter to the Halsbury's Laws of Malaysia published by the Malaysian Law Journal.

Dr. Uzaimah has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. She has no conflict of interest with Bank Islam and neither has she been charged with any offences.

Dr. Uzaimah Ibrahim dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah pada 2009. Beliau kini menjadi Penolong Profesor di Jabatan Undang-Undang Islam, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM"). Beliau juga berkhidmat sebagai Penasihat Syariah di Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad sejak 2006. Sebelum itu, beliau pernah menjadi penasihat Syariah Hong Leong Islamic Bank Berhad dan Hong Leong Bank Berhad. Pada 2005, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah di Institut Perbankan dan Kewangan Islam UIAM, sebuah pusat antarabangsa bagi pendidikan dan penyelidikan kewangan Islam. Dr. Uzaimah memperoleh kelayakan sebagai peguam Syariah pada 1995. Beliau telah menjalankan pelbagai penyelidikan tentang undang-undang perdagangan Islam, perundangan Islam, undang-undang perbankan, terbitan, penssekuritan Islam, takaful dan tanggungjawab social korporat. Beliau juga telah membuat banyak pembentangan di seminar dan bengkel dan menyumbangkan satu bab dalam Halsbury's Laws of Malaysia yang diterbitkan oleh Jurnal Undang-undang Malaysia.

Dr. Uzaimah tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.

PROFESSOR DR. AHMAD HIDAYAT BUANG

Member of the Shariah Supervisory Council

Professor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya
 Doctor of Philosophy, School of Oriental and African Studies, University of London
 Master of Law, School of Oriental and African Studies, University of London
 Bachelor of Shariah, University of Malaya

Ahli Majlis Pengawasan Syariah

Profesor, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
 Doktor Falsafah, School of Oriental and African Studies, University of London
 Sarjana Undang-Undang, School of Oriental and African Studies, University of London
 Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya



Professor Dr. Ahmad Hidayat Buang was appointed as a member of the Shariah Supervisory Council in 2011. He is currently a Professor at the Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya. He was the director of the academy from October 2006 until January 2011. He was also the Deputy Director for Research and Development of the academy in the year 2006 and Head of Department Shariah and Law of the Academy (1997 – 1999).

At present, Dr. Ahmad Hidayat is also serving as a Chairman of Shariah Committee for Takaful Ikhlas Bhd. Prior to that, he had served as a Shariah advisor in numerous financial institutions and organisations including CIMB Bank Berhad (2005 – 2006), OCBC Bank (2004 – 2005), Commerce Tijari Bank (2004 – 2005), Amanah Raya Unit Trust Management Sdn Bhd (2006 – 2007), ASM MARA Unit Trust Management Berhad (2004 – 2006), I-Free Capital Pte Ltd (Singapore) (2003 – 2005), Bumiputra Commerce Trustee Sdn Bhd (2002 – 2006) and Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (2002). Additionally, he was formerly a member of the Shariah Working Committee for Islamic Banking and Takaful for Bank Negara Malaysia (2003 – 2004) and a member of the Islamic Education Coordination Advisory Council for the Council of Rulers Malaysia (2008 – 2011).

Dr. Ahmad Hidayat has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. He has no conflict of interest with Bank Islam and neither has he been charged with any offences.

Profesor Dr. Ahmad Hidayat Buang dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah pada 2011. Beliau kini adalah Profesor di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau pernah menjadi pengarah akademi tersebut dari Oktober 2006 hingga Januari 2011. Beliau juga pernah menjadi Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan pada 2006 dan Ketua Jabatan Syariah dan Undang-undang (1997 – 1999) di akademi tersebut.

Pada masa ini, Dr. Ahmad Hidayat juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Syariah di Takaful Ikhlas Bhd. Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat sebagai penasihat Syariah di pelbagai institusi dan organisasi kewangan termasuk CIMB Bank Berhad (2005 – 2006), OCBC Bank (2004 – 2005), Commerce Tijari Bank (2004 – 2005), Amanah Raya Unit Trust Management Sdn Bhd (2006 – 2007), ASM MARA Unit Trust Management Berhad (2004 – 2006), I-Free Capital Pte Ltd (Singapore) (2003-2005), Bumiputra Commerce Trustee Sdn Bhd (2002 – 2006) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (2002). Selain itu, beliau pernah menganggotai ahli Jawatankuasa Kerja Syariah untuk Perbankan Islam dan Takaful di Bank Negara Malaysia (2003 – 2004) dan ahli Majlis Penasihat Penyelarasan Pendidikan Islam bagi Majlis Raja-Raja Malaysia (2008 – 2011).

Dr. Ahmad Hidayat tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.

PROFILE OF SHARIAH SUPERVISORY COUNCIL

Profil Majlis Pengawasan Syariah

USTAZ DR. MUHAMMAD SYAFII ANTONIO

Member of the Shariah Supervisory Council

Chairman, Tazkia University College of Islamic Economics, Indonesia
 Doctor of Philosophy (Micro Finance), University of Melbourne, Australia
 Master of Economics, International Islamic University of Malaysia, Malaysia
 Bachelor of Shariah, University of Jordan

Ahli Majlis Pengawasan Syariah

Pengerusi, Sekolah Tinggi Ekonomi Islam Tazkia, Indonesia
 Doktor Falsafah (Mikro kewangan), University of Melbourne, Australia
 Sarjana Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
 Sarjana Muda Syariah, University of Jordan



Dr. Muhammad Syafii Antonio was first appointed as a member of the Shariah Supervisory Council in 2011. He is currently the Chairman of Tazkia University College of Islamic Economics (“STEI Tazkia”), Chairman of Asia Capital Asset Management and Founder of ASYKI Islamic Family Insurance in Indonesia. He is also a member of Indonesia National Shariah Board and Financial Service Authority Development Committee.

For several years he has served as a member of Board of Commissioner and Shariah Advisor in several Islamic financial institutions which include Securities Commission of Malaysia, Dar al-Takaful Dubai, Bank Negara Malaysia, Indonesian Exim Bank, Takaful Insurance Company Indonesia and many others. In June 2010, he was appointed by the President of Indonesia as a member of the National Economic Council of Indonesia. In 2003, Dr. Muhammad Syafii was awarded the Syariah Award by the Indonesian Central Bank for his contributions towards the development of Islamic banking and finance in Indonesia. Additionally, he was also the recipient for the Anticorruption & Good Governance Award by Ministry of State Apparatus (2007), Arab Asia Finance Recognition Award by Arab Asia Finance Forum (2008) and won the Australian Alumni Award (in Business Leadership category) from the Government of Australia (2009). He has published 31 books on Islamic banking, economics, zakat and leadership.

Dr. Muhammad Syafii has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. He has no conflict of interest with Bank Islam and neither has he been charged with any offences.

Ustaz Dr. Muhammad Syafii Antonio dilantik sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah pada 2011. Kini, beliau menjadi Pengerusi Sekolah Tinggi Ekonomi Islam Tazkia (“STEI Tazkia”), Pengerusi Asia Capital Asset Management dan Pengasas ASYKI Islamic Family Insurance di Indonesia. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Dewan Syariah Nasional Indonesia dan Jawatankuasa Pembangunan Lembaga Perkhidmatan Kewangan.

Selama beberapa tahun beliau telah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Suruhanjaya dan Penasihat Syariah di beberapa institusi kewangan Islam termasuk di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Dar al-Takaful Dubai, Bank Negara Malaysia, Exim Bank Indonesia, Syarikat Insurans Takaful Indonesia dan lain-lain lagi. Pada Jun 2010, beliau dilantik sebagai ahli Majlis Ekonomi Kebangsaan Indonesia oleh Presiden Indonesia. Pada 2003, Dr. Muhammad Syafii menerima Anugerah Syariah daripada Bank Indonesia atas sumbangannya kepada pembangunan perbankan dan kewangan Islam di Indonesia. Selain itu, beliau juga merupakan penerima Anugerah Anticorruption & Good Governance oleh Kementerian Aparatur Negara (2007), Anugerah Arab Asia Finance Recognition oleh Arab Asia Finance Forum (2008) dan memenangi Anugerah Alumni Australia (dalam kategori Kepimpinan Perniagaan) daripada Kerajaan Australia (2009). Beliau telah menerbitkan 31 buah buku tentang perbankan Islam, ekonomi, zakat dan kepimpinan.

Dr. Muhammad Syafii tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.

USTAZ MOHD NAZRI CHIK

Secretary of the Shariah Supervisory Council

Chief Shariah Officer, Bank Islam Malaysia Berhad

Master of Shariah, University of Malaya

Bachelor of Shariah (Islamic Jurisprudence), University of Malaya

Setiausaha Majlis Pengawasan Syariah

Ketua Pegawai Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad

Sarjana Syariah, Universiti Malaya

Sarjana Muda Syariah (Perundangan Islam), Universiti Malaya



Ustaz Mohd Nazri Chik was first appointed as secretary of the Shariah Supervisory Council in 2011, and prior to that, since 2009, he was a member of the council. He holds a Bachelor of Shariah and Master of Shariah from the University of Malaya and started his career as a tutor in the university until he joined Bank Islam in June 2004. He then worked at Noor Investment Group, Dubai UAE as its Shariah Audit Manager beginning 2009. During this time, Ustaz Mohd Nazri was appointed as a member of the Shariah Supervisory Council until he rejoined the Bank in January 2011. He is also the Deputy Chairman, Shariah Supervisory Council of Amana Bank Limited, Sri Lanka; Accredited Panel of the Finance Accreditation Agency; Member of Professional Practices Bureau, Association of Shariah Advisors, Accredited Trainer for Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia and External Shariah Advisor of Ghazanfar Bank, Afghanistan.

In May 2014, he was selected as the recipient of the “Promising Young Banker Award 2014” by The Asian Banker magazine.

Ustaz Mohd Nazri has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bank Islam. He has no conflict of interest with Bank Islam and neither has he been charged with any offence.

Ustaz Mohd Nazri Chik telah dilantik sebagai setiausaha Majlis Pengawasan Syariah (“MPS”) pada 2011, dan sebelum itu, sejak 2009, beliau merupakan ahli bagi MPS. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Syariah daripada Universiti Malaya dan telah memulakan kerjaya sebagai pengajar di universiti itu sehingga beliau menyertai Bank Islam pada Jun 2004. Beliau berkhidmat dengan Bank selama lima tahun dan kemudian menyertai Noor Investment Group, Dubai UAE sebagai Pengurus Audit Syariah bermula 2009. Pada ketika itu juga beliau telah dilantik sebagai ahli MPS Bank Islam sehingga beliau menyertai Bank Islam semula pada Januari 2011 sebagai Ketua Bahagian Syariah. Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi MPS Amana Bank Limited, Sri Lanka; Panel Akreditasi, Agensi Pengakreditasi Kewangan; Ahli Biro Amalan Professional, Persatuan Penasihat-penasihat Syariah, Jurulatih Bertauliah di Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia dan Penasihat Syariah Luanan, Ghazanfar Bank, Afghanistan.

Dalam bulan Mei 2014, beliau telah dipilih sebagai penerima “Promising Young Banker Award 2014” oleh majalah kewangan “The Asian Banker”.

Ustaz Mohd Nazri tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Bank Islam. Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Bank Islam dan tidak pernah didakwa atas apa-apa kesalahan.

MANAGEMENT TEAM

Barisan Pengurusan

CORPORATE SERVICES PERKHIDMATAN KORPORAT

DATO' WAN ISMAIL WAN YUSOH

Head, Strategic Relations
& Product Management
Ketua, Hubungan Strategik
& Pengurusan Produk



DATO' SRI ZUKRI SAMAT

Managing Director
Pengarah Urusan

MARIA MAT SAID

Head, Legal & Secretarial
Ketua, Perundangan
& Kesetiausahaan



NORASHIKIN MOHD KASSIM

Director, Treasury
Pengarah, Perbendaharaan



KHAIRUL KAMARUDIN

Director,
Business Development
Pengarah,
Pembangunan Perniagaan



MUJIBBURRAHMAN ABD RASHID

Head, Consumer Banking
Ketua, Perbankan Pengguna

SUPPORT UNITS UNIT SOKONGAN

DATO' NORASNI AYOB

Chief Operating Officer,
Operations
Ketua Pegawai Operasi,
Operasi



MOHAMED IRAN MORIFF MOHD SHARIFF

Chief Internal Auditor
Ketua Audit Dalaman



ALINA SYLVIA APPOO

Deputy Chief Risk Officer
Timbalan Ketua Pegawai
Risiko



KHAIRUL MUZAMEL PERERA

Chief Credit Officer
Ketua Pegawai Kredit

**HIZAMUDDIN
JAMALLUDDIN**

Chief Strategy Officer
& Head, Managing
Director's Office
Ketua Pegawai Strategi
& Ketua, Pejabat
Pengarah Urusan




MANAGING DIRECTOR'S OFFICE PEJABAT PENGARAH URUSAN

AZMIR ABDUL MALEK

Head, Corporate
Communications
Ketua, Komunikasi Korporat


RAZMAN ISMAIL

Head, Human Resources
Ketua, Sumber Manusia


MIZAN MASRAM

Head, Recovery &
Rehabilitation
Ketua, Pemulihan &
Rehabilitasi


**ABDUL RASHID
ABDUL HAMID**

Head, Commercial Banking
Ketua, Perbankan Komersil


ZAHARIN MOHD ALI

Head, Corporate Banking
Ketua, Perbankan Korporat




BUSINESS UNITS UNIT PERNIAGAAN

MALKIT SINGH MAAN

Chief Financial Officer
Ketua Pegawai Kewangan


**RYAN LIEW
CHOON CHING**


Chief Technology Officer
Ketua Pegawai Teknologi


**WAHID ALI
MOHD KHALIL**


Chief Operating Officer,
Business Support
Ketua Pegawai Operasi,
Sokongan Perniagaan


**USTAZ MOHD NAZRI
CHIK**

Chief Shariah Officer
Ketua Pegawai Syariah


NIK AZMIR NIK ANIS

Chief Compliance Officer
Ketua Pegawai Pematuhan



INDEPENDENT UNITS UNIT BEBAS

PROFILE OF MANAGEMENT TEAM

Profil Barisan Pengurusan

HIZAMUDDIN JAMALLUDDIN

Chief Strategy Officer & Head, Managing Director's Office
Ketua Pegawai Strategi & Ketua, Pejabat Pengarah Urusan

Encik Hizamuddin Jamalluddin has spent most of his professional career in corporate management, particularly in corporate planning, cross border merger and acquisition activities, corporate finance and advisory, corporate and debt restructuring, privatisation, investor relations and strategic communications. He joined Bank Islam in 2007, and is responsible for the formulation of corporate master plans, annual business plans and overall management of key performance indicators of the Bank. His primary roles and responsibilities include setting key corporate and business strategies, driving transformation initiatives and overseeing the Bank's corporate exercises in areas related to strategic investments, composite risk rating and capital raising exercise. Currently, Hizamuddin spearheads the Deposit Transition Plan at Bank Islam, where he is actively involved in the development and reclassification of deposit and investment account products under the new Islamic Financial Service Act 2013. He is also the Deputy Chairman of the committee responsible for the development of the Investment Account Platform ("IAP"), a Bank Negara Malaysia's initiative. Hizamuddin holds a Bachelor of Science in Finance from Northern Illinois University, USA. He is currently a member of the Islamic Finance Committee of Malaysian Institute of Accountants ("MIA").

Encik Hizamuddin Jamalluddin menghabiskan kebanyakan kehidupan profesionalnya dalam pengurusan korporat, terutamanya dalam perancangan korporat, aktiviti penggabungan dan pengambilalihan antara sempadan, kewangan korporat dan khidmat nasihat, penstrukturan semula korporat dan hutang, penswastaan, hubungan pelabur dan komunikasi strategik. Beliau menyertai Bank Islam pada 2007, dan bertanggungjawab terhadap penyediaan pelan induk korporat, pelan perniagaan tahunan dan keseluruhan pengurusan penunjuk prestasi utama Bank. Peranan dan tanggungjawab utamanya termasuk menetapkan strategi korporat dan strategi perniagaan yang utama, memacu inisiatif transformasi dan menyelia amalan korporat Bank dalam bidang yang berkaitan dengan pelaburan strategik, penarafan risiko komposit dan pelaksanaan peningkatan modal. Pada masa ini, Hizamuddin menerajui Pelan Peralihan Deposit di Bank Islam, di mana beliau terlibat secara aktif dalam pembangunan dan pengkelasan semula produk akaun deposit dan pelaburan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang baharu. Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk pembangunan Platform Akaun Pelaburan ("IAP"), sebuah inisiatif Bank Negara Malaysia. Encik Hizamuddin memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Kewangan daripada Northern Illinois University, AS. Beliau kini merupakan ahli Jawatankuasa Kewangan Islam di Institut Akauntan Malaysia ("MIA").



DATO' WAN ISMAIL WAN YUSOH

Head, Strategic Relations & Product Management
Ketua, Hubungan Strategik & Pengurusan Produk

Dato' Wan Ismail Wan Yusoh has 32 years of Islamic banking experience in a number of areas, ranging from IT and operations, O&M and product development, consultancy and advisory to consumer banking, corporate affairs and strategic relations. He has been with Bank Islam since its inception in 1983, and was appointed to his current post in 2008 with the directive to assist the Managing Director in managing the Bank's strategic marketing and business intelligence. Dato' Wan Ismail holds a Master's Degree in Mathematics from Indiana State University, USA.

Dato' Wan Ismail Wan Yusoh mempunyai 32 tahun pengalaman dalam beberapa bidang perbankan Islam yang meliputi IT dan operasi, O&M dan pembangunan produk, perundingan dan khidmat nasihat kepada perbankan pengguna, hal ehwal korporat dan hubungan strategik. Beliau menyertai Bank Islam sejak awal penubuhannya pada 1983 dan dilantik ke jawatan sekarang pada 2008 atas arahan untuk membantu Pengarah Urusan menguruskan pemasaran strategik dan perisikan perniagaan Bank. Dato' Wan Ismail memegang Ijazah Sarjana Matematik daripada Indiana State University, AS.



MARIA MAT SAID

Head, Legal & Secretarial
Ketua, Perundangan & Kesetiausahaan

Puan Maria Mat Said has over 23 years of experience in banking industry, mainly, performing legal functions. She has been with Bank Islam since 2005. She was appointed to her current position in 2009. Her areas of responsibility include provision of legal and corporate secretarial services for the Bank. As the Company Secretary, Puan Maria ensures proper governance within the Bank. Puan Maria holds a Bachelor of Law from University of Malaya.

Puan Maria Mat Said mempunyai lebih 23 tahun pengalaman dalam industri perbankan terutamanya dalam melaksanakan fungsi perundangan. Beliau telah berkhidmat dengan Bank Islam sejak 2005. Beliau dilantik ke jawatan sekarang pada 2009. Bidang tugasnya termasuk menyediakan khidmat perundangan dan kesetiausahaan korporat kepada Bank. Sebagai Setiausaha Syarikat. Puan Maria memastikan tadbir urus korporat yang sewajarnya dilaksanakan. Puan Maria memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti Malaya.

MANAGING DIRECTOR'S OFFICE PEJABAT PENGARAH URUSAN

1 Hizamuddin Jamalluddin

CORPORATE SERVICES PERKHIDMATAN KORPORAT

2 Dato' Wan Ismail Wan Yusoh

3 Maria Mat Said

4 Azmir Abdul Malek

AZMIR ABDUL MALEK

Head, Corporate Communications
Ketua, Komunikasi Korporat

Encik Azmir Abdul Malek has 18 years of experience in strategic brand building exercises which have involved a number of multinational corporations. He joined Bank Islam in 2012, and as a proponent of Integrated Communications Solutions, his main role is to enhance the Bank's presence in the industry. Encik Azmir holds a Bachelor in Business Administration, majoring in Advertising and Promotion from Western Michigan University, USA.

Encik Azmir Abdul Malek mempunyai 18 tahun pengalaman dalam melaksanakan pembinaan jenama strategik yang melibatkan beberapa syarikat multinasional. Beliau menyertai Bank Islam pada 2012, dan sebagai penyokong Penyelesaian Komunikasi Bersepadu (Integrated Communications Solutions), peranan utama beliau adalah untuk menyebarluaskan kewujudan Bank dalam industri ini. Encik Azmir memegang Ijazah Pentadbiran Perniagaan dengan pengkhususan dalam Pengiklanan dan Promosi daripada Western Michigan University, AS.

PROFILE OF MANAGEMENT TEAM

Profil Barisan Pengurusan

RAZMAN ISMAIL

Head, Human Resources
Ketua, Sumber Manusia

Encik Razman Ismail carries with him 20 years of experience in Human Resources ("HR") both as consultant and practicing HR professional. He joined Bank Islam as the Head of Human Resources on 1 July 2014. Prior to that he held various senior HR-related posts at renowned banking institutions. Encik Razman started his career at a consulting firm before moving on to a major multinational company. As a consultant, his client engagements cut across various HR functions from organisation development, rewards, performance management, talent assessment as well as merger and integration. Encik Razman holds a Bachelor's Degree in Management with a major in human resources and a minor in communication from Universiti Sains Malaysia.

Encik Razman Ismail mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang Sumber Manusia ("HR") termasuk berkhidmat sebagai perunding dan pengamal profesional HR. Beliau menyertai Bank Islam sebagai Ketua Sumber Manusia pada 1 Julai 2014. Sebelum itu beliau telah memegang beberapa jawatan kanan yang berkaitan dengan HR di institusi-institusi perbankan terkemuka. Encik Razman memulakan kerjayanya di sebuah syarikat perunding sebelum menyertai sebuah syarikat multinasional yang terkenal. Sebagai seorang perunding, penglibatan beliau dengan pelanggan merangkumi pelbagai fungsi HR termasuk pembangunan organisasi, ganjaran, pengurusan prestasi, penilaian bakat dan juga penggabungan dan integrasi. Encik Razman memegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dengan pengkhususan dalam sumber manusia dan minor dalam komunikasi dari Universiti Sains Malaysia.



MIZAN MASRAM

Head, Recovery & Rehabilitation
Ketua, Pemulihan & Rehabilitasi

Encik Mizan Masram has 18 years of experience in related fields and has held various positions with several foreign banks. He currently heads the Recovery & Rehabilitation division where he is responsible for the Bank's crucial credit recovery and collection operations. Encik Mizan holds a Diploma in Business Studies majoring in Business from the Association of Business Executives, UK.

Encik Mizan Masram mempunyai 18 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan dan telah memegang beberapa jawatan di beberapa bank asing. Beliau kini mengetuai bahagian Pemulihan & Rehabilitasi dan bertanggungjawab terhadap pemulihan kredit dan operasi pengutipan. Encik Mizan memegang Diploma Pendidikan Perniagaan dengan pengkhususan dalam jurusan Perniagaan daripada Association of Business Executives, UK.



CORPORATE SERVICES **PERKHIDMATAN KORPORAT**

- 5 Razman Ismail
- 6 Mizan Masram

BUSINESS UNITS **UNIT PERNIAGAAN**

- 7 Norashikin Mohd Kassim
- 8 Khairul Kamarudin

NORASHIKIN MOHD KASSIM

Director, Treasury
Pengarah, Perbendaharaan

Puan Norashikin Mohd Kassim has over 22 years of working experience, both locally and abroad. She joined Bank Islam in 2006 and currently oversees the Bank's Treasury division. Puan Norashikin has led the transformation of the Bank's Treasury into a leading entity with the introduction of numerous innovative Islamic treasury instruments. She is also actively involved in the development of the Islamic finance industry and has been invited to speak at numerous Islamic finance forums and conferences. Puan Norashikin is a holder of a Master's Degree of Science in Actuarial Science, Master's degree in Islamic Banking & Finance and Master's Degree of Arts in Mathematics from Oxford University and is also a Chartered Financial Analyst ("CFA") charter holder.

Puan Norashikin Mohd Kassim mempunyai lebih daripada 22 tahun pengalaman bekerja di dalam dan luar negara. Beliau menyertai Bank Islam pada 2006 dan kini menyelia bahagian Perbendaharaan Bank. Puan Norashikin memulakan transformasi Perbendaharaan Bank menjadi entiti perbendaharaan yang terkemuka dengan pengenalan pelbagai instrumen perbendaharaan Islam yang inovatif. Beliau juga terlibat secara aktif dalam pembangunan industri kewangan Islam dan telah menerima jemputan untuk menjadi ahli panel di pelbagai forum dan persidangan kewangan Islam. Puan Norashikin memegang Ijazah Sarjana Sains dalam jurusan Sains Aktuari, Ijazah Sarjana dalam jurusan Perbankan & Kewangan Islam serta ijazah Sarjana Sastera dalam jurusan Matematik daripada Oxford University dan juga merupakan seorang Penganalisis Kewangan Bertauliah ("CFA").

KHAIRUL KAMARUDIN

Director, Business Development
Pengarah, Pembangunan Perniagaan

Encik Khairul Kamarudin has more than 20 years of experience in the banking industry. He joined Bank Islam in 2005 and has held the role of Director of Business Development since 2012. Encik Khairul is responsible for the overall positioning and strategic formulation of the three major divisions within the Bank, namely Consumer Banking, Commercial Banking and Corporate Banking, and has been credited with the development and implementation of the Bank's strategies. He also holds the position of a Non-Independent, Non-Executive Director of BIMB Investment Management Berhad and is a practicing member of the Association of Chartered Islamic Finance Professional. Encik Khairul is a holder of LLB (Hons) from UK.

Encik Khairul Kamarudin mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam industri perbankan. Beliau menyertai Bank Islam pada 2005 dan telah memegang jawatan Pengarah Pembangunan Perniagaan sejak 2012. Beliau bertanggungjawab terhadap keseluruhan perancangan dan pembentukan strategik tiga bahagian utama dalam Bank, iaitu Perbankan Pengguna, Perbankan Komersil dan Perbankan Korporat, dan bertanggungjawab dalam pembangunan dan pelaksanaan strategi Bank. Beliau juga memegang jawatan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif bagi BIMB Investment Management Berhad dan merupakan ahli Persatuan Profesional Kewangan Islam Bertauliah yang menjalankan amalan kewangan Islam. Encik Khairul ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) daripada UK.

PROFILE OF MANAGEMENT TEAM

Profil Barisan Pengurusan

9



10



MUJIBBURRAHMAN ABD RASHID

Head, Consumer Banking

Ketua, Perbankan Pengguna

Encik Mujibburrahman Abd Rashid has 20 years of experience in retail banking. He joined Bank Islam in 2007 as Senior Manager, Sales Management and, and was promoted to his current position as the Head of the Bank's Consumer Banking division. He was instrumental in introducing the Sales Incentive Scheme to the Bank's workforce and has played a major role in improving its overall service and turnaround time. Encik Mujibburrahman holds a Bachelor's Degree in Accountancy from Universiti Utara Malaysia ("UUM").

Encik Mujibburrahman Abd Rashid mempunyai 20 tahun pengalaman dalam perbankan runcit. Beliau menyertai Bank Islam pada 2007 sebagai Pengurus Kanan, Pengurusan Jualan, dan dinaikkan pangkat ke jawatannya sekarang sebagai Ketua Bahagian Perbankan Pengguna Bank pada 2012. Beliau memainkan peranan penting dalam memperkenalkan Skim Insentif Jualan kepada tenaga kerja Bank serta bertanggungjawab menambah baik keseluruhan perkhidmatan dan masa penyempurnaannya. Encik Mujibburrahman memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Universiti Utara Malaysia ("UUM").

ABDUL RASHID ABDUL HAMID

Head, Commercial Banking

Ketua, Perbankan Komersil

Encik Abdul Rashid Abdul Hamid has been in the banking industry for 19 years. He joined Bank Islam in 2005 after holding various posts in corporate banking and credit risk at a number of local and foreign banks. Encik Abdul Rashid was instrumental in the establishment of the Bank's Credit Analyst team. He was appointed to his current post in 2009 with the role of overseeing Bank Islam's Commercial Banking portfolio. Encik Abdul Rashid holds a Bachelor of Science in Business Administration from California State University in Sacramento, USA.

Encik Abdul Rashid Abdul Hamid telah berkecimpung dalam industri perbankan selama 19 tahun. Beliau menyertai Bank Islam pada 2005 setelah memegang pelbagai jawatan dalam perbankan korporat dan risiko kredit di beberapa bank tempatan dan asing. Encik Abdul Rashid memainkan peranan penting dalam penubuhan pasukan Penganalisis Kredit Bank. Beliau dilantik ke jawatan sekarang pada 2009 dan bertanggungjawab menyelia portfolio Perbankan Komersil Bank. Encik Abdul Rashid memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan daripada California State University di Sacramento, AS.

**ZAHARIN MOHD ALI**

Head, Corporate Banking
Ketua, Perbankan Korporat

Encik Zaharin Mohd Ali has 19 years experience in the banking industry. Since starting his career in the industry in 1995 as an executive trainee, he has served various departments ranging from services, credit administration and commercial banking. Encik Zaharin joined Bank Islam in 2010 as the Head of Business in Commercial Banking, where he has been mainly managing sales within the division. Recently promoted as Head of Corporate Banking, he is now responsible in overseeing Bank Islam's Corporate Banking portfolio. Encik Zaharin holds a Bachelor of Accountancy from University of Central England, UK.

Encik Zaharin Mohd Ali mempunyai 19 tahun pengalaman dalam industri perbankan. Sejak memulakan kerjayanya dalam industri ini pada tahun 1995 sebagai pelatih eksekutif, beliau telah berkhidmat dengan pelbagai jabatan merangkumi perkhidmatan, pentadbiran kredit dan perbankan komersil. Encik Zaharin menyertai Bank Islam pada tahun 2010 sebagai Ketua Perniagaan Perbankan Komersil, di mana beliau bertanggungjawab dalam pengurusan penjualan. Sejak dinaikkan pangkat sebagai Ketua Perbankan Korporat baru-baru ini, beliau bertanggungjawab dalam menyelia portfolio Perbankan Korporat Bank Islam. Encik Zaharin memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari University of Central England, UK.

BUSINESS UNITS
UNIT PERNIAGAAN

- 9 Mujibburrahman Abd Rashid
- 10 Abdul Rashid Abdul Hamid
- 11 Zaharin Mohd Ali

SUPPORT UNITS
UNIT SOKONGAN

- 12 Dato' Norasni Ayob

DATO' NORASNI AYOB

Chief Operating Officer, Operations
Ketua Pegawai Operasi, Operasi

Dato' Norasni Ayob has over 31 years of experience in banking operations. She joined Bank Islam in 2011 where she currently manages five major operations, which include Cash Management, Operations, Contact Centre, e-Channels as well as Property and Project Management. Dato' Norasni has also been entrusted to utilise her expertise in growing the Bank's retail deposits. Under her stewardship, various operational and management transformation initiatives have been implemented to strengthen the Bank's operational efficiency. Dato' Norasni holds a Master's Degree in Business Administration from Nottingham Trent University, UK.

Dato' Norasni Ayob mempunyai lebih 31 tahun pengalaman dalam operasi perbankan. Beliau menyertai Bank Islam pada 2011 di mana beliau kini menguruskan lima operasi utama termasuk Pengurusan Tunai, Operasi, Pusat Hubungan, e-Saluran serta Pengurusan Harta dan Projek. Dato' Norasni juga telah diamanahkan untuk menggunakan kepakarannya bagi menambahkan deposit runcit Bank. Di bawah kepimpinannya, pelbagai inisiatif operasi dan transformasi pengurusan telah dilaksanakan untuk mengukuhkan kecekapan operasi Bank. Dato' Norasni memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Nottingham Trent University, UK.

PROFILE OF MANAGEMENT TEAM

Profil Barisan Pengurusan



MALKIT SINGH MAAN

Chief Financial Officer
Ketua Pegawai Kewangan

Mr Malkit Singh Maan has over 24 years of working experience in finance within a banking environment, and has served several foreign and local banks in various capacities. He is responsible for the financial management of Bank Islam, a role which he has assumed since January 2008. Mr Malkit is a Certified Practicing Accountant ("CPA") member of the Australian Society of CPAs and Chartered Accountant of Malaysian Institute of Accountants.

Encik Malkit Singh Maan mempunyai lebih 24 tahun pengalaman bekerja dalam bidang kewangan dalam persekitaran perbankan, dan pernah berkhidmat dengan beberapa bank asing dan tempatan dengan pelbagai jawatan. Encik Malkit merupakan ahli Certified Practicing Accountant ("CPA") di Australian Society of CPAs dan Akauntan Bertauliah di Institut Akauntan Malaysia.



RYAN LIEW CHOON CHING

Chief Technology Officer
Ketua Pegawai Teknologi

Mr Ryan Liew has 29 years of working experience within the banking industry. He joined Bank Islam in 2008 to head up the Bank's Information Technology division. As the Chief Technology Officer, Mr Ryan oversees the various aspects of the division's departments including Strategic & Planning, IT Application, IT Infrastructure, Project Management Office and IT Security. He has been nominated as one of Asia's most influential IT leaders. Mr Ryan holds a Bachelor of Science in Computer Science.

Encik Ryan Liew mempunyai 29 tahun pengalaman bekerja dalam industri perbankan. Beliau menyertai Bank Islam pada 2008 bagi mengetuai bahagian Teknologi Maklumat Bank. Sebagai Ketua Pegawai Teknologi, Encik Ryan menyelia pelbagai aspek jabatan di bawah bahagian termasuk Strategi & Perancangan, Aplikasi IT, Infrastruktur IT, Pejabat Pengurusan Projek dan Keselamatan IT. Beliau telah dicalonkan sebagai salah seorang peneraju IT paling berpengaruh di Asia. Encik Ryan memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Sains Komputer.



16

SUPPORT UNITS UNIT SOKONGAN

- 13 Malkit Singh Maan
- 14 Ryan Liew Choon Ching
- 15 Wahid Ali Mohd Khalil

INDEPENDENT UNITS UNIT BEBAS

- 16 Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff

WAHID ALI MOHD KHALIL

Chief Operating Officer, Business Support
Ketua Pegawai Operasi, Sokongan Perniagaan

Encik Wahid Ali carries with him 33 years of banking experience, having held senior positions at various local and foreign banks in different capacities. He joined Bank Islam in 2007 as the Chief Internal Auditor before being appointed to his current post in 2013. Encik Wahid is a member of the Board of Directors for Amana Bank Limited (Sri Lanka) as well as a member of its Board Audit and Risk Committee. He is also The Principal Officer of Bank Islam Labuan Offshore Branch ("BILOB"). Encik Wahid is an Associate of the Institute of Internal Auditors Malaysia, a member of IBBM, a Certified Integrity Officer and a Certified Financial Planner. Encik Wahid holds a Master of Science in Economic Crime Management and a Degree in Business Management. He is also a Certified Professional in AML/CFT and holds an Advance Professional Diploma in AML from the University of Manchester.

Encik Wahid Ali membawa bersamanya 33 tahun dalam bidang perbankan, pernah memegang beberapa jawatan kanan di bank-bank tempatan dan asing dalam kapasiti yang berlainan. Beliau menyertai Bank Islam pada 2007 sebagai Ketua Audit Dalaman sebelum dilantik ke jawatan sekarang pada 2013. Encik Wahid berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah untuk Amana Bank Limited (Sri Lanka) di samping menjadi ahli Jawatankuasa Audit dan Risiko Lembaga Pengarah di institusi yang sama. Beliau merupakan Pegawai Utama Bank Islam Labuan Offshore Branch ("BILOB"). Encik Wahid juga merupakan Ahli Bersekutu Institut Juruaudit Dalaman Malaysia, ahli IBBM, Pegawai Integriti Bertauliah dan Perancang Kewangan Bertauliah. Encik Wahid memegang Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan Jenayah Ekonomi dan Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Pengurusan Perniagaan. Beliau juga merupakan Profesional Bertauliah dalam AML/CFT dan memegang Diploma Profesional Eksekutif dalam AML dari Universiti Manchester.

MOHAMED IRAN MORIFF MOHD SHARIFF

Chief Internal Auditor
Ketua Audit Dalaman

Encik Mohamed Iran Moriff began his career at a renowned consulting firm, specialising in the audit of Banks and Financial Institutions before going on to work abroad for 10 years, practising in the field of accounting and finance. He joined Bank Islam in October 2009 as an Assistant General Manager in the Consumer Banking Division. Encik Iran was appointed as the Bank's Chief Internal Auditor in May 2014. A Certified Public Accountant ("CPA") and a fellowship member of the Association of Chartered Certified Accountants ("ACCA"), he completed the Certificate in Internal Auditing for Financial Institutions ("CIAFIN") examinations with a distinction. Encik Iran holds a Masters in Business Administration from Strathclyde Business School, Glasgow, UK and a Bachelors in Accountancy from University of East Anglia, Norwich, UK.

Encik Mohamed Iran Moriff memulakan kerjayanya di sebuah syarikat perunding yang terkenal, dengan kepakaran dalam audit Bank dan Institusi Kewangan, sebelum bekerja di luar negara selama 10 tahun dalam bidang perakaunan dan kewangan. Beliau menyertai Bank Islam pada Oktober 2009 sebagai Penolong Pengurus Kanan di Bahagian Perbankan Pengguna. Encik Iran dilantik sebagai Ketua Audit Dalaman pada Mei 2014. Merupakan Akauntan Awam Bertauliah ("CPA") dan ahli felo Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun ("ACCA"), beliau juga memegang Sijil Audit Dalaman untuk Institusi Kewangan ("CIAFIN"). Encik Iran memegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Strathclyde Business School, Glasgow, UK dan Ijazah Perakaunan dari University of East Anglia, Norwich, UK.

PROFILE OF MANAGEMENT TEAM

Profil Barisan Pengurusan

ALINA SYLVIA APPOO

Deputy Chief Risk Officer

Timbalan Ketua Pegawai Risiko

Ms Alina Appoo has over 15 years banking experience focusing predominantly on Market Risk in Malaysia and the Asian region. She joined Bank Islam in 2012 as Head of Market & Operational Risk, and was recently appointed as Deputy Chief Risk Officer. Prior to joining the Bank, Ms Alina held key leadership and management positions in related fields at various renowned local banks. She has been instrumental in change management initiatives within Market Risk including driving required changes arising from Basel 2 & 3 together with systems enhancements to front-end risk infrastructure for Treasury and Risk. Ms Alina has a Bachelor Degree (with Honors) in Mathematics from Universiti Sains Malaysia.

Cik Alina Appoo mempunyai lebih 15 tahun pengalaman perbankan dengan tumpuan terutamanya kepada Risiko Pasaran di rantau Malaysia dan Asia. Beliau menyertai Bank Islam pada tahun 2012 sebagai Ketua Risiko Pasaran & Operasi, dan telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Risiko baru-baru ini. Sebelum menyertai Bank, Cik Alina pernah memegang pelbagai jawatan penting dalam bidang yang berkaitan di beberapa bank tempatan yang terkenal. Beliau memainkan peranan penting dalam inisiatif perubahan pengurusan dalam Risiko Pasaran termasuk memacu perubahan yang diperlukan berikutan Basel 2 & 3 dan juga penambahbaikan sistem bagi barisan hadapan infrastruktur risiko untuk Perbendaharaan dan Risiko. Cik Alina memegang Ijazah Sarjana Muda (dengan Kepujian) Matematik daripada Universiti Sains Malaysia.

17



18

KHAIRUL MUZAMEL PERERA

Chief Credit Officer

Ketua Pegawai Kredit

Encik Khairul Muzamel Perera has over 30 years of banking related experience including stints at a debt rating agency and national financial institution. He is currently the Chief Credit Officer overseeing the Credit Management Division which covers Credit Analysis, Credit Analytics and the Central Financing Processing function in Bank Islam. Encik Khairul joined the Risk Management Division of the Bank in April 2009, heading the Credit Risk Management unit. He also served as the alternate Director to the Chief Risk Officer on the Board of Amana Bank Ltd (Sri Lanka). A Chartered Company Secretary by profession, Encik Khairul is an Associate Member of the Institute of Chartered Secretaries & Administrators, London.

Encik Khairul Muzamel Perera mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam industri perbankan termasuk pernah berkhidmat untuk agensi penarafan hutang dan institusi kewangan nasional. Beliau kini memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Kredit menyelia Bahagian Pengurusan Kredit yang merangkumi Analisis Kredit, Kredit Analitik dan fungsi Pemprosesan Pembiayaan Pusat di Bank Islam. Encik Khairul menyertai Bahagian Pengurusan Risiko Bank pada April 2009, mengetuai unit Pengurusan Risiko Kredit. Beliau juga telah berkhidmat sebagai Pengarah alternatif untuk Ketua Pegawai Risiko di Lembaga Pengarah Amana Bank Ltd (Sri Lanka). Dengan profesion sebagai Setiausaha Syarikat Bertauliah, Encik Khairul merupakan Ahli Bersekutu Institut Setiausaha & Pentadbir Berkanun, London.

19

20

USTAZ MOHD NAZRI CHIK

Chief Shariah Officer
Ketua Pegawai Syariah

Ustaz Mohd Nazri Chik has over 10 years of experience in Shariah management of an Islamic bank. He joined Bank Islam in June 2004 before leaving in 2009 to take up another position at an investment arm of Dubai government. He rejoined Bank Islam in January 2011 and is responsible for strengthening the Bank's Shariah governance framework and facilitating its effort in offering Shariah compliant products and services. An Accreditation Panel of Finance Accreditation Agency and a member of Professional Practices Bureau of Association of Shariah Advisors, Ustaz Mohd Nazri is also the Deputy Chairman of the Shariah Supervisory Council of Amana Bank Limited (Sri Lanka). Ustaz Mohd Nazri holds a Master's degree and a Bachelor's Degree in Shariah (Islamic Jurisprudence) from University of Malaya where he continued on as an academician.

Ustaz Mohd Nazri Chik memiliki lebih 10 tahun pengalaman dalam pengurusan Syariah sebuah bank Islam. Beliau menyertai Bank Islam pada Jun 2004 sebelum meninggalkannya pada 2009 untuk memegang jawatan lain di badan pelaburan kerajaan Dubai. Beliau kembali menyertai Bank Islam pada Januari 2011 dan bertanggungjawab mengukuhkan rangka kerja urus tadbir Syariah bagi Bank dan memudahkan usaha Bank menawarkan produk dan perkhidmatan patuh Syariah. Selain menjadi Panel Akreditasi di Agensi Akreditasi Kewangan dan ahli Biro Amalan Professional Persatuan Penasihat Syariah, Ustaz Mohd Nazri juga menjadi Timbalan Pengerusi, Majlis Pengawasan Syariah Amana Bank Limited (Sri Lanka). Ustaz Mohd Nazri memegang Ijazah Sarjana Syariah dan Sarjana Muda Syariah (Perundangan Islam) daripada Universiti Malaya, di mana beliau meneruskan kerjayanya sebagai ahli akademik.

**INDEPENDENT UNITS
UNIT BEBAS**

- 17 Alina Sylvia Appoo
- 18 Khairul Muzamel Perera
- 19 Ustaz Mohd Nazri Chik
- 20 Nik Azmir Nik Anis

NIK AZMIR NIK ANIS


Chief Compliance Officer
Ketua Pegawai Pematuhan

Encik Nik Azmir Nik Anis joined Bank Islam in 2013, bringing with him 18 years of banking experience having served various local and foreign banks specialising in Branch and Banking Operations, Anti-Money Laundering, Operational Risk Management and Compliance. His primary roles and responsibilities include managing the Bank's overall compliance risk and shaping the Bank's compliance culture. He also acts as key liaison officer to the regulators and is the Bank's Money Laundering Reporting Officer ("MLRO"). Encik Nik Azmir holds a Bachelor of Arts in Economics from University of Pittsburgh, USA and a Master in Business Administration from Nottingham Trent University, UK.

Encik Nik Azmir Nik Anis menyertai Bank Islam pada 2013 membawa bersamanya 18 tahun pengalaman dalam perbankan setelah berkhidmat di pelbagai bank tempatan dan asing serta pakar dalam Operasi Cawangan dan Perbankan, Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pengurusan Risiko Operasi dan Pematuhan. Peranan dan tanggungjawab utama beliau termasuklah mengurus risiko pematuhan Bank secara keseluruhan dan membentuk budaya pematuhan Bank. Beliau juga bertindak sebagai pegawai perhubungan utama kepada pengawal selia dan merupakan Pegawai Pelapor Pencegahan Pengubahan Wang Haram ("MLRO") Bank. Encik Nik Azmir memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam jurusan Ekonomi daripada University of Pittsburgh, AS dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Nottingham Trent University, UK.

PROFILE OF REGIONAL MANAGERS

Profil Pengurus Wilayah



AHMAD FAUZI MOHD AKHIR

Head of Regional Office, Northern Region
Ketua Pejabat Wilayah, Wilayah Utara

Encik Ahmad Fauzi Mohd Akhir has more than 24 years of experience in branch operation and financing department, and has been with Bank Islam since 1991. He now heads the Regional Office of the Northern region overseeing the 26 Bank branches in Perak, Kedah, Pulau Pinang and Perlis. Encik Ahmad Fauzi is a holder of Bachelor of Science in Accounting from Fairleigh Dickinson University, USA.

Encik Ahmad Fauzi Mohd Akhir mempunyai lebih 24 tahun pengalaman dalam operasi cawangan dan jabatan pembiayaan, dan telah bersama dengan Bank Islam sejak 1991. Beliau kini mengetuai Pejabat Wilayah di kawasan Utara yang menyelia 26 cawangan Bank di negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Encik Ahmad Fauzi ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Perakaunan daripada Fairleigh Dickinson University, AS.



BOSTAMAM HASSAN

Head of Regional Office, Central Region
Ketua Pejabat Wilayah, Wilayah Tengah

Encik Bostamam Hassan has 29 years of experience in banking. He joined Bank Islam in July 1986 where he currently holds the position of Head of Central Region Office, and is responsible for the business development, marketing and management of 46 branches in Kuala Lumpur and Selangor. Encik Bostamam is a holder of a Master's degree in Business Administration from University of New Haven, Connecticut, USA.

Encik Bostamam Hassan mempunyai 29 tahun pengalaman dalam perbankan. Beliau menyertai Bank Islam pada Julai 1986 di mana dia kini memegang jawatan Ketua Pejabat Wilayah Tengah yang bertanggungjawab dalam pembangunan perniagaan, pemasaran dan pengurusan bagi 46 buah cawangan di Kuala Lumpur dan Selangor. Encik Bostamam ialah pemegang Ijazah Sarjana dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan daripada University of New Haven, Connecticut, AS.

3



5



4



- 1 Ahmad Fauzi Mohd Akhir
- 2 Bostamam Hassan
- 3 Mohd Noor Jab
- 4 Wan Rosita Wan Mohamed
- 5 Abdul Malek Abdullah

MOHD NOOR JAB

Head of Regional Office, Southern Region
Ketua Pejabat Wilayah, Wilayah Selatan

Encik Mohd Noor Jab carries with him 20 years of banking experience. He joined Bank Islam in October 1994 where he now leads the Southern Region team comprising 27 branches in Johor, Melaka and Negeri Sembilan. Encik Mohd Noor holds a Bachelor of Business Administration from Universiti Utara Malaysia.

Encik Mohd Noor Jab membawa bersamanya 20 tahun pengalaman perbankan. Beliau menyertai Bank Islam pada Oktober 1994 di mana beliau kini mengetuai barisan Wilayah Selatan yang merangkumi 27 buah cawangan di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Encik Mohd Noor ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Utara Malaysia.

WAN ROSITA WAN MOHAMED

Head of Regional Office, Eastern Region
Ketua Pejabat Wilayah, Wilayah Timur

Puan Wan Rosita Wan Mohamed has over 30 years of experience in the banking Industry, and has been with Bank Islam since January 2005. She now heads the Regional Office of the Eastern region, comprising 29 branches in the states of Terengganu, Kelantan and Pahang. Puan Wan Rosita holds a Bachelor of Science Degree in Finance from Indiana State University, USA.

Puan Wan Rosita Wan Mohamed mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam industri perbankan, dan telah bersama dengan Bank Islam sejak Januari 2005. Beliau kini mengetuai Pejabat Wilayah di kawasan Timur yang terdiri daripada 29 cawangan di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang. Puan Wan Rosita ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Kewangan daripada Indiana State University, AS.

ABDUL MALEK ABDULLAH


Head of Regional Office, East Malaysia Region
Ketua Pejabat Wilayah, Wilayah Malaysia Timur

Encik Abdul Malek Abdullah has spent over two decades of his working life with several banking institutions before joining Bank Islam in 2006. He was appointed to his current post in 2008 to oversee the East Malaysia Region's 13 branches in the states of Sabah and Sarawak. Encik Abdul Malek is a holder of an Executive Master's Degree in Business Administration from Universiti Teknologi MARA.

Encik Abdul Malek Abdullah telah berkhidmat selama lebih dua dekad dengan beberapa buah institusi perbankan sebelum menyertai Bank Islam pada 2006. Beliau dilantik ke jawatan sekarang pada 2008 untuk menyelia 13 cawangan Wilayah Malaysia Timur di negeri Sabah dan Sarawak. Encik Abdul Malek ialah pemegang Ijazah Sarjana Eksekutif dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Teknologi MARA.

PROFILE OF HEADS OF SUBSIDIARIES

Profil Ketua Anak Syarikat



NAJMUDDIN MOHD LUTFI

Chief Operating Officer, BIMB Investment Management Berhad
Ketua Pegawai Operasi, BIMB Investment Management Berhad

Encik Najmuddin Mohd Lutfi has 15 years of experience in the financial industry, with senior roles within the retail and institutional fund management business. He joined BIMB Investment Management Berhad on 9 February 2015. Encik Najmuddin has held the positions of Executive Director at Goldman Sachs (Malaysia) Sdn Bhd in the Investment Management division and Assistant Director at CIMB-Principal Asset Management, in addition to being a former Deputy Director at Bank Negara Malaysia. Registered with the Federation of Investment Managers Malaysia ("FIMM"), Encik Najmuddin holds the Securities Commission's Capital Markets Services Representative's license ("CMSRL") and has an MBA and Bachelor of Science (Business Administration) from the University of Missouri, St. Louis, USA.

Encik Najmuddin Mohd Lutfi mempunyai 15 tahun pengalaman dalam industri kewangan, dengan jawatan kanan dalam perniagaan pengurusan dana runcit dan institusi. Beliau menyertai BIMB Investment Management Berhad pada 9 Februari 2015. Encik Najmuddin pernah memegang jawatan Pengarah Eksekutif Goldman Sachs (Malaysia) Sdn Bhd di bahagian Pengurusan Pelaburan, Penolong Pengarah di CIMB-Principal Asset Management, selain menjadi Timbalan Pengarah di Bank Negara Malaysia. Encik Najmuddin yang berdaftar dengan Persekutuan Pengurus-pengurus Pelaburan Malaysia ("FIMM"), memegang lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal ("CMSRL") daripada Suruhanjaya Sekuriti serta mempunyai Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Muda Sains (Pentadbiran Perniagaan) daripada University of Missouri, St. Louis, AS.




- 1 Najmuddin Mohd Lutfi
- 2 Rumaizi Mohd Tejeri

RUMAIZI MOHD TEJERI

Chief Executive Officer/Principal Officer, Bank Islam Trust Company (Labuan) Ltd
Ketua Pegawai Eksekutif/Pegawai Utama, Bank Islam Trust Company (Labuan) Ltd

Encik Rumaizi Mohd Tejeri has over eight years of experience in Labuan and the offshore trust industries in Labuan IBFC. He was appointed as the Chief Executive Officer of Bank Islam Trust Company (Labuan) Ltd (“BTL”) on 1 January 2011. Prior to his appointment, Encik Rumaizi was the Head of Legal & Compliance of BTL. Before joining BTL, Encik Rumaizi was the Assistant Manager of CIMB Trustee Berhad where he gained experience in banking and trusteeship related matters. He also has extensive experience in litigation, Shariah practices, estate planning, administration of estates and trust services. Encik Rumaizi is a holder of an MBA from Universiti Malaysia Sabah as well as LLB (Hons) from International Islamic University Malaysia.

Encik Rumaizi Mohd Tejeri memiliki lebih lapan tahun pengalaman dalam industri amanah di Labuan dan pengamanahan luar pesisir di Labuan IBFC. Dia dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Trust Company (Labuan) Ltd (“BTL”) pada 1 Januari 2011. Sebelum pelantikan beliau, Encik Rumaizi merupakan Ketua Bahagian Perundangan & Pematuhan BTL. Sebelum menyertai BTL, Encik Rumaizi berkhidmat sebagai Penolong Pengurus di CIMB Trustee Berhad di mana beliau mengumpul pengalaman berkaitan perbankan dan pengamanahan. Beliau juga mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang litigasi, amalan Syariah, perancangan harta pusaka, pentadbiran harta pusaka dan khidmat amanah. Encik Rumaizi adalah pemegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Malaysia Sabah dan juga Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



BETTER INSIGHTS LEAD TO outstanding solutions.

PEMAHAMAN YANG LEBIH MENDALAM MEMBAWA KEPADA
penyelesaian yang cemerlang.

Bank Islam is engaging with customers to enrich their experience with convenience, accessibility and differentiation and meet emerging product demands. We are escalating service excellence by enhancing branch efficiency, upgrading electronic and online channels, developing staff capabilities and innovating value-added services.

Bank Islam berinteraksi dengan pelanggan untuk memperkayakan pengalaman mereka dengan kemudahan, aksesibiliti dan kepelbagaian serta memenuhi permintaan produk baharu. Kami menambah baik kecemerlangan perkhidmatan dengan meningkatkan kecekapan cawangan, menaik taraf saluran elektronik dan dalam talian, memperluaskan keupayaan kakitangan serta memperkenalkan perkhidmatan nilai tambah.

CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS

Kalendar Peristiwa Penting

4 JANUARY 4 JANUARI

Bank Islam handed over the charity collection by Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy ("SWADD") of USD17,670 for Shuaa al-Amal Institute, an orphanage in Palestine.

Bank Islam menyerahkan kutipan derma oleh Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy ("SWADD") sebanyak USD17,670 untuk Shuaa al-Amal Institute, sebuah rumah anak yatim di Palestin.



21 JANUARY 21 JANUARI

Bank Islam contributed RM20,600 to support the Malaysian Ministry of Education during the *Majlis Anugerah Surau IMARAH Sekolah Peringkat Kebangsaan*.

Bank Islam menyumbangkan RM20,600 bagi menyokong Kementerian Pendidikan Malaysia di *Majlis Anugerah Surau IMARAH Sekolah Peringkat Kebangsaan*.



18 FEBRUARY 18 FEBRUARI

Bank Islam celebrated the launch of its 134th branch located at Padong Garong, Kota Bharu, Kelantan which was officiated by MB of Kelantan, YAB Dato' Ahmad Yaakob.

Bank Islam meraikan pelancaran cawangannya yang ke-134 yang terletak di Padong Garong, Kota Bharu, Kelantan dan dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Ahmad Yaakob.



1 MARCH 1 MAC

Bank Islam organised the Annual Media Friendly Bowling Game at Wangsa Bowl, Wangsa Walk Mall.

Bank Islam menganjurkan Pertandingan Boling Persahabatan Media Tahunan di Wangsa Bowl, Wangsa Walk Mall.



13 MARCH 13 MAC

Bank Islam hosted a study visit by the Reserve Bank of India and representatives from Taiwan at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam menerima lawatan sambil belajar oleh delegasi dari Reserve Bank of India dan wakil dari Taiwan di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.



25 MARCH 25 MAC

BIMB Investment Management Bhd ("BIMB Invest") launched the BIMB i Flexi Fund, which offers long-term capital growth by investing in a diversified portfolio of Shariah-compliant securities.

BIMB Investment Management Bhd ("BIMB Invest") melancarkan BIMB i Flexi Fund, yang menawarkan pertumbuhan modal jangka panjang melalui pelaburan dalam pelbagai portfolio sekuriti patuh Syariah.



25 JANUARY 25 JANUARI

Bank Islam and Hijabista collaborated to organise a joint “Bank Islam-Hijabista Shop Till You Drop” event for its customers.

Bank Islam dan Hijabista bekerjasama untuk menganjurkan acara “Bank Islam-Hijabista Shop Till You Drop” untuk pelanggannya.

**6 FEBRUARY 6 FEBRUARI**

Bank Islam celebrated the Al-Awfar ‘Dream of a Lifetime Campaign’ winners in a live ceremony telecast at MHI, TV3.

Bank Islam meraikan pemenang kempen ‘Dream-of-a-Lifetime’ Al-Awfar dalam majlis yang disiarkan secara langsung di MHI, TV3.

**21 FEBRUARY 21 FEBRUARI**

Bank Islam launched the inaugural Service Excellence Campaign 2014, a motivational agenda that will shift the paradigm of its customer service.

Bank Islam melancarkan Kempen Kecemerlangan Perkhidmatan 2014, iaitu agenda motivasi yang akan menganjakkan paradigma khidmat pelanggannya.

**26 FEBRUARY 26 FEBRUARI**

Bank Islam launched its second Unidebit Card-i with Universiti Malaysia Pahang (“UMP”).

Bank Islam melancarkan Kad UniDebit-i kedua bersama Universiti Malaysia Pahang (“UMP”).

**25 MARCH 25 MAC**

Bank Islam received a study visit by the Development Bank of Philippines at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam menerima lawatan sambil belajar oleh delegasi dari Development Bank of Philippines di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

**29 MARCH 29 MAC**

Bank Islam contributed RM219,700 to assist underprivileged students during the ‘Malam Simfoni Kasih 2014 – Menuju Destini Anak Bangsa’ organised by Universiti Teknologi MARA (“UiTM”).

Bank Islam menyumbangkan RM219,700 untuk membantu pelajar yang kurang bernasib baik semasa ‘Malam Simfoni Kasih 2014 – Menuju Destini Anak Bangsa’ yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (“UiTM”).

**31 MARCH 31 MAC**

BIMB Holdings Berhad, Bank Islam's parent company, conducted an Analysts' Briefing at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

BIMB Holdings Berhad, syarikat induk Bank Islam, mengadakan Taklimat Penganalisis di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS

Kalendar Peristiwa Penting

1 APRIL 1 APRIL

Bank Islam received a study visit by students of Islamic Studies University of Pattani, Thailand at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam menerima lawatan sambil belajar oleh pelajar Pengajian Islam, University of Pattani, Thailand di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.



18 APRIL 18 APRIL

Bank Islam donated a Muslim funeral van to Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis ("MAIPs") received by DYT Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizzuddin Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Bank Islam mendermakan van jenazah kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis ("MAIPs") yang diterima oleh DYT Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizzuddin Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.



8 MAY 8 MEI

Bank Islam received a study visit by the participants from BNM/MTCP Fundamentals of Islamic Finance Course at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam menerima lawatan sambil belajar oleh peserta Kursus Asas Kewangan Islam BNM/MTCP di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

8 MAY 8 MEI

Bank Islam contributed RM10,000 to Majlis Islam Wilayah Persekutuan to support the development of Wakaf land in the Federal Territory.

Bank Islam menyumbangkan RM10,000 kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk menyokong pembangunan tanah Wakaf di Wilayah Persekutuan.

18 MAY 18 MEI

Bank Islam handed over a donation of computers to SMK Paloh, Kluang, Johor.

Bank Islam menyerahkan sumbangan komputer kepada SMK Paloh, Kluang, Johor.



27 MAY 27 MEI

Bank Islam held its Al-Awfar campaign 'Fast Lane to Become a Millionaire' prize giving ceremony with 3 fortunate millionaires.

Bank Islam mengadakan majlis penyampaian hadiah untuk kempen 'Fast Lane to Become a Millionaire' Al-Awfar bersama tiga jutawan bertuah.



25 JUNE 25 JUN

Bank Islam hosted the Banks' Security Managers Meeting which was officiated by Deputy IGP, Tan Sri Mohd Bakri Mohd Zinin and was attended by 100 banking security managers at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam menjadi tuan rumah Mesyuarat Pengurus Keselamatan Bank yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Bakri Mohd Zinin dan dihadiri oleh 100 pengurus keselamatan bank di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.





27 – 30 APRIL 27 – 30 APRIL

Bank Islam contributed RM45,000 to support innovation programmes by UiTM students and lecturers during the Invention, Innovation & Design Exposition 2014 at UiTM, Shah Alam.

Bank Islam menyumbangkan RM45,000 untuk menyokong program inovasi oleh pelajar dan pensyarah UiTM semasa Ekspo Reka Cipta, Inovasi & Reka Bentuk 2014 di UiTM, Shah Alam.



17 MAY 17 MEI

Bank Islam collaborated with BERNAMA in organising a Media Treasure Hunt 2014 from Kuala Lumpur to Johor. Some of the activities involved the Persatuan Nelayan Kawasan (“PNK”) Pontian, Johor and the nearby community where activities carried out were to encourage media to perform CR activities and strengthen relationships amongst one another.

Bank Islam bekerjasama dengan BERNAMA untuk menganjurkan Media Treasure Hunt 2014 dari Kuala Lumpur ke Johor. Sebahagian daripada aktiviti tersebut melibatkan Persatuan Nelayan Kawasan (“PNK”) Pontian, Johor dan komuniti yang berhampiran. Aktiviti yang dijalankan bertujuan untuk menggalakkan pihak media supaya melakukan aktiviti CR dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain.



19 JUNE 19 JUN

Bank Islam organised an annual corporate luncheon talk by Dr Fons Trompenaars for valued corporate clients at The Majestic Hotel, KL.

Bank Islam menganjurkan ceramah makan tengah hari korporat tahunan oleh Dr Fons Trompenaars untuk pelanggan korporat yang dihargai di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur.



26 JUNE 26 JUN

Bank Islam contributed RM210,000 as part of goodwill-building for the Haj pilgrims during the Majlis Penghargaan Sahabat Korporat TH.

Bank Islam menyumbangkan RM210,000 sebagai sebahagian daripada usaha untuk memupuk perasaan muhibah dalam kalangan jemaah haji semasa Majlis Penghargaan Sahabat Korporat TH.



30 JUNE – 24 JULY 30 JUN – 24 JULAI

Bank Islam with Surau Ahmad Dawjee Dadabhoy provided free daily buka puasa or iftar and solat tarawih for its staff and citizens within the Menara Bank Islam vicinity during the Ramadan month.

Bank Islam, bersama Surau Ahmad Dawjee Dadabhoy, menyediakan juadah buka puasa atau iftar percuma setiap hari bekerja dan mengadakan solat tarawih untuk kakitangannya dan orang ramai di kawasan sekitar Menara Bank Islam semasa bulan Ramadan.

CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS

Kalendar Peristiwa Penting

2 – 22 JULY 2 – 22 JULAI

Bank Islam organised iftar sessions with media organisations namely Utusan & KOSMO, NSTP Group, Sinar Harian, RTM and Bernama at their premises and also distributed packed food for TV3 and TV Al Hijrah media friends with the objective of continuing the good relationship with the media.

Bank Islam menganjurkan sesi iftar bersama organisasi media, iaitu Utusan, KOSMO, Kumpulan NSTP, Sinar Harian, RTM dan Bernama di premis mereka, dan juga mengedarkan bungkusan makanan kepada rakan media, TV3 dan TV Al Hijrah dengan objektif untuk meneruskan hubungan baik dengan pihak media.



7 JULY 7 JULAI

Bank Islam organised a food distribution and iftar session for uniformed bodies on duty at ICQ, Padang Besar, Perlis.

Bank Islam menganjurkan sesi pengedaran makanan dan iftar bagi pasukan pakaian seragam yang bertugas di ICQ, Padang Besar, Perlis.



10 JULY 10 JULAI

Bank Islam organised a prize giving ceremony for its Personal Financing-i 2014 BMW Campaign at BMW Head Office, Kuala Lumpur.

Bank Islam menganjurkan majlis penyampaian hadiah untuk Kempen BMW Pembiayaan Peribadi-i 2014 di Ibu Pejabat BMW, Kuala Lumpur.



14 JULY 14 JULAI

Bank Islam organised an iftar session in the East Malaysia region with the local community and the underprivileged at Masjid At-Taqwa, Kampung Rancangan Klias, Beaufort, Sabah.

Bank Islam menganjurkan sesi iftar di wilayah Malaysia Timur bersama komuniti setempat dan orang yang kurang bernasib baik di Masjid At-Taqwa, Kampung Rancangan Klias, Beaufort, Sabah.



22 JULY 22 JULAI

Bank Islam organised an iftar session in the Southern region with the underprivileged, doctors and nurses of Hospital Melaka at Masjid Al-Falah, Melaka.

Bank Islam menganjurkan sesi iftar di wilayah Selatan bersama orang yang kurang bernasib baik serta doktor dan jururawat dari Hospital Melaka di Masjid Al-Falah, Melaka.



5 – 6 JULY 5 – 6 JULAI

Bank Islam sponsored RM25,000 for the 'Program Semarak Ramadan Berita Harian' at Kampung Masjid, Baling, Kedah for iftar & sahur programme with the local communities and groups of orphanage.

Bank Islam menaja RM25,000 untuk Program Semarak Ramadan Berita Harian di Kampung Masjid, Baling, Kedah bagi program iftar dan sahur bersama komuniti setempat dan kumpulan anak yatim.

**9 JULY 9 JULAI**

Bank Islam organised an iftar session with 150 underprivileged individuals from Kampung Orang Asli Sabak Bernam and Rumah Anak Yatim Hulu Langat, which was also attended by all Board of Directors, Management Members and MBI staff.

Bank Islam menganjurkan sesi iftar bersama 150 individu yang kurang bernasib baik dari Kampung Orang Asli Sabak Bernam dan Rumah Anak Yatim Hulu Langat, yang juga dihadiri oleh semua ahli Lembaga Pengarah, anggota Pengurusan dan kakitangan MBI.

**9 JULY 9 JULAI**

Bank Islam organised an iftar session in the Eastern region with the underprivileged children of Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi, Kuala Terengganu, Terengganu.

Bank Islam menganjurkan sesi iftar di wilayah Pantai Timur bersama kanak-kanak yang kurang bernasib baik dari Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi, Kuala Terengganu, Terengganu.

**17 JULY 17 JULAI**

Bank Islam organised an iftar session in the Central region with the orphanage of Rumah Ar-Raudah, Rumah Amal Baitul Sakinah Wal Mahabbah Kota Warisan, Sek Keb Padang Jawa and Rumah Penyayang Hembusan Kasturi and the media at Karangkraf headquarters, Shah Alam, Selangor.

Bank Islam menganjurkan sesi iftar di wilayah Tengah bersama anak yatim dari Rumah Ar-Raudah, Rumah Amal Baitul Sakinah Wal Mahabbah Kota Warisan, Sek Keb Padang Jawa dan Rumah Penyayang Hembusan Kasturi serta pihak media di ibu pejabat Karangkraf, Shah Alam, Selangor.

**18 AUGUST 18 OGOS**

Bank Islam organised its Aidilfitri Open House with Menara Bank Islam staff.

Bank Islam menganjurkan Rumah Terbuka Aidilfitri bersama kakitangan Menara Bank Islam.

**25 AUGUST 25 OGOS**

Bank Islam and Kolej Universiti Insaniah ("KUIN") signed an MoU for the Insaniah Waqaf Fund at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam dan Kolej Universiti Insaniah ("KUIN") menandatangani MoU bagi Dana Wakaf Insaniah di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS

Kalendar Peristiwa Penting

25 AUGUST 25 OGOS

22 Johor underprivileged families received new and newly renovated homes under the Housing Aid Project (*Projek Rumah Bantuan Bank Islam*) in collaboration with Universiti Teknologi Malaysia ("UTM") Skudai, a CR initiative which started in year 2008.

22 keluarga yang kurang bernasib baik di Johor menerima rumah baharu dan rumah yang baru diubah suai di bawah Projek Bantuan Rumah Bank Islam yang dijalankan secara usaha sama dengan Universiti Teknologi Malaysia ("UTM") Skudai, suatu inisiatif CR yang dimulakan sejak 2008.



2 – 4 SEPTEMBER 2 – 4 SEPTEMBER

Bank Islam participated in the Global Islamic Finance Forum ("GIFF 2014") with Dato' Sri Zukri Samat as a speaker for one of the sessions.

Bank Islam mengambil bahagian dalam Forum Kewangan Islam Global ("GIFF 2014") dengan Dato' Sri Zukri Samat sebagai penceramah untuk salah satu sesi.



4 SEPTEMBER 4 SEPTEMBER

Bank Islam celebrated the launch of its 137th branch located at Chan Sow Lin at Menara Utusan Malaysia, Kuala Lumpur.

Bank Islam meraikan pelancaran cawangannya yang ke-137 yang terletak di Chan Sow Lin di Menara Utusan Malaysia, Kuala Lumpur.

27 SEPTEMBER 27 SEPTEMBER

Bank Islam launched the 'One Earth One Quest', an environmental programme of planting 2,200 mangrove tree seeds at Hutan Simpan Tasik Sulaman, Tuaran, Sabah.

Bank Islam melancarkan 'One Earth One Quest', program penanaman 2,200 biji benih pokok bakau di Hutan Simpan Tasik Sulaman, Tuaran, Sabah.



16 OCTOBER 16 OKTOBER

Bank Islam celebrated the launch of its 138th branch located at Wakaf Bharu, Kelantan.

Bank Islam meraikan pelancaran cawangannya yang ke-138 yang terletak di Wakaf Bharu, Kelantan.

28 AUGUST 28 OGOS

Bank Islam received a study visit by the delegates from Afghanistan Banks Association at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Bank Islam menerima lawatan sambil belajar oleh delegasi dari Afghanistan Banks Association di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

**5 SEPTEMBER 5 SEPTEMBER**

Bank Islam and MyANGKASA signed an MoU on MyANGKASA membership card.

Bank Islam dan MyANGKASA menandatangani MoU tentang kad keahlian MyANGKASA.

7 OCTOBER 7 OKTOBER

Bank Islam organised 'Program Ibadah Korban 2014/1435H' at Selangor, Johor, Perak, Sabah and Kelantan to foster closer relationships with existing and potential customers and encourage staff to perform Korban for the benefit of the poor and needy.

Bank Islam menganjurkan 'Program Ibadah Korban 2014/1435H' di Selangor, Johor, Perak, Sabah dan Kelantan bagi memupuk hubungan yang lebih erat dengan pelanggan sedia ada dan individu yang berpotensi menjadi pelanggan serta menggalakkan kakitangan supaya melakukan ibadah Korban untuk manfaat golongan miskin dan golongan yang memerlukan.

**17 NOVEMBER 17 NOVEMBER**

Bank Islam presented a mock cheque of RM2.3 million to DYT Tengku Abdullah bin Haji Ahmad Shah, President of FAM for Football Association of Malaysia ("FAM") under the 'Bank Islam Team Harimau Visa Debit Card-i' contribution programme.

Bank Islam menyerahkan cek replika bernilai RM2.3 juta kepada DYT Tengku Abdullah bin Haji Ahmad Shah, Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia ("FAM") untuk FAM di bawah program sumbangan 'Kad Debit-i Visa Bank Islam Team Harimau'.

CALENDAR OF SIGNIFICANT EVENTS

Kalendar Peristiwa Penting

17 NOVEMBER 17 NOVEMBER

Bank Islam launched its campaign for Bank Islam Team Harimau Visa Debit Card-i called 'London's Callin'!' whereby 20 Cardmembers will be rewarded with an all-expense paid trip to London to watch a live English Premier League match.

Bank Islam melancarkan kempenya untuk Kad Debit-i Visa Bank Islam Team Harimau yang dinamakan 'London's Callin'!' di mana 20 Ahli Kad akan diberikan ganjaran dalam bentuk percutian ke London yang ditanggung sepenuhnya untuk menonton perlawanan Liga Perdana Inggeris secara langsung.



27 NOVEMBER 27 NOVEMBER

Prospectus of Kronologi Asia Berhad was launched in conjunction with its Listing on the ACE Market of Bursa Malaysia Securities Berhad, where Bank Islam was the principal adviser, sole underwriter, sponsor and placement agent for its listing.

Prospektus Kronologi Asia Berhad dilancarkan bersempena dengan penyenaraianya di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad. Bank Islam merupakan penasihat utama, penaja jamin tunggal, penaja dan ejen penempatan bagi penyenaraianya.

14 DECEMBER 14 DISEMBER

Bank Islam presented two BMW's to Personal-i Financing Campaign winners in Kelantan witnessed by YB Dato' Mustapa Mohamed, Minister of International Trade & Industry at Kota Bharu, Kelantan.

Bank Islam menyerahkan dua kereta BMW kepada pemenang Kempen Pembiayaan Peribadi-i di Kota Bharu, Kelantan yang disaksikan oleh YB Dato' Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.



17 DECEMBER 17 DISEMBER

Bank Islam organised a 'Facebook Get-Together' at Universiti Malaya with its FB fans to strengthen the bond with its clients and impart knowledge on Islamic banking in a fun and casual environment.

Bank Islam menganjurkan 'Facebook Get-Together' di Universiti Malaya bersama pengikutnya di FB bagi mengeratkan hubungan dengan pelanggannya serta menyampaikan ilmu tentang perbankan Islam dalam persekitaran yang santai dan menyeronokkan.



19 NOVEMBER 19 NOVEMBER

Bank Islam signed the Financing Agreements of Subordinated Sukuk Murabahah Programme of up to RM1 billion.

Bank Islam menandatangani Perjanjian Pembiayaan Program Sukuk Murabahah Subordinat sehingga RM1 bilion.

**29 NOVEMBER 29 NOVEMBER**

Bank Islam organised a Gotong Royong activity and contributed RM40,500 for the development and enhancement of facilities and surroundings of Rumah Warga Emas Rumah Ehsan, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Bank Islam menganjurkan aktiviti gotong-royong serta menyumbangkan RM40,500 untuk pembangunan dan penambahbaikan kemudahan dan persekitaran Rumah Warga Emas Rumah Ehsan, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

**17 DECEMBER 17 DISEMBER**

Bank Islam awarded prizes to the winners of the Service Excellence Campaign 2014 at Menara Bank Islam.

Bank Islam menyampaikan anugerah kepada pemenang Kempen Kecemerlangan Perkhidmatan 2014 di Menara Bank Islam.

**26 DECEMBER 26 DISEMBER**

Bank Islam contributed financial and schooling aid to Pertubuhan Kebajikan Muallaf Daerah Kluang.

Bank Islam menyampaikan derma dan bantuan persekolahan kepada Pertubuhan Kebajikan Muallaf Daerah Kluang.

**2 JANUARY 2015 2 JANUARI 2015**

Bank Islam staff went on a mission to give aid to their fellow colleagues affected by the flood in the Eastern region. Bank Islam also pledged RM2.4 million to the state of Kelantan to help the state with its flood recovery plan for affected communities.

Kakitangan Bank Islam menyertai misi memberikan bantuan kepada rakan sekerja mereka yang terjejas akibat banjir di wilayah Pantai Timur. Bank Islam juga berikrar untuk memberikan RM2.4 juta kepada negeri Kelantan bagi membantu negeri tersebut melaksanakan pelan pemulihan banjirnya untuk komuniti yang terjejas.

UPHOLDING CORPORATE RESPONSIBILITY FOR A BRIGHTER FUTURE

Menjalankan Tanggungjawab Korporat Untuk Masa Depan Yang Lebih Cerah

“Goodness is the only investment that never fails.”

As Malaysia's pioneer Islamic bank, Bank Islam has established a rich history of giving back to the community and environment. In adherence to the Shariah principles that shape the Bank's business, responsible corporate practices make up the very essence of the Bank's operations.

With the aim of ensuring the sustainability of our business and long-term well-being of those around us, our Corporate Responsibility (“CR”) practices are thus geared not only towards preserving the bank's legacy, but also towards securing its future, and the future of the communities we serve, for years to come. We also seek to cement this sustainability through our efforts to adapt to society's evolving needs and contribute to the overall wellness of local communities.

To this end, our CR programmes focus on creating long-term value for underprivileged communities through education, welfare and enrichment initiatives to help them attain a brighter tomorrow. At the same time, we stand ready to channel financial and medical aid to those who need it the most. We are also firm believers in volunteerism, encouraging our staff and their families to engage with the less fortunate and contribute to the betterment of their quality of life.

“Kebaikan adalah satu-satunya pelaburan yang tidak pernah menemui kegagalan.”

Sebagai perintis perbankan di Malaysia, Bank Islam telah mencatatkan begitu banyak sejarah dalam memberikan bantuan kepada komuniti dan alam sekitar. Dalam usahanya mematuhi prinsip Syariah yang membentuk perniagaan Bank, amalan tanggungjawab korporat menjadi asas yang sangat penting dalam operasi Bank.

Dengan matlamat memastikan kemampunan perniagaan Bank dan kesejahteraan yang berpanjangan bagi orang di sekeliling kami, amalan Tanggungjawab Korporat (“CR”) kami terus digerakkan bukan sahaja ke arah memelihara warisan bank, tetapi juga ke arah menjamin masa depannya, dan masa depan komuniti yang menerima perkhidmatan kami untuk tahun-tahun yang akan datang. Kami juga berusaha mengukuhkan kemampunan ini melalui usaha kami untuk menyesuaikan diri dengan keperluan masyarakat yang sentiasa berubah dan menyumbang kepada kesejahteraan menyeluruh komuniti setempat.

Justeru itu, program CR kami memberikan tumpuan kepada mewujudkan nilai jangka panjang untuk komuniti kurang bernasib baik melalui pendidikan, kebajikan dan inisiatif pengayaan supaya mereka dapat menikmati masa depan yang lebih cerah. Pada masa yang sama, kami sentiasa bersedia menyalurkan bantuan kewangan dan perubatan kepada mereka yang memerlukannya. Kami juga sentiasa menyokong semangat sukarela, menggalakkan kakitangan kami dan keluarga mereka supaya melibatkan diri dengan golongan yang kurang bernasib baik serta memberikan bantuan untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

CAPTURING THE SPIRIT OF SOCIAL DEVELOPMENT

As Malaysia's leading Islamic financial institution, many of our CR efforts are underpinned by Zakat contributions. In line with Islamic principles and laws, it is our utmost priority to ensure fair and proper distribution of Zakat funds for a variety of noble causes and to contribute to the nation's social development. Bank Islam remains the leading corporation in Malaysia in developing and organising Zakat-funded CR projects, playing an important role in disseminating this wealth among the community.


As Bank Islam's asset and performance continue to grow, so has our Zakat fund increased to support our CR initiatives. Our spending over the years in helping to build better lives for those who truly need it is a reflection of Bank Islam's commitment to promote social justice and foster a sense of solidarity in society.

MENGAMALKAN SEMANGAT PEMBANGUNAN SOSIAL

Sebagai institusi kewangan yang utama di Malaysia, kebanyakan usaha CR kami disokong oleh sumbangan wang zakat. Selaras dengan prinsip dan undang-undang Islam, menjadi keutamaan kami memastikan pengagihan dana Zakat yang saksama dan wajar untuk pelbagai amal jariah dan menyumbang ke arah pembangunan sosial negara. Bank Islam terus menjadi syarikat terkemuka di Malaysia dalam membangunkan dan menganjurkan projek CR yang dibiayai zakat, dan memainkan peranan penting dalam mengagihkan kekayaan ini dalam kalangan komuniti.

Sambil aset dan prestasi Bank Islam terus meningkat, dana Zakat kami juga terus meningkat untuk menyokong inisiatif CR kami. Perbelanjaan kami sepanjang beberapa tahun ini yang digunakan untuk membantu membina kehidupan yang lebih baik bagi mereka yang benar-benar memerlukan, menggambarkan komitmen Bank Islam dalam menggalakkan keadilan sosial dan memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat.

CAPTURING THE SPIRIT OF SOCIAL DEVELOPMENT



TOTAL SPENDING ON 2014 CR ACTIVITIES

RM3.4 MIL

..... Focused on:



Community
Building



Education
Support




Environmental
Protection



Poverty
Alleviation

UPHOLDING CORPORATE RESPONSIBILITY FOR A BRIGHTER FUTURE
Menjalankan Tanggungjawab Korporat Untuk Masa Depan Yang Lebih Cerah



HOUSING AID PROJECT

Since 2008, our Housing Aid Project has been helping to provide a roof over the heads of those suffering from extreme poverty. We believe that this effort is pivotal not only in providing a basic necessity to those in need, but also in enabling them to gain independence to improve their livelihoods. Through this project, Bank Islam has brought about increased community involvement, created more opportunities for local labour participation and encouraged spirit of volunteerism among our workforce. The Housing Aid Project has also been instrumental in rallying participation from State Governments, welfare agencies and NGOs and bringing the public's attention to the plight of the less fortunate.

PROJEK BANTUAN RUMAH

Sejak 2008, Projek Bantuan Rumah kami membantu menyediakan tempat tinggal untuk golongan yang sangat miskin. Kami percaya usaha ini bukan sahaja penting dalam menyediakan keperluan asas untuk golongan yang memerlukan, tetapi juga membolehkan mereka berdikari untuk meningkatkan mata pencarian mereka. Melalui projek ini, Bank Islam telah meningkatkan penglibatan dalam komuniti, mewujudkan lebih banyak peluang untuk penyertaan buruh tempatan dan menggalakkan semangat sukarela dalam kalangan tenaga kerja kami. Projek Bantuan Rumah juga sangat penting dalam menarik penyertaan daripada Kerajaan Negeri, agensi kebajikan dan NGO serta menyedarkan orang awam tentang penderitaan yang dialami oleh golongan yang kurang bernasib baik.

RAMADAN MISSION

The holy month of Ramadan is a time of giving and sharing. While Bank Islam continuously strives to foster the spirit of goodwill throughout the year, the fasting month provides us with an opportunity to intensify our CR efforts to improve the well-being of the communities we operate in.

Year 2014 saw us extending our goodwill and contributions to the men and women in uniform with a visit to the Immigration, Customs and Quarantine complex at Padang Besar to distribute buka puasa meals. Bank Islam also took this opportunity to visit and distribute the buka puasa meals to the doctors, nurses and patients at Hospital Besar Melaka.

MISI RAMADAN

Bulan Ramadan yang suci ialah masa untuk memberi dan berkongsi. Walaupun Bank Islam sentiasa berusaha menerapkan semangat muhibah sepanjang tahun, namun bulan puasa memberikan peluang kepada kami untuk memperhebat usaha CR ke arah meningkatkan kesejahteraan komuniti di tempat kami beroperasi.

Tahun 2014 menyaksikan kami menyemarakkan semangat muhibah dan memberikan sumbangan kepada kakitangan beruniform dengan mengadakan lawatan ke kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin di Padang Besar untuk mengedarkan juadah berbuka puasa. Bank Islam juga mengambil peluang ini untuk melawat dan mengedarkan juadah berbuka puasa kepada doktor, jururawat dan pesakit di Hospital Besar Melaka.

RAMADAN MISSION

Contribution for Marginalised Communities at all 5 Regions Organised at:

Southern Region:

Masjid Al-Azim, Bukit Darah,
Melaka

RM54,100 contributed

Central Region:

Karangkraf office in Shah Alam
(in collaboration with Sinar Harian newspaper)

RM29,200 contributed

Northern Region:

District PDRM Headquarters, Padang Besar

(including contributions for the uniformed men & women at the Immigration, Customs & Quarantine complex)

RM24,200 contributed

Eastern Region:

Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi,
Kuala Terengganu

RM26,700 contributed

East Malaysia Region:

Kg. Rancangan Klias, Beaufort,
Sabah

RM23,300 contributed

Semarak Ramadan Programme in Collaboration with Berita Harian Organised at Kg. Sera, Baling, Kedah. **TOTAL CONTRIBUTION RM23,000**

Ramadan Programme for the Workforce

Organised at Menara Bank Islam. **TOTAL CONTRIBUTION RM19,000**

TOTAL RECIPIENTS

992 individuals & 27 charity organisations, orphanages, NGOs



695 orphans
& students



79 muallaf



20 disabled
people



117 poor



54 single mothers
& elderly



27 pensioners

TOTAL CONTRIBUTIONS:

RM200,200

UPHOLDING CORPORATE RESPONSIBILITY FOR A BRIGHTER FUTURE

Menjalankan Tanggungjawab Korporat Untuk Masa Depan Yang Lebih Cerah

MEDIA TREASURE HUNT WITH — BERNAMA —

Key Points:



Participation of

160 journalists

from the country's main media organisations

Involvement of over

500 people

from the fishing community in Pontian, Johor



Journalists help in contributing to the welfare of

30 families

More than

RM20,000

spent on the wellbeing of the community



MEDIA SUPPORT FOR THE COMMUNITY

The media has always been an effective channel for bringing the public's attention to the plight of the needy. Bank Islam's fourth instalment of its annual Media Treasure Hunt in collaboration with BERNAMA provided media practitioners from the nation's major media organisations with the opportunity to contribute to the families of the fishing community and elevate their livelihoods. Organised together with Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ("LKIM"), Persatuan Nelayan Kawasan ("PNK") Pontian and Universiti Teknologi Malaysia ("UTM"), the programmes focused on educational development, building awareness on sustainability and fostering creativity and self-development.

SOKONGAN MEDIA UNTUK KOMUNITI

Pihak media sentiasa menjadi saluran yang berkesan untuk menarik perhatian awam terhadap penderitaan golongan yang memerlukan. "Media Treasure Hunt" tahunan kali keempat Bank Islam dengan kerjasama BERNAMA memberikan peluang kepada kakitangan media dari organisasi media utama negara untuk memberikan sumbangan kepada keluarga dalam komuniti nelayan dan meningkatkan mata pencarian mereka. Program ini yang dianjurkan bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ("LKIM"), Persatuan Nelayan Kawasan ("PNK") Pontian dan Universiti Teknologi Malaysia ("UTM"), memberikan tumpuan kepada pembangunan pendidikan, membina kesedaran tentang kemampanan serta memupuk kreativiti dan pembangunan diri.

STUDENTS' DEVELOPMENT

Bank Islam's affiliation with the PINTAR Foundation in its School Adoption Programme has made it possible for us to organise motivational programmes with the Malaysian army, as part of our efforts in educating and imparting useful skills to the primary school students. Bank Islam's collaboration with 25th Battalion Rejimen Askar Melayu DiRaja Camp in Bentong, Pahang focused on character-building, patriotism and survival skills to build students' self-confidence, develop leadership skills, instil responsibility, foster the spirit of healthy competition and encourage teamwork.

PEMBENTUKAN PELAJAR

Melalui gabungan Bank Islam dengan Yayasan PINTAR dalam Program Sekolah Anak Angkatnya, kami berjaya menganjurkan program motivasi dengan tentera Malaysia, sebagai sebahagian daripada usaha kami mendidik dan menyampaikan kemahiran yang berguna kepada pelajar sekolah rendah. Kerjasama Bank Islam dengan Batalion ke-25 Rejimen Askar Melayu DiRaja di Kem Bentong, Pahang memberikan tumpuan kepada pembentukan peribadi, patriotisme dan kemahiran untuk hidup bagi membina keyakinan diri pelajar, membangunkan kemahiran kepimpinan, memupuk rasa tanggungjawab, menerapkan semangat bersaing secara sihat dan menggalakkan kerja berpasukan.

PROGRAMMES FOR STUDENTS (AGE 10-17)

From the following schools:

- SK Pasir Puteh, Kelantan;
- SK Sungai Jejawi, Teluk Intan, Perak;
- SK Sungai Ranggam, Kg. Gajah, Perak;
- SK Kuala Kupang, Kedah;
- SMK Gombak Setia, Selangor



Motivational Camp
by 25th Battalion
Royal Malay
Regiment (Bentong)

Participants

2013
March &
May

250
students,
30
teachers

2014

120
students,
20
teachers



ChemEngOutreach
@ Biodiesel

Benefits for 700 students



Highlight its impact
compared with
conventional fuel




Shed lights on
the benefits of
Biofuel



Learn to use
portable mini
reactor

UPHOLDING CORPORATE RESPONSIBILITY FOR A BRIGHTER FUTURE

Menjalankan Tanggungjawab Korporat Untuk Masa Depan Yang Lebih Cerah



CONSERVATION PROGRAMME

As part of our commitment to the environment in helping create a sustainable future, Bank Islam looked to the ecological paradise that is Sabah in launching its “One Earth, One Quest – Mangroves, Our Priceless Treasure” campaign. By making a contribution of RM50,000 to Sabah Wetlands Conservation Society, we participated in the mangrove trees re-planting effort.

With sustainability making up a core value at Bank Islam, during the year we organised biodiesel workshops in collaboration with Universiti Teknologi Malaysia (“UTM”) to raise awareness on environmental conservation and preservation among youths. The “ChemEngOutreach @ Biodiesel in School!” workshop introduced portable mini biodiesel reactors developed by UTM with financial sponsorship from the Bank.

PROGRAM PEMULIHARAAN

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap alam sekitar untuk membantu mewujudkan masa depan yang mampan, Bank Islam memilih Sabah, iaitu syurga ekologi, dalam melancarkan kempen “One Earth, One Quest – Mangroves, Our Priceless Treasure”. Melalui sumbangan sebanyak RM50,000 kepada Sabah Wetlands Conservation Society, kami telah turut serta dalam usaha menanam semula pokok bakau.

Dengan kemampanan menjadi nilai teras di Bank Islam, pada tahun 2014 kami menganjurkan bengkel biodiesel dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (“UTM”) untuk meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan dan pengkalan alam sekitar dalam kalangan belia. Bengkel “ChemEngOutreach @ Biodiesel in School!” ini memperkenalkan reaktor biodiesel mini mudah alih yang dibangunkan oleh UTM dengan tajaan kewangan oleh Bank.

MOVING FORWARD

Bank Islam's CR initiatives will remain a core function of our operations as we seek to strengthen the sustainability of our business, our communities and our environment. As a bank that operates in adherence to the Shariah, responsible corporate citizenship is a vital part of our identity as embodied through our day-to-day operations. With our ongoing CR efforts and the various programmes in place, Bank Islam hopes to fulfil its duty to the communities and environment in achieving a sustainable future for all.

MELANGKAH KE HADAPAN

Inisiatif CR Bank Islam akan terus menjadi fungsi teras dalam operasi kami sambil kami berusaha mengukuhkan kemampanan perniagaan, komuniti dan alam sekitar. Sebagai bank yang mematuhi Syariah dalam operasinya, warga korporat yang bertanggungjawab ialah bahagian penting dalam identiti kami seperti yang dapat dilihat melalui operasi harian kami. Dengan pelbagai usaha CR yang sedang dijalankan dan pelbagai program yang dirancang, Bank Islam berharap dapat memenuhi kewajipannya terhadap komuniti dan alam sekitar dalam mencapai masa depan yang mampan untuk semua.



AN UNWAVERING COMMITMENT TO SERVICE EXCELLENCE

Komitmen Yang Tidak Berbelah Bagi Terhadap Kecemerlangan Perkhidmatan

“Excellence is a result of high intentions, sincere efforts, intelligent direction, skilful execution and the vision to see obstacles as opportunities.”

Within a competitive battleground, service excellence has become a deciding factor for success. Believing that customers who bank with us deserve the best possible service from us and service quality should never be compromised, Bank Islam has committed to increasing service standards from the very start of our transformative journey in 2006. This has become a relentless crusade as the Bank strives to deliver a superior customer experience defined by seamless transactions across all touch points, greater efficiency and more personalised service delivery.

From merely satisfying customer needs the Bank actively invests in heightening service levels so as to earn customer loyalty and lead to repeat business and referral. Customers constantly look for better returns in handling their deposits and as more banks compete through product and price promotion, the level of service quality has become a main differentiator. It is said, one customer well taken care of could be worth more than thousands spent on an advertising campaign. Thus the significance of service excellence has been highlighted as one of the core pillars of the Bank's Hijrah to Excellence plan. Clear direction and communication from top management has activated Bank-wide awareness towards this end and an active two-way communication platform established between the head office, regional offices and branches has attracted greater sharing of ideas and concerns that benefits the Bank as a whole.

“Kecemerlangan ialah hasil niat yang murni, usaha yang ikhlas, arahan yang bijak, pelaksanaan yang mahir dan visi untuk melihat halangan sebagai peluang.”

Dalam medan perniagaan yang kompetitif, kecemerlangan perkhidmatan menjadi faktor penentu kejayaan. Berpegang pada kepercayaan bahawa pelanggan yang berurusan dengan kami berhak mendapat perkhidmatan terbaik dan kualiti perkhidmatan tidak boleh sama sekali dikompromi, Bank Islam komited untuk meningkatkan standard perkhidmatan sejak ia memulakan usaha transformasinya pada 2006. Komitmen ini menjadi perjuangan yang berterusan selaras dengan usaha Bank untuk memberikan pengalaman pelanggan yang unggul yang dicirikan oleh urus niaga yang lancar di semua titik sentuh, kecekapan yang lebih tinggi dan penyediaan perkhidmatan yang lebih peribadi.

Daripada sekadar memuaskan keperluan pelanggan, Bank melabur secara aktif dalam usaha untuk meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan bagi memperoleh kesetiaan pelanggan dan membawa kepada urus niaga berulang dan rujukan. Pelanggan sentiasa mencari pulangan yang lebih baik dalam menguruskan deposit mereka dan memandangkan semakin banyak bank bersaing menerusi promosi produk dan harga, tahap kualiti perkhidmatan telah menjadi pembeza utama. Dikatakan bahawa seorang pelanggan yang dijaga dengan baik mungkin lebih bernilai daripada beribu-ribu ringgit yang dibelanjakan untuk kempen pengiklanan. Oleh itu, kepentingan kecemerlangan perkhidmatan telah ditekankan sebagai salah satu tunggak utama pelan Hijrah ke Arah Kecemerlangan Bank. Arahan dan komunikasi yang jelas daripada pihak pengurusan atasan telah mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan Bank tentang matlamat ini dan platform komunikasi dua hala yang aktif yang ditubuhkan antara ibu pejabat, pejabat wilayah dan cawangan telah menarik lebih banyak perkongsian idea dan kebimbangan yang memberikan manfaat kepada Bank secara keseluruhan.

Bank Islam's extensive network of branches, self-service kiosks and ATMs across the country ensures that customers are never far from the banking services they require; whether they want to discuss their options with a knowledgeable consultant or carry out their day-to-day banking transactions without having to wait in line. To date, Bank Islam has the widest dedicated Islamic banking network in Malaysia with 142 branches and more than 1,000 self-service terminals across the country. The Bank operates at all levels under the premise of making top customer service its number one priority. The Bank has been an innovative leader, constantly focused on developing and perfecting its Shariah-compliant product offerings to provide more choice and value to their customers.

Moreover, for Bank Islam, continuous improvement in automation is crucial, having worked towards developing more efficiently designed systems in meeting customer needs in a more straightforward and effective manner. Transactions through electronic channels currently constitute around 90% of Bank Islam's total transactions. Automation has been driven forward by the Bank to improve convenience and access for customers. Meanwhile, the Bank continues to develop top level human interaction facilities to develop long-lasting relationships with customers where electronic measures are not the best choice.

As an Islamic bank that strongly believes in ethical banking, Bank Islam also places importance on promoting financial inclusiveness by pursuing under-penetrated markets, giving these customers the opportunities to enjoy the benefits of the electronic banking system. In fact, winning the International Banker's Award for "Best Customer Services Provider 2014 for Malaysia" during the year under review showed the dynamic progress made over recent years.

Rangkaian cawangan, kiosk layan diri dan ATM Bank Islam yang meluas di serata negara memastikan agar pelanggan sentiasa berdekatan dengan perkhidmatan perbankan yang diperlukan; baik jika mereka ingin berbincang mengenai pilihan mereka dengan perunding yang mempunyai pengetahuan yang tinggi ataupun melaksanakan transaksi perbankan harian mereka tanpa menunggu giliran. Sehingga kini, Bank Islam memiliki rangkaian perbankan Islam yang khusus dan paling meluas di Malaysia dengan 142 cawangan dan lebih 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bank Islam beroperasi di semua peringkat dengan premis untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan satu keutamaannya. Sebagai sebuah organisasi yang berinovatif, Bank sentiasa memberi tumpuan terhadap perkembangan dan penyempurnaan produk Syariahnya untuk memberi lebih pilihan dan nilai kepada para pelanggan.

Lebih-lebih lagi untuk Bank Islam, peningkatan berterusan dalam automasi adalah amat penting, memandangkan Bank telah bergerak ke arah pembangunan sistem dengan reka bentuk yang efisien bagi memenuhi keperluan pelanggan dengan cara yang lebih mudah dan efektif. Transaksi melalui saluran elektronik kini membentuk 90% daripada keseluruhan transaksi Bank Islam. Automasi dimajukan oleh Bank untuk menambah baik kemudahan dan akses untuk pelanggan. Dalam pada itu, Bank terus membangunkan interaksi manusia supaya dapat membina hubungan yang berkekalan dengan pelanggan jika langkah elektronik bukan pilihan terbaik untuk pelanggan tersebut.

Sebagai sebuah institusi perbankan Islam yang mengamalkan perbankan beretika, Bank Islam menitik beratkan usaha menggalakkan keterangkuman kewangan dengan memberi kepentingan kepada pasaran yang kurang mendapat tumpuan, dan memberi peluang kepada pelanggan untuk mendapat manfaat sistem perbankan elektronik. Malah, kejayaan Bank Islam dalam memenangi Anugerah International Banker dalam kategori "Penyedia Khidmat Pelanggan Terbaik 2014 bagi Malaysia" pada tahun di bawah tinjauan menunjukkan kemajuan dinamik yang dicapai sejak tahun-tahun kebelakangan ini.

AN UNWAVERING COMMITMENT TO SERVICE EXCELLENCE

Komitmen Yang Tidak Berbelah Bagi Terhadap Kecemerlangan Perkhidmatan

However, the Bank is cognisant that there are still gaps to be filled – especially the one between the level of service shown by the best performing branch and the lowest performing branch. This is why constant efforts are made to improve the quality of service level. Through technology, training, holistic banking solutions, innovative service initiatives and a tenacious drive to inculcate a service-driven mindset within its staff, Bank Islam continues to achieve new milestones on its journey towards excellence.

EXPANDING SERVICE TRANSFORMATION INITIATIVES

A key challenge in every service excellence journey is the reshaping of service staff mindsets to embrace service as a mission and adopt excellence as a prevailing attitude in every aspect of their daily activities. In reinforcing service competency, the Bank invests in Service Excellence Training for all frontline staff and has established dedicated Customer Service Quality teams.

As part of the Bank’s Customer Service Excellence Roadmap, several new initiatives were launched during the year under review to increase commitment to better service delivery. Tellers have been re-designated as Service Ambassadors to subtly elevate their awareness that they are indeed ambassadors and thus are responsible for delivering the best experience possible. This was supplemented by the provision of a new tailor-made red blazer for all frontline staff which provided a refreshed brand image and implementation of ‘Morning Greeting’ initiatives at all branches in 2014, which garnered positive feedback from customers.

.....

Walau bagaimanapun, Bank menyedari bahawa masih terdapat jurang yang perlu dihapuskan – terutamanya jurang antara tahap perkhidmatan yang ditunjukkan oleh cawangan terbaik dan cawangan paling teruk. Inilah sebabnya usaha berterusan dilakukan untuk meningkatkan tahap kauliti perkhidmatan. Menerusi teknologi, latihan, penyelesaian perbankan yang menyeluruh, inisiatif perkhidmatan yang inovatif dan dorongan yang kuat untuk memupuk set minda berteraskan perkhidmatan dalam kalangan kakitangannya, Bank Islam terus memperoleh pencapaian baharu dalam perjalanannya ke arah kecemerlangan.


MENINGKATKAN INISIATIF TRANSFORMASI PERKHIDMATAN SECARA BERTERUSAN

Cabaran utama dalam setiap perjalanan ke arah kecemerlangan perkhidmatan ialah pembentukan semula set minda kakitangan perkhidmatan supaya mereka menerima perkhidmatan sebagai misi dan mengamalkan kecemerlangan sebagai suatu kelaziman dalam setiap aspek aktiviti harian mereka. Bagi mengukuhkan kecekapan perkhidmatan, Bank melabur dalam Latihan Kecemerlangan Perkhidmatan untuk semua kakitangan barisan hadapan dan menubuhkan pasukan Kualiti Khidmat Pelanggan yang khusus.

Sebagai sebahagian daripada Hala Tuju Kecemerlangan Khidmat Pelanggan Bank, beberapa inisiatif baharu telah dilancarkan pada tahun di bawah tinjauan untuk meningkatkan komitmen terhadap penyampaian perkhidmatan yang lebih baik. Jawatan juruwang dinamakan semula sebagai Duta Perkhidmatan bagi meningkatkan kesedaran mereka secara halus bahawa mereka sememangnya merupakan duta dan dengan itu bertanggungjawab dalam memberi pengalaman yang terbaik untuk pelanggan. Langkah ini disokong oleh penyediaan blazer merah baharu yang ditempah khas untuk semua kakitangan barisan hadapan yang memberikan imej jenama yang lebih segar, serta pelaksanaan inisiatif ‘Ucapan Selamat Pagi’ di semua cawangan pada 2014 yang mendapat maklum balas positif daripada pelanggan.

SEVERAL INITIATIVES WILL BE PUT IN PLACE TO ENSURE THE SERVICE DELIVERY AND CONSISTENCY AS WELL AS TO MAXIMISE THE ROI OF THE BANK'S 'SUSTAINING SERVICE EXCELLENCE PROGRAMME'

BEBERAPA INISIATIF AKAN DILAKSANAKAN BAGI MEMASTIKAN PENYEDIAAN DAN KETEKALAN PERKHIDMATAN SERTA MEMAKSIMUMKAN PULANGAN PELABURAN 'PROGRAM MENGEKALKAN KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN' BANK



AN UNWAVERING COMMITMENT TO SERVICE EXCELLENCE

Komitmen Yang Tidak Berbelah Bagi Terhadap Kecemerlangan Perkhidmatan

The year also saw the introduction of an Independent Mystery Shopper initiative carried out among a sampling of 10 branches to judge the overall ambience of the branch, courtesy and waiting time. It achieved an encouraging overall rating of 81% satisfaction while also indicating where room for further improvements can be made.

A year-long Service Excellence Campaign was also launched to drive performance improvement and ensure training deliverables were put into practice. Performance on all key deliverables were recorded especially in terms of Self Service Terminal Downtime (“SST”), Turnaround Time (“TAT”) and Telephone Courtesy. Based on the results, Customer Focus Teams have been assigned to monitor underperforming branches and coach them on best practices to improve service delivery. This campaign was capped by the Service Excellence Awards in recognition for the best branches and to reward the good performance of the winning branch teams.

IMPROVING TECHNOLOGY & PROCESSES

In a world where competitors are just a mouse click away, Bank Islam continues to enhance technology and processes to create more affable services with a higher level of responsiveness. In 2014, the Bank made further enhancements to its Internet Banking Platform, creating a more dynamic user-friendly experience to engage with its retail customers. This resulted in a significant 49.8% increase in average user registration. There was also a high surge of Self-Service Phone Banking users during the year where registered users increased from 12,206 in 2013 to surpass 40,000 by end 2014. The Bank also strives to improve service by continuously monitoring the ATM and CDM uptime and embarking on other process improvement initiatives to reduce Average Service Time (“AST”) at branches.

Tahun 2014 juga menyaksikan pengenalan inisiatif Pelanggan Misteri Bebas yang dilaksanakan di 10 cawangan bagi menilai suasana keseluruhan cawangan, budi bahasa dan masa menunggu. Penilaian tersebut memberikan perkadaran (rating) keseluruhan yang menggalakkan, dengan kepuasan pada tahap 81%, selain turut menunjukkan aspek yang boleh diperbaiki lagi.

Kempen Kecemerlangan Perkhidmatan yang dijalankan selama setahun juga dilancarkan bagi memacu peningkatan prestasi dan memastikan hasil latihan (training deliverables) diamalkan. Prestasi semua hasil utama (key deliverables) direkodkan terutamanya dalam Tempoh Gangguan Perkhidmatan Terminal Layan Diri (“SST”), Tempoh Tindakan (“TAT”) dan Etiket Telefon. Berdasarkan keputusan, Pasukan Tumpuan Pelanggan telah ditugaskan untuk memantau cawangan yang menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan dan membimbing mereka tentang amalan terbaik untuk memperbaiki perkhidmatan. Kempen ini disempurnakan dengan Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan sebagai pengiktirafan terhadap cawangan terbaik dan sebagai ganjaran untuk prestasi baik yang ditunjukkan oleh pasukan pekerja cawangan yang menang.

MEMPERBAIK TEKNOLOGI & PROSES

Dalam dunia di mana pesaing berada di hujung jari, Bank Islam terus mempertingkatkan teknologi dan proses untuk menghasilkan perkhidmatan yang lebih cepat dan lebih mesra. Pada 2014, Bank mempertingkatkan lagi Platform Perbankan Internet, mewujudkan pengalaman mesra pengguna yang lebih dinamik untuk berinteraksi dengan pelanggan runcitnya. Penambahbaikan ini menyebabkan peningkatan yang ketara sebanyak 49.8% dalam purata pendaftaran pengguna. Bilangan pengguna Tele Perbankan Layan Diri juga meningkat dengan banyaknya pada tahun itu di mana bilangan pengguna berdaftar meningkat daripada 12,206 pada 2013 kepada lebih 40,000 menjelang akhir 2014. Bank juga berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan dengan memantau secara berterusan tempoh berfungsi ATM dan CDM, dan memulakan inisiatif pembaikan proses lain bagi mengurangkan lagi Masa Perkhidmatan Purata (“AST”) di cawangan.

ENHANCING FEEDBACK MANAGEMENT

Customer complaints and feedback are important to the Bank as they provide the greatest source of learning on how to improve further. By handling feedback positively, the Bank uses it as an opportunity to fix gaps in service standards and address shortcomings to the customer's satisfaction.

Complaints to branches and contact centres are continuously monitored to ensure they are managed effectively. An enhanced bank-wide complaint management system is now in place for the comprehensive compilation of total complaints for regulatory reporting. There was an improvement in complain-handling with 91% of cases resolved in ten working days compared to 82% the year before. This was accompanied by a drop of almost 40% in comparison to 2013.

THE WAY FORWARD

Managing the change in service culture will be an ongoing effort, hence 2015 will see the Phase 2 of service excellence deliverables being rolled out to further strengthen the staff understanding and awareness in Service Excellence Programmes. A key focus area will be to reduce product knowledge gaps among staff to enhance cross-selling capabilities through ongoing training. System-related issues are also being closely monitored via the IT Steering Committee, and this is an ongoing agenda in 2015. In the pipeline are also plans to launch Voucher Encashment Services, further enhance Internet Banking offerings and implement a more robust eBanker system that is able to handle a higher volume for Cash Management services.

MEMPERTINGKAT PENGURUSAN MAKLUM BALAS

Aduan dan maklum balas pelanggan penting bagi Bank kerana ia merupakan sumber pembelajaran terbesar tentang cara untuk menjadi lebih baik lagi. Dengan mengendalikan maklum balas secara positif, Bank menggunakannya sebagai peluang untuk menghapuskan jurang dalam standard perkhidmatan dan memperbaiki kelemahan sehingga pelanggan berpuas hati.

Aduan yang dikemukakan kepada cawangan dan pusat panggilan sentiasa dipantau bagi memastikan ia diurus dengan berkesan. Sistem pengurusan aduan di seluruh bank yang dipertingkat kini sedia digunakan untuk penyusunan jumlah aduan yang komprehensif bagi pelaporan kawal selia. Terdapat penambahbaikan dalam pengendalian aduan dengan 91% kes berjaya diselesaikan dalam tempoh sepuluh hari bekerja berbanding 82% pada tahun sebelumnya. Penambahbaikan ini disertai dengan pengurangan aduan sebanyak hampir 40% berbanding 2013.

MELANGKAH KE HADAPAN

Pengurusan perubahan dalam budaya perkhidmatan merupakan usaha yang berterusan. Oleh itu, 2015 akan menyaksikan Fasa 2 inisiatif kecemerlangan perkhidmatan dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi pemahaman dan kesedaran kakitangan tentang Program Kecemerlangan Perkhidmatan. Bidang tumpuan utama adalah mengurangkan jurang pengetahuan tentang produk di kalangan kakitangan bagi meningkatkan keupayaan jualan silang menerusi latihan yang berterusan. Isu berkaitan sistem juga sedang dipantau rapi melalui Jawatankuasa Pemandu IT, dan ini merupakan agenda yang berterusan pada 2015. Rancangan untuk melancarkan Perkhidmatan Pertunaian Baucar, meningkatkan lagi tawaran Perbankan Internet dan melaksanakan sistem eBanker yang lebih kukuh dan dapat mengendalikan jumlah yang lebih tinggi bagi perkhidmatan Pengurusan Tunai juga akan dilaksanakan tidak lama lagi.

MOULDING EXCELLENCE INTO OUR DNA

Membentuk Kecemerlangan Dalam DNA Kami

“When you prioritise the welfare, attitude and capabilities of your employees, everything else gets taken care of too.”

The demand for Islamic financial professionals continues to heighten as the sector is expanding dynamically, sustained by supportive national policies. In order to reduce dependence on the rapidly shrinking talent pool, Bank Islam has intensified its investment in talent management and enrichment dynamics that targets the identification and grooming of fresh talent, building staff competency, optimising succession planning and uplifting its appeal as an employer of choice.

These investments continue to pay off in the Bank's journey towards excellence. Regarding employees as 'internal customers', the Bank's focus on increased employee caliber, loyalty and satisfaction has been a core driver of Bank Islam's growth since 2005. This ability to recruit, retain and manage a capable workforce anchors its strength and sustainability. It was thus with great pride that the Bank's efforts were recognised as it leapfrogged to 16th ranking amongst Top Malaysian 100 Leading Graduate Employers in 2014, from 51st in 2013. Amongst financial institutions, it ranked among the top 3.

Today the Bank's employee count totals more than 4,200, and the latest survey had shown an attrition rate of 3.9% which is lower than the industry's average of 13.3%. This relatively low attrition rate points to the success of the Bank's activities and value propositions in cultivating loyalty and satisfaction within the Bank Islam family.

“Apabila anda mengutamakan kebajikan, sikap dan keupayaan pekerja anda, hal-hal lain turut terjaga.”

Permintaan untuk ahli profesional kewangan Islam terus meningkat kerana sektor ini sedang berkembang secara dinamik, dibantu oleh dasar negara yang bersifat menyokong. Bagi mengurangkan pergantungan pada kumpulan bakat yang semakin berkurang, Bank Islam telah meningkatkan pelaburannya dalam pengurusan bakat dan dinamik pengayaan yang menyasarkan untuk mengenal pasti dan mengasah bakat baharu, membina kompetensi kakitangan, mengoptimumkan perancangan penggantian dan meningkatkan daya tarikannya sebagai majikan pilihan.

Pelaburan ini terus memberikan pulangan dalam perjalanan Bank ke arah kecemerlangan. Dengan menganggap pekerja sebagai 'pelanggan dalaman', tumpuan Bank pada peningkatan kaliber, kesetiaan dan kepuasan pekerja telah menjadi pemacu utama pertumbuhan Bank Islam sejak 2005. Keupayaan merekrut, mengekalkan dan menguruskan tenaga kerja yang berkebolehan menjadi tunjang kekuatan dan kemampanannya. Pengiktirafan usaha Bank merupakan suatu yang amat membanggakan apabila ia berjaya melonjak ke tempat ke-16 dalam kalangan 100 Majikan Siswazah Paling Utama di Malaysia pada 2014 dari tempat ke-51 pada 2013. Dalam kalangan institusi kewangan, Bank Islam merupakan antara tiga bank teratas.

Pada masa kini, bilangan pekerja Bank berjumlah lebih daripada 4,200 orang, dan tinjauan terkini menunjukkan kadar susutan sebanyak 3.9%, iaitu lebih rendah daripada purata industri sebanyak 13.3%. Kadar susutan yang agak rendah ini menunjukkan kejayaan aktiviti dan nilai saranan Bank dalam memupuk kesetiaan dan kepuasan dalam kakitangan Bank Islam.

REACHING OUT TO YOUNG GRADUATES

As a flagbearer in the Islamic banking sector, Bank Islam takes on responsibility to build the industry talent pool by opening up opportunities for young graduates to gain experience in the field. The Bank earlier pioneered Young Leaders Programme (“YLP”) and Financial Sector Talent Enrichment Programme (“FSTEP”); both of which continue to deliver fresh talents to the bank and the industry at large. In 2014 the Bank went further in reaching out to young graduates by participating in Skim Latihan 1 Malaysia (“SL1M”), a government initiative to address the issue of graduate employment especially for those who come from low income families. It also began participating in a Graduate Employability Management Scheme (“GEMS”), a government human capital building initiative to develop graduates with commercially useful skills and experience that will enhance their employability.

All in all, a total of 138 fresh graduates were targeted through these programmes and 12 YLP and 46 FSTEP trainees were integrated into the Bank’s workforce.



MEMBANTU SISWAZAH MUDA

Sebagai pemimpin dalam sektor perbankan Islam, Bank Islam memikul tanggungjawab untuk membina kumpulan bakat industri dengan membuka peluang untuk siswazah muda menimba pengalaman dalam bidang tersebut. Pada mulanya Bank merintis Program Pemimpin Belia (“YLP”) dan Program Pengayaan Bakat Sektor Kewangan (“FSTEP”); kedua-dua program terus membekalkan bakat baharu kepada bank dan industri pada amnya. Pada 2014, Bank meningkatkan lagi usahanya dalam membantu siswazah muda dengan menyertai Skim Latihan 1 Malaysia (“SL1M”), iaitu inisiatif kerajaan untuk menangani isu pengajian siswazah terutamanya mereka yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah. Bank juga mula menyertai Skim Pengurusan Kebolehgajian Siswazah (“GEMS”), iaitu inisiatif kerajaan untuk membina modal insan bagi membangunkan siswazah yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang berguna dari segi komersil yang akan meningkatkan kebolehgajian mereka.

Pada keseluruhannya, sejumlah 138 siswazah baharu disasarkan menerusi program ini dan 12 pelatih YLP dan 46 pelatih FSTEP diserap sebagai tenaga kerja Bank.

MOULDING EXCELLENCE INTO OUR DNA

Membentuk Kecemerlangan Dalam DNA Kami

At individual level, employees are encouraged to

- Be mindful and conscious in trying to improve one's life
- Understand the importance in having the right and clear life vision and mission
- Understand how to turn work into a form of 'ibadah'
- Know the importance of values in life and within an organisation
- Strengthen self-confidence in career life

Pada peringkat individu, pekerja digalakkan supaya

- Bertimbang rasa dan peka dalam usaha untuk memperbaiki kehidupan mereka
- Memahami kepentingan mempunyai visi dan misi hidup yang betul dan jelas
- Memahami cara menjadikan kerja sebagai satu bentuk ibadah
- Mengetahui kepentingan nilai dalam kehidupan dan organisasi
- Mengukuhkan keyakinan diri dalam kehidupan kerjaya



At organisational level, Ethical Professionals will display

- An understanding of allying the organisation's mission with personal mission
- An understanding of optimum work implementation with higher level of integrity, sincerity and transparency
- An understanding of how to lessen negative practices through inside-out preventive measures with pro-active approach
- Good teamwork
- Appreciation for a conducive and harmonious working environment
- A sense of love, respect and loyalty to the organisation

Pada peringkat organisasi, Ahli Profesional yang Beretika akan memperlihatkan

- Pemahaman tentang penjajaran misi organisasi dengan misi pribadi
- Pemahaman tentang pelaksanaan kerja yang optimum dengan tahap integriti, kejujuran dan ketelusan yang lebih tinggi
- Pemahaman tentang cara mengurangkan amalan negatif menerusi langkah pencegahan dalam-luar dengan pendekatan yang proaktif
- Kerja berpasukan yang baik
- Penghargaan terhadap persekitaran kerja yang kondusif dan harmoni
- Rasa sayang, hormat dan setia terhadap organisasi

MOULDING EXCELLENCE INTO OUR DNA

Membentuk Kecemerlangan Dalam DNA Kami

GROOMING ETHICAL PROFESSIONALS

A new Human Resource strategy emerged in 2014 as the Bank sought to elevate its standing as a generator of highly valued talent. The ‘Ethical Professional’ programme was to provide inspiration for the workforce to develop good conduct and capable of performing at a high level of proficiency. The merging of these two dimensions ideally exemplifies a Islamic banking services employee as it ensures the underlying fundamentals of Islamic principles are intrinsically adhered to.

Designed to encourage a person to engage in self-improvement through a shift in attitude, the Ethical Professional Programme delves into a person’s life vision and mission and how these can be aligned to the vision and mission of an organisation through a holistic integration of intellectual quotient (“IQ”), emotional quotient (“EQ”) and spiritual quotient (“SQ”).

OPTIMISING PERFORMANCE AND DEVELOPMENT

Bank Islam instills and enforces a high performance culture amongst employees whereby rewards and recognition are based on individual contributions and performance. Initiatives have been put in place to further strengthen the Bank’s performance management appraisal process. This includes the introduction of a standard template on Overall Staff PMD Scores for Moderation purposes at the divisional level and conducting moderation sessions with Heads of Division to ensure better distribution of performance ratings.

MELAHIRKAN AHLI PROFESIONAL YANG BERETIKA

Strategi baharu Sumber Manusia dilaksanakan pada 2014 dalam usaha Bank untuk meningkatkan kedudukannya sebagai pengeluar bakat bernilai tinggi. Program ‘Ahli Profesional Beretika’ bertujuan untuk memberikan inspirasi kepada tenaga kerja dalam membentuk kelakuan yang baik dan keupayaan bekerja pada tahap kecekapan yang tinggi. Gabungan dua dimensi ini merupakan contoh ideal bagi pekerja perkhidmatan perbankan Islam kerana ia memastikan asas prinsip Islam dipatuhi secara intrinsik.

Program Ahli Profesional Beretika ini direka bentuk untuk menggalakkan individu supaya memperbaiki dirinya menerusi perubahan sikap dan menyelami visi dan misi peribadi pekerja, serta cara ia boleh dijangka dengan visi dan misi organisasi menerusi penyepaduan kecerdasan intelektual (“IQ”), kecerdasan emosi (“EQ”) dan kecerdasan spiritual (“SQ”) secara holistik.

MENGOPTIMUMKAN PRESTASI DAN PEMBANGUNAN

Bank Islam menyemai dan menguatkuasakan budaya prestasi tinggi dalam kalangan pekerja, iaitu ganjaran dan pengiktirafan adalah berdasarkan sumbangan dan prestasi pekerja. Inisiatif telah diambil untuk mengukuhkan lagi proses penilaian pengurusan prestasi Bank. Ini termasuklah pengenalan templat standard bagi Skor PMD Pekerja secara Keseluruhan untuk tujuan Penyederhanaan pada peringkat bahagian dan menjalankan sesi penyederhanaan dengan Ketua Bahagian bagi memastikan pembahagian pengadaran prestasi yang lebih baik.

During the course of the year, several activities were conducted to provide a foundation for employees' development and career enhancement framework such as the Leadership Development Audit and interview session with senior management to establish the Talent Development Blueprint which can be used to measure the effectiveness of Leadership Programmes. As a follow up, in early September 2014, the HR Division outlined several strategies to come up with a systematic training management system that include the production of a training calendar and establishing the platform for the much anticipated e-Learning.

In building mindsets of excellence and cultivating passionate leadership, well developed industry level programmes on Shariah development and leadership training continue to be organised.

PRIORITISING SUCCESSION PLANNING

Effective succession management and planning is becoming a key priority as the Bank focuses on cultivating talent while building loyalty. Succession planning by phases, is being implemented to all positions in the Bank to ensure seamless transitions to complement unwavering growth. At the same time, it will serve to retain staff and build loyalty. In 2014 Bank Islam enhanced its career management programme to help identify aspirations and plan for employees' personal development to give them a greater sense of purpose and motivation. By engaging with them, preparing individualised career paths and setting personal goals, stronger bonds are forged between the Bank and its employees.

Pada tahun itu, beberapa aktiviti dijalankan untuk menyediakan asas bagi perkembangan pekerja dan rangka kerja peningkatan kerjaya seperti Audit Pembangunan Kepimpinan dan sesi temu duga dengan pihak pengurusan atasan untuk mewujudkan Pelan Pembangunan Bakat yang boleh digunakan untuk mengukur keberkesanan Program Kepimpinan. Sebagai langkah susulan, pada awal September 2014, Bahagian HR menggariskan beberapa strategi untuk mewujudkan sistem pengurusan latihan yang sistematik termasuk menghasilkan kalendar latihan dan mewujudkan platform bagi e-Pembelajaran yang amat dinanti-nantikan.

Dalam membentuk set minda yang cemerlang dan memupuk kepimpinan cemerlang, program peringkat industri berkenaan perkembangan Syariah dan latihan kepimpinan yang dirangka dengan baik terus dianjurkan.

MENGUTAMAKAN PERANCANGAN PENGGANTIAN

Pengurusan dan perancangan penggantian yang efektif semakin menjadi keutamaan penting kerana Bank menumpukan pada pengasahan bakat di samping memupuk kesetiaan. Perancangan penggantian secara berfasa sedang dilaksanakan bagi semua jawatan dalam Bank untuk memastikan peralihan yang lancar sebagai melengkapi pembangunan yang stabil. Pada masa yang sama, langkah ini dapat mengekalkan kakitangan dan memupuk kesetiaan mereka. Pada 2014, Bank Islam menambah baik program pengurusan kerjayanya untuk membantu kakitangan mengenal pasti aspirasi dan merancang perkembangan peribadi mereka bagi memberikan rasa kepentingan dan motivasi yang lebih baik. Pelibatan kakitangan, penyediaan laluan kerjaya individu dan penetapan matlamat peribadi telah membina ikatan yang lebih kukuh antara Bank dengan pekerjanya.

MOULDING EXCELLENCE INTO OUR DNA

Membentuk Kecemerlangan Dalam DNA Kami

A HEALTHY BALANCE

The best workplace produces a productive workforce who work towards one goal in unison. In building an effective team who are driven by a common purpose with individual measurable goals, the Bank understands that good management, clear communication and building trust and rapport through a two-way communication is necessary. Employee engagement activities outside the workplace accelerate this strengthening of comradeship.

In 2014, activities aimed at promoting healthy lifestyles and building team spirit amongst the employees continue to take centre stage. The HR Division co-organised the Bank Islam Sports Carnival 2014 in Kuching, Sarawak, Bank Islam's Health Day and other sports activities such as the National Banks Sports Council Futsal Tournament, National Banks Sports Council Carrom Tournament and Futsal Challenge, Piala Dato' Sri Zukri. Hari Raya and Buka Puasa gatherings also continued to provide occasions to gather in positive spirit.

The HR division also proactively maintains a healthy relationship with various Unions that represent the Bank's workforce. This enables the Bank to be responsive to any grievances and work collaboratively to seek win-win solutions. However, 2014 was another year where no trade disputes were filed against the Bank which shows that the Bank's working environment and value propositions are meeting the mark in delivering employee satisfaction.



KESEIMBANGAN YANG SIHAT

Tempat kerja terbaik menghasilkan tenaga kerja yang produktif yang bekerja ke arah satu matlamat dalam keadaan harmoni. Dalam membina satu pasukan yang berkesan yang didorong oleh tujuan yang sama dengan matlamat individu yang boleh diukur, Bank memahami betapa perlunya pengurusan yang baik, komunikasi yang jelas serta pembinaan kepercayaan dan hubungan baik menerusi komunikasi dua hala. Aktiviti pelibatan pekerja di luar tempat kerja mempercepat pengukuhan kesetiakawanan ini.

Pada 2014, aktiviti yang bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup yang sihat dan membina semangat berpasukan dalam kalangan pekerja terus menjadi tumpuan. Bahagian HR telah menjadi penganjur bersama bagi Karnival Sukan Bank Islam 2014 di Kuching, Sarawak, Hari Kesihatan Bank Islam dan aktiviti sukan lain seperti Kejohanan Futsal Majlis Sukan Bank-bank Malaysia, Kejohanan Karom Majlis Sukan Bank-bank Malaysia dan Cabaran Futsal, Piala Dato' Sri Zukri. Jamuan Hari Raya dan majlis terbuka puasa juga terus menyediakan peluang untuk pekerja berkumpul dalam semangat positif.

Bahagian HR juga mengekalkan secara proaktif hubungan yang sihat dengan pelbagai Kesatuan yang mewakili tenaga kerja Bank. Hubungan yang sihat ini membolehkan Bank menangani apa-apa kilan dengan cepat dan bekerjasama untuk mencari penyelesaian menang-menang. Walau bagaimanapun, 2014 merupakan satu lagi tahun yang tiada pertelingkahan perdagangan difailkan terhadap Bank Islam dan menunjukkan bahawa persekitaran kerjanya dan nilai-nilai yang dianjurkannya menepati kriteria dalam menghasilkan kepuasan pekerja.

MOVING FORWARD

The year 2014 was a transition period for HR with the new Head of HR on board. This implies that a number of internal changes are inevitable in order to enhance the level of efficiency and effectiveness of HR moving forward. To facilitate a smooth transition period, the internal structure of HR has been revamped, reflecting movement of individuals to fit in the positions that are proper for them. In addition, the functionality and process flow of all units under the various departments in HR have been reviewed to ensure much more effective and efficient deliverables.

Moving towards a more viable HR, gamechanging strategies continue to be outlined for 2015. In a nutshell, these encompass the strengthening of internal talent pipeline by building our supply chain of future leaders; automation of HR processes to enable fast responses to our people; creating an innovative working culture to boost productivity; and fostering human capital development via e-Learning as a more flexible and cost effective channel.

MELANGKAH KE HADAPAN

Tahun 2014 merupakan tempoh peralihan bagi HR dengan pelantikan Ketua HR baharu. Pelantikan ini menandakan bahawa beberapa perubahan dalaman tidak dapat dielakkan bagi meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan HR pada masa depan. Bagi memudahkan tempoh peralihan yang lancar, struktur dalaman HR telah disusun semula dan pemindahan individu telah dibuat bagi menyesuaikan jawatan yang diberi kepada mereka. Selain itu, fungsi dan aliran proses bagi semua unit di bawah pelbagai jabatan dalam HR telah disemak semula untuk memastikan hasil yang lebih berkesan dan cekap.

Dalam usaha menjadi HR yang lebih berdaya maju, strategi peralihan terus digariskan untuk 2015. Secara ringkasnya, strategi ini merangkumi pengukuhan saluran bakat dalaman dengan membangunkan rantaian bekalan kami untuk pemimpin masa depan; mengautomasikan proses HR bagi membolehkan respons yang pantas kepada kakitangan kami; mewujudkan budaya kerja yang inovatif untuk meningkatkan produktiviti; dan menggalakkan pembangunan modal insan melalui e-Pembelajaran sebagai saluran yang lebih fleksibel dan berkesan kos.

STRENGTHENING OUR PIONEERING STATUS THROUGH SHARIAH-LED INNOVATION

Mengukuhkan Status Kami Sebagai Perintis Menerusi Inovasi Berteraskan Syariah

“If you’re competitor-focused, you have to wait until there is a competitor doing something. Being customer-focused allows you to be more pioneering.”

Bank Islam was conceptualised to pioneer new inroads for Malaysia’s Islamic banking industry. As part of its mission, the one constant in its journey of growth has been the impact delivered via the innovation and development of universally accepted financial solutions in line with Shariah principles.

From its early focus on creating Shariah-based alternatives to conventional consumer banking products, the Bank is now venturing into new frontiers by innovating more sophisticated value added solutions that meet the requirements of commercial and corporate clients as well as evolving customer demands. Going beyond the provision of alternatives, the Bank is intent on pioneering more competitive hybrid solutions that can even surpass those offered by conventional banks. This is the way forward as the Islamic banking industry continues to experience faster growth than conventional banking, both domestically and globally.

In this, the Bank’s proficiency and expertise is anchored by its Shariah Supervisory Council which is made up of prominent Shariah scholars and industry advisors. The insights and wisdom of these eminent individuals fortify the Bank’s leadership and legitimacy in engineering new Islamic banking products based on well established and accepted Islamic contracts.

“Jika anda berfokuskan pesaing, anda perlu menunggu sehingga terdapat pesaing yang melakukan sesuatu. Menjadi organisasi yang berfokuskan pelanggan membolehkan anda melaksanakan lebih banyak usaha perintisan.”

Bank Islam dikonsepsikan untuk merintis jalan baharu bagi industri perbankan Islam di Malaysia. Sebagai sebahagian daripada misinya, apa yang pasti dalam usaha pertumbuhannya ialah impak yang diberikan melalui penguasaan dan pembangunan penyelesaian kewangan yang diterima sejagat selaras dengan prinsip Syariah.

Daripada tumpuan awalnya pada usaha mencipta produk perbankan pengguna berasaskan Syariah sebagai alternatif kepada produk perbankan pengguna konvensional, Bank kini menceburi bidang baharu dengan menginovasi penyelesaian nilai tambah yang lebih canggih yang memenuhi keperluan pelanggan komersil dan korporat serta permintaan pelanggan yang sentiasa berubah. Selain menyediakan alternatif, Bank berhasrat untuk merintis penyelesaian hibrid yang lebih kompetitif yang boleh mengatasi penyelesaian yang ditawarkan oleh bank konvensional. Inilah cara melangkah ke hadapan memandangkan industri perbankan Islam terus mengalami pertumbuhan yang lebih pesat berbanding perbankan konvensional, baik di peringkat domestik mahu pun global.

Dalam hal ini, kemahiran dan kepakaran Bank adalah bertunjangkan Majlis Pengawasan Syariah yang terdiri daripada sarjana Syariah dan penasihat industri yang terkemuka. Wawasan dan kebijaksanaan individu terbilang ini mengukuhkan kepimpinan dan kewajaran Bank dalam menghasilkan produk perbankan Islam baharu berdasarkan kontrak Islam yang mantap dan diterima baik.

TRANSFORMING CHALLENGES INTO OPPORTUNITIES

The implementation of the Islamic Financial Services Act 2013 (“IFSA”) has heightened Shariah standards, and new banking regulations are giving rise to an increasingly competitive banking environment. These spur the Bank’s drive to meet business requirements and customers’ expectation by providing banking products which not only meets higher Shariah standards but also offer more value-added benefits.

In 2014, while transitioning its products under a more structured framework for savings and investment accounts, the Bank also optimised on the opportunity to innovate new possibilities.

The Bank launched Term Deposit-i (Tawarruq) (“TDT”) for retail customers and Term Deposit-i (Tawarruq) Special (“TDTS”) for Corporate customers in April 2014 based on an approved Tawarruq process flow where customers do not have to be present at the Bank nor to be contacted via telephone to perform Tawarruq transactions. In June 2014, the Bank successfully migrated the General Investment Accounts (“GIA”) to TDT as part of exercises to adhere to the regulator’s requirements in line with IFSA 2013.

The establishment of a new Shariah-complaint Investment Account Platform (“IAP”) by 2015 has also opened up new opportunities for the Bank, particularly as Bank Islam has been selected as one of the leading players in the development of this platform.

MENGUBAH CABARAN MENJADI PELUANG

Pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“IFSA”) telah meningkatkan standard Syariah, dan peraturan perbankan baharu mewujudkan persekitaran perbankan yang semakin kompetitif. Ini mendorong usaha Bank untuk memenuhi keperluan perniagaan dan jangkaan pelanggan dengan menyediakan produk perbankan yang bukan sahaja menepati standard Syariah yang lebih tinggi tetapi juga menawarkan lebih banyak manfaat nilai tambah.

Pada 2014, di samping peralihan produknya di bawah rangka kerja yang lebih berstruktur bagi akaun simpanan dan pelaburan, Bank juga mengoptimumkan peluang untuk menginovasi potensi baharu.

Bank melancarkan Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) (“TDT”) untuk pelanggan runcit dan Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) Khas (“TDTS”) untuk pelanggan korporat pada April 2014 berdasarkan aliran proses Tawarruq yang diluluskan dan pelanggan tidak perlu hadir di Bank atau dihubungi melalui telefon untuk melaksanakan transaksi Tawarruq. Pada Jun 2014, Bank berjaya melaksanakan penukaran Akaun Pelaburan Am (“GIA”) kepada TDT sebagai sebahagian daripada usaha untuk mematuhi keperluan pengawal selia selaras dengan IFSA 2013.

Pewujudan Platform Akaun Pelaburan (“IAP”) patuh Syariah baharu pada 2015 juga membuka peluang baharu untuk Bank, terutamanya kerana Bank Islam telah dipilih sebagai salah satu peserta utama dalam pembangunan platform ini.

STRENGTHENING OUR PIONEERING STATUS THROUGH SHARIAH-LED INNOVATION

Mengukuhkan Status Kami Sebagai Perintis Menerusi Inovasi Berteraskan Syariah

The IAP provides opportunities for the investors to get directly involved in providing funds for financing entrepreneurial activities and developing viable ventures. The IAP, with an initial start-up fund of RM150 million, will be administered by the government, but facilitated through participating Islamic financial institutions which will act as investment intermediaries matching and channelling funds between private investors and industries or ventures that are in need of funding. Ventures and businesses struggling to obtain financing for their projects may benefit from this platform which provides access to a wider investor base. Its introduction is in line with current industry developments which lean towards the expansion of the role of Islamic financial institutions as investment intermediaries, applying the concept of risk-sharing – an important aspect of the Islamic finance sphere.

This backdrop, together with the income tax exemption on profits earned from investments through IAP, greatly enhances the potential for the entry of a larger number of high-net worth investors into the market. It is hoped that the tax incentives on profits for the next three years, effective from 1 September 2015 to 31 August 2018, will encourage investors, who are willing to take on more risk for higher returns, to increasingly diversify their portfolios into equity.

As one of the four banks selected to initiate IA products under this new framework, Bank Islam has engaged in an integrated robust effort in the development of Unrestricted Investment Account (“U-RIA”) as well as Restricted Investment Account (“RIA”) to be made ready for roll-out in 2015. The Bank has pioneered the first Shariah compliant RIA in the form of Al-Ansar fund which was launched on 2 April 2015 with the official presence of YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, the Prime Minister of Malaysia. Al-Ansar fund offers credit financing facility up to RM1 million per customer for targeted industry sectors. Among the facilities offered for credit financing are term financing, working capital and capital expenditure with a term not exceeding five years. This supports Bank Negara Malaysia’s (“BNM”) aspiration to create a new Islamic financial dimension in Malaysia.

IAP memberikan peluang kepada pelabur untuk terlibat secara langsung dalam menyediakan dana bagi membiayai aktiviti keusahawanan dan membangunkan usaha niaga yang berdaya maju. IAP, dengan dana permulaan awal sebanyak RM150 juta, akan ditadbir oleh kerajaan, tetapi memudahkan menerusi institusi kewangan Islam yang mengambil bahagian yang akan bertindak sebagai perantara pelaburan yang memadankan dan menyalurkan dana antara pelabur swasta dengan industri atau usaha niaga yang memerlukan pembiayaan. Usaha niaga dan perniagaan yang bergelut untuk mendapatkan pembiayaan bagi projek mereka boleh mendapat manfaat daripada platform ini yang menyediakan akses kepada lebih ramai pelabur. Pengenalannya adalah selaras dengan perkembangan industri semasa yang menjurus ke arah peluasan peranan institusi kewangan Islam sebagai perantara pelaburan, mengguna pakai konsep perkongsian risiko – iaitu aspek penting dalam bidang kewangan Islam.

Latar belakang ini, berserta pengecualian cukai pendapatan atas keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan menerusi IAP, meningkatkan potensi kemasukan lebih ramai pelabur yang mempunyai nilai bersih tinggi ke dalam pasaran. Insentif cukai atas keuntungan bagi tiga tahun seterusnya, berkuat kuasa mulai 1 September 2015 hingga 31 Ogos 2018, diharap akan menggalakkan pelabur, yang sanggup mengambil lebih banyak risiko untuk pulangan yang lebih tinggi, supaya mempelbagaikan lagi portfolio mereka untuk merangkumi ekuiti.

Sebagai salah satu daripada empat bank yang dipilih untuk memulakan produk IA di bawah rangka kerja baharu ini, Bank Islam terlibat dalam usaha bersepadu yang teguh dalam pembangunan Akaun Pelaburan Tanpa Had (“U-RIA”) dan Akaun Pelaburan Terhad (“RIA”) yang bersedia untuk diperkenalkan pada 2015. Bank telah merintis RIA patuh Syariah dalam bentuk dana Al-Ansar yang telah dilancarkan pada 2 April 2015 dengan kehadiran rasmi YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Dana Al-Ansar menawarkan kemudahan pembiayaan kredit sehingga RM1 juta untuk setiap pelanggan di sektor industri yang disasarkan. Antara kemudahan untuk pembiayaan kredit yang ditawarkan termasuk pembiayaan terma, modal kerja dan perbelanjaan modal dengan jangka masa tidak melebihi lima tahun. Hal ini menyokong aspirasi Bank Negara Malaysia (“BNM”) untuk mewujudkan dimensi kewangan Islam baharu di Malaysia.

INTERMEDIATION FUNCTIONS OF ISLAMIC BANKS IN OPERATIONALISING AN INVESTMENT ACCOUNT

FUNGSI PENGANTARAAN BANK-BANK ISLAM DALAM PENGOPERASIAN AKAUN PELABURAN

1. ACCEPTANCE OF FUNDS PENERIMAAN DANA

Customer places funds in Islamic bank under investment account
Pelanggan meletakkan dana dalam bank Islam di bawah akaun pelaburan

Conduct suitability assessment to assess eligibility and risk appetite of potential customer
Menjalankan penilaian kesesuaian bagi menilai kelayakan bakal pelanggan dan kecenderungannya dalam mengambil risiko (risk appetite)



Provide disclosure on the assets underlying different investment accounts and related risk return profiles
Memberikan pendedahan tentang aset yang mendasari akaun pelaburan yang berbeza dan profil pulangan risiko yang berkaitan



Recommend appropriate products in line with the customer's risk appetite
Mengesyorkan produk yang sesuai selaras dengan kecenderungan pelanggan dalam mengambil risiko



Propose Shariah contracts which will define the intermediary's role and bases for attributing returns to the intermediary and the customer
Mencadangkan kontrak Syariah yang akan menjelaskan peranan perantara dan asas bagi pemberian pulangan kepada perantara dan pelanggan



2. APPLICATION OF FUNDS PENGGUNAAN DANA

Islamic bank channels the investment account fund to financing assets
Bank Islam menyalurkan dana akaun pelaburan kepada aset pembiayaan



Match funds received with underlying assets according to the investment mandate
Memadankan dana yang diterima dengan aset dasar menurut mandat pelaburan



Conduct due diligence on prospective financing assets to ensure that risks undertaken are aligned with the investment mandate
Melaksanakan usaha wajar (due diligence) terhadap aset pembiayaan prospektif bagi memastikan risiko yang diambil sejajar dengan mandat pelaburan




Ensure proper governance to safeguard customers' interests and the bank's reputation
Memastikan tadbir urus yang betul bagi melindungi kepentingan pelanggan dan reputasi bank



Maintain clear separation of funds to facilitate distribution of principal and returns and resolution on winding up
Mengekalkan pengasingan dana yang jelas bagi memudahkan pengagihan pokok dan pulangan serta pembuatan resolusi pembubaran

3. CONTINUOUS ROLES PERANAN YANG BERTERUSAN



Conduct regular monitoring
Menjalankan pemantauan secara tetap



Report performance to customers
Melaporkan prestasi kepada pelanggan



Distribute profits to customers at pre-agreed terms
Mengagihkan keuntungan kepada pelanggan menurut syarat yang dipersetujui terlebih dahulu




Identify exit mechanism and perform recovery if required
Mengenal pasti mekanisme keluar dan melaksanakan pemulihan jika perlu

STRENGTHENING OUR PIONEERING STATUS THROUGH SHARIAH-LED INNOVATION

Mengukuhkan Status Kami Sebagai Perintis Menerusi Inovasi Berteraskan Syariah

BROAD MECHANICS OF THE INVESTMENT ACCOUNT PLATFORM

SELOK-BELOK PLATFORM AKAUN PELABURAN SECARA UMUM



CASH WAQF

In placing the Bank as one of the leaders in waqf development for the benefit of the ummah, Bank Islam has put efforts to spearhead cash waqf initiatives in Malaysia. The Bank was recently involved in two new waqf development projects following the completion of the earlier waqf initiatives, namely Menara Bank Islam, Kuala Lumpur and Taman Wakaf Setee Aishah in Pulau Pinang.

The first was the signing of a Memorandum of Understanding (“MoU”) with University College INSANIAH (“KUIN”) on 25 August 2014. The purpose of the project is to develop a mosque in the KUIN campus area under the concept of waqf. Under this agreement, KUIN has appointed Bank Islam as its strategic partner to manage the waqf fund that will be used to develop the mosque. The fund itself will comprise contributions from the public including individuals, government agencies and private corporations. The cost for the construction of this mosque, which will be named Masjid INSANIAH, is expected to be in the region of RM15 million. In addition to being a religious facility, Masjid INSANIAH will become a platform for a number of community initiatives or projects for the benefits of the ummah. The construction of the mosque will also fulfil the educational needs of KUIN students which are estimated to reach 15,500 by 2018. KUIN also expects its mosque to become “Centre of Excellence” where Islamic scholars from all over the world can convene and discuss on the current issues within the Islamic field, and is envisaged to become a symbol of Islamic unity and excellence within the country.

WAKAF TUNAI

Dalam usaha untuk menempatkan Bank Islam sebagai pemimpin dalam pembangunan wakaf demi kebaikan ummah, Bank telah menerajui pelbagai inisiatif wakaf tunai di Malaysia. Baru-baru ini, Bank telah melibatkan diri dalam dua projek pembangunan wakaf berikutan siapnya inisiatif wakaf sebelum ini, iaitu pembinaan Menara Bank Islam di Kuala Lumpur dan pembangunan Taman Wakaf Setee Aishah di Pulau Pinang.

Projek pembangunan wakaf pertama adalah penandatanganan Memorandum Persefahaman (“MoU”) dengan Kolej Universiti INSANIAH (“KUIN”) pada 25 Ogos 2014. Projek ini bertujuan untuk membina sebuah masjid di kawasan kampus KUIN dengan menggunakan konsep wakaf. Di bawah memorandum ini, KUIN telah melantik Bank Islam sebagai rakan strategiknya untuk mengurus dana wakaf yang akan digunakan untuk membina masjid tersebut. Dana ini terdiri daripada sumbangan dari awam yang merangkumi individu, agensi kerajaan dan syarikat swasta. Kos pembinaan masjid ini, yang akan diberi nama Masjid INSANIAH, dijangka mencapai kira-kira RM15 juta. Di samping berfungsi sebagai tempat ibadah, Masjid INSANIAH juga akan menjadi platform untuk pelbagai inisiatif komuniti atau projek demi kebaikan ummah. Pembinaan masjid ini juga akan memenuhi keperluan pendidikan pelajar-pelajar KUIN yang dijangka akan mencapai jumlah seramai 15,500 menjelang 2018. KUIN juga berharap masjid ini akan menjadi “Pusat Kecemerlangan”, di mana para cendekiawan Islam dari serata dunia boleh berkumpul dan berbincang isu-isu semasa dalam bidang yang berkaitan, dan bangunan ini juga dijangka dapat menjadi simbol perpaduan dan kecemerlangan Islam di negara ini.

STRENGTHENING OUR PIONEERING STATUS THROUGH SHARIAH-LED INNOVATION

Mengukuhkan Status Kami Sebagai Perintis Menerusi Inovasi Berteraskan Syariah

In April 2015, Bank Islam was also approached by Yayasan Islam Perlis (“YIP”) to assist in the completion of the Sekolah Menengah Agama (Perempuan) project on a waqf land in Jalan Mata Ayer, Kangar, Perlis. Started in 2008, the project involves the construction of three academic blocks, two hostels, a dining hall, canteen, warden house and school assembly area in Sungai Adam, Perlis. It was however abandoned in 2009 with only five percent of the work completed due to insufficient funds. With Bank Islam’s involvement as a strategic partner with YIP, there is an expectation that the project can be revived, and the Bank’s expertise, channels and corporate clientele will help catalyse the completion of the school by providing channels to collect cash waqf.

INITIATING INNOVATION-BASED INCENTIVES

Progressing as an ‘Idea Bank’, Bank Islam pioneers incentives to expand new possibilities in Islamic banking. In 2013, it ventured to promote financial inclusiveness by introducing the country’s first low-cost mobile point-of-sales (“mPOS”) which enables small business owners to enjoy the benefits of electronic payments. The Bank also continued to enhance its world’s first Transaction-At-Palm (“TAP-I”) facility with the new mobile Interbank Funds Transfer feature. In 2014 the Bank signed a MoU with Angkasa, Visa Malaysia and Clixter Mobile Group to provide financial facilities for Angkasa’s 8.4 million members. This led to the introduction of the MyAngkasa Visa debit Card-i with value-added benefits like Coins Deposit Services, Angkasa Umrah fund, Al-Awfar Account benefit, VISA payWave and VISA Direct.

The Bank is also strategically collaborating with all 14 state zakat collection agencies on the use of Bank Islam channels for zakat collections. This is pursuant to a presentation by the Bank to the National Zakat Management Secretariat meeting on the benefits of collaboration between a financial institution in tijari (business) sector with zakat collection

Pada April 2015, Yayasan Islam Perlis (“YIP”) telah meminta Bank Islam untuk membantu dalam menyiapkan Sekolah Menengah Agama (Perempuan) di atas tanah wakaf di Jalan Mata Ayer, Kangar, Perlis. Bermula pada 2008, projek ini melibatkan pembinaan tiga blok akademi, dua asrama, dewan makan, kantin, rumah warden dan tempat perhimpunan sekolah di Sungai Adam, Perlis. Projek ini terbengkalai pada 2009 di mana hanya lima peratus kerja-kerja pembinaan telah disempurnakan disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi. Dengan penglibatan Bank Islam sebagai rakan strategik YIP, projek ini dijangka dapat digiatkan semula, dan kepakaran, saluran serta pelanggan korporat Bank Islam boleh membantu untuk menyiapkan pembinaan sekolah dengan penyediaan saluran bagi sumbangan wakaf tunai.

MEMULAKAN INSENTIF BERASASKAN INOVASI

Berkembang maju sebagai ‘Bank Idea’, Bank Islam merintis insentif untuk meluaskan potensi baharu dalam perbankan Islam. Pada 2013, Bank Islam berusaha untuk menggalakkan keterangkuman kewangan dengan memperkenalkan titik jualan mudah alih (“mPOS”) kos rendah pertama di negara ini yang membolehkan pemilik perniagaan kecil menikmati manfaat pembayaran elektronik. Bank juga terus mempertingkatkan kemudahan Transaction-At-Palm (“TAP-i”), yang pertama seumpamanya di dunia, dengan ciri Pemindahan Dana Antara Bank mudah alih baharu. Pada 2014, Bank menandatangani MoU dengan Angkasa, Visa Malaysia dan Clixter Mobile Group bagi menyediakan kemudahan kewangan untuk 8.4 juta ahli Angkasa. Ini membawa kepada pengenalan Kad Debit-i Visa MyAngkasa yang mempunyai manfaat nilai tambah seperti Perkhidmatan Deposit Syiling, dana Umrah Angkasa, manfaat Akaun Al-Awfar, VISA payWave dan VISA Direct.

Bank juga telah bekerjasama secara strategik dengan kesemua 14 agensi pungutan zakat negeri atas penggunaan perkhidmatan Bank Islam bagi pungutan zakat. Ini berikutan perbentangan Bank di mesyuarat Urusetia Pengurusan Zakat Nasional mengenai manfaat kerjasama antara institusi kewangan dalam sektor tijari (perniagaan) dengan agensi

agencies which is part ijtima'i (social) sector for the betterment of the ummah. A Collaborative Agreement for this service is to be signed with the zakat collection agencies in the presence of YB Major General (Ret) Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Minister in the Prime Minister's Office later in 2015. Bank Islam will provide EDC, GPRS terminals and MPOS facilities at the Zakat Collection Centre counters to enable payment via cards as well as other electronic payment channels such as the award-winning Mobile TAP solution, Internet banking and others.

PROVIDING GUIDANCE TO THE INDUSTRY

The Bank's leadership in Shariah-based product innovation for the Islamic banking industry positions it as a Shariah Centre of Excellence – a source of reference for Islamic banking throughout the world. In this capacity Bank Islam hosts industry reference seminars by local and international bankers as well as researches. In recent years these include the World Universities Philanthropy Conference 2013 and Islamic Finance Seminar for Cooperatives. Bank Islam also actively works with various Islamic organisations in promoting the viability of Islamic financial solutions. The Bank has recently assisted Amanah Ikhtiar Malaysia and Tekun to develop and offer Shariah compliant micro-financing products; and was also called to brief the Account General's Office on the new investment account in relation to IFSA; in recognition of the key role it plays in advancing Malaysia's Islamic finance industry.


Upholding our pioneering status through Shariah-led innovation, Bank Islam is relentless in providing value beyond the expected in how it serves not just its customers, but also the community, industry and nation.

pungutan zakat demi kebaikan ummah. Satu Perjanjian Kerjasama untuk perkhidmatan ini akan ditandatangani dan disaksikan oleh YB Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Pejabat Perdana Menteri, kelak pada 2015. Bank Islam akan menyediakan EDC, terminal GPRS dan kemudahan MPOS di kaunter Pusat Pungutan Zakat bagi membolehkan pembayaran melalui kad atau saluran pembayaran elektronik seperti Mobile TAP yang telah memenangi anugerah, perbankan Internet dan lain-lain.

MEMBERIKAN BIMBINGAN INDUSTRI

Kepimpinan Bank dalam inovasi produk berasaskan Syariah untuk industri perbankan Islam meletakkannya sebagai Pusat Kecemerlangan Syariah – iaitu sumber rujukan untuk perbankan Islam di seluruh dunia. Dalam kapasiti ini, Bank Islam menganjurkan seminar rujukan industri oleh bank tempatan dan antarabangsa serta penyelidik. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, seminar ini termasuk World Universities Philanthropy Conference 2013 dan Seminar Kewangan Islam untuk Koperasi. Bank Islam juga bekerjasama secara aktif dengan pelbagai organisasi Islam dalam mempromosikan daya maju penyelesaian kewangan Islam. Baru-baru ini, Bank membantu Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tekun membangunkan dan menawarkan produk pembiayaan mikro patuh Syariah. Bank Islam juga telah dijemput memberikan taklimat kepada Pejabat Akauntan Negara tentang akaun pelaburan baharu tersebut berhubung dengan IFSA, atas pengiktirafan terhadap peranan utamanya dalam mengembangkan industri kewangan Islam Malaysia.

Bagi mengukuhkan status sebagai perintis menerusi inovasi berteraskan Syariah, Bank Islam berterusan memberikan nilai yang melebihi jangkaan dari segi cara ia berkhidmat bukan sahaja kepada pelanggannya, tetapi juga komuniti, industri dan negara.



STRONG ROOTS ANCHOR

a vast horizon of sustainable growth.

ASAS YANG KUKUH menjadi tonggak pertumbuhan yang mampan dalam lingkungan yang luas.

Anchored on the strength of our Shariah resources and Islamic values, Bank Islam continues to prevail as a leading industry expert and a global guide. Leveraging on this core strength, we are able to go further in realising new possibilities of growth, as we advance towards further excellence.

Bertunjangkan kekuatan sumber Syariah dan nilai Islam, Bank Islam terus kekal sebagai pakar industri dan pembimbing global yang terkemuka. Dengan memanfaatkan kekuatan teras ini, kami mampu pergi lebih jauh untuk merealisasikan kemungkinan pertumbuhan baharu, sambil mara ke arah kecemerlangan selanjutnya.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

THE BOARD OF DIRECTORS OF BANK ISLAM (“THE BOARD”) RECOGNISES THE VALUE OF GOOD GOVERNANCE AND IS FULLY COMMITTED TO PROMOTING AND SUSTAINING A STRONG CULTURE OF CORPORATE GOVERNANCE. IN THIS RESPECT, THE BOARD CONSTANTLY STRIVES TO ENSURE HIGH STANDARDS OF CORPORATE GOVERNANCE WITH THE RIGHT EXECUTIVE LEADERSHIP, STRATEGY, INTERNAL CONTROL AND RISK MANAGEMENT ARE WELL IN PLACE THROUGHOUT BANK ISLAM AND ITS SUBSIDIARIES IN LINE WITH THE VALUES AND ISLAMIC PRINCIPLES.

TO ACHIEVE THE ABOVE OBJECTIVES, THE BOARD ADOPTS THE RECOMMENDATIONS OF THE MALAYSIAN CODE OF CORPORATE GOVERNANCE 2012 (“MCCG 2012”), BANK NEGARA MALAYSIA (“BNM”)’S REVISED GUIDELINES ON CORPORATE GOVERNANCE FOR LICENSED ISLAMIC BANKS (“BNM/GP1-I”) AND OTHER RELEVANT REQUIREMENTS AS OUTLINED UNDER THE RESPECTIVE GUIDELINES BY BANK NEGARA MALAYSIA (“BNM”). THE APPLICATION OF THE RESPECTIVE PRINCIPLES SET OUT IN MCCG 2012 AND THE REQUIREMENTS UNDER BNM/GP1-I WILL BE HIGHLIGHTED IN THE VARIOUS SECTIONS OF THIS STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE.

LEMBAGA PENGARAH BANK ISLAM (“LEMBAGA PENGARAH”) MENGIKTIRAF NILAI TADBIR URUS YANG BAIK DAN AMAT KOMITED UNTUK MEMPROMOSI DAN MENGEKALKAN BUDAYA TADBIR URUS KORPORAT YANG KUKUH. DALAM HAL INI, LEMBAGA PENGARAH SENTIASA BERUSAHA MEMASTIKAN STANDARD YANG TINGGI DIAMALKAN BAGI TADBIR URUS KORPORAT DENGAN KEPIMPINAN EKSEKUTIF, STRATEGI, KAWALAN DALAMAN SERTA PENGURUSAN RISIKO YANG BETUL DILAKSANAKAN DI SELURUH BANK ISLAM DAN SUBSIDIARINYA SELARAS DENGAN NILAI DAN PRINSIP ISLAM.

BAGI MENCAPAI OBJEKTIF DI ATAS, LEMBAGA PENGARAH MENGGUNA PAKAI CADANGAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2012 (“MCCG 2012”), GARIS PANDUAN SEMAKAN BANK NEGARA MALAYSIA (“BNM”) BERKAITAN DENGAN TADBIR URUS KORPORAT UNTUK BANK-BANK ISLAM BERLESEN (“BNM/GP1-I”) DAN PERUNTUKAN LAIN YANG BERKAITAN DI BAWAH GARIS PANDUAN BANK NEGARA MALAYSIA (“BNM”). PENGGUNAAN PRINSIP YANG DINYATAKAN DALAM MCCG 2012 DAN PERUNTUKAN DI BAWAH BNM/GP1-I AKAN DILAPORKAN DALAM PELBAGAI BAHAGIAN PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT INI.

1.0 THE BOARD OF DIRECTORS

1.1 Directors' Guide and Handbook

The Board's role, powers, duties and functions are outlined in the Directors' Guide and Handbook ("Guide and Handbook"). The Guide and Handbook is reviewed once every two (2) years in line with Principle 1, Recommendation 1.7 of the MCG 2012.

The Guide and Handbook also contains the applicable rules and regulations on corporate governance and the Board, the processes and procedures on the Board's assessment, appointment and re-appointment, directors' training and their remuneration.

1.2 Composition of the Board

As at 31 December 2014, the Board has eight (8) members, comprising of one (1) non-executive Chairman, one (1) Managing Director and six (6) non-executive directors. Three (3) of the directors are independent. The current composition of the Board is in compliance with the BNM/GP1-i where more than one-third of its directors are independent directors and also in compliance with Principle 3, Recommendation 3.4 of the MCG 2012. This provides an effective check and balance in the function of the Board.

The Board comprises members from diverse professional background and experience such as economic, banking, finance, accounting, law and Shariah. The Board members have working experience of between 23 – 34 years in their respective areas. They bring with them invaluable knowledge, expertise and perspective to achieve Bank Islam's objectives and visions.

1.0 LEMBAGA PENGARAH

1.1 Panduan dan Buku Panduan Pengarah

Peranan, kuasa, tugas dan fungsi Lembaga Pengarah dinyatakan dalam Panduan dan Buku Panduan Pengarah ("Panduan dan Buku Panduan"). Panduan dan Buku Panduan ini disemak setiap dua (2) tahun sekali sejajar dengan Prinsip 1, Cadangan 1.7 MCG 2012.

Panduan dan Buku Panduan juga mengandungi undang-undang dan peraturan terpakai berkenaan tadbir urus korporat dan Lembaga Pengarah, proses dan prosedur berkenaan penilaian, pelantikan dan pelantikan semula Lembaga Pengarah, latihan pengarah dan imbuhan mereka.

1.2 Komposisi Lembaga Pengarah

Pada 31 Disember 2014, Bank Islam mempunyai lapan (8) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bukan eksekutif, seorang (1) Pengarah Urusan dan enam (6) pengarah bukan eksekutif. Tiga (3) daripadanya merupakan pengarah bebas. Komposisi terkini Lembaga Pengarah ini mematuhi BNM/GP1-i, iaitu lebih daripada satu per tiga pengarahnya merupakan pengarah bebas dan juga mematuhi Prinsip 3, Cadangan 3.4 MCG 2012. Hal ini mewujudkan sekatan dan imbuhan yang berkesan dalam fungsi Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah terdiri daripada individu daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman profesional seperti ekonomi, perbankan, kewangan, perakaunan, undang-undang dan Syariah. Ahli Lembaga Pengarah mempunyai pengalaman bekerja selama 23 – 34 tahun dalam bidang masing-masing serta membawa bersama mereka pengetahuan, kepakaran dan perspektif yang berharga untuk mencapai objektif dan visi Bank Islam.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

1.3 Code of Ethics

The directors adhere to a Code of Ethics based on the Code of Conduct expected of financial institutions' directors as set out in the BNM/GP7 – Guidelines on the Code of Conduct for Directors, Officers and Employees, the Companies Act 1965 and the Company Directors' Code of Ethics issued by the Companies Commission of Malaysia.

The Code of Ethics for Company Directors, amongst others, highlights the following criteria of which a company director should observe in the performance of his/her duties:

- (a) He/she should at all times act with utmost good faith towards the Company in any transaction and to act honestly and responsibly in the exercise of his/her powers in discharging his/her duties;
- (b) He/she should be conscious of the interests of shareholder, employees, creditors and customers of the Company; and
- (c) He/she should ensure that the activities and the operations of the Company do not harm the interest and well-being of the society at large.

1.3 Kod Tataetika

Para pengarah Bank mematuhi Tataetika berdasarkan Tatakelakuan yang perlu dipatuhi oleh pengarah institusi kewangan seperti yang ditetapkan dalam BNM/GP7 – Garis Panduan Tatakelakuan Pengarah, Pegawai dan Kakitangan, Akta Syarikat 1965 dan Tataetika Pengarah Syarikat yang digariskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Tataetika bagi Pengarah Syarikat, antara lain, menekankan kriteria yang perlu dipatuhi oleh pengarah syarikat untuk melaksanakan tugas mereka:

- (a) Pengarah hendaklah pada setiap masa bertindak dengan niat baik terhadap syarikat dalam apa-apa urusan niaga serta jujur dan bertanggungjawab dalam menggunakan kuasanya ketika melaksanakan tugas;
- (b) Pengarah hendaklah peka terhadap kepentingan pemegang saham, kakitangan, pemiutang dan pelanggan syarikat; dan
- (c) Pengarah hendaklah memastikan bahawa aktiviti dan operasi syarikat tidak menjejaskan kepentingan dan kesejahteraan masyarakat secara amnya.

1.4 Roles of the Chairman and Managing Director

The roles of the Chairman and Managing Director are clearly defined and differentiated. This is in line with BNM/GP1-i and Principle 1, Recommendation 1.1 of the MCGG 2012. The distinction is to ensure a balance of power and authority for better understanding and distribution of responsibilities and accountabilities. The Chairman together with the rest of the Board is responsible for setting the policy framework within which the Management is to operate. The role of the Chairman includes the following:

- (a) Provide leadership to achieve the overall performance in meeting the corporate goals and objectives of Bank Islam;
- (b) Ensure that the responsibilities of the Board, the Board Committees and the individual directors are well understood by the Board and individual directors and are executed effectively; and
- (c) Develop an effective working relationship with the Management.

The Managing Director has the overall executive responsibility for the day-to-day operations of Bank Islam which includes implementing the policies and strategies adopted by the Board, keeping the Board fully informed of all important aspects of the Bank's operations and ensuring sufficient information is distributed to the Board members. The Managing Director also carries the primary responsibilities for ensuring management competency including the placement of an effective succession plan to sustain continuity.

1.4 Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan

Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan ditetapkan dan dibezakan dengan jelas. Hal ini sejajar dengan BNM/GP1-i dan Prinsip 1, Cadangan 1.1 MCGG 2012. Perbezaan ini adalah untuk memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti bagi memberikan pemahaman dan pengagihan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban yang lebih jelas. Pengerusi bersama dengan seluruh Lembaga Pengarah bertanggungjawab menetapkan rangka kerja dasar untuk operasi Pengurusan. Peranan Pengerusi termasuklah yang berikut:

- (a) Menyediakan kepimpinan untuk mencapai prestasi keseluruhan bagi memenuhi matlamat dan objektif korporat Bank Islam;
- (b) Memastikan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap pengarah difahami dengan jelas oleh Lembaga Pengarah dan setiap ahlinya serta dilaksanakan dengan berkesan; dan
- (c) Mewujudkan hubungan kerja yang berkesan dengan pihak Pengurusan.

Pengarah Urusan mempunyai tanggungjawab eksekutif keseluruhan dalam operasi harian Bank Islam yang merangkumi pelaksanaan dasar dan strategi yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah, memastikan Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan sepenuhnya tentang semua aspek penting berhubung dengan operasi Bank, dan memastikan maklumat yang mencukupi disampaikan kepada ahli Lembaga Pengarah. Pengarah Urusan juga memikul tanggungjawab utama untuk memastikan kecekapan pengurusan termasuk menyediakan pelan penggantian yang berkesan bagi mengekalkan kesinambungan.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

1.5 Primary Duties and Responsibilities of the Board

In discharging its duties effectively, the Board is guided by its Terms of Reference in line with BNM/GP1-i and Principle 1, Recommendation 1.2 of the MCCG 2012. The Terms of Reference specify that the Board plays a critical role in ensuring sound and prudent policies and practices in the Bank. It provides effective check and balance mechanism in the overall management of the Bank. The Board carries ultimate responsibility for the proper stewardship of the Bank. It has the responsibility to ensure optimisation of shareholder's value and safeguarding of stakeholder's interest. The Board has a fiduciary responsibility to act in the best interest of the Bank.

The Board's primary duties and responsibilities are as follows:

(a) Finance/Operations

- (i) Review and approve all strategic and policy matters including the objectives, strategic business plan and significant operating policies of the Bank and monitor the Management's performance in implementing them based on the Key Performance Indicators ("KPIs") approved by the Board;
- (ii) Review the adequacy and integrity of the Bank's accounting and financial reporting system and ensure appropriate controls are in place;

1.5 Tugas dan Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah

Bagi melaksanakan tugasnya dengan berkesan, Lembaga Pengarah dibimbing oleh Bidang Tugasnya sejajar dengan BNM/GDP1-i dan Prinsip 1, Cadangan 1.2 MCCG 2012. Panduan ini menyatakan bahawa Lembaga Pengarah memainkan peranan penting untuk memastikan dasar dan amalan yang baik dan berhemat dilaksanakan di Bank. Ia menyediakan mekanisme sekatan dan imbalan yang berkesan dalam keseluruhan pengurusan Bank. Lembaga Pengarah memikul tanggungjawab mutlak bagi menentukan kepimpinan Bank yang wajar. Ia bertanggungjawab memastikan nilai pemegang saham yang optimum dan melindungi kepentingan pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab fidusiari untuk bertindak demi kepentingan Bank.

Tugas dan tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah seperti yang berikut:

(a) Kewangan/Operasi

- (i) Menyemak dan meluluskan semua perkara yang berkaitan dengan strategi dan dasar termasuk objektif, pelan perniagaan strategik dan dasar operasi utama Bank, serta memantau prestasi pihak Pengurusan dalam pelaksanaannya berdasarkan Penunjuk Prestasi Utama ("KPI") yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- (ii) Menyemak kecukupan dan integriti sistem laporan kewangan dan perakaunan Bank dan memastikan terdapat kawalan yang sewajarnya;

(iii) Review and approve the following matters, including but not limited to:

- Annual Business Plan and Budget of the Bank;
- Management report which includes financial and business performance, update on credit impaired assets, material litigation and important events;
- Any write-off proposal;
- Material Litigation;
- Investment proposal or ventures involving strategic alliances;
- Authority Limits documents including discretionary authority vested to any officer of Bank Islam;
- Distribution of the Company's dividend;
- Any purchase and disposal of goods or fixed assets or any purchase or termination of services within limits stipulated in the Authority Limits document; and
- Acquisition of and prepayment of any loans or indebtedness of the Bank;

(iii) Menyemak dan meluluskan perkara berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Pelan Perniagaan dan Belanjawan Tahunan Bank;
- Laporan pengurusan yang mengandungi prestasi kewangan dan perniagaan, maklumat terkini tentang aset kredit terjejas, litigasi penting dan peristiwa penting;
- Apa-apa cadangan hapus kira;
- Litigasi penting;
- Cadangan atau usaha niaga pelaburan yang melibatkan perhubungan strategik;
- Dokumen Had Autoriti termasuk kuasa budi bicara yang diberi kepada mana-mana pegawai Bank Islam;
- Pengagihan dividen Bank;
- Apa-apa pembelian atau pelupusan barang atau aset tetap atau apa-apa pembelian atau penamatan perkhidmatan mengikut had autoriti yang ditetapkan dalam dokumen Had Autoriti; dan
- Perolehan dan pembayaran awal apa-apa pinjaman atau keterhutangan Bank;

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- (iv) Approve the capital plan as part of the budget exercise and any significant capital raising and repayment activities and review reports on capital adequacy;
- (v) Review and approve significant business and operational policies including but not limited to the following:
 - New products or services and review the performance and profitability of such products or services;
 - Dividend policy;
 - Depreciation policy;
 - Procurement policy;
 - Outsourcing policy; and
 - Information Technology ("IT") security and other IT related policies;
- (vi) Review and approve any appointment of such person, consultants or advisors or establishment of committee or task force to undertake any specific assignments in relation to the Bank's business and operations within limits stipulated under the Authority Limits document;

-
- (iv) Meluluskan pelan modal sebagai sebahagian daripada amalan belanjawan dan apa-apa peningkatan modal yang ketara dan aktiviti pembayaran balik, dan menyemak laporan tentang kecukupan modal;
 - (v) Menyemak dan meluluskan dasar perniagaan dan operasi yang utama, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:
 - Produk atau perkhidmatan baharu dan menyemak prestasi dan keuntungan produk atau perkhidmatan tersebut;
 - Dasar dividen;
 - Dasar susut nilai;
 - Dasar pemerolehan;
 - Dasar penggunaan khidmat luar; dan
 - Dasar sekuriti teknologi maklumat ("IT") dan dasar lain yang berkaitan IT;
 - (vi) Menyemak dan meluluskan apa-apa pelantikan individu, perunding atau penasihat atau penubuhan jawatankuasa atau pasukan petugas untuk mengendalikan apa-apa tugas khusus yang berkaitan dengan perniagaan dan operasi Bank mengikut had autoriti yang ditetapkan dalam dokumen Had Autoriti;

(b) Risk Management

- (i) Review and approve risk management policies and ensure that the Bank establishes adequate internal controls and infrastructure;
- (ii) Review and approve the Bank's Business Continuity Management Policy in dealing with various extreme internal/external events and disasters;
- (iii) Review and approve the entry into, or variation of, any contract, arrangement or commitment with any related party or any transactions involving conflict of interest situation;
- (iv) Review and approve any new outsourcing proposals; and
- (v) Evaluate the effectiveness of the Management in managing the risks of the Bank;

(c) Human Resource & Governance

- (i) Review and approve the appointment and removal of the Board, Shariah Supervisory Council ("SSC") members and key senior management personnel holding the function of Managing Director or Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other functions as may be determined by the Board from time to time;
- (ii) Review and recommend the remuneration of the SSC members and key senior management personnel holding the function of Managing Director or Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other functions as determined by the Board from time to time. Remuneration of the Board is tabled at the Annual General Meeting for approval of the shareholder;

(b) Pengurusan Risiko

- (i) Menyemak dan meluluskan dasar pengurusan risiko dan memastikan bahawa Bank mewujudkan kawalan dalaman dan infrastruktur yang mencukupi;
- (ii) Menyemak dan meluluskan Dasar Pengurusan Kesyinambungan Perniagaan Bank untuk menangani pelbagai peristiwa dan bencana dalaman/luaran yang ekstrem;
- (iii) Menyemak dan meluluskan pengikatan, atau perubahan apa-apa kontrak, pengaturan atau komitmen dengan mana-mana pihak yang berkaitan atau apa-apa urusan niaga yang melibatkan konflik kepentingan;
- (iv) Menyemak dan meluluskan apa-apa cadangan penggunaan khidmat luar yang baharu; dan
- (v) Menilai keberkesanan pihak Pengurusan dalam menguruskan risiko Bank;

(c) Sumber Manusia & Tadbir Urus

- (i) Menyemak dan meluluskan pelantikan dan penamatan perkhidmatan ahli Lembaga Pengarah, ahli Majlis Pengawasan Syariah ("MPS") dan kakitangan pengurusan kanan utama yang berperanan sebagai Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan jawatan lain seumpamanya seperti yang mungkin ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa;
- (ii) Menyemak dan menyarankan imbuhan ahli MPS dan kakitangan pengurusan kanan utama yang berperanan sebagai Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan jawatan lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Imbuhan Lembaga Pengarah dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan bagi mendapatkan kelulusan pemegang saham;

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- (iii) Review and approve Human Resource policy including but not limited to the succession plan, salary and remuneration schemes, code of conduct, whistle blowing procedures, disciplinary action procedures and grievance procedures;
 - (iv) Review and approve succession planning for the Board;
 - (v) Annually review the performance of individual directors, SSC members and key senior management personnel including the Managing Director and evaluate the effectiveness of the Board and the SSC as a whole; and
 - (vi) Review and approve any policies related to directors including Directors' Remuneration Policy, Tenure of Directorship and Directors' Training.
- (d) Shariah Governance
- (i) Perform the oversight function over the effective functioning of Bank Islam Shariah governance framework and ensure that the framework is comprehensive covering all aspects of the Bank's operations and business taking into account the size, complexity and nature of business; and
 - (ii) Review and approve all policies relating to Shariah in relation to the Bank's business and operations upon consultation with the SSC;

-
- (iii) Menyemak dan meluluskan dasar Sumber Manusia, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pelan penggantian, skim gaji dan imbuhan, tatakelakuan, prosedur pemberian maklumat, prosedur tindakan disiplin dan prosedur kilan;
 - (iv) Menyemak dan meluluskan pelan penggantian untuk Lembaga Pengarah;
 - (v) Menyemak prestasi setiap pengarah, ahli MPS dan kakitangan pengurusan kanan utama termasuk Pengarah Urusan dan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dan MPS secara keseluruhannya setiap tahun; dan
 - (vi) Menyemak dan meluluskan apa-apa dasar berkaitan pengarah termasuk Dasar Imbuhan Pengarah, Tempoh Pemegangan Jawatan Pengarah dan Latihan Pengarah.
- (d) Tadbir Urus Syariah
- (i) Melaksanakan fungsi penyemakan terhadap keberkesanan rangka kerja tadbir urus Syariah Bank Islam dan memastikan bahawa rangka kerja tersebut adalah menyeluruh dan merangkumi semua aspek operasi dan perniagaan Bank serta mengambil kira saiz, kerumitan dan jenis perniagaan; dan
 - (ii) Menyemak dan meluluskan kesemua dasar yang berkaitan dengan Syariah dalam perniagaan dan operasi Bank setelah berunding dengan MPS;

(e) Compliance

(i) Review relevant reports or proposals to ensure operations of the Bank are in compliance with:

- The relevant framework of laws including but not limited to the Islamic Financial Services Act 2013 (“IFSA 2013”), Anti Money Laundering & Anti Terrorist Financing Act 2001, Personal Data Protection Act 2010 and Companies Act 1965 and any regulations and guidelines under the relevant laws;
- The relevant Shariah rules and principles;
- Any established policies and procedures of the Bank;

(ii) Perform the oversight function on any regulatory requirements as imposed by BNM and other relevant regulatory authorities; and

(iii) Consider and provide any response, attestation, undertaking or confirmation as required by regulatory authorities in relation to compliance with regulatory requirements; and

(f) Others

(i) Approve any corporate branding exercise affecting the corporate image of Bank Islam including logo, tagline and annual report; and

(ii) Review and approve any appointment of corporate representatives and power of attorneys to act on behalf of the Company.

(e) Pematuhan

(i) Menyemak laporan atau cadangan yang berkaitan untuk memastikan operasi Bank mematuhi:

- Rangka kerja undang-undang yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“IFSA 2013”), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Akta Syarikat 1965 dan apa-apa peraturan serta garis panduan di bawah undang-undang yang berkaitan;
- Undang-undang dan prinsip Syariah yang berkaitan; dan
- Apa-apa dasar dan prosedur Bank yang diwujudkan;

(ii) Melaksanakan fungsi penyemakan terhadap apa-apa keperluan kawal selia seperti yang dikenakan oleh BNM dan pihak berkuasa kawal selia lain yang berkaitan; dan

(iii) Mempertimbangkan dan memberikan apa-apa maklum balas, pengakuan, aku janji atau pengesahan seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa kawal selia berkaitan dengan pematuhan keperluan kawal selia; dan

(f) Lain-lain

(i) Meluluskan apa-apa aktiviti penjenamaan korporat yang melibatkan imej korporat Bank Islam termasuk logo, slogan iklan dan laporan tahunan; dan

(ii) Menyemak dan meluluskan apa-apa pelantikan wakil korporat dan surat kuasa wakil untuk bertindak bagi pihak Syarikat.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

The Board shall also have the authority to review and approve such other matters as determined by the Board, from time to time.

1.6 Fundamental Principles Applicable to the Board

The directors are expected to demonstrate utmost integrity and conduct themselves with high standards of behavior based on the following fundamental principles:

(a) Duty of Confidentiality

All directors are required to respect the confidentiality of sensitive information held by the Bank. A director is prohibited from making improper use of information obtained in the course of performing his/her duties for his/her gain or advantage. In addition, a director cannot disclose information relating to the business and affairs of the Bank or that he/she obtains in the course of performance of duties and functions, as well as information about customers of the Bank. All confidential information remains confidential even when they are no longer on the Board and it cannot be exploited or improperly used.

(b) Loyalty to the Bank and the Board

The directors must be loyal to the Bank, the Board and fellow directors on the Board, and be fully committed to all Board-related activities.

A director is prohibited from doing, saying or publishing anything that may be detrimental to the Bank's interest. A director should never publicly criticise the Bank or fellow directors, attempt to undermine the Board's decision or distance himself from the other directors outside of the Boardroom. If a director has specific concerns about the manner in which the Bank is being run, these concerns should be raised with the Chairman and Management or during Board meetings.

Lembaga Pengarah juga mempunyai kuasa untuk menyemak dan meluluskan perkara lain seperti yang ditentukan Lembaga Pengarah, dari semasa ke semasa.

1.6 Prinsip Asas yang terpakai kepada Ahli Lembaga Pengarah

Pengarah hendaklah menunjukkan sepenuh integriti dan berkelakuan menurut standard tingkah laku yang tinggi berdasarkan prinsip asas berikut:

(a) Tanggungjawab Kerahsiaan

Semua pengarah dikehendaki menghormati kerahsiaan maklumat sensitif yang dimiliki oleh Bank. Pengarah dilarang menyalahgunakan maklumat yang diperoleh ketika melaksanakan tugasnya untuk kepentingan dirinya. Selain itu, pengarah tidak boleh mendedahkan maklumat berkaitan dengan perniagaan dan hal ehwal Bank atau maklumat yang diperolehnya ketika melaksanakan tugas dan fungsinya, serta maklumat tentang pelanggan Bank. Semua maklumat sulit akan kekal sulit walaupun mereka tidak lagi menjadi ahli Lembaga Pengarah dan maklumat tersebut tidak boleh dieksploitasi atau digunakan dengan cara yang tidak wajar.

(b) Kesetiaan kepada Bank dan Lembaga Pengarah

Semua pengarah mestilah setia kepada Bank, Lembaga Pengarah dan ahli Lembaga Pengarah yang lain, serta memberikan komitmen sepenuhnya kepada semua aktiviti Lembaga Pengarah.

Pengarah dilarang melakukan, menyatakan atau menerbitkan apa-apa perkara yang boleh menjejaskan kepentingan Bank. Seseorang pengarah tidak boleh sama sekali mengkritik Bank atau ahli Lembaga Pengarah yang lain secara terbuka, mempersoalkan keputusan Lembaga Pengarah atau menjauhkan diri daripada pengarah yang lain di luar bilik Lembaga Pengarah. Jika seseorang pengarah khuatir tentang cara pengurusan Bank, pengarah harus mengemukakan kekhawatirannya itu kepada Pengerusi dan pihak Pengurusan atau ketika mesyuarat Lembaga Pengarah.

(c) Operational Issues

The Board's role is to consider and approve strategies, plans and policies for the Bank and to monitor and review the Management's performance. It is the role of the Management to recommend and implement those plans and strategies. The directors should avoid interfering in the day to day running of the Bank.

The Board is to hold the Management to account more effectively and to make decisions on the Bank's priorities.

(d) Responsibility for Board Decisions

The directors must be capable of providing constructive challenge. They are also expected to share responsibility for decisions taken by the Board as a whole. If any of the directors fundamentally disagree with the decision taken by the Board, they have the option of recording their disagreement in the minutes. However ultimately, they must accept and support the collective decision of the Board.

1.7 Board Meetings

Board meetings are scheduled at the beginning of the year where meetings are held at least six (6) times a year with additional meetings convened as and when warranted by situations, to facilitate important decisions that are required between the scheduled meetings.

(c) Isu Operasi

Peranan Lembaga Pengarah adalah untuk mempertimbangkan dan meluluskan strategi, pelan dan dasar Bank serta memantau dan menyemak prestasi pihak Pengurusan. Pihak Pengurusan berperanan untuk mencadangkan dan melaksanakan pelan dan strategi tersebut. Semua pengarah hendaklah mengelakkan campur tangan dalam pengurusan harian Bank.

Lembaga Pengarah berperanan membantu pihak Pengurusan dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan dan membuat keputusan tentang keutamaan Bank.

(d) Tanggungjawab terhadap Keputusan Lembaga Pengarah

Semua Pengarah mestilah berupaya memberikan cabaran yang konstruktif. Mereka juga dikehendaki berkongsi tanggungjawab ke atas keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah secara keseluruhannya. Jika mana-mana pengarah secara asasnya tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah, mereka mempunyai pilihan untuk mencatatkan perkara tersebut dalam minit mesyuarat. Walau bagaimanapun, mereka mestilah menerima dan menyokong keputusan kolektif Lembaga Pengarah tersebut.

1.7 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah dijadualkan pada awal tahun, dan sekurang-kurangnya enam (6) mesyuarat diadakan setiap tahun dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila perlu mengikut keadaan bagi memudahkan keputusan penting yang perlu dibuat dalam tempoh antara mesyuarat yang telah dijadualkan tersebut.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Nine (9) Board meetings were held during the financial year ended 31 December 2014, as follows:

DATE OF MEETINGS	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
January 2014	100%
March 2014	100%
April 2014	100%
May 2014	75%
June 2014	88%
July 2014	100%
September 2014	88%
October 2014	100%
December 2014	100%

The Chairman of the Shariah Supervisory Council of the Bank attends the Board meetings as a permanent invitee to facilitate and assist the Board in deliberating and discussing issues that relate to Shariah.

Sembilan (9) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2014	100%
Mac 2014	100%
April 2014	100%
Mei 2014	75%
Jun 2014	88%
Julai 2014	100%
September 2014	88%
Oktober 2014	100%
Disember 2014	100%

Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah Bank menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah sebagai jemputan tetap bagi memudahkan dan membantu Lembaga Pengarah mempertimbang dan membincangkan isu berkaitan Syariah.

1.8 Access to Information

The directors have full and unrestricted access to all information pertaining to Bank Islam's business and affairs to enable them to discharge their duties effectively. This is in line with Principle 1, Recommendation 1.5 of the MCCG 2012. All directors have access to the Management and to the advice and services of the Company Secretary and they may also seek independent professional advice where necessary.

Reports providing updates on operational, financial and corporate developments are circulated prior to Board meetings to enable the directors to seek further clarification or explanation where necessary in order to be adequately apprised before the meeting.

1.9 Appointment and Re-appointment to the Board

The Board through the Nomination and Assessment Committee's recommendations ensure that the level and make-up of its members are of the necessary credibility, integrity and calibre with the required skills and knowledge.

The appointment and re-appointment of a director will be subject to the Fit and Proper Criteria as adopted by Bank Islam. This is in line with Principle 2, Recommendation 2.2 of the MCCG 2012. The Fit and Proper Criteria sets out the attributes and qualifications required of a candidate to determine his/her suitability. In the process, the following criteria are considered by the Board:

- Probity diligence, personal integrity and reputation – the person must have key qualities such as honesty, integrity, diligence, independence of mind and fairness;

1.8 Akses kepada Maklumat

Semua pengarah mempunyai akses penuh dan tanpa had kepada semua maklumat yang berkaitan dengan perniagaan dan urusan Bank Islam bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas mereka secara berkesan. Hal ini sejajar dengan Prinsip 1, Cadangan 1.5 MCCG 2012. Semua pengarah boleh mendapatkan maklumat daripada pihak Pengurusan serta khidmat nasihat dan perkhidmatan daripada Setiausaha Syarikat dan juga mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas jika perlu.

Laporan tentang perkembangan operasi, kewangan dan korporat yang terkini diedarkan sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan. Langkah ini membolehkan pengarah mendapatkan penjelasan atau keterangan lanjut, jika perlu, agar mereka mendapat maklumat secukupnya sebelum mesyuarat.

1.9 Pelantikan dan Pelantikan Semula Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah memastikan bahawa tahap dan komposisi ahli Lembaga Pengarah mempunyai kredibiliti, integriti dan kewibawaan serta kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan melalui cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian.

Pelantikan dan pelantikan semula pengarah tertakluk pada Kriteria Kesesuaian dan Kewajaran seperti yang diamalkan oleh Bank Islam. Hal ini selaras dengan Prinsip 2, Cadangan 2.2 MCCG 2012. Kriteria Kesesuaian dan Kewajaran menetapkan ciri dan kelayakan yang diperlukan daripada calon untuk menentukan kesesuaiannya. Dalam proses itu, kriteria berikut dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah:

- Usaha kejujuran, integriti dan reputasi peribadi – individu mestilah mempunyai kualiti penting seperti kejujuran, integriti, ketekunan, kebebasan minda dan keadilan;

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- Competency and capability – the person must have the necessary skills, competency and commitment to carry out the role; and
- Financial integrity – the person must manage his/her financial affairs prudently.

For the re-appointment of a director, the results of a peer evaluation on a director's effectiveness, contribution and participation will be taken into account.

A non-independent non-executive director is not subject to any maximum tenure as a shareholder may determine at its discretion to retain or to replace its nominee director on the Board. On the other hand, an independent director is subject to a maximum tenure of nine (9) consecutive years. Such director can be retained as an independent director subject to shareholder's approval or alternatively he/she may elect to resign from the Board. This is in line with Principle 3, Recommendations 3.2 and 3.3 of the MCCG 2012. During the period under review, one (1) independent non-executive director was re-designated as a non-independent non-executive director upon him serving the Board for a consecutive tenure of more than nine (9) year.

The application for the appointment and re-appointment of directors is subject to the approval of BNM as per the BNM/GP1-i.

1.10 Re-Election of Directors

In accordance with Bank Islam's Articles of Association, all directors other than the Managing Director are subject to retirement from office at due intervals by rotation. Being eligible, they may offer themselves for re-election, a process that enables shareholder or proxy holders to vote them back into office.

Directors who are appointed as additional new directors or to fill casual vacancies during the year are subject to re-election by the shareholder at the next Annual General Meeting following their appointment.

- Kecekapan dan kemampuan – individu mestilah mempunyai kemahiran, kecekapan dan komitmen yang diperlukan untuk melaksanakan peranannya; dan
- Integriti kewangan – individu mestilah menguruskan hal ehwal kewangannya secara berhemah.

Bagi pelantikan semula pengarah, keputusan penilaian rakan sekerja berkenaan kecekapan, sumbangan dan pelibatan pengarah akan diambil kira.

Pengarah bukan bebas bukan eksekutif tidak tertakluk pada apa-apa tempoh pelantikan maksimum kerana pemegang saham boleh menentukan, mengikut budi bicaranya, untuk mengekalkan atau menggantikan calon pengarah untuk Lembaga Pengarah. Sebaliknya, pengarah bebas tertakluk pada tempoh pelantikan maksimum selama sembilan (9) tahun berturut-turut. Pengarah bebas ini boleh terus memegang jawatan pengarah bebas tertakluk pada kelulusan pemegang saham atau sebaliknya dia boleh memilih untuk melepaskan jawatan dalam Lembaga Pengarah. Hal ini sejajar dengan Prinsip 3, Cadangan 3.2 dan 3.3 MCCG 2012. Dalam tempoh di bawah tinjauan, seorang (1) pengarah bebas bukan eksekutif dilantik semula sebagai pengarah bukan bebas bukan eksekutif selepas beliau berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah bagi tempoh lebih daripada sembilan (9) tahun berturut-turut.

Permohonan bagi pelantikan dan pelantikan semula pengarah tertakluk pada kelulusan BNM mengikut garis panduan BNM/GP1-i.

1.10 Pemilihan Semula Pengarah

Menurut Tataurus Persatuan Bank Islam, semua pengarah selain Pengarah Urusan perlu bersara daripada jawatannya dalam selang masa yang ditetapkan mengikut giliran. Jika layak, mereka boleh menawarkan diri untuk dipilih semula, iaitu satu proses yang membolehkan pemegang saham atau pemegang proksi melantik semula pengarah tersebut ke jawatannya.

Pengarah yang dilantik sebagai pengarah tambahan baharu atau untuk mengisi kekosongan casual pada tahun itu adalah tertakluk pada pemilihan semula oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya selepas mereka dilantik.

The office of the Managing Director is exempted from retirement by rotation so as not to expose his office to vagaries of discontinuity.

1.11 Board Performance

The Board has implemented an annual performance evaluation process, to assess the effectiveness of the Board as a whole, the Board Committees, the contribution of each individual director, including assessment on the suitability and effectiveness of a shareholder's nominee director.

Each director evaluates the performance of the Board as a whole by way of a self-assessment questionnaire. The assessments are made against pre-established criteria in the following areas:

- (a) Board Composition/Structure;
- (b) Board Process;
- (c) Board Governance;
- (d) Major Responsibilities of the Board; and
- (e) Board Committee Function.

For individual director's assessment, a Peer Assessment Form is completed by each director individually. The effectiveness of the Independent Director and the Nominee Director is assessed through the Peer Assessment Form. This is in line with Principle 3, Recommendation 3.1 of the MCCG 2012.

Pengarah Urusan dikecualikan daripada persaraan mengikut giliran agar jawatannya tidak terdedah kepada ketidaktentuan akibat tiada kesinambungan.

1.11 Prestasi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah mewujudkan proses penilaian prestasi tahunan bagi menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta sumbangan setiap pengarah, termasuk penilaian ke atas kesesuaian dan keberkesanan calon pengarah pemegang saham.

Setiap pengarah menilai keseluruhan prestasi Lembaga Pengarah dengan menggunakan soal selidik penilaian diri. Penilaian tersebut dibuat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dalam aspek berikut:

- (a) Komposisi/Struktur Lembaga Pengarah;
- (b) Proses Lembaga Pengarah;
- (c) Tadbir Urus Lembaga Pengarah;
- (d) Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah; dan
- (e) Fungsi Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi penilaian prestasi pengarah secara individu, Borang Penilaian Rakan Sekerja akan dilengkapi oleh setiap Pengarah secara individu. Keberkesanan Pengarah Bebas dan Calon Pengarah dinilai melalui Borang Penilaian Rakan Sekerja. Hal ini sejajar dengan Prinsip 3, Cadangan 3.1 MCCG 2012.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

The results of the evaluation are reviewed and discussed at the Nomination and Assessment Committee meeting prior to deliberation at the Board meeting.

1.12 Board Training

In line with Principle 4, Recommendation 4.2 of the MCCG 2012, continuous training is vital for the directors to gain insight and keep abreast with the development in the banking industry to further enhance their skills and knowledge in discharging their responsibilities effectively. As part of good corporate governance, the Bank has developed a policy on directors' training which includes the following:

- (a) Any director that is newly appointed to the Board would undergo a briefing by the Management on the Bank's governance structure, key management members, business and operations and important regulations and laws. The Directors' Guide and Handbook, the latest Annual Report of the Bank and other relevant information would be made available to the director. The said briefing would be organised as soon as practicable upon the appointment of the director;
- (b) All directors of the Bank would be required to register for the director's core training programme under the Financial Institutions Directors' Education Programme ("FIDE") within a year upon his/her appointment;
- (c) The directors are encouraged to attend other trainings that are relevant to enable them to discharge their responsibilities effectively. In this regard, focus would be on the elective trainings organised by FIDE as such trainings are structured based on areas that would be relevant to the banking industry and conducted by experienced speakers and trainers;

Keputusan penilaian tersebut akan disemak dan dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian sebelum pertimbangan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

1.12 Latihan untuk Lembaga Pengarah

Selaras dengan Prinsip 4, Cadangan 4.2 MCCG 2012, latihan yang berterusan adalah penting agar pengarah memperoleh pengetahuan dan maklumat perkembangan terkini berkaitan dengan industri perbankan bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang baik, Bank telah mewujudkan dasar untuk latihan pengarah yang termasuk perkara berikut:

- (a) Mana-mana pengarah yang baru dilantik ke dalam Lembaga Pengarah akan diberikan taklimat oleh pihak Pengurusan tentang struktur tadbir urus Bank, kakitangan pengurusan utama, perniagaan dan operasi serta undang-undang dan peraturan penting. Panduan dan Buku Panduan pengarah, Laporan Tahunan Bank yang terkini dan maklumat lain yang berkaitan akan diberikan kepada pengarah tersebut. Taklimat tersebut akan diadakan sebaik sahaja boleh dilakukan selepas pelantikan pengarah tersebut;
- (b) Semua pengarah Bank dikehendaki menyertai program latihan teras pengarah di bawah Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan ("FIDE") dalam tempoh setahun selepas pelantikannya;
- (c) Pengarah digalakkan untuk menyertai latihan lain yang berkaitan bagi membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Sehubungan itu, tumpuan diberikan kepada latihan elektif yang dianjurkan FIDE kerana latihan ini direka bentuk berdasarkan bidang yang berkaitan dengan industri perbankan dan dikendalikan oleh penceramah dan jurulatih berpengalaman;

- (d) The directors could also attend other trainings organised by local professional bodies and regulatory authorities within Malaysia in areas that are relevant to the Bank; and
- (e) The Board may approve any directors to attend trainings overseas if such trainings are viewed to be crucial for the Bank and the trainings are not available within Malaysia.

As at to date all Board members have attended and completed the director's core training programme under FIDE. Other training programmes attended by the directors in the financial year ended 31 December 2014 include the following:

FIDE/ICLIF

- Focus Group Discussion – Building a Talent Pool of Directors
- A Comprehensive Talent-based Approach to Board Recruitment
- Bursa Malaysia Nominating Committee Programme
- The Role of the Board in Behavioural Issues, Aligning Business and Human Capital Strategies
- BNM–FIDE FORUM Dialogue with the Governor
- Focus Group Discussion in Preparation for Dialogue with the Governor

- (d) Pengarah juga boleh menyertai latihan lain di dalam Malaysia yang dianjurkan oleh badan profesional tempatan dan pihak berkuasa kawal selia dalam bidang yang berkaitan dengan Bank; dan
- (e) Lembaga Pengarah boleh memberikan kelulusan kepada mana-mana pengarah untuk menyertai latihan di luar negara jika latihan tersebut dianggap perlu kepada Bank dan latihan itu tiada di Malaysia.

Setakat ini, semua ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri dan melengkapkan program latihan teras pengarah di bawah FIDE. Program latihan lain yang disertai oleh pengarah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 termasuklah yang berikut:

FIDE/ICLIF

- Perbincangan Kumpulan Tumpuan – Membina Kumpulan Bakat Pengarah
- Pendekatan berasaskan Bakat yang Menyeluruh berkenaan Pengambilan Ahli Lembaga Pengarah
- Program Jawatankuasa Pencalonan Bursa Malaysia
- Peranan Lembaga Pengarah dalam Isu Tingkah Laku, Strategi Penjajaran Perniagaan dan Modal Insan
- Dialog Forum BNM-FIDE bersama Gabenor
- Perbincangan Kumpulan Tumpuan dalam Persediaan untuk Dialog bersama Gabenor

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- FIDE Forum Event: “Risks: From Whereof?” by Tan Sri Andrew Sheng
- Master Class with Harvard’s Professor Linda A Hill
- Sweating the right stuff – risk for profitable growth

Other Training Programmes/Conferences

- Shariah Training Master class
- GST Awareness Workshop
- National Tax Conference 2014
- Global Islamic Finance Forum 2014
- International Conference on Financial Crime and Terrorism Financing 2014
- Audit Committee Conference
- Breakfast Talk with Bob Vanourek – Triple Crown Leadership “Building Excellent, Ethical and Enduring Organisations”

-
- Acara Forum FIDE: “Risks: From Whereof?” oleh Tan Sri Andrew Sheng
 - Kelas Sarjana (Master Class) bersama Profesor Linda A Hill dari Harvard
 - Sweating the right stuff – risk for profitable growth

Program Latihan/Persidangan Lain

- Kelas Sarjana Latihan Syariah
- Bengkel Kesedaran GST
- Persidangan Cukai Kebangsaan 2014
- Forum Kewangan Islam Global 2014
- Persidangan Antarabangsa berkenaan Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan 2014
- Persidangan Jawatankuasa Audit
- Ceramah Pagi bersama Bob Vanourek – Triple Crown Leadership “Building Excellent, Ethical and Enduring Organisations”

- Corporate Finance Case Studies: IPO Workshop
- Roundtable on Malaysian Code for Institutional Investors

2.0 BOARD COMMITTEES

The Board Committees operate within clearly defined terms of reference to assist the Board in the execution of its duties and responsibilities. The Board is ultimately responsible for all final decision on matters of the Board. The Board Committees are:

2.1 Nomination and Assessment Committee (“Committee or NAC”)

The NAC has five (5) members, comprising of one (1) independent non-executive Chairman, one (1) Managing Director and three (3) non-executive directors. The current composition of the NAC is in compliance with BNM/GP1-I and is in line with Principle 2, Recommendation 2.1 of the MCCG 2012.

This Committee is responsible to assist the Board on the process for the election, appointment and re-appointment of directors. The nominated candidate will be assessed based on the Fit and Proper criteria as adopted by the Bank. The Committee also reviews the results of the performance evaluation of the directors and thereafter makes the necessary recommendation to the Board for the purposes of enhancing the effectiveness of the directors or the Board as a whole. This function extends to the appointment and re-appointment of the members of the SSC and key senior management of Bank Islam.

- Kajian Kes Kewangan Korporat: Bengkel IPO
- Persidangan Meja Bulat berkenaan Kod bagi Pelabur Institusi Malaysia

2.0 JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Lembaga Pengarah beroperasi menurut bidang tugas yang telah ditetapkan dengan jelas bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap semua keputusan akhirnya. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ialah:

2.1 Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian (“Jawatankuasa atau NAC”)

NAC mempunyai lima (5) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bebas bukan eksekutif, seorang (1) Pengarah Urusan dan tiga (3) pengarah bukan eksekutif. Komposisi terkini Lembaga Pengarah ini mematuhi garis panduan BNM/GP1-i dan sejajar dengan Prinsip 2, Cadangan 2.1 MCCG 2012.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah dalam proses pemilihan, pelantikan dan pelantikan semula pengarah. Calon yang dicadangkan akan dinilai berdasarkan kriteria Kesesuaian dan Kewajaran seperti yang diguna pakai oleh Bank. Jawatankuasa ini juga menyemak keputusan penilaian prestasi pengarah dan seterusnya mengemukakan cadangan yang perlu kepada Lembaga Pengarah bagi tujuan meningkatkan keberkesanan pengarah atau Lembaga Pengarah secara keseluruhan. Fungsi ini turut merangkumi pelantikan dan pelantikan semula ahli MPS dan pengurusan kanan utama di Bank Islam.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Six (6) NAC meetings were held during the financial year ended 31 December 2014 as follows:

DATE OF MEETINGS	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
January 2014	100%
March 2014	100%
April 2014	100%
May 2014	80%
October 2014	100%
December 2014	100%

The primary duties and responsibilities of the NAC are as follows:

- (a) Review the structure, size and composition of the Board and make recommendations to the Board on any adjustments that are deemed necessary including in terms of the appropriate size and skills, the balance between Non-Independent Non-Executive Directors and Independent Non-Executive Directors regularly;

Enam (6) mesyuarat NAC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2014	100%
Mac 2014	100%
April 2014	100%
Mei 2014	80%
Oktober 2014	100%
Disember 2014	100%

Tugas dan tanggungjawab utama NAC adalah seperti yang berikut:

- (a) Menyemak secara tetap struktur, saiz dan komposisi Lembaga Pengarah dan memberikan cadangan kepada Lembaga Pengarah tentang apa-apa pelarasan yang dianggap perlu, termasuk dari segi saiz dan kemahiran yang sesuai dan keseimbangan antara Pengarah bukan Bebas bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas bukan Eksekutif;

- (b) Establish the minimum requirements on the skills, experience, qualification and other core competencies of a director and SSC member that are required for the discharge of the director's or SSC member's responsibilities;
- (c) Assess and recommend to the Board the nominees for directorship, membership in Board committees and SSC and the Managing Director;
- (d) Recommend to the Board for the removal of any directors, SSC members and the Managing Director from the Board/Committee/Management if they are ineffective, errant and negligent in discharging their responsibilities;
- (e) In consultation with the Chairman, regularly or at least once a year, review the performance of individual directors, SSC members and the Managing Director and evaluate the effectiveness of the Board and the SSC as a whole and report to the Board as is necessary;
- (f) Assess and recommend to the Board the nominees for key senior management personnel holding the function of Managing Director or Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other function as may be determined by the Board from time to time;
- (g) Make recommendations to the Board on the following:
 - (i) Review on the organization structure of the Bank;
 - (ii) Succession plan for directors, Managing Director, SSC members and key senior management personnel;

-
- (b) Menetapkan keperluan minimum bagi kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras lain untuk pengarah dan ahli MPS yang diperlukan dalam pelaksanaan tanggungjawab pengarah atau ahli MPS tersebut;
 - (c) Menilai dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah calon untuk jawatan pengarah, keahlian dalam jawatankuasa Lembaga Pengarah dan MPS serta jawatan Pengarah Urusan;
 - (d) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah penamatan perkhidmatan mana-mana pengarah, ahli MPS dan Pengarah Urusan daripada Lembaga Pengarah/Jawatankuasa/Pengurusan jika mereka tidak cekap, melakukan penyelewengan dan cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka;
 - (e) Menilai prestasi setiap pengarah, ahli MPS dan Pengarah Urusan secara individu menerusi perundingan dengan Pengerusi secara tetap atau sekurang-kurangnya sekali dalam setahun serta menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dan MPS secara keseluruhannya dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah apabila perlu;
 - (f) Menilai dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah calon untuk jawatan pengurusan kanan utama yang memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan jawatan lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa;
 - (g) Membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah tentang perkara yang berikut:
 - (i) Semakan terhadap struktur organisasi Bank;
 - (ii) Pelan penggantian bagi para pengarah, Pengarah Urusan, ahli MPS dan kakitangan pengurusan kanan utama;

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- (iii) Re-appointment of any directors or SSC members at the conclusion of his/her specified term of office as approved by BNM; and
- (iv) The continuation (or discontinuance) in service of any director who has attained the age of 70 years;
- (v) Any policies related to directors including policies on Tenure of Directorship and Directors' Training;
- (h) Approve any request for directors to attend training overseas; and
- (i) Undertake such other duties and responsibilities as determined by the Board from time to time.

2.2 Remuneration Committee (“Committee or RC”)

The RC has four (4) members, comprising of one (1) independent non-executive Chairman and three (3) non-executive directors. The current composition of the RC is in compliance with BNM/GP1-i.

The Committee has a broad responsibility of recommending to the Board the remuneration of the directors, SSC members, the Managing Director and key senior management personnel.

-
- (iii) Pelantikan semula mana-mana pengarah atau ahli MPS setelah tamat tempoh jawatan yang ditetapkan seperti yang diluluskan oleh BNM; dan
 - (iv) Pelanjutan (atau penamatan) perkhidmatan mana-mana pengarah yang telah mencapai usia 70 tahun;
 - (v) Apa-apa dasar berkaitan dengan pengarah termasuk dasar Tempoh Pelantikan Pengarah dan Latihan Pengarah;
 - (h) Meluluskan apa-apa permohonan untuk pengarah menyertai latihan di luar negara; dan
 - (i) Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

2.2 Jawatankuasa Imbuhan (“Jawatankuasa atau RC”)

RC mempunyai empat (4) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bebas bukan eksekutif dan tiga (3) pengarah bukan eksekutif. Komposisi terkini Lembaga Pengarah ini mematuhi garis panduan BNM/GP1-i.

Jawatankuasa ini mempunyai tanggungjawab yang luas untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang imbuhan pengarah, ahli MPS, Pengarah Urusan dan kakitangan pengurusan kanan utama.

Five (5) RC meetings were held during the financial year ended 31 December 2014 as follows:

DATE OF MEETINGS	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
January 2014	100%
March 2014	100%
May 2014	75%
October 2014	100%
December 2014	100%

The primary duties and responsibilities of the RC are as follows:

- Review and recommend to the Board the overall remuneration policy for the directors, the Managing Director and key senior management personnel to ensure appropriate incentives to encourage enhanced performance;
- Review and recommend to the Board specific remuneration package for the directors, Managing Director and key senior management personnel holding General Manager position and above including the Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other designation as determined by the Board from time to time. The remuneration package should be structured to be competitive and consistent with the Bank's culture, objectives and strategy and to reflect their contribution, level of responsibility and performance;

Lima (5) mesyuarat RC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2014	100%
Mac 2014	100%
Mei 2014	75%
Oktober 2014	100%
Disember 2014	100%

Tugas dan tanggungjawab utama RC adalah seperti yang berikut:

- Menyemak dan mencadangkan keseluruhan dasar imbuhan untuk pengarah, Pengarah Urusan dan kakitangan pengurusan kanan utama kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan insentif yang sewajarnya diberikan sebagai galakan untuk meningkatkan prestasi;
- Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang pakej imbuhan khusus untuk pengarah, Pengarah Urusan dan kakitangan pengurusan kanan utama yang memegang jawatan Pengurus Besar dan jawatan yang lebih tinggi daripada itu termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan jawatan lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Struktur pakej imbuhan tersebut hendaklah berdaya saing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Bank, serta mencerminkan sumbangan, tahap tanggungjawab dan prestasi mereka;

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- (c) Within the terms of the agreed remuneration policy and based on the individual performance, determine the total individual remuneration package for the personnel including where appropriate bonuses, incentive payments, etc;
- (d) Make recommendation to the Board in relation to any review to employee remuneration and benefit structures including bonuses and performance related schemes to ensure alignment throughout the Bank;
- (e) Review and recommend to the Board the remuneration of the SSC members. The remuneration shall commensurate and reflect the roles and responsibilities of the SSC members; and
- (f) Undertake such other duties and responsibilities as determined by the Board from time to time.

2.3 Board Financing Review Committee (“Committee or BFRC”)

The BFRC has four (4) members, comprising of one (1) non-independent non-executive Chairman, one (1) Managing Director, one non-independent non-executive director and one (1) independent non-executive director.

This Committee is responsible for the review of financing and/or investment proposals approved by the Financing Committee ‘A’ (“FCA”) and/or Underwriting & Investment Committee (“UIC”) of the Management based on the limits determined by the Board. BFRC may if necessary, exercise the right to veto FCA/UIC approvals/decisions.

-
- (c) Menentukan jumlah pakej imbuhan individu bagi kakitangan termasuk bonus, pembayaran insentif yang bersesuaian dan sebagainya berdasarkan syarat dasar imbuhan yang telah diluluskan dan juga prestasi individu;
 - (d) Memberikan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan apa-apa semakan terhadap imbuhan kakitangan dan struktur manfaat termasuk bonus dan skim imbuhan berkaitan dengan prestasi bagi memastikan ianya selaras di seluruh Bank;
 - (e) Menyemak dan mencadangkan imbuhan bagi ahli MPS kepada Lembaga Pengarah. Imbuhan tersebut hendaklah setara dan mencerminkan peranan dan tanggungjawab ahli MPS berkenaan; dan
 - (f) Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

2.3 Jawatankuasa Lembaga Pengarah Semakan Pembiayaan (“Jawatankuasa atau BFRC”)

BFRC mempunyai empat (4) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bukan bebas bukan eksekutif, seorang (1) Pengarah Urusan, seorang pengarah bukan bebas bukan eksekutif dan seorang (1) pengarah bebas bukan eksekutif.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyemak cadangan pembiayaan dan/atau pelaburan yang diluluskan oleh pihak Pengurusan melalui Jawatankuasa Pembiayaan A (“FCA”) dan/atau Jawatankuasa Penajaan Jamin & Pelaburan (“UIC”) berdasarkan had yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah. Jika perlu, BFRC boleh menggunakan hak veto terhadap kelulusan/keputusan FCA/UIC.

Eleven (11) BFRC meetings were held during the financial year ended 31 December 2014 as follows:

DATE OF MEETINGS	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
January 2014	100%
March 2014	100%
April 2014	100%
May 2014	100%
June 2014	100%
July 2014	100%
August 2014	100%
Early September 2014	100%
End September 2014	100%
October 2014	100%
December 2014	100%

Sebelas (11) mesyuarat BFRC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 seperti yang berikut:-

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2014	100%
Mac 2014	100%
April 2014	100%
Mei 2014	100%
Jun 2014	100%
Julai 2014	100%
Ogos 2014	100%
Awal September 2014	100%
Akhir September 2014	100%
Oktober 2014	100%
Disember 2014	100%

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

The primary duties and responsibilities of the BFRC are as follows:

- (a) To deliberate, review and if necessary exercise the right to veto FCA or UIC's approvals/decisions on all investment or financing/credit related proposals including the proposed terms and conditions or any variations thereof whilst ensuring that the Bank's interest is safeguarded; and
- (b) To exercise the authority of the Board to approve any investment or financing/credit related proposals for connected party.

2.4 Board Risk Committee ("Committee or BRC")

The BRC has four (4) members, comprising of one (1) independent non-executive Chairman, one (1) independent non-executive director and two (2) non-independent non-executive directors. The current composition of the BRC is in compliance with BNM/GP1-i.

The Committee is established to assist the Board in discharging its functions by having a focused forum that deliberates on risk management issues to ensure effective management of risks and enforcement of risk tolerance within Bank Islam. In addition, the Committee is responsible to review and assess the adequacy of the existing risk management framework in addressing the various risk factors in Bank Islam.

Tugas dan tanggungjawab utama BFRC adalah seperti yang berikut:

- (a) Membincangkan, menyemak dan jika perlu, menggunakan hak veto terhadap kelulusan/keputusan FCA atau UIC berhubung dengan semua cadangan berkaitan dengan pelaburan atau pembiayaan/kredit termasuk terma dan syarat yang dicadangkan atau apa-apa perubahannya, di samping memastikan kepentingan Bank terpelihara; dan
- (b) Melaksanakan kuasa Lembaga Pengarah untuk meluluskan apa-apa cadangan berhubung dengan pelaburan atau pembiayaan/kredit untuk pihak yang berkaitan.

2.4 Jawatankuasa Lembaga Pengarah Risiko ("Jawatankuasa atau BRC")

BRC mempunyai empat (4) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bebas bukan eksekutif, seorang (1) pengarah bebas bukan eksekutif dan dua (2) pengarah bukan bebas bukan eksekutif. Komposisi terkini Lembaga Pengarah ini mematuhi garis panduan BNM/GP1-i.

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasnya melalui suatu forum yang menumpukan kepada perbincangan isu pengurusan risiko bagi memastikan keberkesanan dalam pengurusan risiko dan penguatkuasaan toleransi risiko di Bank Islam. Selain itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menyemak dan menilai kecukupan rangka kerja pengurusan risiko yang sedia ada dalam menangani pelbagai faktor risiko di Bank Islam.

Seven (7) BRC meetings were held during the financial year ended 31 December 2014 as follows:

DATE OF MEETINGS	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
January 2014	100%
March 2014	100%
May 2014	100%
June 2014	100%
August 2014	100%
October 2014	100%
December 2014	100%

Tujuh (7) mesyuarat BRC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2014	100%
Mac 2014	100%
Mei 2014	100%
Jun 2014	100%
Ogos 2014	100%
Oktober 2014	100%
Disember 2014	100%

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

The primary duties and responsibilities of the BRC are as follows:

- (a) Review risk management strategies, risk management process and controls, risk management policies and risk tolerance and where necessary make recommendation to the Board;
- (b) Review and assess the adequacy of risk management policies and framework in identifying, measuring, monitoring and controlling risk and the extent to which these are operating effectively. This is in line with Principle 6, Recommendation 6.1 of MCCG 2012;
- (c) Review the implementation of capital management in line with the Capital Adequacy Framework for Islamic Banks issued by BNM and approve scenarios for stress testing on capital adequacy;
- (d) Oversee and control the implementation of Internal Capital Adequacy Assessment Process (“ICAAP”) which includes:
 - (i) Reviewing the capital plan;
 - (ii) Reviewing the summary of capital adequacy reports as part of the risk reports; and
 - (iii) Taking note of mandates of capital management committee, capital management standards and policies;
- (e) Determine the risk appetite/tolerance level of the Bank at enterprise and at strategic business unit levels including but not limited to sectoral limit and counterparty limits;

Tugas dan tanggungjawab utama BRC adalah seperti yang berikut:

- (a) Menyemak strategi pengurusan risiko, proses dan kawalan pengurusan risiko, dasar pengurusan risiko dan toleransi risiko dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah jika perlu;
- (b) Menyemak dan menilai kecukupan dasar dan rangka kerja pengurusan risiko untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko serta tahap keberkesanan dasar dan rangka kerja tersebut. Hal ini sejajar dengan Prinsip 6, Cadangan 1.6 MCCG 2012;
- (c) Menyemak pelaksanaan pengurusan modal sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank Islam yang dikeluarkan oleh BNM dan meluluskan senario untuk ujian tekanan berhubung dengan kecukupan modal;
- (d) Menyelia dan mengawal pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam (“ICAAP”) yang termasuk:
 - (i) Menyemak pelan modal;
 - (ii) Menyemak ringkasan laporan kecukupan modal sebagai sebahagian daripada laporan risiko; dan
 - (iii) Mencatatkan mandat jawatankuasa pengurusan modal, standard dan dasar pengurusan modal;
- (e) Menentukan tahap tanggungan/toleransi risiko Bank pada peringkat perusahaan dan unit perniagaan strategik termasuk tetapi tidak terhad kepada had sektor dan had pihak yang mengurus niaga dengan Bank;

- (f) Review the allocation of risk-adjusted capital and broad-based limits across the Bank covering market, credit and operational risk;
- (g) Review and if necessary recommend to the Board the Company's Business Continuity Management framework and policy for dealing with various extreme internal/external events and disasters;
- (h) Review the effectiveness of the reporting structure for the overall business activities and risk management functions and the implementation of the appropriate system to manage various types of risks undertaken by the Bank;
- (i) Review the risk management processes, systems and internal controls throughout the Bank;
- (j) Review regularly the Management's reports on risk exposure including Shariah compliance risk, risk portfolio composition and risk management activities including the adequacy of tools, systems and resources for the successful execution of risk functions within the Bank;
- (k) Review and approve risk methodologies for measuring and managing risks arising from the Bank's overall management of all risks covering market, credit and operational through identified tools in line with the Shariah Governance Framework ("SGF") by BNM;
- (l) Review and take note of the Shariah non-compliance event and approve rectification plan of such event prior to submission of the same to BNM within the stipulated timeframe;
- (m) Review and monitor the Compliance Division initiatives and activities on anti money laundering/counter financing of terrorism ("AML/CFT") and other regulatory requirements pursuant to the AML/CFT Guidelines issued by BNM;

- (f) Menyemak pengagihan modal terlaras risiko dan had dasar keseluruhan di Bank yang meliputi risiko pasaran, kredit dan operasi;
- (g) Menyemak dan jika perlu, mencadangkan rangka kerja dan dasar Pengurusan Kesenambungan Perniagaan Syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk menangani pelbagai peristiwa dan bencana dalaman/luaran yang ekstrem;
- (h) Menyemak keberkesanan struktur pelaporan bagi keseluruhan aktiviti perniagaan dan fungsi pengurusan risiko dan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk menguruskan pelbagai jenis risiko yang diambil oleh Bank;
- (i) Menyemak proses, sistem dan kawalan dalaman pengurusan risiko di seluruh Bank;
- (j) Sentiasa menyemak laporan pihak Pengurusan berhubung dengan pendedahan risiko termasuk risiko pematuhan Syariah, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko termasuk kecukupan kaedah, sistem dan sumber bagi memastikan kejayaan pelaksanaan fungsi risiko di Bank;
- (k) Menyemak dan meluluskan kaedah risiko bagi mengukur dan menguruskan risiko yang timbul daripada keseluruhan pengurusan Bank bagi semua risiko yang meliputi pasaran, kredit dan operasi melalui kaedah yang dikenal pasti sejajar dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah ("SGF") oleh BNM;
- (l) Menyemak dan memberikan perhatian kepada peristiwa ketidakpatuhan Syariah dan meluluskan langkah pembetulan untuk peristiwa tersebut sebelum mengemukakannya kepada BNM dalam jangka masa yang ditetapkan;
- (m) Menyemak dan memantau usaha dan aktiviti Bahagian Pematuhan terhadap pencegahan pengubahan wang haram/pencegahan pembiayaan keganasan ("AML/CFT") dan keperluan kawal selia yang lain menurut Garis Panduan AML/CFT yang dikeluarkan oleh BNM;

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- (n) Review, monitor and regularly report to the Board on the following:
 - (i) credit transactions with connected parties;
 - (ii) aggregate credit exposure to each connected party and their status; and
 - (iii) material concentration;
- (o) Approve the engagement of external and independent reviewers for the validation of risk measurement methodologies and outputs;
- (p) Review and recommend to the Board any business proposals on the following:
 - (i) New products and services;
 - (ii) Discretionary power or authority limits in relation to any product programmes proposals;
- (q) Review any business proposals particularly on:
 - (i) Product programmes and its performance;
 - (ii) Target market and risk acceptance criteria of any products or services; and
 - (iii) Product profitability assessment;

-
- (n) Menyemak, memantau dan sentiasa melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perkara berikut:
 - (i) urus niaga kredit dengan pihak yang berkaitan;
 - (ii) pendedahan kredit agregat kepada setiap pihak berkaitan dan statusnya; dan
 - (iii) penumpuan material;
 - (o) Meluluskan pelantikan penyemak luar dan bebas untuk mengesahkan kaedah dan output pengukuran risiko;
 - (p) Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah apa-apa cadangan perniagaan tentang perkara berikut:
 - (i) Produk dan perkhidmatan baharu;
 - (ii) Kuasa budi bicara atau had autoriti berkaitan apa-apa cadangan program produk;
 - (q) Menyemak apa-apa cadangan perniagaan terutamanya tentang:
 - (i) Program produk dan prestasinya;
 - (ii) Pasaran sasaran dan kriteria penerimaan risiko bagi mana-mana produk atau perkhidmatan; dan
 - (iii) Penilaian keuntungan produk;

- (r) Ensure that a comprehensive risk management structure is in place to manage the risk associated with the Mudharabah and Musharakah contracts, which include regular review on the performance of Mudharabah and Musharakah financing or investment, establishment of exit strategies including extension and redemption, and regular update to the Board on the exposures of Mudharabah and Musharakah financing or investment;
- (s) Pursuant to the Investment Account Policy issued by BNM, oversee the management, operation and performance of the investment account which includes:
 - Review and recommend strategies and policies including profit distribution policy, valuation policy and disclosure policy relating to investment account;
 - Review the effectiveness of the risk management policies, processes, infrastructure and the reporting of various types of risk associated with the assets funded by the investment account; and
 - Review and approve the competency and investment expertise of the personnel managing the investment account.”
- (t) Review and recommend to the Board proposals on single or jointly discretionary authority;
- (u) Review and recommend to the Board any outsourcing proposals for new non-core activities and approve appointments of new outsourcing service providers for activities approved by Board; and
- (v) Undertake such other duties and responsibilities as determined by the Board from time to time.

-
- (r) Memastikan struktur pengurusan risiko yang komprehensif telah diwujudkan untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan kontrak Mudharabah dan Musharakah, yang termasuklah semakan secara tetap tentang prestasi pembiayaan atau pelaburan Mudharabah dan Musharakah, pewujudan strategi keluar termasuk pelanjutan dan penebusan, dan pelaporan secara tetap kepada Lembaga Pengarah tentang pendedahan pembiayaan atau pelaburan Mudharabah dan Musharakah;
 - (s) Menurut Dasar Akaun Pelaburan yang dikeluarkan oleh BNM, menyelia pengurusan, operasi dan prestasi akaun pelaburan yang termasuk:
 - Menyemak dan mencadangkan strategi dan dasar termasuk dasar pengagihan untung, dasar penilaian dan dasar pendedahan yang berkaitan dengan akaun pelaburan;
 - Menyemak keberkesanan dasar pengurusan risiko, proses, infrastruktur dan pelaporan pelbagai jenis risiko yang berkaitan dengan aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan; dan
 - Menyemak dan meluluskan kecekapan dan kepakaran pelaburan kakitangan yang menguruskan akaun pelaburan.
 - (t) Menyemak dan mengesyorkan cadangan tentang kuasa budi bicara tunggal atau bersama kepada Lembaga Pengarah;
 - (u) Menyemak dan mengesyorkan apa-apa cadangan penggunaan khidmat luar yang baharu kepada Lembaga Pengarah bagi aktiviti bukan teras baharu dan meluluskan pelantikan penyedia perkhidmatan luar baharu untuk aktiviti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah; dan
 - (v) Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Two (2) designated members of the SSC attend BRC meetings as permanent invitees to facilitate and assist the Committee in dealing with issues related to Shariah.

2.5 Audit and Examination Committee (“Committee or AEC”)

The AEC has four (4) members, comprising of one (1) independent non-executive Chairman, two (1) independent non-executive directors and one (1) non-independent non-executive director. The Chairman is a member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants and a fellow of the Association of Chartered Certified Accountants (UK). With the said qualification and expertise, the Chairman is able to discharge her functions effectively whilst at the same time providing guidance and leadership to the Committee. The current composition of the AEC is in compliance with BNM/GP1-i.

The Committee is established to provide independent oversight of Bank Islam’s financial reporting and internal control system as well as ensuring check and balances within the Bank.

Dua ahli (2) yang ditetapkan dalam MPS akan menghadiri mesyuarat BRC sebagai jemputan tetap bagi memudahkan dan membantu Jawatankuasa dalam menangani isu yang berkaitan dengan Syariah.

2.5 Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (“Jawatankuasa atau AEC”)

AEC mempunyai empat (4) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi bebas bukan eksekutif, seorang (1) pengarah bebas bukan eksekutif dan seorang (1) pengarah bukan bebas bukan eksekutif. Pengerusinya ialah ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan juga felo Association of Chartered Certified Accountants (UK). Dengan kelayakan dan kepakaran tersebut, Pengerusi dapat melaksanakan peranannya dengan berkesan dan pada masa yang sama membimbing serta memimpin Jawatankuasa. Komposisi terkini AEC mematuhi garis panduan BNM/GP1-i.

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mewujudkan penyeliaan bebas ke atas laporan kewangan dan sistem kawalan dalaman Bank Islam serta memastikan sekatan danimbangan dalam Bank.

Seven (7) AEC meetings were held during the financial year ended 31 December 2014 as follows:

DATE OF MEETINGS	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
January 2014	100%
March 2014	100%
Mid May 2014	67%
End May 2014	100%
July 2014	100%
October 2014	100%
December 2014	100%

The primary duties and responsibilities of the AEC are as follows:

- (a) Ensure financial statements comply with applicable reporting standards and reflect a fair and transparent reporting and prompt publication of financial accounts in line with Principle 5, Recommendation 5.1 of MCCG 2012;

Tujuh (7) mesyuarat AEC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2014	100%
Mac 2014	100%
Pertengahan Mei 2014	67%
Akhir Mei 2014	100%
Julai 2014	100%
Oktober 2014	100%
Disember 2014	100%

Tugas dan tanggungjawab utama AEC adalah seperti yang berikut:

- (a) Memastikan penyata kewangan mematuhi standard laporan yang terpakai dan mencerminkan laporan yang saksama dan telus serta menerbitkan akaun kewangan tepat pada masanya sejajar dengan Prinsip 5, Cadangan 5.1 MCCG 2012;

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- (b) Establish an internal audit function which reports directly to the AEC;
- (c) Oversee that the internal audit function has an appropriate standing within the organization, have access to the AEC at all times, as well as to approve the appointment and remuneration of the internal auditors;
- (d) Oversee the effectiveness of the internal audit function and ensure compliance with BNM's Revised New Guidelines on Internal Audit Function of Licensed Institution requirements such as:
 - (i) Review the scope of audit plan, audit programme and processes;
 - (ii) Ensure adequate and technically competent resources for effective discharge of responsibilities;
 - (iii) Review the effectiveness of infrastructure for ensuring Shariah compliance;
 - (iv) Ensure appropriate actions have been taken by the Management on the recommendations made by the internal auditors;
 - (v) Appoint and evaluate the performance of, and decide on the transfer or dismissal of the Chief Internal Auditor; and
 - (vi) Determine the remuneration package of the Chief Internal Auditor and other internal auditors;
- (e) Ensure that all frauds and non-fraud related irregularities are deliberated at the AEC meeting;

-
- (b) Mewujudkan fungsi audit dalaman yang melapor terus kepada AEC;
 - (c) Membuat pengawasan bagi memastikan fungsi audit dalaman mempunyai kedudukan yang wajar dalam organisasi, mempunyai akses kepada AEC pada setiap masa, serta meluluskan pelantikan dan imbuhan juruaudit dalaman;
 - (d) Mengawasi keberkesanan fungsi audit dalaman dan memastikan pematuhan kepada keperluan Garis Panduan Baharu Semakan BNM berkaitan dengan Fungsi Audit Dalaman bagi Institusi Berlesen seperti:
 - (i) Menyemak skop pelan, program dan proses audit;
 - (ii) Menentukan sumber yang mencukupi dan cekap dari segi teknikal bagi memastikan tanggungjawab dilaksanakan dengan berkesan;
 - (iii) Menyemak keberkesanan infrastruktur bagi memastikan pematuhan Syariah;
 - (iv) Memastikan tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak Pengurusan berdasarkan cadangan yang dibuat oleh juruaudit dalaman;
 - (v) Melantik dan menilai prestasi dan membuat keputusan tentang pemindahan atau penamatan perkhidmatan Ketua Audit Dalaman; dan
 - (vi) Menetapkan pakej imbuhan bagi Ketua Audit Dalaman dan juruaudit dalaman lain;
 - (e) Memastikan semua perkara yang di luar aturan berkaitan dengan penipuan dan bukan penipuan dibincangkan dalam mesyuarat AEC;

- (f) Review the effectiveness of internal controls and risk management processes;
- (g) External Auditor
 - (i) Recommend to the Board the appointment of external auditor and audit fee payable including any decision on removal;
 - (ii) Review the external auditor's management letter and management's response on weaknesses of internal accounting procedures and controls;
 - (iii) Establish policies and procedures to assess the suitability and independence of external auditor in line with Principle 5, Recommendation 5.2 of MCCG 2012;
 - (iv) Approve provision of non-audit services by external auditor and ensure adequacy of proper checks and balances such that the provision of non-audit services does not interfere with the external auditor's exercise of independent judgment; and
 - (v) The Committee shall meet with the external auditor without the presence of management, at least once a year in line with BNM/GP1-i;
- (h) On the implementation of ICAAP:
 - (i) Taking note and monitoring internal audit reports on capital adequacy; and
 - (ii) Reviewing internal audit reports on capital management;

- (f) Menyemak keberkesanan kawalan dalaman dan proses pengurusan risiko;
- (g) Juruaudit Luar
 - (i) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan juruaudit luar dan fi audit yang perlu dibayar termasuk apa-apa keputusan untuk menamatkan perkhidmatan mereka;
 - (ii) Menyemak surat pengurusan juruaudit luar; dan maklum balas pihak Pengurusan terhadap kelemahan prosedur dan kawalan perakaunan dalaman;
 - (iii) Mewujudkan dasar dan prosedur untuk menilai kesesuaian dan kebebasan juruaudit luar sejajar dengan Prinsip 5, Cadangan 5.2 MCCG 2012;
 - (iv) Meluluskan peruntukan bagi perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luar dan menentukan sekatan dan imbalan yang wajar agar perkhidmatan bukan audit tersebut tidak mengganggu pertimbangan bebas mereka sebagai juruaudit luar; dan
 - (v) Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya setahun sekali sejajar dengan garis panduan BNM/GP1-i;
- (h) Berkenaan pelaksanaan ICAAP:
 - (i) Menyemak dan memantau laporan audit dalaman tentang kecukupan modal; dan
 - (ii) Menyemak laporan audit dalaman tentang pengurusan modal;

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- (i) The Management is responsible for reviewing all related party transactions to ensure that they have been established on an arm's length basis.
The Committee shall review any significant transactions that are not within the normal course of business and where potential conflict of interest may arise between related parties; and
- (j) External Experts
 - (i) Where the internal audit function lacks the expertise needed to perform the audit of specialised areas, external experts may be engaged. The Committee is responsible to ensure that the audit of specialised areas is adequate; and
 - (ii) The Committee shall ensure that the terms and scope of engagement, the working arrangement between External Experts and the internal auditors and the reporting requirements of the engagement are clearly established.

3.0 SHARIAH SUPERVISORY COUNCIL (“THE SSC”)

As an Islamic bank, a Shariah governance framework is put in place as a distinct feature in the organisational structure of the Bank, which includes establishment of the SSC in line with the requirement of Section 3 (5) (b) of the IFSA 2013 and the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (“SGF”) issued by BNM.

-
- (i) Pihak Pengurusan bertanggungjawab menyemak semua urusan niaga dengan pihak yang berkaitan bagi memastikan ia dijalankan secara tulus dan adil.
Jawatankuasa hendaklah menyemak apa-apa urusan niaga penting yang dijalankan tanpa mengikut peraturan perniagaan yang lazim dan jika terdapat kemungkinan wujud konflik kepentingan dengan pihak yang berkaitan; dan
 - (j) Pakar Luar
 - (i) Jika fungsi audit dalaman tidak memiliki kepakaran yang mencukupi untuk melaksanakan pengauditan bagi bidang khusus, maka pakar luar boleh dilantik. Jawatankuasa bertanggungjawab memastikan pengauditan bagi bidang khusus adalah mencukupi; dan
 - (ii) Jawatankuasa hendaklah memastikan syarat dan skop pelantikan, aturan kerja antara Pakar Luar dengan juruaudit dalaman dan keperluan pelaporan tentang penglibatan ditetapkan dengan jelas.

3.0 MAJLIS PENGAWASAN SYARIAH (“MPS”)


Sebagai sebuah bank Islam, satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank, yang merangkumi penubuhan MPS selari dengan keperluan Seksyen 3 (5)(b) IFSA 2013 dan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (“SGF”) yang dikeluarkan oleh BNM.

Functionally, the SSC reports to the Board and in ensuring Shariah compliance the Bank establishes four (4) internal Shariah compliance functions namely Research and Advisory, Shariah Risk Management, Shariah Review and Shariah Audit.

The diagram below describes the Shariah governance framework of the Bank:

Dari segi fungsinya, MPS melapor kepada Lembaga Pengarah Bank dan dalam memastikan pematuhan Syariah, Bank mewujudkan empat (4) fungsi pematuhan Syariah dalaman iaitu Penyelidikan dan Khidmat Nasihat, Pengurusan Risiko Syariah, Semakan Syariah serta Audit Syariah.

Gambar rajah berikut menunjukkan rangka kerja tadbir urus Syariah Bank:



STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

3.1 Composition of the SSC

As at 31 December 2014, the SSC consists of five (5) members with diverse backgrounds, experience and knowledge, including law and economics, so as to support the depth and breadth of the Shariah deliberations. The members are scholars who have the qualification, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence (usul al-fiqh) and Islamic commercial laws (fiqh al-mu'amalat).

3.2 Primary Duties and Responsibilities of the SSC

The terms of reference of the SSC specify that the primary duties and responsibilities of the SSC are principally based on the SGF, as follows:

- (a) Perform an oversight role on Shariah matters related to the Bank's business operations and activities including oversight requirements;
- (b) Advise the Board and Management on Shariah related matters for the Bank to comply with Shariah rules and principles at all time. The SSC members are responsible and accountable for all Shariah decisions, opinions and views provided by them;
- (c) Endorse Shariah related policies and guidelines;
- (d) Approve products and services to ensure compliance with Shariah rules and principles which include:
 - (i) validating the terms and conditions contained in the forms, contracts, agreements or legal documents used in executing the transactions;
 - (ii) validating the product manual, marketing advertisements, sales illustrations and brochures used to describe the product and services.

3.1 Komposisi MPS

Pada 31 Disember 2014, MPS terdiri daripada lima (5) ahli daripada pelbagai latar belakang, pengalaman dan pengetahuan, termasuk undang-undang dan ekonomi, bagi memastikan perbincangan Syariah yang mendalam dan luas. Ahli MPS terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam (usul al-fiqh) dan undang-undang perdagangan Islam (fiqh al-mua'malat).

3.2 Tugas dan Tanggungjawab Utama MPS

Bidang tugas MPS menyatakan bahawa tugas dan tanggungjawab utama MPS secara amnya adalah berdasarkan SGF, seperti yang berikut:

- (a) Melaksanakan tugas penyemakan ke atas perkara Syariah yang berkaitan operasi dan aktiviti perniagaan Bank termasuk keperluan penyemakan;
- (b) Menasihati Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan tentang perkara berkaitan Syariah agar Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah pada setiap masa. Ahli MPS bertanggungjawab ke atas semua keputusan, pendapat dan pandangan Syariah yang diberikan;
- (c) Meluluskan dasar dan garis panduan berkaitan Syariah;
- (d) Meluluskan produk dan perkhidmatan yang mematuhi peraturan dan prinsip Syariah, termasuklah:-
 - (i) mengesahkan terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumen undang-undang lain yang digunakan untuk melaksanakan urusan niaga; dan
 - (ii) mengesahkan manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan brosur yang digunakan untuk menerangkan produk dan perkhidmatan;

- (e) Assess work carried out by Shariah review and Shariah audit which forms part of the SSC duties in providing assessment of Shariah compliance and assurance information in the annual report of the Bank;
- (f) Advise related parties such as the Bank's parent company, subsidiaries, clients, legal counsels, auditors or consultants on Shariah matters upon request;
- (g) Recommend the Bank to consult the Shariah Advisory Council ("SAC") of BNM and Securities Commission on Shariah matters that cannot be resolved by the SSC;
- (h) Provide written Shariah opinions in circumstances where the Bank makes reference to the SAC for further deliberation, or where the Bank submits application to BNM for new product approval; and
- (i) Approve the computation, payment and distribution of Zakat of the Bank and its subsidiaries.

The SSC is also responsible to perform any specific duties and responsibilities outlined in any policy documents or standards issued by the relevant authority at all times.

3.3 SSC Meetings

SSC meetings are scheduled at the beginning of the year. At least six (6) meetings will be held annually with additional meetings convened as and when warranted, to facilitate important decisions that are required between the scheduled meetings.

-
- (e) Menilai kerja yang dijalankan mengikut semakan dan audit Syariah yang membentuk sebahagian daripada tugas MPS dalam menyediakan penilaian pematuhan Syariah dan maklumat jaminan dalam laporan tahunan Bank;
 - (f) Menasihati pihak berkaitan seperti syarikat induk, subsidiari, pelanggan, peguam, juruaudit dan perunding Bank tentang perkara berkaitan dengan Syariah apabila diminta;
 - (g) Mengesyorkan Bank supaya mendapatkan nasihat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia ("SAC") dan Suruhanjaya Sekuriti Bank tentang perkara yang berkaitan dengan Syariah yang tidak dapat diputuskan oleh MPS;
 - (h) Menyediakan pendapat Syariah secara bertulis apabila Bank merujuk kepada SAC untuk nasihat lanjut, atau apabila Bank menyerahkan apa-apa permohonan kepada BNM untuk mendapatkan kelulusan produk baharu; dan
 - (i) Meluluskan pengiraan, pembayaran dan pengagihan zakat oleh Bank dan subsidiarinya.

3.3 Mesyuarat MPS

Mesyuarat MPS dijadualkan pada awal tahun, dan sekurang-kurangnya enam (6) mesyuarat diadakan setiap tahun dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila perlu mengikut keadaan bagi memudahkan keputusan penting yang perlu dibuat dalam tempoh antara mesyuarat yang telah dijadualkan tersebut.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Eleven (11) SSC meetings were held during the financial year ended 31 December 2014, as follows:

DATE OF MEETINGS	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
January 2014	100%
February 2014	100%
April 2014	80%
May 2014	100%
June 2014	100%
July 2014	80%
Mid September 2014	100%
End September 2014	80%
October 2014	80%
November 2014	100%
December 2014	100%

Sebelas (11) mesyuarat MPS telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, seperti yang berikut:-

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2014	100%
Februari 2014	100%
April 2014	80%
Mei 2014	100%
Jun 2014	100%
Julai 2014	80%
Pertengahan September 2014	100%
Akhir September 2014	80%
Oktober 2014	80%
November 2014	100%
Disember 2014	100%

3.4 Code of Conduct of SSC Members

In performing its duties, the SSC member is expected to possess good character, competence, diligence and capable of making sound judgment. The salient requirements of the Code of Conduct include the following:

- (a) The SSC member must at all times maintains good character, i.e., demonstrate honesty, integrity, fairness and reputation at all times when dealing with the Bank as well as personal relationship with the public;
- (b) The SSC member must sustain independence and professionalism while carrying out his/her duties. A member must always have complete moral, intellectual and professional independence. In carrying out his/her obligations, the SSC member is required to:
 - (i) Uphold fairness and equity for all the stakeholders;
 - (ii) Act in a manner that preserves his/her honesty and integrity;
 - (iii) Exercise appropriate discretion in decision-making by taking into consideration not only the technical aspects of Shariah compliance; and
 - (iv) Appreciate the diversity of opinions among various mazhabs and differences in expertise among the members of the SSC;
- (c) The SSC member has the duty to observe confidentiality of information with which the SSC member is entrusted by the Bank or which is brought to his/her attention during or at any time after carrying out an assignment. "Confidential information" refers to information received by the members of the SSC in the course of their duties that is not made public and is not authorised to be made public; and

3.4 Tatakelakuan Ahli MPS

Dalam menjalankan tugas mereka, ahli MPS diharapkan dapat menunjukkan ciri sahsiah yang baik serta kecekapan, ketekunan dan keupayaan membuat keputusan yang bijak. Syarat penting dalam Tatakelakuan termasuklah yang berikut:

- (a) Ahli MPS hendaklah pada setiap masa mengekalkan ciri sahsiah yang baik, iaitu mereka hendaklah menunjukkan kejujuran, integriti, keadilan dan reputasi yang baik pada setiap masa semasa berurusan dengan Bank, termasuklah mempunyai hubungan yang baik dengan orang awam;
- (b) Ahli MPS hendaklah mengekalkan kebebasan dan profesionalisme semasa menjalankan tugas. Mereka hendaklah sentiasa mempunyai kebebasan moral, intelektual dan profesional yang sepenuhnya. Dalam menjalankan obligasi mereka, ahli MPS hendaklah:
 - (i) menegakkan keadilan dan kesaksamaan untuk semua pihak berkepentingan;
 - (ii) bertindak dalam cara yang mengekalkan kejujuran dan integriti mereka;
 - (iii) menggunakan budi bicara yang sewajarnya semasa membuat keputusan dengan mengambil kira bukan sahaja aspek teknikal pematuhan Syariah; dan
 - (iv) menghormati kepelbagaian pendapat antara mazhab dan perbezaan kepakaran dalam kalangan ahli MPS;
- (c) Ahli MPS berkewajipan untuk mematuhi kerahsiaan semua maklumat yang diamanahkan oleh Bank kepada mereka atau yang dibawa kepada perhatian mereka semasa atau pada bila-bila masa selepas menjalankan tugas. "Maklumat sulit" di sini merujuk maklumat yang diterima oleh ahli MPS semasa menjalankan tugas mereka yang bukan maklumat untuk orang awam dan tidak dibenarkan untuk didedahkan kepada orang awam; dan

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- (d) The interpretation of the Shariah rules and principles based on the discipline of fiqh al-mu'amalat is a matter of the professional judgment of the SSC members. A member must ensure consistency, to demonstrate and reflect the level of competency and independence as well as professional ethics.

In order to ensure the quality and consistency of the decisions, the SSC has developed and adopted the SSC Decision Making Charter that is incorporated in the Terms of Reference of the SSC. This charter describes the methodology and the means for the SSC members to make decision on a given issue including the application of usul fiqh discipline and reference to Shariah standards, fatwa and resolutions of Shariah authority councils and fiqh academies. The charter also provides the process of the SSC and the Bank in dealing with decisions that have been proven to be a mistake and reviews of previous decisions.

3.5 Responsibilities of the Bank Towards Shariah Compliance

It is crucial that the Bank works hand-in-hand with the SSC to ensure that all business activities, products, services and operations of the Bank are in compliance with Shariah rules and principles. Therefore, it is the responsibility of the Bank to perform the following:

- (a) To refer all Shariah issues in its business operations to the SSC for decision;
- (b) To adopt and take necessary measures for implementation of the SSC's decisions;
- (c) To provide sufficient resources to the SSC including budget allocation, independent expert consultation, reference materials and training;
- (d) To ensure that the SSC is familiar with the operations and business of the Bank;

- (d) Tafsiran peraturan dan prinsip Syariah berdasarkan bidang fiqh al-mu'amalat adalah berkenaan dengan keputusan profesional ahli MPS. Seseorang ahli itu hendaklah memastikan keselarasan bagi menunjukkan dan mencerminkan tahap kecekapan dan kebebasan serta etika profesional.

Bagi memastikan kualiti dan keselarasan keputusan yang dibuat, MPS telah mewujudkan dan menggunakan Piagam Membuat Keputusan MPS yang terkandung dalam Bidang Tugas MPS. Piagam ini menerangkan kaedah dan cara ahli MPS membuat keputusan berkenaan isu tertentu termasuk penggunaan prinsip usul fiqh dan rujukan kepada standard Syariah, fatwa dan ketetapan majlis pihak berkuasa Syariah serta akademi fiqh. Piagam tersebut juga mengandungi proses MPS dan Bank dalam menangani keputusan yang terbukti khilaf dan penyemakan semula keputusan terdahulu.

3.5 Tanggungjawab Bank terhadap Pematuhan Syariah

Kerjasama antara Bank dengan MPS adalah penting bagi memastikan semua aktiviti perniagaan, produk, perkhidmatan dan operasi Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah. Oleh yang demikian, Bank bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara berikut:

- (a) Merujuk MPS untuk mendapatkan keputusan berkaitan semua isu Syariah dalam operasi perniagaannya;
- (b) Mengguna pakai dan mengambil langkah yang perlu untuk melaksanakan keputusan MPS;
- (c) Menyediakan sumber yang mencukupi untuk MPS termasuklah peruntukan belanjawan, khidmat runding pakar bebas, bahan rujukan dan latihan;
- (d) Memastikan MPS memahami operasi dan perniagaan Bank;

- (e) To provide the SSC access to all relevant records, transactions, manuals and relevant information, as required by its members in performing their duties; and
- (f) To recommend the appropriate remuneration to the SSC members which commensurate with and reflect the duties and responsibilities of the SSC.

It is the Bank's responsibility to perform the following with regards to Shariah Compliance:

- (a) To comply with SSC decisions and establish Shariah requirements in its entire products, services, legal documentations and activities;
- (b) The Bank shall not change its allegiance and obedience to the SSC decisions to suit its convenience. Such a practice can impair the independence of the SSC and have a damaging impact on the integrity and credibility of the Bank, in particular, and the Islamic banking industry as a whole; and
- (c) While the SSC is responsible for forming and expressing decisions on the Bank's compliance with Shariah, the ultimate responsibility for compliance rests with the Management of the Bank.

3.6 Appointment and Re-Appointment of SSC Members

The Board, on the recommendation of the NAC, may decide on the appointment and re-appointment of the SSC members. The appointment or re-appointment of the SSC members is subject to BNM's written approval. The SSC members shall be persons of recognised reputation, character and integrity.

- (e) Membenarkan MPS mengakses semua rekod, urusan niaga, manual dan maklumat yang berkaitan seperti yang diperlukan oleh ahlinya untuk menjalankan tugas mereka; dan
- (f) Menyarankan imbuhan yang sewajarnya kepada ahli MPS setara dengan dan mencerminkan tugas dan tanggungjawab MPS.

Bank bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara berikut berhubung dengan Pematuhan Syariah:

- (a) Mematuhi semua keputusan MPS dan menetapkan keperluan Syariah bagi semua produk, perkhidmatan, dokumentasi perundangan dan aktiviti;
- (b) Bank hendaklah akur dan patuh kepada keputusan MPS dan tidak mempermudah pelaksanaan keputusan. Amalan mempermudah pelaksanaan keputusan boleh menjejaskan kebebasan ahli MPS dan merosakkan integriti dan kredibiliti Bank khususnya, serta industri perbankan Islam secara amnya; dan
- (c) Meskipun MPS bertanggungjawab membuat dan menyuarakan keputusan tentang tahap pematuhan Syariah Bank, namun tanggungjawab pematuhan terletak pada pihak Pengurusan Bank.

3.6 Pelantikan dan Pelantikan Semula ke dalam MPS

Lembaga Pengarah boleh memutuskan pelantikan dan pelantikan semula ahli MPS berdasarkan cadangan yang dibuat oleh NAC. Pelantikan dan pelantikan semula ahli MPS tertakluk pada kelulusan bertulis BNM. Ahli MPS hendaklah merupakan individu yang mempunyai reputasi, sahsiah dan integriti yang tinggi.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

3.7 SSC Performance

The SSC members are subject to an annual performance evaluation on whether they deliver and support a sound Shariah governance system within the Bank. The terms of appointment of the SSC members provides that this evaluation shall be completed 90 days prior to the expiry of their tenure. The evaluation includes a peer evaluation and evaluation by internal resources.

4.0 RISK MANAGEMENT

The Bank’s mission with respect to risk management is to ensure that the Bank can continue to operate as a going concern, even in adverse circumstances by allowing the Bank to capture relevant business opportunities with a set Risk Appetite Framework.

In that regard, the objectives of managing risk are to advance its risk management capabilities, culture and practices to be in line with internationally accepted standards and practices. Specific objectives are:

- (i) Inculcate a risk-awareness culture throughout the Bank;
- (ii) Establish a standard approach and methodology in managing credit, market, liquidity, operational and business risks across the Bank;
- (iii) Balance risk appetite and return;

3.7 Prestasi Ahli MPS

Ahli MPS adalah tertakluk pada penilaian prestasi tahunan, iaitu sama ada mereka melaksanakan dan menyokong sistem tadbir urus Syariah yang utuh di Bank. Syarat pelantikan ahli MPS memperuntukkan bahawa penilaian ini hendaklah disempurnakan 90 hari sebelum tamat tempoh perkhidmatan seseorang ahli. Penilaian tersebut termasuklah penilaian oleh rakan sekerja dan penilaian oleh sumber dalaman.

4.0 PENGURUSAN RISIKO

Misi Bank berhubung pengurusan risiko adalah untuk memastikan Bank dapat menjalankan operasi perniagaan yang berterusan walaupun dalam keadaan yang sukar, dengan membolehkan Bank merebut peluang perniagaan yang berkaitan menggunakan Rangka Kerja Tanggungan Risiko yang ditetapkan.

Sehubungan itu, objektif pengurusan risiko adalah untuk memajukan keupayaan, budaya dan amalan pengurusan risikonya agar sejajar dengan standard dan amalan yang diterima pada peringkat antarabangsa. Objektif khusus ialah:

- (i) Memupuk budaya kesedaran risiko di seluruh Bank;
- (ii) Mewujudkan pendekatan dan kaedah standard dalam risiko pengurusan kredit, pasaran, kecairan, operasi dan perniagaan di seluruh Bank;
- (iii) Mengimbangi tanggungan risiko dan pulangan;

- (iv) Establish clear functional structures including objectives, roles and responsibilities;
- (v) Develop and use tools, such as economic capital, value at risk, and application scoring models to support the measurement of risks and enhance risk-based decisions;
- (vi) Ensure that business strategy and targets are in line with risk policies and overall risk appetite; and
- (vii) Ensure that the Bank's capital can support current and planned business needs in terms of risk exposures, even during periods of stress, by deploying a variety of stress test scenarios.

The Bank recognises the fact that the essence of banking and financial services is centered on risk taking. The Bank therefore:

- (i) Recognises that it has to manage risks to effectively do its business;
- (ii) Endeavors to reach an optimum level of risk-return in order to maximise stakeholder's value; and
- (iii) Ensures effective and integrated risk management processes that are in tandem with the size and complexity of the current and future operations of the Bank within its risk appetite and tolerance.

The Bank has established a Risk Appetite Framework that forms an integral part of the Bank's strategy and business plans. Risk appetite is an expression of the maximum level of risk that the Bank is prepared to accept in support of a stated strategy, impacting all business from a credit, market and operational risk viewpoint.

- (iv) Menetapkan struktur yang berfungsi secara jelas termasuk objektif, peranan dan tanggungjawab;
- (v) Membangunkan dan menggunakan kaedah seperti modal ekonomi, nilai berisiko, model markah permohonan bagi menyokong pengukuran risiko dan menambah baik keputusan berdasarkan risiko;
- (vi) Memastikan strategi dan sasaran perniagaan sejajar dengan dasar risiko dan keseluruhan tanggungan risiko; dan
- (vii) Memastikan modal Bank mampu menyokong keperluan perniagaan semasa dan yang dirancang dari segi pendedahan risiko, walaupun semasa tempoh tekanan dengan mengatur pelbagai senario ujian tekanan.

Bank mengiktiraf bahawa inti pati perkhidmatan perbankan dan kewangan bertumpu kepada pengambilan risiko. Oleh itu, Bank:

- (i) Mengiktiraf bahawa Bank perlu menguruskan risiko bagi menjalankan perniagaannya dengan berkesan;
- (ii) Berusaha mencapai tahap pulangan risiko yang optimum bagi memaksimumkan nilai pihak berkepentingan; dan
- (iii) Memastikan proses pengurusan risiko yang berkesan dan disepadukan seiring dengan saiz dan kerumitan operasi semasa dan masa depan Bank di bawah tanggungan dan toleransi risikonya.

Bank telah mewujudkan Rangka Kerja Tanggungan Risiko yang membentuk sebahagian penting pelan strategi dan perniagaan Bank. Tanggungan risiko ialah ungkapan bagi tahap risiko maksimum yang boleh diterima oleh Bank sebagai sokongan kepada strategi yang dinyatakan, dan memberi kesan kepada semua perniagaan dari aspek risiko kredit, pasaran dan operasi.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

4.1 Risk Culture

Risk culture is the most important determinant of risk management effectiveness. Culture, as defined by the Institute of International Finance, is “the norms and traditions of individuals and of groups within an organisation that determine the way in which they identify, understand, discuss and act upon the risks the organisation confronts and the risk it takes.”

As it is impossible for the Management to know everything it needs to know, the establishment of effective formal and informal channels for information sharing is essential. Hence, the Bank is continuously striving to deliberately create an environment that encourages frank and open dialogues about risks at every level of the organisation. In particular, the Bank encourages its employees to question, challenge and/or escalate any issue that needs Management’s attention and if the issue is deemed too sensitive for whatever reason, the Bank’s effective whistle blowing procedures provide an additional route for escalating concerns.

A strong risk culture can only be nurtured through appropriate leadership, communication, processes and infrastructure. As such, the culture at Bank Islam is driven by the top through committed leadership by setting the right tone and ensuring that appropriate behaviour is rewarded. The appropriate infrastructure of processes and controls as well as strong enforcement methods further ensure that the risk culture is increasingly inculcated into the Bank’s DNA.

4.1 Budaya Risiko

Budaya risiko merupakan penentu terpenting bagi keberkesanan pengurusan risiko. Seperti yang ditakrifkan oleh Institut Kewangan Antarabangsa, budaya ialah “norma dan tradisi setiap individu dan kumpulan dalam sesebuah organisasi yang menentukan cara mereka mengenal pasti, memahami, membincangkan dan mengambil tindakan ke atas risiko yang dihadapi oleh organisasi tersebut serta risiko yang diambilnya.”

Memandangkan pihak pengurusan tidak mungkin mengetahui semua perkara yang perlu diketahui, pembentukan saluran perkongsian maklumat rasmi dan tidak rasmi yang berkesan adalah penting. Justeru itu, Bank terus berusaha membina suatu persekitaran yang menggalakkan dialog secara telus dan terbuka tentang risiko pada setiap peringkat organisasi. Secara khususnya, Bank menggalakkan kakitangannya untuk mempersoalkan, mencabar dan/atau membangkitkan apa-apa isu yang memerlukan perhatian daripada pihak pengurusan kanan. Jika isu tersebut dianggap terlalu sensitif bagi apa jua sebab, prosedur pemberian maklumat Bank yang berkesan menyediakan satu saluran tambahan untuk menyuarakan isu tersebut.

Budaya risiko yang mantap hanya boleh dipupuk melalui kepimpinan, komunikasi, proses dan infrastruktur yang sewajarnya. Oleh itu, budaya di Bank Islam didorong oleh pihak atasan menerusi kepimpinan padu dengan menentukan rentak yang betul serta memastikan bahawa tingkah laku yang wajar diberikan ganjaran. Infrastruktur yang sewajarnya bagi proses dan kawalan serta kaedah penguatkuasaan yang kukuh memastikan bahawa budaya risiko terus diterapkan sehingga ke akar umbi Bank.

Specific initiatives undertaken to reinforce a risk aware culture include amongst others:

- Educational programmes, starting from the Bank's induction course for all new staff to regular training conducted by Risk Management, Legal, Compliance and Internal Audit staff;
- Financing origination to specific target customers/groups only and by applying strict risk based underwriting standards; and
- Implementation of risk based KPIs and remuneration systems.

4.2 Risk Management Governance Structure

The Bank has realigned its risk organisational responsibilities with the objective of ensuring a common view of risks across the Bank. As a matter of good business practice and prudence, the Bank's core risk management functions, which report to the BRC, are independent and clearly segregated from the business divisions and centralised at head office.

Antara inisiatif khusus yang dilaksanakan bagi menerapkan budaya kesedaran risiko adalah:

- Program pendidikan, bermula daripada kursus induksi bagi semua kakitangan baharu dan latihan berkala yang dijalankan oleh kakitangan pengurusan risiko, perundangan, pematuhan dan audit dalaman;
- Pembiayaan disasarkan kepada pelanggan/kumpulan tertentu sahaja dan mengguna pakai standard penajaan jamin berasaskan risiko yang ketat; dan
- Pelaksanaan sistem Penunjuk Prestasi Utama berasaskan risiko dan sistem imbuhan.


4.2 Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko

Bank telah menjajarkan semula tanggungjawab organisasinya yang berkaitan risiko dengan matlamat memastikan terdapat pandangan yang sepunya terhadap risiko di seluruh Bank. Sebagai amalan perniagaan yang baik dan cermat, fungsi pengurusan risiko utama Bank yang melapor kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah Risiko ("BRC") adalah bebas dan diasingkan dengan jelas daripada bahagian perniagaan dan berpusat di ibu pejabat.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
Pernyataan Tadbir Urus Korporat

The following illustrates the Bank's governance structure:

Ilustrasi berikut menggambarkan struktur tadbir urus Bank:



* Capital Management Committee is part of Management Committee
* Jawatankuasa Pengurusan Modal adalah sebahagian daripada Jawatankuasa Pengurusan

The ultimate responsibility for understanding all risks taken by the Bank and ensuring that they are properly managed lies with the Board. The Board approves all risk policies and the Bank's overall risk appetite. Assisting the Board in discharging its role is the BRC which is responsible for the effective oversight of the Bank's risk management function. BRC is chaired by an independent non-executive director.

At Management level, the Bank has established the Management Risk Control Committee ("MRCC") chaired by the Chief Strategy Officer and Head of the Managing Director's Office, which focuses on the execution and implementation of directives by the Board and the BRC and the effective management of the risk issues. The MRCC is further assisted by two (2) sub-committees as follows:

- (a) Operational Risk Control Committee ("ORCC"), which focuses on the deliberation of key operational risk issues; and
- (b) Recovery Management Committee ("RMC"), focusing on financings turned impaired and the appropriate recovery strategies.

The Bank has instituted several financing approval committees, Financing Committee A ("FCA"), Financing Committee B ("FCB"), Regional Financing Committee ("RFC") and Underwriting and Investment Committee ("UIC"), which assess and approve credits or investment proposals within their respective approval authority. Financings or investments that are above the specified limit are reviewed by the BFRC.

4.3 Credit Risk

Credit risk arises from all transactions that could lead to actual, contingent or potential claims against any party, borrower or obligor. The types of credit risks that the Bank considers to be material include: Default Risk, Settlement Risk, Credit Concentration Risk, Residual/Credit Mitigation Risk, and Migration Risk.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab mutlak untuk memahami kesemua risiko yang diambil oleh Bank dan memastikan risiko berkenaan diuruskan dengan betul. Lembaga Pengarah meluluskan semua dasar risiko dan keseluruhan penanggungan risiko Bank. BRC membantu Lembaga Pengarah melaksanakan peranannya dan bertanggungjawab membuat pemantauan yang berkesan terhadap fungsi pengurusan risiko Bank. BRC dipengerusikan oleh pengarah bebas bukan eksekutif.

Pada peringkat pengurusan, Bank telah menubuhkan Jawatankuasa Kawalan Risiko Pengurusan ("MRCC") yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Strategi dan Ketua Pejabat Pengarah Urusan yang memberikan tumpuan kepada pelaksanaan arahan oleh Lembaga Pengarah dan BRC serta pengurusan isu risiko yang berkesan. MRCC dibantu oleh dua (2) jawatankuasa kecil seperti yang berikut:

- (a) Jawatankuasa Kawalan Risiko Operasi ("ORCC"), memberikan tumpuan kepada pertimbangan isu utama risiko operasi; dan
- (b) Jawatankuasa Pengurusan Pemulihan ("RMC"), memberikan tumpuan kepada pembiayaan yang bertukar menjadi Terjejas dan strategi pemulihan yang sesuai.

Bank telah menubuhkan beberapa jawatankuasa pelulusan pembiayaan, Jawatankuasa Pembiayaan A ("FCA"), Jawatankuasa Pembiayaan B ("FCB"), Jawatankuasa Pembiayaan Wilayah ("RFC") dan Jawatankuasa Penajaan Jamin & Pelaburan ("UIC") yang menilai dan meluluskan cadangan kredit atau pelaburan dalam lingkungan had kuasa kelulusan mereka. Pembiayaan atau pelaburan yang melebihi had yang ditetapkan harus disemak oleh BFRC.

4.3 Risiko Kredit

Risiko kredit berpunca daripada semua urusan niaga yang boleh membawa kepada tuntutan sebenar, luar jangka atau berpotensi terhadap mana-mana pihak, peminjam atau penanggung obligasi. Jenis risiko kredit yang dianggap penting oleh Bank termasuk: Risiko Mungkir, Risiko Penyelesaian, Risiko Penumpuan Kredit, Risiko Pengurangan Baki/Kredit dan Risiko Migrasi.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Credit Risk Governance

The management of credit risk is principally carried out by using sets of policies and guidelines approved by the BRC and guided by the Risk Appetite Statement approved by the Board.

The MRCC is responsible under the authority delegated by the BRC for managing credit risk at strategic level. The MRCC reviews the Bank’s credit risk frameworks and guidelines, aligns credit risk management with business strategies and planning, reviews credit profile of the credit portfolios and recommends necessary actions to ensure that the credit risk remains within established risk tolerance levels.

The Bank’s credit risk management governance includes the establishment of comprehensive credit risk policies, guidelines and procedures which documents the Bank’s financing standards, discretionary powers for financing approval, credit risk ratings methodologies and models, acceptable collaterals and valuation, and the review, rehabilitation and restructuring of problematic and delinquent financings.

Management of Credit Risk

The management of credit risk is being performed by two (2) distinct departments within the Risk Management Division (“RMD”), i.e. Credit Analysis and Credit Risk Management and three (3) departments outside of the RMD domain, namely, Credit Administration, Credit Recovery and Credit Monitoring Unit of Internal Audit. The combined objectives include amongst others:

- To build a high quality credit portfolio in line with the Bank’s overall strategy and risk appetite;

Tadbir Urus Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit pada dasarnya dilaksanakan menggunakan set dasar dan garis panduan yang diluluskan oleh BRC dan berpandukan Penyata Tanggungan Risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

MRCC bertanggungjawab di bawah bidang kuasa yang diberikan oleh BRC untuk menguruskan risiko kredit pada peringkat strategik. MRCC menyemak rangka kerja dan garis panduan risiko kredit Bank, menjajarkan pengurusan risiko kredit dengan strategi dan pelan perniagaan, menyemak profil kredit bagi portfolio kredit serta mencadangkan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan risiko kredit kekal pada tahap toleransi risiko yang ditetapkan.

Tadbir urus pengurusan risiko kredit Bank termasuk pewujudan dasar, garis panduan dan prosedur risiko kredit yang menyeluruh dan mendokumenkan standard pembiayaan, hak budi bicara untuk meluluskan pembiayaan, kaedah dan model penarafan risiko kredit, cagaran dan penilaian yang dapat diterima, serta semakan, pemulihan dan penstrukturan semula pembiayaan yang bermasalah dan perlu dibayar bagi Bank.

Pengurusan Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan oleh dua (2) jabatan berlainan dalam Bahagian Pengurusan Risiko (“RMD”), iaitu Analisis Kredit dan Pengurusan Risiko Kredit serta tiga (3) jabatan di luar domain RMD iaitu Pentadbiran Kredit, Pemulihan Kredit dan Unit Pemantauan Kredit Audit Dalam. Gabungan objektifnya, antara lain termasuklah:

- Mewujudkan portfolio kredit yang berkualiti tinggi selaras dengan keseluruhan strategi dan tanggungan risiko Bank;

- To ensure that the Bank is compensated for the risk taken; balancing/optimising the risk /return relationship;
- To develop an increasing ability to recognise, measure and avoid or mitigate potential credit risk problem areas; and
- To conform with statutory, regulatory and internal credit requirements.

The Bank monitors its credit exposures either on a portfolio basis or individual basis through annual reviews. Credit risk is proactively monitored through a set of early warning signals that could trigger immediate reviews of (a certain part of) the portfolio. The affected portfolio or financing is placed on a watch list to enforce close monitoring and prevent financing from turning impaired and to increase chances of full recovery.

A comprehensive limit structure is in place to ensure that risks taken are within the risk appetite as set by the Board and to avoid credit risk contagion to a single customer, sector, product, Shariah contract, etc.

Credit risk arising from dealing and investment activities are managed by the establishment of limits which includes counter parties limits and permissible acquisition of private entities' instruments, subject to a specified minimum rating threshold. Furthermore, the dealing and investment activities are monitored by an independent middle office unit.

Capital Treatment for Credit Risk

The Bank adopts the Standardised Approach to compute the credit risk capital requirement under BNM's Capital Adequacy Framework for Islamic Banks ("CAFIB").

- Memastikan Bank diberi pampasan bagi risiko yang diambil, pengimbangan/pengoptimuman hubungan risiko/pulangan;
- Membangunkan keupayaan yang semakin meningkat untuk mengenal pasti, mengukur dan mengelakkan atau mengurangkan bidang masalah risiko kredit yang mungkin; dan
- Mematuhi keperluan undang-undang, kawal selia dan kredit dalaman.

Bank memantau pendedahan kreditnya sama ada berdasarkan portfolio atau berdasarkan individu melalui semakan tahunan. Risiko kredit dipantau secara proaktif melalui beberapa amaran awal yang mendorong semakan segera (bagi bahagian tertentu) portfolio. Portfolio atau pembiayaan yang terjejas diletakkan di bawah senarai pengawasan bagi pemantauan rapi dan mencegah pembiayaan tersebut daripada terjejas atau untuk meningkatkan peluang pemulihan semula sepenuhnya.

Struktur had yang komprehensif telah diwujudkan bagi memastikan risiko yang diambil adalah dalam had tanggungan risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan bagi membendung penumpuan risiko kredit kepada hanya satu pengguna, sektor, produk, kontrak Syariah dan sebagainya.

Risiko kredit yang timbul akibat aktiviti urus niaga dan pelaburan diuruskan melalui penetapan had yang termasuk had pihak yang mengurus niaga dengan Bank dan pemerolehan instrumen entiti swasta yang dibenarkan, tertakluk pada ambang penarafan minimum yang dikhususkan. Tambahan lagi, aktiviti urus niaga dan pelaburan dipantau oleh unit pejabat tengah (middle office) bebas.

Pengolahan Modal bagi Risiko Kredit

Bank mengguna pakai Pendekatan Berpiawai untuk mengira keperluan modal risiko kredit sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM bagi Bank-bank Islam ("CAFIB").

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

4.4 Market Risk

All the Bank's businesses are subject to the risk that market prices and rates will move, resulting in profit or losses to the Bank. Furthermore, significant or sudden movements in rates could affect the Bank's liquidity/funding position. The Bank is exposed to the following main market/liquidity risk factors:

- **Rate of Return or Profit Rate Risk** – the potential impact on the Bank's profitability caused by changes in the market rate of return, either due to general market movements or due to issuer/borrower specific causes;
- **Foreign Exchange Risk** – the impact of exchange rate movements on the Bank's foreign currency positions;
- **Equity Investment Risk** – the profitability impact on the Bank's equity positions or investments caused by changes in equity prices or values;
- **Commodity Inventory Risk** – the risk of loss due to movements in commodity prices;
- **Liquidity Risk** – the potential inability of the Bank to meet its funding requirements at a reasonable cost (funding liquidity risk) or its inability to liquidate positions quickly at a reasonable price (market liquidity risk); and
- **Displaced Commercial Risk** – the risk arising from assets managed by the Bank on behalf of depositors/investors as the Bank follows the practice of potentially foregoing part or all of its Mudarib share of profit on these assets.

The objective of the Bank's market risk management is to manage and control market risk exposures in order to optimise return on risk while maintaining a market risk profile consistent with the Bank's approved risk appetite.

4.4 Risiko Pasaran

Kesemua perniagaan Bank tertakluk pada risiko pergerakan harga dan kadar pasaran yang menyebabkan keuntungan atau kerugian kepada Bank. Lebih-lebih lagi, perubahan kadar yang ketara atau secara tiba-tiba boleh menjejaskan kedudukan kecairan/dana Bank. Bank terdedah kepada faktor risiko pasaran/kecairan utama seperti yang berikut:

- **Kadar Pulangan atau Risiko Kadar Keuntungan** – perubahan kadar pulangan pasaran, sama ada disebabkan pergerakan am pasaran atau atas sebab khusus pengeluar/peminjam berpotensi memberi kesan ke atas keuntungan Bank;
- **Risiko Pertukaran Mata Wang Asing** – kesan pergerakan kadar tukaran ke atas kedudukan mata wang asing Bank;
- **Risiko Pelaburan Ekuiti** – kesan keuntungan ke atas kedudukan ekuiti atau pelaburan Bank yang disebabkan oleh perubahan harga atau nilai ekuiti;
- **Risiko Inventori Komoditi** – risiko kerugian yang disebabkan pergerakan harga komoditi;
- **Risiko Kecairan** – potensi ketidakupayaan Bank untuk memenuhi keperluan pembiayaannya pada kos yang munasabah (risiko kecairan pembiayaan) atau ketidakupayaan membubarkan kedudukannya dengan segera pada harga yang munasabah (risiko kecairan pasaran); dan
- **Risiko Komersil Teranjak** – risiko yang timbul daripada aset yang diuruskan oleh Bank bagi pihak pendeposit/pelabur kerana Bank mematuhi amalan kemungkinan mengetepikan sebahagian atau semua bahagian keuntungan Mudarib ke atas aset tersebut.

Objektif pengurusan risiko pasaran Bank adalah untuk menguruskan dan mengawal pendedahan risiko pasaran bagi mengoptimumkan pulangan risiko sementara mengekalkan profil risiko pasaran yang konsisten dengan tanggungan risiko Bank yang diluluskan.

The Bank separates exposures to market risk into either trading or non-trading portfolios. Trading portfolios include those positions arising from market making, proprietary position taking and other marked-to-market positions so designated as per the approved Trading Book Policy Statement. Non-trading portfolios primarily arise from the re-pricing mismatches of the Bank's customer driven assets and liabilities and from the Bank's investment of its surplus funds.

Market Risk Governance

The management of market risk is principally carried out by using risk limits approved by the BRC, guided by the Risk Appetite Statement approved by the Board.

The BRC delegates to the Asset and Liability Management Committee ("ALCO") the responsibility to manage market risk at the strategic level.

The Management of Market Risk

All market risk exposures are managed by Treasury which has the resources equipped with the necessary skills, tools, management and governance to manage such risks professionally. Limits are set for portfolios, products and risk types, with market liquidity and credit quality being the principal factors in determining the limits set.

The Market Risk Management Department ("MRMD") is the independent risk control function and is responsible for ensuring efficient implementation of market risk management policies. The MRMD is also responsible for developing the Bank's market risk management guidelines, measurement techniques, behavioral assumptions and limit setting methodologies. Any excesses against the prescribed limits are reported immediately to the Management. Strict escalation procedures are well documented and approved by the BRC. In addition, the market risk exposures and limits are regularly reported to the ALCO and BRC.

Bank membahagikan pendedahan kepada risiko pasaran kepada portfolio urus niaga atau portfolio bukan niaga. Portfolio urus niaga termasuk kedudukan yang wujud akibat pewujudan pasaran, pengambilan kedudukan proprietari dan kedudukan pasaran-ke-pasaran lain yang direka mengikut Penyata Dasar Buku Urus Niaga yang diluluskan. Portfolio bukan niaga pada dasarnya wujud akibat ketidaksesuaian penentuan semula harga aset dan liabiliti berteraskan pelanggan Bank dan daripada pelaburan lebihan dana Bank.

Tadbir Urus Risiko Pasaran

Pengurusan risiko pasaran pada dasarnya dilaksanakan menggunakan had risiko yang diluluskan oleh BRC dan dipandukan oleh Penyata Tanggungan Risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

BRC menugaskan Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti ("ALCO") untuk menguruskan risiko pasaran pada peringkat strategik.

Pengurusan Risiko Pasaran

Semua pendedahan risiko pasaran diuruskan oleh Perbendaharaan yang mempunyai sumber yang lengkap dengan kemahiran, kaedah, pengurusan dan tadbir urus yang diperlukan untuk menguruskan risiko tersebut secara profesional. Had ditetapkan bagi portfolio, produk dan jenis risiko dengan kecairan pasaran dan kualiti kredit menjadi faktor utama dalam menentukan had yang ditetapkan.

Jabatan Pengurusan Risiko Pasaran ("MRMD") ialah fungsi kawalan risiko bebas dan bertanggungjawab memastikan pelaksanaan dasar pengurusan risiko pasaran yang cekap. MRMD juga bertanggungjawab mewujudkan garis panduan pengurusan risiko pasaran, teknik penilaian, andaian kelakuan dan kaedah penetapan had Bank. Apa-apa perbelanjaan melebihi had yang ditetapkan dilaporkan segera kepada Pengurusan Kanan. Prosedur laporan didokumenkan dengan sempurna dan diluluskan oleh BRC. Sebagai tambahan, pendedahan dan had risiko pasaran dilaporkan kepada ALCO dan BRC secara tetap.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Other controls to ensure that market risk exposures remain within the tolerable levels include stress testing, rigorous new product approval procedures and a list of permissible instruments that can be traded. Stress test results are produced monthly to determine the impact of changes in profit rates, foreign exchange rates and other risk factors on the Bank’s profitability, capital adequacy and liquidity. The stress test provides the Management and the BRC with an assessment of the financial impact of identified extreme events on the market risk exposures of the Bank.

Capital Treatment for Market Risk

The Bank adopts the Standardised Approach to compute the market risk capital requirement under BNM’s CAFIB.

4.5 Operational Risk

Operational Risk is defined as the “risk of loss arising from inadequate or failed internal processes, people and systems and external events, which includes legal risk and Shariah compliance risk but excludes strategic and reputational risk”.

Management of Operational Risk

Bank Islam recognises the utmost importance of operational risk management and manages this risk through a control-based environment where processes are documented, authorisation is independent, transactions are reconciled and monitored and business activities are carried out within the established operational risk policies, guidelines, procedures and limits.

Kawalan lain bagi memastikan pendedahan risiko pasaran kekal di bawah tahap toleransi termasuk ujian tekanan, prosedur kelulusan produk baharu yang ketat serta senarai instrumen yang dibenarkan yang boleh didagangkan. Keputusan ujian tekanan dikeluarkan setiap bulan bagi menentukan kesan perubahan kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang asing dan faktor risiko lain kepada keuntungan, kecukupan modal dan kecairan Bank. Ujian tekanan menyediakan penilaian kesan kewangan bagi peristiwa ekstrem yang dikenal pasti terhadap pendedahan risiko pasaran Bank.

Pengolahan Modal bagi Risiko Pasaran

Bank mengguna pakai Pendekatan Berpiawai untuk mengira keperluan modal risiko pasaran sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM untuk Bank-bank Islam (“CAFIB”).

4.5 Risiko Operasi

Risiko Operasi ditakrifkan sebagai “risiko kerugian yang timbul daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses, pekerja dan sistem dalaman serta peristiwa luaran, yang merangkumi risiko perundangan dan risiko pematuhan syariah tetapi tidak termasuk risiko strategi dan reputasi”.

Pengurusan Risiko Operasi

Bank Islam mengiktiraf kepentingan pengurusan risiko operasi dan menguruskan risiko ini melalui persekitaran yang berasaskan kawalan di mana proses tersebut didokumentasikan, pemberian kuasa adalah bebas, urus niaga diselaraskan dan dipantau serta aktiviti perniagaan dijalankan mengikut dasar, garis panduan, prosedur dan had yang ditetapkan.

The Bank's overall governance approach in managing operational risk is premised on the Three Lines of Defence Approach:

- (a) **1st Line of Defence** – the risk owner or risk taking unit, i.e., Business or Support Unit is accountable for putting in place a robust control environment within their respective units. They are responsible for day to day management of operational risk. To reinforce accountability and ownership of risk and control, a Designated Operational Risk Coordinator for each risk taking unit is appointed to assist in driving the risk and control programme for the Bank.
- (b) **2nd Line of Defence** – The Operational Risk Management Department is responsible for establishing and maintaining the Operational Risk Management framework, developing various Operational Risk Management tools to facilitate the management of operational risk, monitoring the effectiveness of the Operational Risk Management, assessing operational risk issues from the risk owner and escalating operational risk issues to the relevant governance level with recommendations on the appropriate risk mitigation strategies. In creating a strong risk culture, Operational Risk Management Department is also responsible to promote risk awareness across the Bank.

Both Shariah Risk Management Department and Compliance Division complement the role of Operational Risk Management as the second line of defence. Shariah Risk Management Department is responsible for managing the Shariah compliance risk by establishing and maintaining appropriate Shariah risk management guidelines, facilitating the process of identifying, assessing, controlling and monitoring Shariah compliance risk and promoting Shariah compliance risk awareness.

Pendekatan tadbir urus keseluruhan Bank dalam menguruskan risiko operasi adalah berdasarkan Pendekatan Tiga Peringkat Pertahanan:

- (a) **Peringkat Pertahanan Pertama** – pemilik risiko atau unit pengambilan risiko iaitu Unit Peniagaan atau Sokongan bertanggungjawab untuk meletakkan kawalan persekitaran yang mantap dalam unit masing-masing. Mereka bertanggungjawab ke atas pengurusan harian risiko operasi. Bagi mengukuhkan akauntabiliti serta pemilikan risiko dan kawalan, Penyelaras Risiko Operasi yang ditetapkan bagi setiap unit pengambilan risiko dilantik untuk membantu memacu program risiko dan kawalan bagi Bank.
- (b) **Peringkat Pertahanan Kedua** – Jabatan Pengurusan Risiko Operasi bertanggungjawab mewujudkan dan mengekalkan rangka kerja Pengurusan Risiko Operasi, membangunkan pelbagai kaedah Pengurusan Risiko Operasi bagi memudahkan pengurusan risiko operasi, memantau keberkesanan Pengurusan Risiko Operasi, menilai isu risiko operasi daripada pemilik risiko dan isu risiko operasi yang semakin meningkat ke tahap tadbir urus yang berkaitan bersama cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai. Dalam mewujudkan budaya risiko yang kukuh, Jabatan Pengurusan Risiko Operasi juga bertanggungjawab meningkatkan kesedaran risiko di seluruh Bank.

Jabatan Pengurusan Risiko Syariah dan Bahagian Pematuhan melengkapi peranan Jabatan Pengurusan Risiko Operasi sebagai peringkat kedua pertahanan. Jabatan Pengurusan Risiko Syariah bertanggungjawab untuk menguruskan risiko pematuhan Syariah dengan mewujudkan dan mengekalkan garis panduan pengurusan risiko Syariah yang sewajarnya, memudahkan proses mengenal pasti, menilai, mengawal dan memantau risiko pematuhan Syariah serta mempromosi kesedaran risiko pematuhan Syariah.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Compliance Division is responsible for ensuring effective oversight on compliance-related risks such as regulatory compliance risk, compliance risk as well as money laundering and terrorism financing risks through proper classification of risks and developing, reviewing and enhancing compliance-related training programmes as well as conducting training that promotes awareness creation.

- (c) **3rd Line of Defence** – The Internal Audit Division (“IAD”) provides independent assurance to the Board and Management on the effectiveness of the operational risk management process.

Operational Risk Management Framework

The Bank’s operational risk management is guided by the operational risk management framework designed to provide a sound and well-controlled operational environment within the Bank. The framework sets out the Bank’s approach to identifying, assessing, monitoring and mitigating operational risk and it focuses on the four (4) causal factors of operational risk, i.e., internal processes, people, systems and external events. While external events are not necessarily controllable, Bank Islam will at its best mitigate the impact from such events through various mitigation programmes.

Jabatan Pematuhan bertanggungjawab memastikan pemantauan yang berkesan terhadap risiko yang berkaitan pematuhan seperti risiko pematuhan kawal selia, risiko pematuhan serta risiko pengubahan wang haram dan risiko pembiayaan keganasan melalui pengelasan risiko yang betul serta membangunkan, mengkaji semula dan meningkatkan program latihan yang berkaitan dengan pematuhan serta menjalankan latihan yang menggalakkan pewujudan kesedaran.

- (c) **Peringkat Pertahanan Ketiga** – Bahagian Audit Dalaman (“IAD”) menyediakan jaminan bebas kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan tentang keberkesanan proses pengurusan risiko operasi itu.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi

Pengurusan risiko operasi Bank dipandu oleh rangka kerja pengurusan risiko operasi yang direka untuk menyediakan persekitaran operasi yang baik dan terkawal di dalam Bank. Rangka kerja ini menetapkan pendekatan Bank dalam mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurangkan risiko operasi. Rangka kerja ini memberikan tumpuan kepada empat (4) faktor penyebab risiko operasi iaitu proses, pekerja, sistem dan peristiwa luaran. Walaupun peristiwa luaran tidak semestinya dapat dikawal, Bank Islam akan berusaha sebaik mungkin untuk mengurangkan kesan daripada peristiwa tersebut melalui pelbagai program pengurangan.

Operational Risk Management Tools & Mitigation Strategies

In line with best practices in managing and mitigating operational risk, Bank Islam employs various proactive and reactive tools across the Bank, namely:

PROACTIVE TOOLS			REACTIVE TOOL
KEY RISK INDICATOR	RISK CONTROL SELF ASSESSMENT	PROCESS RISK MAPPING	RISK LOSS EVENT MANAGEMENT & REPORTING
- A forward looking tool to identify potential risks and to enable counter measures and risk mitigation actions before an incident occurs (early warning system); - To assist management to focus on high-risk issues.	- To identify and assess operational risks by risk owners; - The tool creates ownership & increases operational risk awareness.	End to end review of critical banking activities to identify potential risks and ensure appropriate controls are in place and are effective.	Centralised bankwide loss database which provides line of business loss reporting overview, tracks frequency of events and facilitates detailed reviews of the incident and its impact.

Kaedah Pengurusan Risiko Operasi & Strategi Pengurangan

Sejajar dengan amalan terbaik dalam menguruskan dan mengurangkan risiko operasi, Bank Islam menggunakan pelbagai kaedah yang proaktif & reaktif di seluruh Bank, iaitu:

KAEDAH PROAKTIF			KAEDAH REAKTIF
PENUNJUK RISIKO UTAMA	PENILAIAN KENDIRI KAWALAN RISIKO	PEMETAAN PROSES RISIKO	PENGURUSAN DAN PELAPORAN PERISTIWA KERUGIAN RISIKO
- Kaedah memandang ke hadapan untuk mengenal pasti risiko yang mungkin dan membolehkan langkah pencegahan dan tindakan pengurangan risiko diambil sebelum sesuatu insiden berlaku (sistem amaran awal); - Membantu pihak Pengurusan untuk memberikan tumpuan kepada isu yang berisiko tinggi.	- Mengenal pasti dan menilai risiko operasi daripada pemilik risiko; - Kaedah ini mewujudkan pemilikan & meningkatkan kesedaran terhadap risiko operasi.	Semakan hujung ke hujung bagi aktiviti perbankan penting untuk mengenal pasti risiko yang mungkin dan memastikan kawalan yang sewajarnya telah diterapkan dan berkesan.	Pangkalan data kerugian terpusat di seluruh bank yang menyediakan gambaran keseluruhan laporan kerugian perniagaan, mengesan kekerapan peristiwa dan memudahkan semakan terperinci terhadap sesuatu insiden dan kesannya.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

In addition, a comprehensive Business Continuity Management (“BCM”) function has been established within Bank Islam to ensure that in the event of material disruptions from internal or external events, critical business functions can be maintained or restored in a timely manner. This ensures minimal adverse impact on customers, staff and products and services. BCM constitutes an essential component of the Bank’s risk management process by providing a controlled response to potential events that could have a significant impact on the Bank’s critical processes and revenue streams.

As part of the risk transfer strategy, the Bank obtains a third party takaful to cover for the Bank’s high impact loss events.

The Bank also ensures that the bankwide operational risk awareness programme is conducted on an ongoing basis. This training programme includes the emphasis on inculcating an operational risk culture among staff, effective implementation of operational risk management tools, Basel II, fraud awareness, BCM and other aspects of operational risk management.

Capital Treatment for Operational Risk

The Bank adopts the Basic Indicator Approach (“BIA”) to compute operational risk capital charge as per BNM CAFIB Guideline.

4.6 Shariah Compliance Risk

Shariah compliance considerations are taken into account in all of the activities in Bank Islam. Shariah Compliance Risk refers to risks arising from the Bank’s failure to comply with Shariah rules and principles determined by the Shariah regulatory councils.

Selain itu, fungsi Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (“BCM”) yang komprehensif telah diwujudkan di Bank Islam bagi memastikan jika berlaku gangguan penting daripada peristiwa dalaman atau luaran, fungsi perniagaan penting dapat dikekalkan atau dipulihkan dengan segera. Hal ini dapat meminimumkan kesan buruk ke atas pelanggan, kakitangan serta produk dan perkhidmatan. BCM terdiri daripada komponen penting proses pengurusan risiko Bank dengan menyediakan maklum balas terkawal kepada peristiwa yang mungkin berlaku yang mampu memberikan kesan yang ketara terhadap proses penting dan aliran pendapatan Bank.

Sebagai sebahagian daripada strategi pemindahan risiko, Bank mendapat perlindungan takaful pihak ketiga untuk melindungi Bank daripada kesan buruk akibat peristiwa kerugian.

Bank juga memastikan bahawa program kesedaran risiko operasi di seluruh Bank dijalankan secara berterusan. Program latihan ini termasuk penekanan terhadap penerapan budaya risiko operasi dalam kalangan kakitangan, pelaksanaan kaedah yang berkesan bagi pengurusan risiko operasi, Basel II, kesedaran penipuan, BCM dan aspek pengurusan risiko operasi yang lain.

Pengolahan Modal bagi Risiko Operasi

Bank mengguna pakai Pendekatan Penunjuk Asas (“BIA”) untuk mengira caj modal risiko operasi mengikut Garis Panduan CAFIB oleh BNM.

4.6 Risiko Pematuhan Syariah

Pertimbangan pematuhan Syariah diambil kira dalam semua aktiviti Bank Islam. Risiko Pematuhan Syariah merujuk risiko akibat kegagalan Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah yang ditetapkan oleh majlis pengawalseliaan Syariah.

In managing Shariah compliance risk, clear responsibilities are assigned to various functions. These functions are responsible for developing strategies to identify, assess, monitor and control/mitigate Shariah compliance risk, and designing and implementing the Shariah compliance risk management, its methodology and reporting system in the Bank. These include the Board, including BRC, MRCC, ORCC, Shariah Division, Shariah audit function of IAD as well as line managers and all staff of the Bank. The above is guided by the Shariah Compliance Policy and the policy is supplemented by several Shariah related guidelines including Shariah compliance risk management Guidelines.

As part of the Bank's efforts to improve the oversight on the Shariah compliance risk management at the Board level, the Bank has implemented "cross attendance" in the BRC and SSC meetings whereby two (2) of the SSC members attend the BRC meeting and vice versa. With the implementation of the IFSA 2013, the Chairman of the SSC also attends the Board meeting as a permanent invitee and the Bank has also appointed a Shariah scholar as a member of the Board. At the Management level, the Bank has established an internal Shariah non-compliance reporting framework whereby any Shariah non-compliance events are tracked and its rectification plans are deliberated at the MRCC. The MRCC recommends acceptable standards of internal control and appropriate mechanism(s) for the approval of the BRC and the SSC prior to submission of the rectification plans to BNM in complying with the BNM's requirements on Shariah non-compliance reporting.

Furthermore, the Shariah Division supports the SSC in providing day-to-day Shariah advice to the business and support units based on the decisions of the Shariah regulatory councils, as well as to work independently from the business and support units in facilitating the process of identifying, measuring, controlling and monitoring Shariah compliance risk inherent in the Bank's operations and activities. The Shariah Division also participates in conducting Shariah training, assessment, audit and other activities together with other relevant business and risk management units, financing committees and the IAD to ensure the Bank's operations and activities comply with Shariah rules and principles.

Dalam pengurusan risiko pematuhan Syariah, tanggungjawab yang jelas ditugaskan kepada pelbagai fungsi yang bertanggungjawab menyediakan strategi bagi mengenal pasti, menilai, memantau dan mengawal/mengurangkan risiko pematuhan Syariah, serta membentuk dan melaksanakan pengurusan risiko pematuhan Syariah, kaedah dan sistem pelaporannya dalam Bank. Perkara ini termasuk Lembaga Pengarah, BRC, MRCC, ORCC, Jabatan Syariah, fungsi audit Syariah IAD serta pengurus jabatan dan semua kakitangan Bank. Semua di atas adalah berpandukan Dasar Pematuhan Syariah dan disokong oleh beberapa garis panduan berkaitan Syariah termasuk Garis Panduan pengurusan risiko pematuhan Syariah.

Sebagai sebahagian daripada usaha Bank untuk meningkatkan pemantauan ke atas pengurusan risiko pematuhan Syariah pada peringkat Lembaga Pengarah, Bank telah melaksanakan "kehadiran silang" dalam mesyuarat BRC dan MPS, iaitu dua (2) ahli MPS menghadiri mesyuarat BRC dan sebaliknya. Dengan pelaksanaan IFSA 2013, Pengerusi MPS turut menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah sebagai jemputan tetap dan Bank juga melantik cendekiawan Syariah sebagai ahli Lembaga Pengarah. Pada peringkat Pengurusan, Bank mewujudkan rangka kerja pelaporan dalaman terhadap ketidakpatuhan Syariah dan dengannya apa-apa peristiwa ketidakpatuhan Syariah dikesan serta langkah pembetulannya dibincangkan oleh MRCC. MRCC mencadangkan standard kawalan dalaman yang boleh diterima dan mekanisme yang sesuai untuk diluluskan oleh BRC dan MPS sebelum langkah pembetulan dikemukakan kepada BNM dalam mematuhi keperluan pelaporan ketidakpatuhan Syariah BNM.

Tambahan lagi, Bahagian Syariah membantu MPS dalam memberi khidmat nasihat harian kepada unit perniagaan dan unit sokongan berasaskan keputusan majlis kawal selia Syariah, serta melakukannya secara sendiri dalam memudahkan proses mengenal pasti, menilai, mengawal dan memantau risiko pematuhan Syariah dalam operasi dan aktiviti Bank. Bahagian Syariah turut membuat latihan, penilaian, audit dan aktiviti lain berkaitan Syariah bersama dengan unit perniagaan lain yang berkaitan dan unit pengurusan risiko, jawatankuasa pembiayaan dan IAD bagi memastikan aktiviti dan operasi Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

4.7 Capital Management

The Bank's primary objective when managing capital is to maintain a strong capital position to support business growth and to maintain investor, depositor, customer and market confidence. In line with this, the Bank manages its capital actively and ensures that the capital adequacy ratios which take into account the risk profile are comfortably above the regulatory minimum requirement.

To ensure that the Bank has sufficient capital to support all its business and risk taking activities, the Bank has implemented sound capital management processes in its management systems and processes. A comprehensive capital management framework has been adopted as a key enabler for value creation which is important for the Bank's long term survival. These comprehensive capital management processes include thorough risk assessment and risk management techniques that are embedded as part of the risk governance within the Bank.

The assessment is based on the approved business plan, its estimation of current risks inherent in the Bank and the impact of capital stress tests on the capital plan. The Bank aims to achieve the following capital management objectives:

- Ensure that it is adequately capitalised above the minimum regulatory capital requirements under Pillar 1 at all times;
- Maintain an optimal capital structure that takes into consideration both regulatory and shareholder's interests;
- Promote efficient use of capital, through the internal allocation methodology across the Bank; and
- Link and achieve alignment of the business strategy, risk appetite, risk, capital and return dimensions.

4.7 Pengurusan Modal

Objektif utama Bank semasa menguruskan modal adalah mengekalkan kedudukan modal yang kukuh untuk menyokong pertumbuhan perniagaan dan mengekalkan keyakinan pelabur, pendeposit, pelanggan dan pasaran. Seajar dengan ini, Bank menguruskan modalnya secara aktif dan memastikan nisbah kecukupan modal yang mengambil kira risiko profil berada pada tahap selesai yang melebihi keperluan minimum kawal selia.

Bagi memastikan Bank mempunyai modal yang mencukupi bagi menyokong semua perniagaan dan aktiviti berisikonya, Bank telah melaksanakan proses pengurusan modal yang baik dalam sistem dan proses pengurusanannya. Rangka kerja pengurusan modal yang komprehensif telah diguna pakai sebagai pendorong utama pembentukan nilai yang penting bagi penakatan jangka panjang Bank. Proses pengurusan modal yang komprehensif ini termasuk teknik penilaian dan pengurusan risiko yang menyeluruh yang digabungkan sebagai sebahagian daripada tadbir urus risiko di Bank.

Penilaian adalah berdasarkan pelan perniagaan yang diluluskan, anggaran risiko semasa yang terdapat di dalam Bank dan kesan ujian tekanan modal terhadap pelan modal. Bank berhasrat untuk mencapai objektif pengurusan modal yang berikut:

- Memastikan Bank mempunyai modal yang mencukupi yang melebihi keperluan modal kawal selia minimum di bawah Tunggak 1 pada setiap masa;
- Mengekalkan struktur modal optimum yang mengambil kira kepentingan kawal selia dan pemegang saham;
- Menggalakkan penggunaan modal yang efisien melalui kaedah peruntukan dalaman di seluruh Bank; dan
- Menghubungkan dan mencapai penajajaran strategi perniagaan, tanggungan risiko, dimensi risiko, modal dan pulangan.

4.8 Internal Capital Adequacy Assessment Process

A comprehensive capital management, also known as ICAAP, has been adopted by the Bank as a key enabler for value creation and the long term sustainability of the Bank. This comprehensive capital management process includes thorough risk assessment and risk management embedded within the risk governance structure of the Bank, beyond the requirements under BNM's Pillar 1.

The Bank's ICAAP helps to suggest the minimum internal capital requirement for its current and future business strategies and financial plans for the next five (5) years via a comprehensive risk assessment process on its portfolio risk exposures, its risk management practices towards its material risks and potential capital planning buffer required in the event of stress. The Bank's ICAAP is conducted on a consolidated basis covering all Bank Islam's legal entities as suggested by the BNM Pillar 2 guideline.

4.9 Stress testing

The Risk Management Division undertakes periodical stress tests across its entire portfolio of credit, market, asset and liability and operational risks in order to ensure that the Bank remains viable, even under highly severe, i.e., unlikely but plausible stress conditions. At least once every quarter, BRC will deliberate on the potential economic and other stress events that could materialise over the next one (1) to three (3) years, such as a double-dip recession, a severe housing crash or a sudden inflation spike. The Risk Management Division will then assess the potential impact of such events at various levels of severity and discuss the outcome at MRCC and BRC.

4.8 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam

Pengurusan modal yang komprehensif, juga dikenali sebagai ICAAP, telah diguna pakai oleh Bank sebagai pendorong utama pembentukan nilai dan kemampanan jangka panjang Bank. Proses pengurusan modal yang komprehensif ini termasuk penilaian dan pengurusan risiko yang menyeluruh yang digabungkan ke dalam struktur tadbir urus risiko di Bank, melebihi keperluan garis panduan Tunggak 1 BNM.

ICAAP Bank membantu mencadangkan keperluan modal dalaman minimum bagi strategi perniagaan dan pelan kewangan semasa dan masa depan Bank bagi tempoh lima (5) tahun yang akan datang melalui proses penilaian risiko yang menyeluruh terhadap pendedahan risiko portfolio, amalan pengurusan risiko terhadap risiko penting serta penampakan perancangan modal yang mungkin bagi Bank yang diperlukan bagi senario tekanan. ICAAP Bank dijalankan berdasarkan gabungan semua entiti perundangan Bank Islam seperti yang dicadangkan oleh garis panduan Tunggak 2 BNM.

4.9 Ujian Tekanan

Bahagian Pengurusan Risiko menjalankan ujian tekanan berkala ke atas semua portfolio risiko kredit, pasaran, aset dan liabiliti serta operasi bagi memastikan Bank kekal berdaya maju, walaupun dalam keadaan tekanan yang tinggi, iaitu keadaan yang tidak mungkin berlaku tetapi munasabah. Sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun, BRC akan membincangkan senario ekonomi dan senario tekanan lain yang mungkin berlaku dalam jangka masa satu (1) hingga tiga (3) tahun akan datang, seperti kegawatan ekonomi berganda, kejatuhan pasaran hartanah yang teruk dan kenaikan inflasi yang mendadak. Jabatan Pengurusan Risiko kemudiannya akan menilai kesan yang mungkin berlaku akibat senario tersebut mengikut tahap keterukan dan membincangkan keputusannya dengan MRCC dan BRC.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE
Pernyataan Tadbir Urus Korporat

5.0 COMPLIANCE CULTURE

For Bank Islam, inculcating a compliance culture has always been a top priority. The level of awareness and the necessity for a focus on risk and compliance is at the forefront. This is in line with one of the Bank’s core values – to be an organization that is trustworthy; constantly strives for the highest level of integrity, honesty and responsibility, which are the foundation of Islamic principles. This is applied in every facet of the Bank’s businesses and operations.

The Board and the Management have continuously demonstrated a clear and unequivocal commitment to foster a culture of ethical behavior, integrity and trust within the organization, which helps to create an atmosphere that is conducive to compliance. The roles of the three (3) lines of defence according to International standards (Diagram 1) have long been adopted in Bank Islam. This ensures risk and compliance are built into the management process and day-to-day operations.

Compliance Division, which plays the role of the Second Line of Defence, is responsible to put in place a Compliance Programme to perform compliance review on key regulatory requirements and validate key controls to attest regulatory requirements have been effectively internalized. It also provides assurance to the Board and Management that ethics, integrity and trust are espoused and translated into activities, actions, responsibility and expectations at every level. The Compliance Programme, thus, serves as a means to instill compliance culture across the Bank.

5.0 BUDAYA PEMATUHAN

Bagi Bank Islam, menerapkan budaya pematuhan sentiasa menjadi keutamaan. Tahap kesedaran dan keperluan untuk memberikan tumpuan kepada risiko dan pematuhan adalah sangat tinggi. Hal ini adalah sejajar dengan salah satu nilai teras Bank – untuk menjadi organisasi yang amanah; sentiasa berusaha mencapai tahap tertinggi integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban, iaitu perkara asas dalam prinsip Islam. Perkara ini diamalkan dalam setiap aspek perniagaan dan operasi Bank.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Bank memberikan komitmen penuh dan padu secara berterusan untuk memupuk budaya tingkah laku beretika, integriti dan kepercayaan dalam organisasi, yang membantu menghidupkan suasana kondusif untuk pematuhan. Peranan tiga peringkat pertahanan mengikut piawaian antarabangsa (Rajah 1) telah lama diguna pakai di Bank Islam. Sistem ini memastikan risiko dan pematuhan dimasukkan ke dalam proses pengurusan dan operasi harian.

Bahagian Pematuhan yang memainkan peranan pada peringkat kedua pertahanan, bertanggungjawab melaksanakan Program Pematuhan bagi menjalankan semakan pematuhan ke atas keperluan kawal selia utama dan mengesahkan kawalan utama untuk membuktikan keperluan kawal selia telah diterapkan dengan berkesan. Bahagian ini juga memberikan jaminan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan bahawa etika, integriti dan kepercayaan diamalkan dan dizahirkan melalui tindakan, tanggungjawab dan jangkaan pada setiap peringkat. Oleh itu, Program Pematuhan berfungsi sebagai wahana untuk menyemai budaya pematuhan di seluruh Bank.

COMPLIANCE'S 3 LINES OF DEFENCE RESPONSIBILITY

1ST LINE OF DEFENCE	2ND LINE OF DEFENCE	3RD LINE OF DEFENCE
Business and Support Units – Daily Compliance Management Complies with all stipulated internal policies, procedures, laws and regulations. Internalise ethics, integrity, trust regulatory requirements into business objectives.	Compliance Division – Monitors and Validates. Clear Line of Sight. Review, monitor, validates and provide assurance on compliance related matters and activities undertaken by the Business and Support Unit.	Independent Assurance – Internal Auditors, External Auditors & Regulators To continuously assess the effectiveness of the Bank's compliance culture.
Business and Support Units – 1st Line of Defence Owns the risk in pursuit of business objectives.	Compliance – 2nd Line of Defence Ensures that mission and business objectives are met within the standards set.	Internal Auditors – 3rd Line of Defence Ring fencing – Provide assurance to board and regulators that the first two (2) lines are effective.

Diagram 1

TANGGUNGJAWAB 3 PERINGKAT PERTAHANAN BAGI PEMATUHAN

PERTAHANAN PERINGKAT PERTAMA	PERTAHANAN PERINGKAT KEDUA	PERTAHANAN PERINGKAT KETIGA
Unit Perniagaan dan Unit Sokongan – Pengurusan Pematuhan Harian Mematuhi semua dasar, prosedur, undang-undang dan peraturan dalaman yang ditetapkan. Menerapkan etika, integriti, kepercayaan dan keperluan kawal selia dalam objektif perniagaan.	Bahagian Pematuhan – Memantau dan Mengesahkan. Memberikan Panduan yang Jelas. Menyemak, memantau, mengesahkan dan memberikan jaminan bagi perkara dan aktiviti berkaitan pematuhan yang dijalankan oleh Unit Perniagaan dan Sokongan.	Jaminan Bebas – Juruaudit Dalaman, Juruaudit Luar dan Pengawal Selia Menilai keberkesanan budaya pematuhan Bank secara berterusan.
Unit Perniagaan dan Sokongan – Pertahanan Peringkat Pertama Bertanggungjawab ke atas risiko yang diambil dalam mencapai objektif perniagaan.	Pematuhan – Pertahanan Peringkat Kedua Memastikan misi dan objektif perniagaan dicapai mengikut standard yang ditetapkan.	Audit Dalaman – Pertahanan Peringkat Ketiga Hadangan – Memberikan jaminan kepada Lembaga Pengarah dan pengawal selia tentang keberkesanan pertahanan dua (2) peringkat pertama.

Rajah 1

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Part of the Bank's practice of good governance is to allow issues pertaining to risk and compliance to be freely discussed and debated in all management committee meetings (Diagram 2). The escalation of issues up to the Board level helps to prevent information silo and silo mentality that may otherwise cause a blindsided view. In addition, the Chief Compliance Officer is given access to all committee meetings, including the Board, should an issue require immediate attention.

Bank membenarkan isu berkaitan risiko dan pematuhan dibincangkan dan diperdebatkan secara bebas di semua mesyuarat jawatankuasa pengurusan (Rajah 2) sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus Bank yang baik. Isu yang dibawa kepada Lembaga Pengarah mengelakkan pengasingan maklumat dan pemikiran sempit yang boleh menyebabkan sesuatu perkara tidak dinilai secara menyeluruh. Selain itu, Ketua Pegawai Pematuhan dibenarkan menghadiri semua mesyuarat jawatankuasa, termasuk mesyuarat Lembaga Pengarah jika terdapat isu yang memerlukan tindakan segera.




Diagram 2
Rajah 2

Creating a successful compliance culture requires an alignment of expectations between the Bank and its employees. For Bank Islam, this is achieved via the Key Performance Indicators (“KPI”). Each employee is assigned with a standard quantum on Risk Management Compliance and Audit in the KPI which ultimately ties to the remuneration and reward system. Having the process in place motivates employees to make the right choices and to do the right thing every time in carrying out their tasks and meeting their targets. Subsequently, the Bank is able to optimize its opportunities by spending a larger amount of time and resources effectively on other critical functions where returns can be maximized while lowering the cost of remediation.

For Bank Islam, maintaining a strong compliance culture will remain a top priority in 2015 in line with the objective – “Pioneering Change”. The Bank plans to continue shaping the compliance culture and behaviour in 2015 through series of classroom training, self-learning and practical training. A training entitled “Mukmin Professional” shall be launched in Q1 2015 to kick-off the series.

6.0 INTERNAL AUDIT FUNCTION

The internal audit function of the Bank is fulfilled by the IAD, led by the Chief Internal Auditor. IAD reports directly to the AEC and is independent of the activities and operations of the other operating units of the Bank. Its authority is provided in the Internal Audit Charter, which formally documents the roles, authority, duties and responsibilities of the IAD and its relationship with the Board, AEC, Management, external auditor and regulators.

The primary function of the IAD is to assist the Board, mainly through the AEC, by independently reviewing and reporting on the adequacy and effectiveness of the Bank’s risk management, internal control and governance systems and processes.

Kejayaan mewujudkan budaya pematuhan memerlukan keselarasan harapan antara Bank dengan kakitangannya. Bagi Bank Islam, perkara ini dicapai melalui Penunjuk Prestasi Utama (“KPI”). Setiap kakitangan dikenakan aras piawai bagi Pengurusan Risiko, Pematuhan dan Audit dalam KPI yang pada asasnya terikat dengan sistem imbuhan dan ganjaran. Hal ini mendorong kakitangan untuk membuat pilihan yang tepat dan bertindak dengan betul pada setiap masa semasa menjalankan tugas mereka dan mencapai sasaran. Berikutan itu, Bank dapat mengoptimumkan peluang dengan menumpukan lebih banyak masa dan sumber untuk fungsi kritikal lain dan memaksimumkan pulangan di samping mengurangkan kos pemulihan.

Bagi Bank Islam, mengekalkan budaya pematuhan yang kukuh akan terus menjadi keutamaan pada 2015 sejajar dengan objektif - “Merintis Perubahan”. Bank merancang untuk terus membentuk budaya pematuhan dan tingkah laku pada 2015 melalui siri latihan dalam kelas, pembelajaran sendiri dan latihan praktikal. Latihan bertajuk “Mukmin Profesional” akan dilancarkan pada S1 2015 untuk memulakan siri ini.

6.0 FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Bank dilaksanakan oleh IAD, yang diketuai oleh Ketua Audit Dalaman. IAD melapor terus kepada AEC dan bebas daripada aktiviti dan operasi bagi unit operasi lain Bank. Bidang kuasanya dinyatakan dalam Piagam Audit Dalaman, yang secara rasmi mendokumentasikan peranan, autoriti, tugas dan tanggungjawab IAD serta hubungannya dengan Lembaga Pengarah, AEC, Pengurusan, juruaudit luar dan pengawal selia.

Fungsi utama IAD adalah membantu Lembaga Pengarah, terutamanya melalui AEC, dengan mengkaji semula dan melaporkan kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman serta sistem dan proses tadbir urus Bank secara bebas.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

IAD undertakes the audit of entities within the Bank, its subsidiaries and related parties of the Bank. The annual Audit Plan is reviewed and approved by the AEC at the beginning of each financial year. IAD adopts a risk-based approach in determining the auditable units and frequency of the audits.

The results of the audits conducted, including its risks and recommendations are reported to the AEC on a regular basis. Resolution of the audit findings and recommendations are performed by the Management and closely observed by the Management Audit Committee whose members comprise of the Management members. Additionally, Shariah audit reports including their findings, risks and recommendations are notified and deliberated at the SSC meetings.

The IAD is committed to provide an independent, objective assurance and advisory services that will add value and improve the Bank’s operations. It does this by bringing a systematic, disciplined approach to evaluate and improve the effectiveness of the risk management, control and governance processes, in line with the conceptual framework and guidance promulgated by the Institute of Internal Auditors (“IIA”).

7.0 ACCOUNTABILITY AND AUDIT

7.1 Financial Reporting

The Board takes responsibility for presenting a clear, balanced and comprehensive assessment of the Bank’s financial performance, position and future prospects through its Annual Audited Financial Statements and quarterly reports. The Board ensures that the financial statements are properly drawn up and gives a true and fair view of the state of affairs of the Bank in accordance with the provisions of the Companies Act, 1965 and approved accounting standards in Malaysia. The Board is assisted by the AEC in scrutinising the information disclosed in the Annual Audited Financial Statements and quarterly reports to ensure accuracy, adequacy, completeness and transparency.

IAD melaksanakan pengauditan ke atas entiti dalam Bank, subsidiarinya dan pihak yang berkaitan dengan Bank. Pelan Audit tahunan disemak dan diluluskan oleh AEC pada permulaan setiap tahun kewangan. IAD mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko dalam menentukan unit yang boleh diaudit dan kekerapan audit.

Keputusan bagi audit yang dijalankan, termasuk risiko dan cadangan dilaporkan kepada AEC secara tetap. Penyelesaian penemuan audit dan cadangan dilaksanakan oleh pihak Pengurusan dan dipantau rapi oleh Jawatankuasa Audit Pengurusan yang anggotanya terdiri daripada ahli Pengurusan. Selain itu, laporan audit Syariah termasuk penemuan, risiko dan cadangannya dimaklumkan dan dibincangkan di mesyuarat MPS.

IAD komited untuk menyediakan jaminan objektif dan bebas serta khidmat nasihat yang akan menambah nilai dan menambah baik operasi Bank. Hal ini dilaksanakan melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan, kawalan dan proses tadbir urus risiko, sejajar dengan rangka kerja konsep dan bimbingan yang diisytiharkan oleh Institut Juruaudit Dalamann (“IIA”).

7.0 AKAUNTABILITI DAN AUDIT

7.1 Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab membentangkan penilaian yang jelas, seimbang dan menyeluruh tentang prestasi kewangan, kedudukan dan prospek masa depan Bank melalui Penyata Kewangan Tahunan Diaudit dan laporan suku tahunannya. Lembaga Pengarah memastikan penyata kewangan disediakan dengan betul dan memberikan gambaran yang tepat dan jelas tentang keadaan Bank mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Lembaga Pengarah dibantu oleh AEC untuk meneliti maklumat yang didedahkan dalam Penyata Kewangan Tahunan Diaudit dan laporan suku tahunan bagi memastikan maklumat berkenaan tepat, cukup, lengkap dan telus.

7.2 Statement of Internal Control

The Board recognises the importance of maintaining a sound system of internal controls and risk management practices as well as good corporate governance. The Board exercises overall responsibility in identifying, evaluating and reviewing the adequacy and effectiveness of the Bank's risk management, governance and internal controls. The Board recognises that risks cannot be eliminated completely and as such, systems and processes have been put in place to provide reasonable, and not absolute, assurance against material misstatement of financial information or against any losses and fraud.

The Board is of the view that the internal control framework that has been instituted throughout Bank Islam is sufficient to safeguard the shareholder's investment, customers' interest and Bank Islam's assets. Reviews are continuously carried out to ensure effectiveness of the system.

The BRC was established to further strengthen Bank Islam's risk management process, where it meets regularly with the objective of assisting the Board in managing Bank Islam's range of inter-related risks in an integrated manner.

The key processes that the Board has established in reviewing the integrity of the system of internal controls are as follows:

- (a) The Managing Director is entrusted with the management of Bank Islam, where his role and responsibilities, and authority limits are set by the Board. The appointment of the Managing Director requires the approval of the Board;
- (b) Specific responsibilities have been delegated to the relevant Board Committees, based on their respective terms of references. These Committees have the authority to examine all matters within their scope of responsibility and submit their recommendations to the Board. The ultimate responsibility for the final decision on all matters, however, lies with the Board;

7.2 Pernyataan tentang Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah mengiktiraf kepentingan mengekalkan sistem kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang mantap serta tadbir urus korporat yang baik. Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengenal pasti, menilai dan menyemak kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, tadbir urus dan kawalan dalaman Bank. Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa risiko tidak boleh dihapuskan sepenuhnya. Justeru itu, beberapa sistem dan proses telah disediakan bagi memberikan jaminan munasabah dan bukan jaminan mutlak ke atas kesilapan penting tentang maklumat kewangan atau apa-apa kerugian dan penipuan.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rangka kerja kawalan dalaman yang digunakan di seluruh Bank Islam adalah mencukupi untuk melindungi pelaburan pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset Bank Islam. Semakan dijalankan secara berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem tersebut.

BRC ditubuhkan bagi memperkukuhkan lagi proses pengurusan risiko Bank Islam, dan mesyuaratnya diadakan dari semasa ke semasa bagi membantu Lembaga Pengarah menguruskan pelbagai risiko Bank Islam yang saling berkait secara bersepadu.

Proses utama yang telah disediakan oleh Lembaga Pengarah bagi menyemak integriti sistem kawalan dalaman adalah seperti yang berikut:-

- (a) Pengurusan Bank Islam diserahkan kepada Pengarah Urusan, dan peranan, tanggungjawab serta had kuasanya ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Pelantikan Pengarah Urusan memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah;
- (b) Tanggungjawab khusus telah diagihkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan, berdasarkan bidang tugas masing-masing. Semua Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memeriksa semua perkara dalam skop tanggungjawab mereka dan menyerahkan saranan mereka kepada Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, tanggungjawab mutlak untuk membuat keputusan akhir terletak pada Lembaga Pengarah;

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- (c) Delegation of authority, including limits at various levels of Management and those requiring the Board's approval, are documented and designed to ensure proper accountability and responsibility;
- (d) Policies and procedure manuals for key processes are documented and regularly reviewed and updated for application across Bank Islam;
- (e) The AEC regularly reviews the adequacy and integrity of Bank Islam's internal control systems and management information system including systems for compliance with applicable laws, regulations, rules, directives and guidelines as identified by the internal auditors, the external auditor and regulatory authorities. It also reviews the adequacy and comprehensiveness of the internal audit process, scope of audit, competency of the auditors and the independence of the Internal Audit function;
- (f) Bank Islam's annual business plan and budget are submitted to the Board for approval. In addition, variances between actual and targeted results are also presented on a monthly basis. This allow for timely responses and corrective actions to be taken to mitigate risks;
- (g) The IAD reports to the AEC, performs regular reviews of the processes to assess their effectiveness and highlights any significant risks affecting Bank Islam. The AEC reviews the internal auditors auditable areas and resources annually, via the Audit Plan and budget;
- (h) The AEC regularly reviews and holds discussions with the Management on actions taken to address lapses in internal controls and issues identified in reports prepared by the internal auditors, external auditor and regulatory authorities; and
- (i) The BRC regularly reviews risk profiles based on a range of key risk indicators, as well as other risk assessment tools.

-
- (c) Pengagihan kuasa, termasuk had pada pelbagai peringkat pengurusan serta yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah, didokumentasikan dan direka bagi memastikan akauntabiliti dan tanggungjawab yang sewajarnya;
 - (d) Manual dasar dan prosedur untuk proses utama didokumentasikan dan disemak serta dikemas kini secara berkala untuk diaplikasikan di seluruh Bank Islam;
 - (e) AEC menyemak secara berkala laporan tentang kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Bank Islam, termasuk sistem pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, arahan, perintah dan garis panduan terpakai seperti yang dikenal pasti oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak berkuasa kawal selia. AEC juga menjalankan semakan ke atas kecukupan dan keberkesanan proses audit dalaman, skop audit, kecekapan juruaudit dan kebebasan fungsi Audit Dalaman;
 - (f) Pelan perniagaan dan belanjawan tahunan Bank Islam diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Selain itu, perbezaan antara keputusan sebenar dan sasaran juga dibentangkan setiap bulan. Hal ini membolehkan maklum balas segera dan tindakan pembetulan diambil bagi mengurangkan risiko;
 - (g) IAD melaporkan kepada AEC, menjalankan semakan berkala ke atas proses-proses bagi menilai keberkesanannya serta melaporkan apa-apa risiko penting yang memberi kesan kepada Bank Islam. AEC menyemak bidang yang boleh diaudit dan sumber juruaudit dalaman setiap tahun menerusi Pelan Audit dan belanjawan;
 - (h) AEC menyemak dan mengadakan perbincangan dengan pihak Pengurusan secara berkala tentang tindakan yang diambil bagi menangani kelemahan kawalan dalaman dan isu yang dikenal pasti dalam laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak berkuasa kawal selia; dan
 - (i) BRC menyemak profil risiko secara berkala menggunakan beberapa penunjuk risiko utama serta kaedah penilaian risiko yang lain.

7.3 Relationship with External Auditor

Bank Islam, through the AEC, has established an appropriate and transparent relationship with the external auditor, where they meet at least once a year without the presence of the Management.

8.0 SHAREHOLDER

8.1 Shareholder Suitability Policy

On 8 October 2014, BNM has issued a Shareholder Suitability Policy which specifies the suitability requirements to ensure shareholders of Financial Institutions (“FIs”) that are able to exercise influence directly or indirectly are persons of integrity and good reputation so as to minimise the risk of undue or inappropriate influence that could threaten the safety and soundness of the FI. The said policy is applicable to a shareholder who has been approved to hold 5% or more shares in a bank, investment bank, insurer, Islamic bank and takaful operator, licensed under the FSA and IFSA respectively. The Policy came into effect on 8 October 2014.

The Board has approved the relevant controls to ensure compliance with the said Policy. The said controls include obtaining the shareholder’s declaration of compliance with the requirements stipulated in the Shareholders Suitability Policy. The said declaration is provided on an annual basis. As and when necessary, the Bank may conduct relevant searches/inquiry in the event there is any adverse news or updates on the shareholder. In addition, the conduct/manner of the nominee directors in exerting the influence of the shareholder will also be assessed via the annual Board evaluation exercise.

7.3 Hubungan dengan Juruaudit Luar

Bank Islam, melalui AEC, telah mewujudkan hubungan yang wajar dan telus dengan juruaudit luar. Mereka bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

8.0 PEMEGANG SAHAM

8.1 Dasar Kesesuaian Pemegang Saham

Pada 8 Oktober 2014, BNM mengeluarkan Dasar Kesesuaian Pemegang Saham yang menyatakan keperluan kesesuaian untuk memastikan pemegang saham Institusi Kewangan (“FI”) yang mampu mempengaruhi secara langsung atau tidak langsung ialah individu yang mempunyai integriti dan reputasi yang baik untuk mengurangkan risiko pengaruh tidak wajar atau tidak sesuai yang boleh mengancam keselamatan dan kekukuhan FI. Dasar ini terpakai kepada pemegang saham yang telah diluluskan untuk memegang 5% atau lebih saham dalam bank, bank pelaburan, syarikat insurans, bank Islam dan pengendali takaful, yang masing-masing dilesenkan di bawah FSA dan IFSA. Dasar ini berkuat kuasa pada 8 Oktober 2014.

